PENGALAMAN KELANGSUNGAN HIDUP WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH

NORSAFATUL AZNIN BINTI A. RAZAK

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR

University of Malaya

PENGALAMAN KELANGSUNGAN HIDUP WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH

NORSAFATUL AZNIN BINTI A.RAZAK

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama:Norsafatul Aznin binti A. Razak

No. Pendaftaran/Matrik: PHB100005

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Pengalaman Kelangsungan Hidup Wanita Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

Bidang Penyelidikan: Kaunseling

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telahdilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalamhakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya,saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama:

Jawatan:

University of Malaya

ABSTRACT

THE EXPERIENCES OF WOMEN'S SURVIVAL IN LONG DISTANCE MARRIAGES

This study was conducted to explore in depth about the experiences of women's survival in long-distance marriages. Seven women in such marriages were interviewed using a transcendental-phenomenological qualitative design. Data were collected using semi-structured interviews with each participants interviewed three times. A total of 21 interview sessions were obtained with each interview lasting between 40 to 90 minutes. Data analysis was done using the phenomenological method assisted by software of Atlas.ti. version 7 . The issues of validity and reliability were obtained through Audit Trail, detailed description and member checking processes.

The study revealed seven major themes that represent the essence of the experiences of women's survival in long distance marriages. These seven themes of women's survival experiences are divided into four main stages of long distance marriages. The first theme is related to "contributing factor" representing the planning stage. These contributory factors are like economic, family, career and environmental factors. The second theme called "reunion-separation cycle" which is related to psychological responses. Then, the third theme which is "dynamic of relationship" that includes nuclear and multigenerational relationships, and the fourth theme of "family system" which refers to the child and the family included in the exploration and preparation stage. Next, the fifth theme called "survival mechanism" which lead to intrinsic and extrinsic mechanism, the sixth theme called "support system" that involved family members and non-family members supports, and the "development of resilience"

University of Malaya

theme representing the implementation and development stage in long distance marriages.

Overall, the stages in the cycle of long distance marriage that became the essence of the experience of the women's survival are linked and interrelated to one another. So, the outcome of this study could assist the practitioners of counseling to understand deeper and provide a new paradigm about the meaning of survival experiences of women in long distance marriages. Furthermore, from the data obtained, this study discussed implications on the couples and family counselors in planning and implementing the most appropriate interventions to cope with the issues of long distance marriages counseling. The implication on socialization is also obtained through planning of the implementation of pre-marriage and parenting modules for individuals and couples who are involved in long-distance marriages. Because the study is conducted on Malay women only, future research can explore in more detail about the husband and children's perspectives from various cultural backgrounds. Finally, the result of this study also discovered the emergence of a new theme that is the spiritual aspect which plays an important role in long-distance marriage. Thus, in depth exploration of this aspect is something that can be taken up by future researchers.

University of Malaya

ABSTRAK

PENGALAMAN KELANGSUNGAN HIDUP WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka secara mendalam pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh.Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif fenomenologi-transendental yang melibatkan tujuh orang wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Data dipungut melalui rangkuman 21 sesi temubual separa berstruktur melalui tiga siri temubual di mana setiap sesi mengambil masa selama 40 minit hingga 90 minit bagi setiap sesi. Data dianalisis menggunakan kaedah fenomenologi dibantu oleh perisian Atlas.ti versi 7.Isu kesahan dan kebolehpercayaan data dicapai dengan menggunakan jejak audit, deskripsi terperinci tentang kajian dan semakan rakan.

Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh tema utama yang mewakili intipati pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh secara keseluruhan.Kesemua tujuh tema pengalaman kelangsungan hidup wanita dibahagikan kepada empat peringkat utama dalam perkahwinan jarak jauh.Tema pertama yang menjurus kepada “faktor penyumbang” seperti faktor ekonomi, keluarga, kerjaya dan persekitaran menjadi tema yang termasuk dalam peringkat perancangan. Tema kedua iaitu “kitaran pertemuan-perpisahan” yang melibatkan aspek reaksi psikologikal, tema ketiga iaitu “dinamik perhubungan” yang merangkumi perhubungan nuklear dan multigenerasi, dan tema keempat iaitu “sistem kekeluargaan” yang merujuk kepada subsistem anak dan subsistem keluarga pula termasuk dalam peringkat penerokaan dan persediaan. Seterusnya, tema kelima iaitu “mekanisma kelangsungan” yang menjurus kepada mekanisma intrinsik dan ekstrinsik, tema keenam iaitu “sistem sokongan” yang melibatkan sokongan ahli keluarga dan bukan ahli keluarga, dan tema ketujuh iaitu

University of Malaya

“perkembangan resiliens” pula termasuk dalam peringkat pelaksanaan dan pengembangan dalam perkahwinan jarak jauh.

Secara keseluruhannya, peringkat dalam kitaran perkahwinan jarak jauh yang menjadi intipati pengalaman kelangsungan hidup wanita adalah berkait dan saling bergantung antara satu sama lain. Maklumat yang diperolehi dari hasil kajian ini dapat membantu pengamal kaunseling menambah pemahaman dan memberi paradigma baru yang lebih mendalam mengenai pengalaman kelangsungan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Hasil kajian ini turut memberi implikasi ke atas amalan kaunseling pasangan dan keluarga di mana maklumat dari dapatan data membantu pengamal kaunseling merancang dan melaksanakan intervensi yang sesuai dalam menjalankan kaunseling perkahwinan jarak jauh. Tidak ketinggalan, implikasi ke atas sosialisasi turut diperoleh melalui cadangan pelaksanaan modul pra-perkahwinan dan modul keibubapaan bagi individu dan pasangan yang sedang melalui tempoh perkahwinan jarak jauh. Oleh kerana kajian yang dijalankan hanya berfokus kepada golongan wanita Melayu, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan untuk meneroka perspektif suami dan anak-anak yang dari pelbagai latar belakang budaya yang melalui pengalaman perkahwinan jarak jauh. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kemunculan tema baru seperti pendekatan spriritual yang memainkan peranan penting dalam perkahwinan jarak jauh. Justeru, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan untuk meneroka aspek ini dengan lebih lanjut.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha mengasihani, Selawat dan Salam buat Junjungan tercinta, Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillaahirabbil ‘Aalamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya jualah penyelidik dapat menyelesaikan penulisan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dikalungkan buat Dr. Melati binti Sumari selaku penyelia utama dibantu oleh Dr. Sharil Jamaludin sebagai penyelia bersama atas segala bimbingan maklumat dan masa yang telah dluangkan dalam proses penghasilan tesis ini. Cetusan semangat, berkat kesabaran, selain seliaan dan pembacaan yang teliti yang ditunjukkan oleh penyelia-penyelia, serta maklumbalas secara telus daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini.

Sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih turut didedikasi khas buat suami tercinta.yang selama ini menjadi tulang belakang sepanjang penyelidik menghabiskan masa untuk menghasilkan penulisan tesis ini. Sebagai seorang suami yang sangat memahami perit jerih isteri mengharungi cabaran bergelar mahasiswa, penyelidik sangat bersyukur kerana diberi pasangan yang sentiasa memberi peransang, kata-kata semangat dan tidak jemu memantau perkembangan sekaligus tidak pernah mempersoalkan kekurangan penyelidik untuk menguruskan hal-hal rumahtangga semasa kesibukan untuk melunaskan tanggungjawab untuk menghasilan penulisan tesis yang sangat bermakna ini. Tanpa zaujah di sisi, mungkin diriku masih belum mampu bangkit tatkala pernah tersungkur suatu ketika dahulu.

Tidak ketinggalan, rangkuman penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada emak, ayah ,ahli keluarga, adik beradik, dan keluarga mertua yang turut menyumbang peranan yang signifikan dalam penghasilan tesis ini. Bantuan dalam bentuk sokongan

University of Malaya

moral, masa, tenaga dan bantuan kewangan malah buah fikiran mampu menyuntik semangat untuk terus berjuang hingga ke keringat terakhir untuk menyelesaikan penulisan tesis ini. Pertolongan tidak berbelah bahagi yang dihulurkan ternyata tidak mampu dibalas dengan material dan hanya Allah dapat membalas segala kebaikan dan pengorbanan yang telah disalurkan sepanjang proses penghasilan tesis ini.

Sesungguhnya lembaran suka duka dalam menterjemahkan pengalaman kelangsungan hidup wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh ini tidak dapat direalisasikan tanpa bantuan dari pihak yang menyumbang peranan secara langsung dan tidak langsung.

Jutaan terima kasih kepada peserta kajian yang memberi kerjasama total dalam menyampaikan maklumat yang dikehendaki dibantu oleh rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama meneliti dan memberi buah fikiran dalam memurnikan lagi penulisan tesis ini. Tidak dilupakan, para pensyarah dalam bidang kaunseling, penyelidikan kualitatif dan pihak pengurusan Fakulti mahupun Universiti Malaya yang menjadi bahan rujukan semasa penyelidik buntu dan memerlukan medium untuk mendapat celik akal bagi menghasilkan penulisan tesis yang bermutu. Akhir kata:

Jika ada sumur di ladang,

Takkan ku mandi di kolam renang,

Jasa kalian tetap ku kunang,

Tanpamu,tesis ini pasti pincang.

Terima kasih Daun Keladi..

University of Malaya

ISI KANDUNGAN

ABSTRACT iii

ABSTRAK v

PENGHARGAAN vii

ISI KANDUNGAN ix

SENARAI JADUAL xvii

SENARAI ILUSTRASI xx

SENARAI LAMPIRAN xxii

BAB 1: PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Tujuan Kajian 12

1.5 Soalan Kajian 13

1.6 Signifikan Kajian 13

1.7 Kerangka Teori

1.7.1 Teori Pertautan *(attachment theory)* 15

1.7.2 Teori Struktur Keluarga 18

University of Malaya

1.8 Kerangka Konseptual 21

1.9 Definisi Operasi

1.9.1 Kelangsungan hidup 23

1.9.2 Perkahwinan Jarak Jauh 24

1.10 Delimitasi Kajian 24

1.11 Limitasi Kajian 25

1.12 Rumusan dan Kesimpulan 26

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 27

2.2 Konsep Perkahwinan Jarak Jauh 28

2.3 Perkahwinan Jarak Jauh Dari Perspektif Teori Pertautan 32

2.4 Teori Pertautan Dalam Golongan Orang Dewasa 34

2.4.1 Pengekalan Untuk Menjamin Kedekatan (*Proximity Maintenance*) 36

2.4.2 Bantahan Akibat Perpisahan (*Separation Protest)* 37

2.4.3 Hubungkait Dengan Sistem Tingkahlaku Lain 39

2.5 Rumusan Mengenai Proses Pertautan Dalam Perhubungan Jarak Jauh 40

2.6 Perkahwinan Jarak Jauh Dari Perspektif Teori Struktural Keluarga 41

2.6.1 Sempadan Luar 45

2.6.2 Sempadan Dalam 48

University of Malaya

2.6.3 Peranan 49

2.6.4 Peraturan Keluarga 49

2.6.5 Penyebaran Kuasa 51

2.6.6 *Feedback Lopps* 51

2.6.7 Komunikasi 53

2.7 Implikasi Teori Pertautan Dan Teori Struktural Keluarga Dalam Kaunseling dan Penyelidikan 54

2.8 Kajian Mengenai Perkahwinan Jarak Jauh Yang Romantik 56

2.8.1 Kualiti Perhubungan Dan Kestabilan Perhubungan 56

2.8.2 Tingkahlaku Interpersonal 58

2.8.3 Kognisi dan persepsi perhubungan 59

2.8.4 Ketidakpastian Hubungan 60

2.8.5 Komunikasi 61

2.8.6 Keintiman 63

2.8.7 Komitmen 65

2.8.8 Kemahiran Mengatasi 66

2.9 Isu dan Jurang yang Timbul 68

2.10 Kesimpulan 69

University of Malaya

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 71

3.2 Reka Bentuk Kajian 71

3.3 Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Kajian 72

3.4 Komponen dan Proses Utama Pendekatan Fenomenologi 75

3.4.1 *Epoche* 76

3.4.2 *Bracketing* 76

3.4.3 *Intentionality* 77

3.4.4 *Intuition* 78

3.4.5 Noema dan Noesis 78

3.4.6 *Intersubjectivity* 79

3.4.7 Reduksi Fenomenologi 80

3.4.8 *Horizonalization* 80

3.4.9 Variasi Imaginatif 81

3.4.10 Sintesis Struktural Komposit 81

3.5 Persampelan 82

3.5.1 Pungutan Data Fasa 1 85

3.6 Kajian Awal (*Feasibility Study*) 88

3.7 Kaedah Pengumpulan Data 89

3.7.1 Temubual 90

University of Malaya

3.7.1.1 Siri Temubual Pertama 92

3.7.1.2 Siri Temubual Kedua 92

3.7.1.3 Siri Temubual Ketiga 93

3.7.2 Penggunaan Dokumen Visual 95

3.7.3 Tempoh Kutipan data 97

3.8 Peranan Pengkaji 98

3.9 Analisis Data 99

3.9.1 Langkah dalam analisis data 99

3.9.2 Proses Koding 104

3.9.3 Visual Pemetaan Pengalaman 109

3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan 110

3.10.1 Kredibiliti *(Credibility)* 111

3.10.1.1 Triangulasi 111

3.10.1.2 Perhubungan Berterusan dan Berpanjangan 112

3.10.2 Kebolehpindahan *(Transferability)* 113

3.10.2 Kebolehpercayaan *(Dependability)* 114

3.10.3 *Confirmability* 114

3.10.4.1 Penerangan Terperinci Mengenai Metod Kajian 115

3.10.4.2 Jejak Audit *(Audit Trail)* 115

3.11 Pertimbangan Etika Dalam Kajian 116

University of Malaya

3.12 Rumusan Dan Kesimpulan 120

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 122

4.2 Struktur Pengalaman Siri 1 123

4.2.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 01 (PK01) 123

4.3 Deskripsi Tekstural & Struktural Peserta Kajian 128

4.3.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural Individu Peserta Kajian 01 128

Peserta Kajian 0 2

4.4.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 2 (PK02) 145

4.4.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural (PK02) 149

Peserta Kajian 3

4.5.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 03 (PK03) 169

4.5.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural Peserta Kajian 03 (PK03) 175

Peserta Kajian 4

4.6.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 04 (PK04) 200

4.6.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural 205

Peserta Kajian 5

4.7.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 5 (PK05) 228

4.7.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural Peserta Kajian 05 (PK05) 232

University of Malaya

Peserta Kajian 6

4.8.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 06 (PK06) 250

4.8.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural Peserta Kajian 06 (PK06) 255

Peserta Kajian 7

4.9.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 07 (PK07) 274

4.9.2 Deskripsi Tekstural & Strukstural PK07 280

4.10 Komposit Tekstural & Struktural Peserta Kajian (Tema-tema& Subtema) 298

4.10.1 Faktor Penyumbang 300

4.10.2 Kitaran Pertemuan & Perpisahan 310

4.10.3 Dinamik Perhubungan 338

4.10.4 Sistem Kekeluargaan 344

4.10.5 Sistem Sokongan 355

4.10.6 Mekanisma Kelangsungan hidup 358

4.10.7 Pembangunan Resiliens 365

4.11 Intipati Pengalaman Survival Individu Dalam Perkahwinan Jarak Jauh 372

4.12 Peringkat/Kitaran Perkahwinan Jarak Jauh 374

4.12.1 Peringkat Pengumpulan 374

4.12.2 Peringkat Penerokaan dan Persediaan 375

4.12.3 Peringkat Perlaksanaan dan Pengembangan 377

4.12.4 Peringkat Penyempurnaan 378

University of Malaya

4.13 Kesimpulan 379

BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN & PENUTUP

5.1 Pendahuluan 380

5.2 Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian 380

5.2.1 Faktor-faktor Penyumbang 381

5.2.2 Kitaran Pertemuan &Perpisahan 382

5.2.3 Dinamik Perhubungan 388

5.2.4 Sistem Kekeluargaan 390

5.2.5 Sistem Sokongan 394

5.2.6 Mekanisma kelangsungan 396

5.3 Implikasi Dapatan Kajian 398

5.3.1 Implikasi Ke Atas Ilmu Pengetahuan 399

5.3.2 Implikasi Ke Atas Amalan Kaunseling Keluarga 401

5.3.3 Implikasi Ke Atas Metodologi Kajian 404

5.3.4 Impikasi Ke Atas Sosiolisasi dan Ekuiti 406

5.4 Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang 407

5.5 Refleksi Penyelidik 409

5.6 Kesimpulan 411

RUJUKAN 412

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Peratusan Kegagalan Perhubungan	3
Jadual 1.2:	Rumusan Kerangka Teoritikal Dalam Aplikasi Perkahwinan Jarak Jauh	21
Jadual 3.1:	Latar Belakang Demografi Peserta Kajian	88
Jadual 3.2:	Tarikh Pungutan Data Secara Keseluruhan	98
Jadual 3.3:	Contoh Tema dan Definisi pengalaman	102
Jadual 3.4:	Pemurnian koding	105
Jadual 3.5:	Terminologi Kesahan dan Kebolehpercayaan	111
Jadual 4.1:	Reaksi Emosi Peserta Kajian 01	130
Jadual 4.2:	Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 01	132
Jadual 4.3:	Reaksi Kognitif Peserta Kajian 01	135
Jadual 4.4:	Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 01	137
Jadual 4.5:	Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 01	139
Jadual 4.6:	Sumber Sokongan Peserta Kajian 01	141
Jadual 4.7:	Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 01	142
Jadual 4.8:	Pembangunan Karakter Diri Peserta Kajian 01	143
Jadual 4.9:	Reaksi Afektif Peserta Kajian 02	150
Jadual 4.10:	Reaksi Tingkah Laku Kajian 02	152
Jadual 4.11:	Reaksi Kognitif Peserta Kajian 02	156
Jadual 4.12:	Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 02	161
Jadual 4.13:	Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 02	163
Jadual 4.14:	Sumber Sokongan Peserta Kajian 02	165
Jadual 4.15:	Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 02	166
Jadual 4.16:	Pembentukan Resiliens Peserta Kajian 02	168
Jadual 4.17:	Reaksi Emosi Peserta Kajian 03	176

University of Malaya

Jadual 4.18: Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 03 179
Jadual 4.19: Reaksi Kognitif Peserta Kajian 03 183
Jadual 4.20: Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 03 186
Jadual 4.21: Sistem Keluarga Peserta Kajian 03 189
Jadual 4.22: Sumber Sokongan Peserta Kajian 03 192
Jadual 4.23: Langkah Mengatasi Peserta Kajian 03 194
Jadual 4.24: Pembangunan Resiliens Diri Peserta Kajian 03 198
Jadual 4.25: Reaksi Emosi Peserta Kajian 04 206
Jadual 4.26: Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 04 207
Jadual 4.27: Reaksi Kognitif Peserta Kajian 04 211
Jadual 4.28: Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 04 213
Jadual 4.29: Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 04 216
Jadual 4.30: Sumber Sokongan Peserta Kajian 04 220
Jadual 4.31: Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 04 222
Jadual 4.32: Pembangunan Resiliens Peserta Kajian 04 225
Jadual 4.33: Reaksi Emosi Peserta Kajian 05 233
Jadual 4.34: Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 05 235
Jadual 4.35: Reaksi Kognitif Peserta Kajian 05 238
Jadual 4.36: Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 05 240
Jadual 4.37: Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 05 242
Jadual 4.38: Sumber Sokongan Peserta Kajian 05 245
Jadual 4.39: Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 05 247
Jadual 4.40: Pembentukan Resiliens Peserta Kajian 05 249
Jadual 4.41: Reaksi Emosi Peserta Kajian 06 256
Jadual 4.42: Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 06 257
Jadual 4.43: Reaksi Kognitif Peserta Kajian 06 260

University of Malaya

Jadual 4.44: Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 06 263

Jadual 4.45: Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 06 265

Jadual 4.46: Sumber Sokongan Peserta Kajian 06 268

Jadual 4.47: Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 06 271

Jadual 4.48: Pembentukan Resiliens Peserta Kajian 06 272

Jadual 4.49: Reaksi Afektif Peserta Kajian 07 281

Jadual 4.50: Reaksi Tingkah Laku Peserta Kajian 07 283

Jadual 4.51: Reaksi Kognitif Peserta Kajian 07 285

Jadual 4.52 Dinamik Perhubungan Peserta Kajian 07 288

Jadual 4.53: Sistem Kekeluargaan Peserta Kajian 07 291

Jadual 4.54: Sumber Sokongan Peserta Kajian 07 293

Jadual 4.55: Mekanisma Kelangsungan Peserta Kajian 07 295

Jadual 4.56: Pembentukan Jati Diri Peserta Kajian 07 297

Jadual 4.57: Tema 1 - Faktor Penyumbang 309

Jadual 4.58: Tema 2 - Kitaran Pertemuan-Perpisahan 337

Jadual 4.59: Tema 3 - Dinamik Perhubungan 344

Jadual 4.60: Tema 4 - Sistem Kekeluargaan 354

Jadual 4.61: Tema 5 - Sistem Sokongan 358

Jadual 4.62: Tema 6 – Mekanisma Kelangsungan 365

Jadual 4.63: Tema 7 - Pembentukan Resiliens 372

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Komponen Utama Teori Pertautan	16
Rajah 1.2:	Rumusan Teori Struktural Keluarga	18
Rajah 1.3:	Kerangka Konseptual Kajian	22
Rajah 2.1:	Komponen Dalam Teori Struktural Keluarga	44
Rajah 3.1:	Komponen dan Proses Utama Pendekatan Fenomenologi	75
Rajah 3.2	Analisis Data (Moustakes, 1994)	100
Rajah 3.3:	Aliran Penghasilan koding kepada tema	106
Rajah 3.4:	Koding Data melalui Atlas.ti	107
Rajah 3.5:	Jaringan koding dan tema	108
Rajah 4.1:	Struktur Pengalaman Hidup Siri 1 Peserta Kajian 01	127
Rajah 4.2:	Deskripsi Tesktural dan Struktural Peserta Kajian 01	129
Rajah 4.3:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 01	136
Rajah 4.4:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 01	144
Rajah 4.5:	Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 01	148
Rajah 4.6:	Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian 02	149
Rajah 4.7:	Dokumen Visual Peserta Kajian 02	150
Rajah 4.8:	Terjemahan Makna Frasa PJJ Peserta Kajian 02	157
Rajah 4.9:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 02	159
Rajah 4.10:	Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 03	174
Rajah 4.11:	Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian 03	175
Rajah 4.12:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 03	177
Rajah 4.13:	Terjemahan MaknaFrasa PJJ Peserta Kajian 03	182
Rajah 4.14:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 03	185
Rajah 4.15:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 03	195
Rajah 4.16:	Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 04	204

University of Malaya

Rajah 4.17:	Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian 04	205
Rajah 4.18:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 04	214
Rajah 4.19:	Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 05	231
Rajah 4.20:	Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian 05	232
Rajah 4.21:	Lirik lagu Pilihan Peserta Kajian 05	234
Rajah 4.22:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 05	239
Rajah 4.23:	Struktur Pengalaman Siri 1Peserta Kajian 06	254
Rajah 4.24:	Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian 06	259
Rajah 4.26:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 06	262
Rajah 4.27:	Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 07	279
Rajah 4.28:	Deskripsi Terstural dan Struktural Peserta Kajian 07	280
Rajah 4.29:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 07	282
Rajah 4.30:	Dokumen Visual Pilihan Peserta Kajian 07	285
Rajah 4.31:	Komposit Tekstural dan Struktural Pengalaman Kelangsungan Wanita Dalam Perkahwinan Jarak Jauh	299
Rajah 4.32:	Tema 1 - Faktor Penyumbang	300
Rajah 4.33:	Tema 2 - Kitaran Pertemuan-Perpisahan	310
Rajah 4.34:	Tema 3 - Dinamik Perhubungan	338
Rajah 4.35:	Tema 4 - Sistem Kekeluargaan	345
Rajah 4.37:	Tema 5 - Sistem Sokongan	355
Rajah 4.38:	Tema 6 – Mekanisma kelangsungan	359
Rajah 4.45:	Tema 7 - Pembentukan Resiliens	366
Rajah 4.46:	Model Intipati Makna Pengalaman Wanita Dalam Perkahwinan Jarak Jauh	373

University of Malaya

SENARAI APENDIKS

Apendiks 1:	Persetujuan Termaklum	439
Apendiks 2:	Protokol Temubual	440
Apendiks 3:	Dokumen Visual Yang Diberikan Kepada Peserta Kajian	445
Apendiks 4:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 01	446
Apendiks 5:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 02	447
Apendiks 6:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 03	448
Apendiks 7:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 04	449
Apendiks 8:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 05	450
Apendiks 9:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 06	451
Apendiks 10:	Dokumen visual (PJJ) Peserta Kajian 07	452

University of Malaya

BAB 1:

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, signifikan kajian, kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian dan kerangka konseptual yang mendasari kajian. Bab ini juga memberi pendedahan mengenai definisi operasi yang digunakan dalam proses pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji. Malah, delimitasi dan limitasi kajian turut dibincangkan dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Arus kemodenan dan perubahan sosio-ekonomi yang baru muncul telah membentuk dinamik keluarga yang pelbagai di mana hampir 50 peratus golongan wanita yang terlibat dalam tenaga kerja sepenuh masa daripada (Kiger & Riley, 2000). Lelaki dan wanita telah kelihatan berusaha untuk mendapatkan status, berdikari, pengalaman kejayaan, dan mengekalkan taraf hidup yang lebih tinggi (Lingren, 1998). Justeru, bagi memenuhi tuntutan tersebut, pasangan suami isteri memilih untuk tinggal berjauhan.

Berikutan daripada situasi tersebut, perhubungan jarak jauh dilihat yang semakin berkembang dan meningkat khususnya kepada pasangan yang belum berkahwin di seting universiti mahupun pasangan yang sudah berumahtangga (Aylor, 2003; Stafford, 2005). Malah, pendedahan Guldner (2003) yang turut menyatakan bahawa hubungan jarak jauh yang melibatkan pasangan yang belum berkahwin dan yang telah berkahwin merupakan sesuatu bentuk ikatan perhubungan yang semakin biasa dalam masyarakat,

University of Malaya

perkembangan ini telahpun menjadi satu asas kepada para pengkaji uutuk memberi fokus kepada proses dan dinamik dalam perhubungan yang terjalin (Aylor, 2003; Stafford, 2004, 2005).

Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat (2003,2010) turut mendedahkan bahawa peningkatan struktur keluarga dalam perkahwinan jarak jauh yang semakin mendominasi model kekeluargaan konvensional menjadi satu fenomena yang perlu diberi perhatian memandangkan peningkatan pasangan yang menjalani kehidupan sebagai satu keluarga besar secara 'mingguan'. Pendedahan ini sekaligus menyokong statistik yang mendedahkan kira-kira sebanyak 25 peratus populasi di Lembah Klang terlibat dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh (Siaw Yan Li, 2015).

Meskipun statistik yang dikeluarkan oleh *Centre of Long Distance Relationship* (LDR) pada tahun 2005 menunjukkan seramai hampir 350,000 individu terlibat dengan perhubungan jarak jauh yang terdiri dari pasangan remaja yang menuntut di kolej dan pasangan yang sudah berumahtangga, jangkaan peningkatan bilangan pada setiap tahun tidak membuktikan bahawa hubungan ini mudah dan menjadi sesuatu yang diimpikan oleh pasangan. Ini adalah berikutan kepelbagaian pengaturan dalam hubungan seperti ini akan diwujudkan. Setiap kali perpisahan berlaku, individu selalunya mengalami beban kewangan dalam proses ulang-alik dan bergelut untuk mengekalkan keintiman.

Jika diteliti, Statistik dari Pusat Kajian Perhubungan Jarak Jauh *(Centre for the Study of LDR*) pada tahun 2008 pula mendedahkan perbandingan antara hubungan proksimal (berdekatan) dan hubungan jarak jauh yang merangkumi pasangan yang belum berkahwin dan telah berumahtangga menunjukkan bahawa penamatan perhubungan dalam hubungan jarak jauh berdasarkan tempoh-tempoh tertentu dilihat lebih tinggi pada peringkat awal perhubungan iaitu pada enam bulan pertama

perhubungan dan semakin menurun apabila memasuki tahun pertama. Butiran statistik adalah seperti dalam Jadual 1.1 seperti berikut:

Jadual 1.1: Statistik Kegagalan Perhubungan *Sumber : Centre for the Study of Long Distance Relationship (LDR)*

Tempoh Perhubungan	Jenis perhubungan Jarak jauh (%)	Proksimal (%)
Awal bulan pertama	27	30
Tiga bulan pertama	37	21
Enam bulan pertama	42	35
Lapan bulan pertama	11	23
Satu tahun	8	25

Penurunan peratusan penamatan perhubungan dalam hubungan jarak jauh apabila memasuki tahun pertama menunjukkan pasangan mampu mengekalkan perhubungan walaupun terpisah oleh jarak. Oleh yang demikian, apakah yang mendorong perkahwinan jarak jauh untuk terus bertahan ?

Dapatan dari statistik tersebut dilihat selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Stafford (2006) yang mendapati bahawa sebanyak 1/3 individu dalam perhubungan jarak jauh menemui kegagalan hubungan selepas transisi ke arah jarak yang dekat bersama pasangan. Dalam kajiannya menyatakan bahawa pertautan antara pasangan mahupun anak-anak dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh ini bersangkut-paut dengan kestabilan perhubungan, khususnya semasa transisi daripada perhubungan jarak jauh menuju ke jarak yang berdekatan. Persoalannya, adakah jarak yang berjauhan antara pasangan boleh menjadi faktor kelangsungan perhubungan antara pasangan yang berkahwin?

Secara keseluruhannya, penyelidik sebelum ini memberi gambaran yang berbeza mengenai perhubungan jarak jauh dalam kalangan pasangan yang berkahwin. Jarak fizikal yang jauh boleh bersifat berbelah bahagi, khususnya kepada perhubungan romantik termasuklah perhubungan dalam perkahwinan. Ini kerana dari satu sudut,

University of Malaya

tinggal berasingan boleh menimbulkan suasana tekanan khususnya mereka yang memiliki anak dan rasa kesunyian terhadap pasangan yang ditinggalkan (Guldner, 1996) dan menyebabkan tahap kepuasan yang menurun dalam perhubungan (Van Horn, 1997) serta tahap kestabilan yang tidak menentu dalam hubungan kekeluargaan (Lydon, Pierce & Regan, 1997).

Malah, Holmes (2004) dalam kajiannya menegaskan bahawa selain pertimbangan ekonomi yang mendesak wujudnya perkahwinan jarak jauh, manfaat atau kos tinggi yang terlibat dalam perhubungan ini dilihat menjadi masalah, dan boleh dikatakan dalam kebanyakan kes, perhubungan yang melibatkan perkahwinan jarak jauh ini menjadi satu pengalaman yang berbelah bahagi. Ini termasuklah rungutan akibat rasa terasing, tiada perhubungan antara pasangan, dan harapan yang tinggi untuk menghabiskan masa bersama yang akhirnya memberi kesan kepada psikologi individu yang ditinggalkan tetapi pada masa yang sama turut melibatkan peningkatan komunikasi dalam kalangan pasangan yang terlibat.

Bagaimanapun, dari sudut yang lain, pemisahan jarak kadang- kadang boleh bertindak sebagai satu peluang untuk memberi kebebasan dan autonomi kepada pasangan (Sahlstein, 2004; Stafford, Merolla & Castle, 2006) dan melibatkan pencapaian tahap keyakinan, konsep kendiri dan kepuasan dalam diri individu (Chang & Browder-Wood, 1996; Groves & Horm-Wingerd, 1991). Malah, Dainton & Aylor (2001) juga mendapati bahawa walaupun pasangan samada tidak berkahwin mahupun yang sudah berkahwin yang berada dalam perhubungan jarak jauh mempunyai peluang yang terhad untuk berinteraksi secara bersemuka, namun mereka kurang mengalami rasa ketidakpastian dan perasaan cemburu berbanding dengan pasangan yang tinggal berdekatan.

University of Malaya

Secara teoritikalnya, dalam Teori Pertautan *(attachment theory)*, Bowlby (1979) berpendapat bahawa setiap perkembangan kehidupan yang dilalui oleh individu, pertautan yang tidak dapat dicapai akan mencetuskan reaksi emosi yang sama. Walaupun secara kognitifnya pasangan menyedari bahawa ketiadaan pasangannya adalah bersifat sementara, pasangan perkahwinan yang mengalami perhubungan jarak jauh ini akan memberi tindak balas terhadap perpisahan tersebut dengan mengaktifkan sistem pertautan dan tingkahlaku mencari kedekatan semula bersama pasangan. Bantahan terhadap perpisahan samada sebelum, semasa atau selepas ditinggalkan pasangan disebabkan jarak fizikal yang berjauhan ditonjolkan dari tindakan individu untuk mencari pasangan, percubaan untuk mengekalkan hubungan, dan tindakan kognitif yang mengesahkan bahawa pasangan tidak kembali di sisi untuk satu jangka masa tertentu. Justeru, sebagai pengakuan dan penerimaan secara emosi seseorang individu terhadap kedekatan dan kebolehcapaian fizikal tidak akan dapat dimiliki, akan diterjemahkan oleh individu melalui reaksi termasuklah kesedihan, kerinduan terhadap pasangan dan kesunyian.

Tidak ketinggalan, pendekatan struktur keluarga dalam meneroka fenomena perkahwinan jarak jauh telah membangunkan tapak yang kukuh untuk mengenalpasti dimensi bagi kefungsian sesebuah keluarga termasuk praktis keibubapaan, perhubungan ibubapa-anak melalui gambaran lengkap dalam perkembangan individu dalam konteks keluargayang dipisahkan oleh jarak fizikal. Pemahaman mengenai proses keluarga dalam konteks interaksi antara individu dalam keluarga, penjelasan mengenai pengaruh keluarga yang mengalami situasi dalam perkahwinan jarak jauh mempengaruhi pola interaksi keluarga secara keseluruhan.

Konsensusnya, kajian mengenai perhubungan jarak jauh dalam kalangan pasangan yang berkahwin dalam apa jua terma yang dinyatatakan oleh penyelidik dapat membantu mendalami dan menilai mengenai takat atau sejauhmana hubungan secara

University of Malaya

tradisi dalam perkahwinan menjadi kurang dominan dalam kehidupan alaf ke-21. Ini kerana hubungan jarak jauh merupakan satu eksperimen kehidupan (Weeks, Heaphy & Donovan, 2001) yang menyatakan bahawa individu perlu kreatif dalam mencipta ikatan dengan individu lain dan tidak terlalu mengikut pelan tindakan secara tradisional (Budgeon & Roseneil, 2004; Weston, 1991). Walaupun perkembangan telekomunikasi membawa kepada kemungkinan baru dalam membina dan mengekalkan hubungan yang dipisahkan oleh jarak (Baldassar, Baldock & Wilding, 2007; Holland, 2008; Wilding, 2006), namun penerokaan mengenai kerumitan perhubungan dalam konteks kolektivism, globalisasi, dan pelbagai aspek yang merangkumi pengalaman kelangsungan hidup pasangan untuk menyatakan kasih sayang dan mengekalkan perkahwinan masing-masing perlu mendapat pertimbangan sewajarnya.

Secara keseluruhannya, makna yang diterjemahkan secara mendalam mengenai kelangsungan hidup pasangan yang tinggal berasingan akibat perkahwinan jarak jauh perlu diteroka dalam usaha untuk memahami fenomena yang terlibat semasa tempoh perpisahan dan pertemuan antara pasangan dan anak-anak yang terlibat dalam fenomena ini untuk memenuhi tuntutan melebarluaskan konteks sistem kekeluargaan yang lebih kontemporari menjelang alaf ke -21.

1.3 Penyataan Masalah

Kemunculan ekonomi global yang kian meningkat merentasi masa dan jarak menggalakkan perubahan struktur keluarga dan kehidupan kerja yang berubah dengan drastik khususnya dalam perhubungan perkahwinan jarak jauh. Hambatan masa lapang, yang jelas kelihatan dalam kalangan wanita telah muncul hasil dari desakan kerjaya, orientasi jantina, dan peringkat kehidupan pasangan dan keluarga (Moen & Sweet, 2003). Meskipun kemunculan forma keluarga dalam perkahwinan jarak jauh menjadi sesuatu yang semakin biasa dalam masyakarat di Malaysia, struktur dan dinamik

University of Malaya

keluarga sedemikian dilihat sebagai sesuatu yang sangat berbeza dengan model keluarga konvensional yang mempraktikkan peranan suami secara dominan manakal ibu bertindak sebagai pengurus rumahtangga dan tinggal di bawah satu bumbung dalam keluarga nuklear (Abd. Rahim et al, 2006).

Ternyata, proses mengubah cara tradisional dalam perhubungan perkahwinan khususnya bagi perhubungan jarak jauh dilihat sesuatu yang sukar kerana situasi ini melibatkan tekanan, kerisauan dan kualiti hubungan antara individu yang terlibat (Kirschner & Walum, 1978; Kiefer, 2000). Tidak kurang juga kos yang terlibat dalam rutin komunikasi, perjalanan dan pengekalan untuk dua buah isi rumah juga mungkin menjadi isu yang besar dalam perhubungan ini (Weisser, 2006). Pasangan dalam perhubungan jarak jauh turut mendapati bahawa keadaan mereka kurang mengalami tekanan jika kedua-dua pasangan memiliki orientasi kerjaya yang tinggi, suami yang menyokong kerjaya isteri dan jika mereka tidak memiliki cahaya mata, seterusnya jika mereka tidak terlalu jauh terpisah dari sudut geografinya (Green, 1997). Tidak ketinggalan, Sahlstein (2006) menyatakan bahawa individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh terdedah kepada kesulitan perhubungan lantaran perhubungan ini dilihat sukar untuk dikekalkan dan terdedah kepada banyak halangan.

Kajian lalu mendedahkan bahawa individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mentafsirkan perkahwinan mereka sebagai sesuatu yang tidak normal (Bergen, 2006) sekaligus mencabar norma kebiasaan dalam perkahwinan tradisi dan nilai kolektif tradisional. Ini kerana apabila pasangan tinggal berasingan, penilaian umum menjangkakan perhubungan ini akan menjerumuskan pasangan kepada kesukaran dalam perkahwinan yang akan membawa kepada penceraian (Stafford, 2005).

Secara teoritikalnya, perkahwinan jarak jauh yang semakin mempelopori formasi keluarga abad ini turut memberi pengaruh kepada interaksi dalam subsistem

University of Malaya

keluarga seperti anak-anak. Ini jika anak-anak terlibat dalam perhubungan jarak jauh dalam kalangan pasangan yang berkahwin, kualiti penjagaan dan pengurusan anak-anak turut menjadi isu utama. Ini kerana Holmes (2004, 2006) menyatakan bahawa jarak yang terpisah antara kedua-dua kediaman akan menimbulkan suasana sosial yang baru yang mungkin akan mempengaruhi perkembangan anak-anak.

Tidak ketinggalan, Jackson (2000) mendedahkan bahawa keperitan emosi dalam kalangan ibubapa, rasa bersalah dan kerisauan disebabkan kekurangan penglibatan ibubapa ke dalam kehidupan anak-anak dan perhubungan jarak jauh yang dialami oleh keluarga mendorong perasaan yang tertekan dalam kalangan anak-anak. Malah, Kobak (1999) menunjukkan bahawa potensi pertautan dalam perhubungan jarak jauh dengan mudahnya akan mengecam perasaan tidak selamat dalam diri anak-anak dan bersangkut-paut dengan patologi pada kehidupan akan datang.

Menyentuh isu pasangan yang memiliki anak dalam keluarga, kajian mengenai isu ini tidak diselami secara menyeluruh oleh penyelidik terdahulu. Ini kerana Samsilah (2013) mendedahkan bahawa meskipun perkahwinan jarak jauh ini kian berkembang di Malaysia, namun kesan keluarga yang terlibat dalam formasi perhubungan jarak jauh untuk mengekalkan keharmonian dan keseimbangan tidak dapat diperdebatkan dengan mendalam kerana kajian mengenai fenomena ini masih kurang dijalankan dalam konteks Malaysia. Malah, Norlila (2011) turut mengupas isu yang sama di mana kajian pertama yang telah dijalankan oleh beliau di Malaysia tentang kesan kehidupan dalam keluarga yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh ke atas psikososial dan penjagaan anak. Ternyata, isu yang menjadi pergelutan termasuklah tekanan, tindakan agresif, somatik dalam kalangan anak-anak (Siaw Yan Li, 2014)

Lebih membimbangkan, pemisahan antara pasangan boleh mencipta satu halangan besar untuk membina keluarga yang berdaya tahan, berjati diri dan kukuh

University of Malaya

lantaran kekangan terhadap masa yang perlu dihabiskan bersama pasangan dan keluarga (Zvonkovic, 2000) di mana pembinaan hubungan yang sejahtera menjadi sukar apabila keluarga tinggal berasingan malah hubungan intim dan mesra antara suami-isteri dilihat menjadi satu halangan yang hebat dan pasangan perlu memiliki identiti yang kuat, menerima ketiadaan pasangan dan menumpukan masa untuk membina keintiman sewaktu proses pertemuan berlaku dalam perhubungan perkahwinan jarak jauh (Zvonkovic, 2000).

Menyedari akan kepentingan pembinaan perhubungan keluarga yang sihat, sejahtera dan berjati diri khususnya kepada mereka yang tinggal berasingan akibat perhubungan jarak jauh, individu menghabiskan lebih banyak masa untuk mengekalkan sesuatu perhubungan daripada memulakan atau menamatkan perhubungan itu. Selaras dengan kesedaran tersebut, Dindia dan Sommer (2006) menyatakan bahawa kajian mengenai penyelenggaraan hubungan telah mengetengahkan isu-isu mengenai apa yang individu lakukan atau apa yang perlu dilakukan dalam usaha untuk mengekalkan hubungan.

Berikutan dengan permasalahan ini, kepelbagaian jenis perhubungan yang timbul khususnya perhubungan romantik antara pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan telah menerima perhatian yang lebih oleh para penyelidik dalam penerokaan mengenai pengekalan perhubungan yang dialami oleh pasangan. Namun begitu, kajian mengenai perhubungan yang melibatkan jarak antara pasangan banyak memberi penekanan kepada tingkahlaku mengekalkan hubungan dan kualiti perhubungan secara kuantitatif seperti komitmen, kepuasan dan keintiman dalam perhubungan romantik antara pasangan (Shim, 2010). Beberapa kajian telah menyelidik persoalan mengenai aspek komunikasi dan halangan komunikasi dalam perhubungan dan perkahwinan jarak jauh (Scott, 2002) dan Farrell (2010) yang menguji tahap komunikasi dengan kepuasan perkahwinan. Kajian lain juga telah melihat perbezaan antara pasangan jarak jauh dan

University of Malaya

pasangan yang tinggal berdekatan dari aspek komitmen, '*attachment*' dan bersifat menguji hipotesis terhadap pembolehubah tersebut ke atas kepuasan hubungan. (Carole, 2010) dan (Melissa Kauufftan, 2000).

Walaupun timbul kesedaran untuk mengkaji aspek pengekalan perhubungan yang merangkumi sebahagian kecil kelangsungan hidup pasangan perhubungan jarak jauh, majoriti kajian berkenaan hal ini banyak dilaksanakan di negara barat kususnya di Amerika di mana ianya diklasifikasikan sebagai negara yang mengamalkan budaya individualistik yang memberi penekanan hubungan romantik antara pasangan sebagai keterujaan yang romantik, mengamalkan komunikasi yang terbuka dan kesamarataan (egalitarianism). Ketika banyak kajian dilakukan di negara yang diklasifikasikan sebagai negara yang berbudaya individualistik, perbezaan budaya antara individualistik-kolektivistisme mencadangkan bahawa perhubungan peribadi dikendalikan oleh satu set peraturan di mana perspektif kolektivisme terdorong untuk memahami diri sendiri, orang lain dan dunia dari sudut kolektif berbanding individu yang bersifat individualism yang cenderung memahami diri sendiri, orang lain dan dunianya dari perspektif individualistik. Sebagai contoh, pasangan dalam budaya individualistik cenderung kepada kepercayaan terbuka, secara langsung dan ekspresi merupakan elemen penting dalam mengekalkan perkahwinan yang sihat dan bertahan lama. Manakala, pasangan dalam budaya kolektif agak menekankan komunikasi tersirat untuk menjaga keharmonian perkahwinan (Gudykunst & Matsumoto, 1996). Justeru, perbezaan budaya mencadangkan kemungkinan pasangan mempamerkan kepercayaan dan tingkahlaku yang berbeza mengikut acuan budaya masing-masing.

Malah, kajian sedia ada mendedahkan bahawa perhatian yang minimum dan terhad telah ditumpukan terhadap konteks penerokaan fenomenologi pasangan suami isteri yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dan penerokaan mengenai kehidupan secara berasingan dalam kalangan individu yang telah berumahtangga adalah sukar

University of Malaya

untuk diukur secara kuantitatif. Dapatan dari sorotan kajian sebelum ini melalui kajian kuantitatif berskala besar dilihat kurang berjaya untuk melambangkan perhubungan yang kompleks dalam kalangan ahli keluarga dan pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Kebanyakan daripada penyelidikan mengenai perhubungan jarak jauh dalam kalangan pasangan yang belum dan sudah berkahwin mendedahkan bahawa data yang diperoleh adalah dari laporan kendiri (Stafford, 2005) dan metodologi pungutan data dalam kajian yang melibatkan kajian berbentuk survey atau soal selidik kepada responden kajian (Camerlon & Ross, 2007).

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa kajian lampau banyak memberi tumpuan kepada kaedah kuantitatif yang bertindak sebagai alat untuk menguji hipotesis yang dijangkakan oleh penyelidik terdahulu dalam kajian mereka. Kajian berbentuk kualitatif bagaimanapun memberi pandangan terperinci pasangan perkahwinan jarak jauh dalam konteks atau fenomenologikal mereka sendiri yang membolehkan analisis secara kompleks terhadap pelbagai aspek dalam konteks pasangan perkahwinan yang berlainan yang akhirnya membentuk pengalaman dalam perkahwinan jarak jauh.

Konsensusnya, pengalaman pasangan terhadap ‘apa’ dan ‘bagaimana’ mereka melihat isu-isu tersebut harus diterokai secara mendalam. Persepsi, perlakuan dan perasaan mereka harus difahami agar apa-apa yang tersirat dan tersurat di dalam diri mereka dapat dibongkar dan diketahui. Hal ini kerana pemahaman mengenai makna pengalaman yang dilalui oleh pasangan perkahwinan jarak jauh adalah berbeza mengikut konteks masing –masing dan tidak dapat diterjemah melalui aspek kuantitatif semata-mata, sebaliknya memerlukan penerokaan mendalam khususnya menyentuh aspek-aspek sensitif menurut budaya dan kaca mata Malaysia dan memerlukan pemahaman yang tidak bersifat prejudis yang selalu bermain di minda masyarakat bahawa perkahwinan jarak jauh sesuatu yang bermasalah dan tidak akan menemui jalan kebahagian yang hakiki.

University of Malaya

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian fenomenologi ini adalah untuk meneroka dan memahami makna pengalaman kelangsungan hidup bagi pasangan perkahwinan jarak jauh secara mendalam dan holistik dengan menggunakan pendekatan fenomenologi transendental yang akan dihasilkan dalam bentuk terma yang dimaknakan dalam pola fenomenologi. Justeru, kajian fenomenologi yang dijalankan adalah untuk memahami makna mengenai proses kelangsungan hidup yang dilalui wanita dalam perkahwinan jarak jauh ini termasuklah penerokaan mengenai pengalaman yang terlibat dalam tempoh perpisahan dan pertemuan kembali bersama pasangan mahupun anak-anak. dengan mengambil kira perspektif mereka terhadap pengalaman kehidupan mereka bersama keluarga mahupun persekitaran kehidupan mereka .Penerokaan mendalam pengalaman kehidupan mereka dengan faktor-faktor tersebut dalam konteks Malaysia adalah penting bagi beberapa perkara. Pertama, memahami pengalaman tersebut boleh membantu dalam memaparkan corak-corak yang tersembunyi pada dunia kehidupan mereka sebagai wanita yang sedang melalui proses kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh. Maklumat ini menambahkan pengetahuan tentang setiap pengalaman di peringkat kitaran dan perkembangan transisi keluarga khusus bagi mereka yang terlibat dalam bentuk keluarga yang terpisah secara fizikal ini.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat dua soalan yang ingin dijawab dalam kajian ini dan fokusnya adalah pada persoalan utama iaitu mengenai pengalaman kelangsungan hidup dalam kalangan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Justeru, berdasarkan tujuan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, penyelidikan ini sekaligus menjawab soalan kajian:

1. Bagaimana wanita menterjemahkan makna pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh?

University of Malaya

2. Sejauhmanakah perpisahan sementara memberi kesan dalam proses kelangsungan hidup wanita?

    2.1 Kaitan persekitaran dengan pengalaman menjadi individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh

    2.2 Cabaran yang dihadapi dalam setiap peringkat perkembangan kitaran perkahwinan jarak jauh.

    2.3 Strategi daya tindak yang terhasil dari pengalaman dan proses kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka pengalaman peserta dengan mengambil kira perspektif mereka terhadap pengalaman terhadap reaksi, tindakan mengendalikan tempoh perpisahan sementara bersama pasangan mahupun anak- anak dan cabaran yang terlibat proses kelangsungan hidup dalam kalangan individu mahupun pasangan perkahwinan jarak jauh. Penyelidikan mengenai pengalaman pasangan perkahwinan jarak jauh dalam konteks Malaysia dilihat sesuatu yang penting dan amat releven untuk dikaji berlandaskan beberapa kepentingan.

Pertama, pemahaman mengenai pengalaman pasangan perkahwinan jarak jauh yang semakin meningkat di Malaysia akan memberi input sedia ada dan input baru kepada pengamal kaunseling untuk memahami situasi sebenar yang timbul dalam perkahwinan jarak jauh khususnya proses yang berlaku dalam kitaran perpisahan-pertemuan bagi pasangan mahupun anak-anak dalam konteks budaya Asia. Bagi pengamal kaunseling keluarga, pemahaman mendalam mengenai isu perkahwinan jarak jauh perlu diteroka dari kedua-dua belah pihak dalam usaha merancang intervensi yang berkesan ke atas pasangan khusus bagi mereka yang sudah memiliki anak. Tidak ketinggalan, pengamal kaunseling boleh mempersiapkan diri dengan cabaran bentuk

University of Malaya

kekeluargaan baru yang semakin mendominasi sistem kekeluargaan tradisional. menyentuh kepada bidang ini, kajian yang dijalankan memberi peluang untuk membina kefahaman yang mendalam mengenai proses kelangsungan yang berlaku ke atas individu sekaligus membantu para professional menjana dan mengembangkan kualiti perkhidmatan untuk mengenadalikan isu yang terlibat dalam peringkat perkembangan perkahwinan jarak jauh yan mencabar.

Kedua, tema sedia ada dan tema-tema baru yang diterjemah melalui kajian mampu digunakan untuk memberi gambaran dalam perancangan pelan strategik bagi kerajaan yang membolehkan pasangan perkahwinan dapat mengatasi jarak fizikal yang mampu mengundang risiko terhadap kualiti perhubungan dan perkembangan anak-anak. Malah, maklumat yang diperoleh dari penerokaan ini juga amat berguna untuk dijadikan panduan kepada Jabatan Agama dalam merangka modul untuk pasangan yang bakal tinggal berjauhan dalam usaha mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti kepincangan institusi kekeluargaan, perselingkuhan, penceraian dan sebagainya.

Tidak ketinggalan, aksessibiliti terhadap khidmat sokongan keluarga oleh pihak-pihak bertanggungjawab seperti organisasi, badan NGO dan lain-lain dapat diperhebat. Ini berikutan Perluasan khidmat sokongan kekeluargaan teritama di tempat kerja dan komuniti merupakan tindakan utama yang perlu dilaksanakan di peringkat akar umbi. Bagi membantu pasangan mengimbangi keluarga dan kerjaya, program kemahiran kekeluargaan sedia ada yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan akan diperluaskan kepada skop yang lebih luas dan lebih komprehensif. Bagi merealisasikan impian ini, maklumat yang tepat perlu diperoleh dari penyelidikan yang dijalankan.

Seterusnya, dapatan mengenai kestabilan perkahwinan jarak jauh mampu diaplikasikan dari sudut persiapan kepada bakal pasangan yang terlibat dalam

University of Malaya

perkahwinan jarak jauh dalam usaha untuk mendepani cabaran sosial yang kian menggugat perhubungan.

1.7 Kerangka Teoritikal

Dalam konteks penyelidikan kualitiatif yang dijalankan, penyelidik pada asasnya tidak memegang mana-mana teori untuk dijadikan pegangan yang mutlak. Hal ini kerana kajian kualitatif berbentuk fenomenologi berpegang kepada prinsip memahami makna dalam pengalaman yang dialami oleh peserta kajian itu sendiri. Justeru, pengkaji perlu mengenepikan segala tanggapan dan jangkaan awal melalui tindakan *epoche* dan *bracketing.*

Walaubagaimanapun, penggunaan teori yang dipilih oleh penyelidik bertujuan untuk dijadikan panduan dan menambah pengetahuan sedia ada dalam diri pengkaji sebelum kajian dilaksanakan di lapangan. Namun begitu, harus ditekankan bahawa pengkaji tidak akan meletakkan jangkaan awal terhadap pengalaman dalam fenomena yang ingin diteroka. Ini bermakna penggunaan teori yang dipilih tidak bertindak sebagai pengujian jangkaan awal atau menguji ketepatan teori. Menyentuh kepada teori yang dipilih, penyelidik mengemukakan Teori Pertautan *(attachment theory)* yang diperkenalkan oleh Bolwby (1973) dan Teori Struktur Keluarga (Minuchin, 1974) sebagai panduan penyelidik.

1.7.1 Teori Pertautan

Melalui teori yang dinyatakan, Bowlby (1988) menkonsepsikan pertautan sebagai satu sistem kawalan tingkahlaku yang berasaskan biologi (sifat semula jadi manusia) yang memang telah sedia ada sejak individu dalam kandungan lagi. Bowlby (1969) telah mendefinisikan pertautan sebagai satu ikatan kasih sayang yang kuat yang mengikat seseorang dengan seseorang yang lain.

University of Malaya

Ainsworth (1973) pula berpendapat bahawa pertautan merupakan satu ikatan kasih sayang yang dibentuk oleh seseorang dengan orang tertentu.

Dalam teori ini, Bolwby telah mengemukakan empat komponen utama yang mempunyai hubungkait antara satu sama lain dalam proses membentuk pertautan yang boleh dikaitkan dengan fenomena perhubungan jarak jauh yang dilalami oleh pasangan suami isteri dan anak yang terlibat dalam hubungan kekeluargaan. Penerangan mengenai elemen tersebut diterjemahkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Komponen utama teori pertautan

Dalam teori pertautan yang diperkenalkan oleh Bowlby (1973), komponen pengekalan untuk mencapai kedekatan *(proximity maintenance)* merupakan sebarang tingkahlaku yang ditimbulkan atau langkah untuk mengekalkan jarak

terhadap pemberi kasih sayang. Dalam konteks ini, tingkahlaku yang ditimbulkan termasuklah perhubungan langsung melalui pandangan mata,orientasi fizikal, ekspresi bukan verbal, perbualan mengenai masalah peribadi, perkongsian aktiviti dan sebagainya. Ini bermakna teori ini beranggapan bahawa individu yang berada dalam situasi berdekatan cuba mengekalkan keadaan tersebut dalam tempoh itu.

Dalam aspek perasaan selamat *(safe haven)* pula, Bowlby menyatakan bahawa individu menyediakan hubungan emosi menerusi memberi perlindungan kepada pasangan atau orang yang signifikan dengannya, penyediaan bimbingan dan keselesaan terhadap pasangan mahupun anak. Merujuk kepada fenomena perkahwinan jarak jauh yang diteroka, aspek keselamatan mungkin menjadi elemen yang boleh ditanggapi dengan cara yang berbeza mengikut pengalaman individu.

Seterusnya, elemen perlindungan *(secure base)* yang dikemukakan oleh Bowlby pula merujuk kepada perlindungan yang diberikan semasa pasangan tinggal berdekatan dan semasa proses perpisahan berlaku. Dalam perkahwinan jarak jauh, perlindungan agak boleh dipertikaikan semasa ketiadaan pasangan di sisi. Begitu juga perlindungan kepada anak- anak yang berada di salah satu pihak samada ibu atau ayah di mana anak-anak mungkin mengharapkan perlindungan dari kedua-dua belah pihak.

Elemen yang terakhir iaitu penderitaan dalam perpisahan *(separation distress).* Menurut Bowlby, elemen ini merujuk kepada tindakan reaksi atas perpisahan jarak yang berlaku termasuklah reaksi kesedihan, kesunyian, merindui pasangan dan beberapa reaksi lain temasuk mencari sistem sokongan yang lain. Secara keseluruhannya, teori yang dipilih dalam memandu penyelidik membina fokus semasa proses penerokaan mengenai pengalaman

University of Malaya

perkahwinan jarak jauh khususnya dalam tempoh perpisahan-pertemuan yang melibatkan proses penjagaan anak-anak.

1.7.2 Teori Struktur Keluarga

Teori struktural bersifat lebih daripada teknik teraputik. Ia merupakan satu falsafah yang melihat sesuatu bentuk tingkahlaku yang terhasil daripada interaksi antara ahli dalam sesebuah keluarga. Bagi pekerja sosial, kaunselor, dan ahli psikologi, kesedaran yang mendalam mengenai kesan keluarga terhadap individu atau klien mendorong kepada perkembangan teori struktural keluarga. Pendekatan dalam struktur keluarga mendedahkan beberapa andaian asas seperti dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Rumusan Teori struktural keluarga

University of Malaya

Setiap keluarga adalah unik disebabkan oleh ciri individu dan budaya dan ideologi yang pelbagai. Andaian yang telah diketengahkan dalam teori ini merangkumi aspek seperti berikut:

1. Keluarga adalah sistem yang saling berinteraksi di mana setiap komponen mempunyai sempadan yang saling bertukar-tukar dan memiliki darjah pertukaran yang pelbagai.
2. Keluarga perlu memenuhi kefungsian setiap ahi secara individual mahupun kolektif.
3. Keluarga akan melalui perubahan dalam peringkat yang akan menghasilkan tekanan yang berbeza-beza yang akan memberi kesan kepada semua ahli keluarga.
4. Struktur keluarga terdiri daripada karakteristik deskriptif sesuatu keluarga termasuklah sifat semulajadi terhadap keahlian dan stail budaya dan ideologi yang dimiliki. Karakteristik ini menjadi input terhadap sistem interaksi yang menjadi sumber interaksi manakala persepsi terhadap dunia yang membentuk cara sesebuah keluarga berinteraksi.
5. Interaksi keluarga adalah pusat dalam teori struktural. Proses interaksi antara ahli keluarga yang menentukan undang-undang. Ia merupakan satu peringkat kejelekitan, penyesuaian dan stail komunikasi. Akhirnya, interaksi ini bergabung untuk memenuhi keperluan individu dan kolektif dalam sesebuah keluarga.
6. Kefungsian keluarga merupakan output dalam sistem interaksi dan penggunaan sumber melalui struktur akan bertindakbalas untuk memenuhi kehendak ahli keluarga.
7. Kitaran hidup keluarga memperkenalkan elemen perubahan dalam sistem keluarga. Sebagaimana keluarga berkembang mengikut masa, perubahan

University of Malaya

dalam perkembangan akan bertindak untuk mengubahsuai struktur atau keperluan keluarga sekaligus menghasilkan perubahan dalam cara sesebuah keluarga berinteraksi.

Sememangnya teori pertautan telah banyak dikaji untuk melihat perkaitan dalam memahami ikatan kasih sayang antara penerima dan pemberi kasih sayang *(care giver).* Pemahaman mengenai kejelekitan hubungan perlu difahami dalam kontek pasangan suammi isteri yang terpisah oleh jarak fizikal kerana terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Malah, jika ia melibatkan anak-anak dalam perhubungan kekeluargaan, pemahaman mengenai kesinambungan interaksi keluarga dalam mengekalkan homeostasis dan *equilibrium* keluarga yang mendasari teori struktural keluarga juga perlu diberi perhatian awal oleh penyelidik.

Secara keseluruhannya, kerangka teoritikal yang mengetengahkan teori pertautan dan teori struktural keluarga memberi gambaran awal kepada penyelidik dalam usaha mendalami elemen yang terkandung dalam setiap pendekatan yang diketengahkan dalam setiap teori dan sejauhmana ia dapat diaplikasikan dalam memahami isu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Meskipun teori-teori yang dinyatakan oleh penyelidik tentang pertautan dan sturktur keluarga yang terkandung dalam interaksi secara keseluruhan, penyelidik tidak boleh terus membuat kesimpulan awal mengenai pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian untuk menguji samada teori ini tepat atau sebaliknya. Ini kerana ,dalam kajian kualitatif pegangan teori tidak seharusnya dijadikan landasan mutlak kepada penyelidik sebaliknya member gambaran awal kepada fenomena yang sedang dikaji oleh penyelidik.Rumusan keseluruhan teori-teori ini telah diterjemahkan dalam Jadual 1.2 seperti berikut dan akan dibincangkan secara terperinci dalam bab yang seterusnya.

University of Malaya

Jadual 1.2: Rumusan kerangka teoritikal dalam aplikasi perkahwinan jarak jauh

Teori	Andaian tentang keluarga	Aplikasi kepada Perkahwinan Jarak Jauh
Teori Pertautan Teori	Reaksi psikologi terhadap pemberian kasih sayang dengan individu yang signifikan sepanjang kitaran kehidupan individu. • Pengekalan untuk mencapai kedekatan • Penderitaan akibat perpisahan • Perasaan selamat • Tapak perlindungan	• Ketidakcapaian individu yang signifikan boleh mencetuskan reaksi emosi yang negatif. • Tindakbalas untuk mengaktifkan sistem pertautan menghasilkan tingkahlaku untuk mendapatkan kedekatan dengan individu dalam mengekalkan hubungan.
Struktural Keluarga	Keluarga merupakan satu sistem yang berfungsi dan perlu difahami secara menyeluruh • Sempadan • Peranan • Penyebaran kuasa • Peraturan • Komunikasi	• Sejauhmanakah perpisahan fizikal menjadikan pasangan berkomunikasi secara berkesan. • Apakah kesukaran yang mungkin timbul daripada perpisahan yang wujud dalam usaha untuk mengekalkan homeostasis dan equilibrium dalam perhubungan keluarga.

1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian terhadap makna dan intipati pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh individu yang memiliki anak dan tinggal berasingan diterjemahkan dalam bentuk grafik seperti Rajah 1.3.

University of Malaya

Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Kajian

University of Malaya

Bersadarkan Rajah 1.3, penyelidik menggunakan pendekatan fenomenologi dalam usaha untuk memberikan tumpuan kepada fenomena perkahwinan jarak jauh. Penerokaan yang mendalam dalam mencari makna dan inti pati (*essence*) terhadap pengalaman mereka tertumpu pada pengalaman hidup mereka semasa kitaran perpisahan antara pasangan sebelum bertemu kembali dengan pasangan pada waktu tertentu. Dengan erti kata lain, pengalaman yang menyelubungi peserta kajian merangkumi reaksi yang terlibat dalam mendepani perpisahan fizikal antara pasangan dalam perkahwinan jarak jauh tersebut. Di samping itu, kajian ini juga telah memberikan fokus kepada pengalaman pasangan suami isteri yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh dalam mencari makna terhadap fenomena pengalaman mereka semasa proses pertemuan buat seketika sebelum kembali berjauhan dengan pasangan dan anak. Seterusnya, pengalaman-pengalaman ini telah dianalisis mengikut tema-tema bagi membentuk satu model pengalaman seperti mana yang digambarkan dalam Rajah 1.3.

1.9 Definisi Operasi

1.9.1 Kelangsungan hidup

Dalam konteks penyelidikan yang ingin dijalankan oleh penyelidik, frasa kelangsungan hidup digunakan sebagai satu satu proses semulajadi yang menyebabkan evolusi organisma atau kelompok untuk terus mengekalkan kemandirian masing-masing. Justeru, dalam konteks perkahwinan jarak jauh yang menjadi elemen utama kajian, penggunaan kelangsungan hidup yang dipilih oleh penyelidik adalah melibatkan proses mahupun tindakan yang dihasilkan untuk menjamin sesuatu yang kekal dan sentiasa berkesinambungan. Dengan erti kata yang lebih jelas, proses kelangsungan hubungan suami isteri yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dinilai dan diteroka dalam usaha memastikan hubungan kekeluargaan yang dipisahkan oleh jarak fizikal masih

University of Malaya

mampu dipertahankan oleh pasangan sebagaimana pasangan suami isteri yang tinggal berdekatan antara satu sama lain.

1.9.2 Perkahwinan jarak jauh

Dalam kajian yang ingin dijalankan ini, penyelidik telah menggunakan panduan yang telah dinyatakan oleh Stafford (2005) di mana satu perhubungan samada pasangan yang belum berkahwin mahupun yang telah berumahtangga termasuk dalam perhubungan jarak jauh apabila peluang komunikasi secara langsung atau bersemuka adalah terhad kerana parameter geografi dan individu- individu dalam perhubungan tersebut mempunyai jangkaan terhadap satu ikatan yang bersifat dekat. Justeru, panduan ini telah menggariskan dan mengetengahkan dua perkara utama.

1. Kekerapan komunikasi secara bersemuka setiap hari adalah sangat terhad dan kurang dalam perhubungan bagi perkahwinan jarak jauh. Maka, saluran perantaraan yang digunakan atau diperlukan untuk memecahkan halangan atau sekatan dalam peluang komunikasi. Contohnya, penggunaan telefon, email, skype dan lain-lain alat komunikasi.
2. Apa yang dijangkakan oleh individu daripada perhubungan tersebut sentiasa diperhatikan, dan jika jangkaan tersebut tidak dapat dipenuhi, hubungan tersebut mungkin menjadi bermasalah.

1.10 Delimitasi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik memberi fokus kepada pasangan yang berkahwin namun tinggal berasingan akibat tuntutan kerjaya mahupun memenuhi matlamat pendidikan yang lebih baik. Pengalaman yang diteroka melibatkan kelangsungan hidup semasa ketiadaan dan pertemuan kembali antara dalam perkahwinan jarak jauh yang memilik anak turut dijadikan kriteria utama bagi memenuhi tujuan kajian secara maksimum. Pada masa yang sama, penyelidikan

University of Malaya

mengenai fenomena perkahwinan jarak jauh ini juga tertumpu kepada pasangan yang sudah melalui proses perpisahan sejak awal perkahwinan. Ini bermakna peserta kajian sudah termaklum mengenai perpisahan fizikal samada realiti itu diterima secara sukarela atau sebaliknya. Tidak ketinggalan, kajian ini tidak memberi pengkhususan kepada jenis-jenis perkahwinan jarak jauh, sebaliknya memberi peluang kepada peserta kajian memberi makna terhadap pengalaman berjauhan dan proses kelangsungan hidup yang dialami oleh pasangan tersebut. Walaubagaimanapun, dalam menyelami makna pengalaman kelangsungan hidup oleh peserta kajian, usia perkahwinan yang menjangkau dua tahun ke atas menjadi asas dalam memahami konteks perkahwinan jarak jauh dengan lebih selepas mempertimbangkannya melalui dapatan kajian terdahulu.

1.1 Limitasi Kajian

Kajian kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik melibatkan penggunaan sampel atau peserta kajian yang sedikit. Proses pemahaman yang mendalam mengenai makna dalam pengalaman individu atau pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh menyebabkan penyelidik perlu menghadkan kepada bilangan sampel kajian seramai tujuh ke 10 orang dan bergantung kepada ketepuan data (*data saturation*) . Meneliti kepada bilangan sampel yang kecil, maka adalah sukar untuk membuat generalisasi kepada populasi yang lebih besar berbanding menggunakan pendekatan kuantitatif yang boleh melibatkan sampel yang lebih besar. Namun begitu, pendekatan femomenologi bukanlah bertujuan untuk membuat generalisasi sebaliknya memberi fokus kepada pemahaman mengenai pengalaman yang dialami dan makna yang dianggap dalam konteks individu itu sendiri.

University of Malaya

1.12 Kesimpulan

Perkahwinan jarak jauh yang semakin berkembang memerlukan pemahaman dan penelitian khususnya dalam meneroka dinamik perhubungan yang kompleks dalam pasangan yang terpaksa menjalani kehidupan suami isteri dan anak-anak secara berasingan. Perubahan daripada bentuk keluarga yang tradisional ke arah bentuk keluarga yang lebih kontemporari sememangnya memberi impak kepada kefungsiaan dan struktur keluarga itu sendiri. Justeru, perhatian terhadap pasangan perkahwinan jarak jauh dan gambaran sebenar pada makna interaksi mereka akan dapat membantu pemerolehan data secara empirikal yang menyeluruh terhadap fenomena ini. Tujuan kajian yang mahu memahami pengalaman melalui makna yang diterjemahkan oleh peserta kajian kelak akan dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu khususnya kepada pengamal kaunseling keluarga, pihak kerajaan mahupun Jabatan Agama Islam dalam merancang intervensi dan modul yang sesuai melalui tema yang akan timbul kelak. Tidak ketinggalan, pendedahan mengenai teori pertautan dan kerangka konseptual berupaya menjadi panduan kepada penyelidik dalam mencapai objektif kajian yang telah disasarkan. Tidak ketinggalan, perbincangan mengenai limitasi dan delimitasi kajian membantu pembaca untuk menilai dan mengetahui secara keseluruhan mengenai skop yang menjadi fokus penyelidik dalam fenomena perkahwinan jarak jauh yang ingin dijalankan.

University of Malaya

BAB 2:

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Kajian yang difokuskan oleh penyelidik lebih memberi peluang kepada penerokaan dan pemahaman tentang pengalaman individu berkahwin namun tinggal jauh dengan pasangan masing-masing disebabkan memenuhi tuntutan kerjaya mahupun matlamat pendidikan dan bukan disebabkan oleh ketenteraan. Oleh yang demikian, sorotan kajian lampau yang didedahkan oleh penyelidik tidaklah dijadikan satu landasan mutlak untuk menguji teori yang dikemukakan oleh penyelidik. Sebaliknya ingin mengenalpasti jurang yang perlu diberi perhatian dalam usaha mengisi kelompangan kajian lalu sekaligus menjana sumbangan kepada penyelidikan yang bakal dijalankan oleh penyelidik. Justeru, sorotan kajian yang dikemukakan akan dibahagikan kepada tiga elemen utama. Elemen pertama menjurus kepada konsep perkahwinan jarak jauh. Seterusnya, elemen kedua merupakan perincian mengenai teori pertautan *(attachment theory)* oleh John Bolwby (1969) dan teori Struktural Keluarga (Minuchin, 1974) yang telah diaplikasikan dalam memahami isu perkahwinan jarak jauh. Akhirnya, bahagian ketiga mengupas perkembangan kajian yang telah disentuh dalam kajian lampau mengenai perkahwinan jarak jauh. Pada bahagian ketiga ini juga penyelidik membincangkan jurang yang tidak diberi perhatian khusus oleh pengkaji terdahulu berkenaan dengan perkahwinan jarak jauh. Konsensusnya, bahagian ini memberi penerangan keseluruhan mengenai isu-isu secara teoritikal dan empirikal berdasarkan perkahwinan jarak jauh.

University of Malaya

2.2 Konsep Perkahwinan Jarak Jauh

Sememangnya, penyelidik terdahulu menggunakan terminologi yang pelbagai dalam kajian yang telah dilaksanakan berkenaan perkahwinan jarak jauh ini. Antara terma yang digunakan termasuklah perseorangan yang telah berkahwin *(married singles)* (Gross, 1980, 1981; Groves &Horm-Wingerd, 1991, Kirschner & Walum, 1978), pasangan berkahwin yang terpisah secara geografi *(geographically separated married couples)* (Rohlfing, 1995; Stephen, 1986), perkahwinan yang bukan bersekedudukan *(marital non-cohabitation)* (Rindfuss& Stephen, 1990), pasangan berkerjaya yang terpisah *(separated dual-career couples)* (Douva &Pleck, 1978), perkahwinan dua lo*kasi (two/dual location marriages)* (Gerstel& Gross, 1982; Groves & Horm-Wingerd, 1991; Kirschner & Walum, 1978;Taylor & Lounsbury, 1988), perkahwinan komuter *(commuter marriages)* (Anderson & Spruill, 1993; Farris, 1978; Gerstel & Gross, 1982, 1984; Gross, 1980, 1981; Groves &Horm-Wingerd, 1991; Guldner & Swensen, 1995; Taylor & Lounsbury, 1988; Winfield, 1985), dan perkahwinan jarak jauh *(long distance marriages)* (Dainton & Kilmer, 1999; Dellmann-Jenkins, 1991; Bernard-Paolucci, & Rushing, 1992; Gerstel & Gross, 1982; Gross, 1980, 1981; Groves & Horm-Wingerd, 1991; Guldner & Swensen, 1995; Stafford & Reske, 1990; Stephen, 1986; Taylor & Lounsbury, 1988).

Dalam memahami konteks perkahwinan jarak jauh yang kian berkembang saban hari, tiada pembahagian yang pasti dan mutlak antara jarak yang pendek dan jarak yang panjang dalam membuat pentakrifan konsep ini. Ini kerana berdasarkan penyelidikan yang dijalankan sebelumnya, jarak perjalanan ditakrifkan sebagai julat panjang daripada 45 batu dan lebih (Van Ham et al, 2001), 100 kilometer dan lebih (Abrahamsson, 1993). Definisi yang diberikan adalah mungkin disebabkan oleh perbezaan dalam kepadatan penduduk dan kawasan negara tertentu. Selain itu, satu lagi cara ialah untuk menentukan jarak yang dekat adalah seperti apabila proses berulang–alik mungkin

University of Malaya

berlaku pada setiap hari, dan jarak yang jauh ialah melebihi jangkauan berulang alik setiap hari seperti proses ulang–alik secara mingguan oleh pasangan.

Proses ulang-alik juga boleh diukur secara kedua-duanya dalam masa dan kilometer. Hakikatnya, individu yang terlibat seolah-olah menjadi lebih sensitif kepada masa yang dibelanjakan untuk perjalanan daripada memikirkan jarak geografi (Vilhelmson, 194, 2001). Contohnya, satu kajian yang dijalankan mengenai wanita profesional Israel (Pazy et. al, 1996) menunjukkan bahawa responden lebih bersedia untuk meningkatkan jarak berulang alik mereka berbanding masa ulang-alik mereka. Sebarang penambahbaikan untuk memperoleh pengangkutan yang lebih cepat boleh menyebabkan perjalanan yang lebih jauh, dengan menggunakan jumlah masa perjalanan yang sama. Beberapa kajian menganggap kira-kira 45 minit sehingga sejam untuk menjadi had maksimum masa seseorang bersedia untuk menghabiskan perjalanan sehala (Abrahamsson 1993, Green et al 1999), manakala yang lain menghadkan julat antara 25 hingga 35 minit (Kenworthy & Laube 1999, Van Ham et al. 2001; Schwanen & Dijst 2002). Schwanen & Dijst (2002) berpegang kepada asas andaian mereka berdasarkan fakta bahawa secara puratanya individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh membelanjakan kira-kira 10 peratus daripada tempoh kerja harian mereka untuk proses berulang-alik, di mana ia mengambil masa hampir 30 minit dalam perjalanan sehala untuk lapan jam hari bekerja. Tidak ketinggalan, variasi dalam karakteristik mengenai perkahwinan jarak jauh turut dikongsi oleh Gerstel & Gross (1984) yang memberi konsep perkahwinan jarak jauh seperti perkahwinan komuter dengan menganggarkan tempoh perpisahan selama tiga bulan atau lebih dan pasangan terpisah hampir 270 batu serta kembali menemui pasangan seminggu sekali atau beberapa hari dalam sebulan.

Memandangkan individu yang berulang-alik pada jarak jauh menghabiskan banyak masa perjalanan setiap minggu, mod pengangkutan dilihat menjadi isu penting. Akses kepada mod pengangkutan yang cepat dan hubungan komunikasi adalah penting

University of Malaya

dalam menjelaskan jarak perjalanan (Wang 2001; Schwanen & Dijst 2002). Konsep ini juga turut dikongsi dalam penyelidikan mengenai pengangkutan bahawa kos merupakan salah satu faktor yang paling penting dalam menjelaskan pilihan mod pengangkutan (Ullman 1973; Hoyle & Smith 2000; Turton & Black, 2000). Ini kerana perjalanan melibatkan kos masa dan wang. Lebih cepat pengangkutan yang digunakan akan menyebabkan perjalanan lebih tinggi kosnya.

Cameroon dan Ross (2007) tidak mengoperasikan definisi berdasarkan jumlah jarak tetapi memberi peluang kepada peserta kajian untuk mentafsir dan menjelaskan sendiri dengan membandingkan kod kawasan dalam nombor telefon pasangan masing-masing yang menandakan bahawa kod zon yang dimiliki untuk mengembangkan perhubungan jarak jauh yang dialami oleh pasangan. Tidak ketinggalan, terdapat cendikiawan yang percaya dan bergantung kepada kekerapan pasangan untuk bertemu dalam usaha untuk membuat pengkonsepsian mengenai perhubungan jarak jauh. Sebagai contoh, Guldner (1996), Dainton dan Aylor (2001,2002), dan Stafford dan Merolla (2007) menggunakan kenyataan yang sama berkenaan konsep jarak jauh di mana pasangan tidak berpeluang untuk berjumpa sesama sendiri pada setiap hari. Manakala Skinner (2005) pula melihat perhubungan jarak jauh dalam kalangan individu yang berkahwin berdasarkan dua jenis iaitu jarak jauh yang bersifat sederhana di mana pasangan dapat boleh bersama hampir setiap minggu, manakala perhubungan jarak jauh yang ekstrim wujud apabila pasangan tidak dapat berjumpa dalam tempoh yang lama, seperti enam bulan hingga bertahun-tahun.

Para penyelidik telah mengkonsepsikan perhubungan jarak jauh yang melibatkan pasangan yang belum berkahwin dan yang tidak berkahwin melalui terminologi yang pelbagai. Selain dari mengkonsepsikannya melalui jumlah jarak fizikal dan masa yang terlibat dalam proses ulang-alik dalam kalangan pasangan, penyelidik juga turut meluaskan paradigma dengan memberi terjemahan dan konsep

University of Malaya

mengikut pandangan perserta kajian yang terlibat dalam penyelidikan. Konsep hubungan jarak jauh yang terakhir muncul daripada penyelidik yang membenarkan paserta kajian mereka untuk memberi tafsiran sendiri mengenai pengalaman mereka tanpa memberi sebarang indikator untuk menjelaskan fenomena itu. Dellmann dan Jenkins et al (1994) sering dikaitkan sebagai penyelidik yang menilai idea perhubungan jarak jauh dari pendefinisian peserta kajian itu sendiri. Mereka mendedahkan bahawa persepsi peserta kajian berkenaan hubungan yang dialami adalah lebih sahih kerana ianya berdasarkan definisi peribadi dan berlandaskan perasaan terhadap realiti terhadap situasi perhubungan yang sebenar.

Tidak ketinggalan, penyelidik lain seperti Mietzner dan Lin (2005) dan Sahlstein (2004, 2006) juga mengambil teknik ini untuk mengelakkan penglabelan yang salah antara perhubungan jarak dekat dan jarak jauh. Justeru, apa yang penting dalam perhubungan jenis ini adalah kenyataan minda dalam diri orang yang terlibat (Dellmann & Jenkins et al., 1994). Pendefinisian secara peribadi menandakan mereka menetapkan persepsi perhubungan dan pengalaman yang dialami. Meneliti konsep yang yang dinyatakan melalui kajian lampau, penyelidik merasakan adalah perlu untuk menggabungkan ketiga-tiga elemen yang terkandung kerana dengan adanya konsep yang diintegrasikan mampu memperoleh dapatan yang lebih sahih dan menepati sasaran. Pada masa yang sama, tujuan utama penyelidikan bukanlah untuk melihat kerakteristik perhubungan jarak jauh itu semata-mata, tetapi lebih memberi fokus kepada penerokaan dan pemahaman makna pengalaman tinggal berjauhan antara pasangan dan anak-anak dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh.

Secara keseluruhannya, walaupun tinjauan litaratur menggunakan terma yang pelbagai dalam mengkonsepsikan perhubungan jarak jauh seperti perkahwinan komuter bagi golongan yang sudah berumahtangga dan perhubungan jarak jauh bagi mereka yang belum berumahtangga, penyelidik mengambil konsepsi yang digunakan oleh

University of Malaya

Holmes (2004). Di sini, konsep perhubungan jarak jauh merujuk kepada pasangan yang berkahwin dan tidak berkahwin tetapi tidak termasuk yang tinggal berasingan dalam lokasi yang sama (Holmes, 2004) dan pasangan yang terlibat dalam ketenteraan di mana perpisahan ini tidak bersifat sukarela, berpanjangan dan terdedah dengan perhubungan yang berisiko.

2.3 Perkahwinan Jarak Jauh dari Perspektif Teori Pertautan

Peningkatan bilangan pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dilihat semakin ketara di mana tindakan tinggal berasingan dengan pasangan suami isteri atas alasan memenuhi kehendak pendidikan dan ekonomi yang kian menekan berbanding dari sebab penceraian mahupun kepincangan dalam perkahwinan (Conlin, 2009). Oleh yang demikian, kehidupan dalam hubungan seperti ini menjadi rutin yang diselangi oleh kitaran perpisahan-pertemuan (*separation-reunion cycle*). Justeru, sebagai kerangka untuk memahami kitaran perpisahan-pertemuan (*separation-reunion cycle*), artikel ini akan membentangkan teori pertautan (Bowlby, 1969) dari hubungan jarak jauh, dengan disokong oleh sorotan penyelidikan lampau berkenaan dengan teori yang dipilih oleh penyelidik.

Pendedahan mengenai teori pertautan ini adalah penting kerana pertautan adalah asas bagi terapi yang bakal dilaksanakan oleh pengalaman perlu dan ianya didorong oleh teori (Byng Hall, 2001) dan penyelidikan (Mikulincer, Florian, Cowan, & Cowan, 2002). Dalam memahami fenomena perkahwinan jarak jauh, Stafford (2005) menyatakan bahawa penyelidikan awal memberi fokus terhadap tekanan seperti perasaan sunyi (Guldner, 1996), emosi yang dikatakan naik turun (Westefeld & Liddell, 1982) dan kecenderungan untuk menggambarkan perhubungan jarak jauh sebagai sesuatu yang bermasalah (Stafford, 2005). Justeru, konsep pertautan akan memulihkan kesedihan dan penderitaan dan menjana daya tahan untuk mencari penyelesaian

University of Malaya

masalah. Seterusnya, disebabkan kefungsian yang serupa berlaku di seluruh kehidupan individu, pertautan dilihat boleh menjelaskan proses perhubungan jarak jauh dengan cara yang serupa untuk pasangan berkahwin dan tidak berkahwin. Hal ini berikutan keputusan mengenai pertautan dilihat sering selari untuk sampel yang sudah berkahwin dan tidak berkahwin. Sebagai contoh, keselamatan dalam pertautan dikaitkan dengan dengan komunikasi yang lebih berkesan untuk kedua-dua jenis perhubungan (Mikulincer et al, 2002). Oleh yang demikian, sorotan kajian lalu mengenai perhubungan jarak jauh akan digunakan untuk menyokong perspektif pertautan walaupun sorotan kajiannya dilihat agak kurang diberi perhatian kepada orang yang telah berkahwin.

Merujuk kepada teori pertautan, Bolwby (1969) percaya bahawa kedekatan merupakan perhubungan emosi yang khusus yang melibatkan pertukaran rasa selesa, kasih sayang dan keseronokan. Justeru, Bolwby menumpukan kajian secara meluas kepada konsep pertautan, di mana Bolwby menjelaskan pertautan sebagai pengaitan psikologi secara kekal antara manusia (Bolwby,1969). Bolwby berkongsi pandangan psikonalitik bahawa pengalaman awal latihan kanak-kanak memberi pengaruh yang sangat penting dalam perkembangan dan tingkahlaku pada masa akan datang. Maka, pertimbangan yang sewajarnya harus diberikan khusus dalam penjagaan anak bagi pasangan yang tinggal berasingan akibat perkahwinan jarak jauh kerana memenuhi tuntutan kerjaya mahupun akademik. Di samping itu, Bolwby percaya bahawa pertautan mempunyai satu komponen evolusi di mana ia membantu kelangsungan (*survival).* Kecenderungan untuk membina ikatan emosi yang kuat dengan individu tertentu merupakan komponen asas dalam sifat semulajadi manusia.

Natijahnya, pendedahan teori lampiran yang mengkaji kepentingan kritikal daripada ibu bapa dan anak kepada pasangan, membantu untuk menerangkan kesan bahawa hubungan awal keluarga asal di antara ibu bapa dan anak yang ada dengan

University of Malaya

tingkah laku semasa. Tingkah laku yang dipamerkan dan hubungan antara ibu bapa dan anak juga membantu untuk meramalkan masa depan tingkah laku khusunya terhadap perkembangan anak-anak peringkat awal ini kerana pertautan yang wujud dibuktikan dalam corak hubungan dewasa,gaya interpersonal, dan tingkah laku sosial. Interaksi antara kanak-kanak dan ibu bapa yang mengajar kanak-kanak tentang diri dan lain-lain, pemahaman bahawa dia kemudian menggabungkan ke dalam model kerja dalaman digunakan untuk memahami dan membuat pengertian hubungan masa depan dan cara-cara untuk berinteraksi. Walau bagaimanapun, pemberi kasih-sayang mungkin tidak melibatkan ibu bapa sebagai figura yang dominan kerana proses pembesaran anak-anak yang melibatkan keluarga jarak jauh turut dibantu oleh figura lain seperti pengasuh dan pihak lain. Maka, bagaimana perbezaan gaya asuhan dan pemberian kasih sayang ini boleh diadaptasi dalam memahami kehidupan perkahwinan jarak jauh dengan lebih komprehensif?

2.4 Teori Pertautan dalam Golongan Orang Dewasa

Pertautan merujuk kepada sistem sepanjang hayat, tingkah laku organik yang melibatkan ikatan, keselamatan, perasaan, dan tingkah laku dalam perhubungan emosi yang penting (Bowlby, 1988; Mikulincer & Shaver, 2003, 2007). Menurut Bowlby (1979), pembentukan ikatan digambarkan sebagai proses jatuh cinta, di mana ianya menyebabkan individu mengekalkan ikatan sebagai seseorang yang penyayang. Proses pertautan seperti bantahan ke atas perpisahan *(separation protest)* berlaku sepanjang hayat dalam hubungan yang spesifik. Dalam hubungan cinta, pasangan akan berkongsi sistem pertautan dan ikatan pemberian kasih sayang *(caregiving bonds)* (Bowlby, 1969, 1988; Kunce & Shaver, 1994). Ikatan antara pertautan-pemberi kasih sayang ternyata menjadi matlamat perkongsian antara pasangan di mana pasangan bertindak untuk menyelaras dan menyesuaikan tingkah laku untuk mencapai matlamat motivasi dalam

perhubungan. Apabila satu pasangan mempamerkan isyarat pertautan atau kedekatan, pasangan yang lain didorong menjalankan fungsi sebagai pemberi kasih sayang.

John Bolwby (1969, 1973, 1980, 1988) mencadangkan bahawa ikatan pertautan melibatkan sistem tingkahlaku iaitu sistem pertautan *(attachment)* dan sistem pemberian kasih sayang *(caregiving*). Pertamanya, individu lahir ke dunia dilengkapi dengan sistem tingkahlaku pertautan yang mudah apabila mereka di tekankan dan menyediakan fungsi evolusi dalam perlindungan dan *survival* (Bowlby,1969; Bretherton 1987). Sistem pertautan merupakan satu sistem yang mengawal keselamatan yang mengikat mengekalkan ikatan emosi antara individu yang menyumbang ke arah kejayaan dalam proses pembiakan atau produktif.

Perkahwinan jarak jauh melibatkan kitaran perpisahan-pertemuan *(separation-reounion)* yang menjadi ciri dalam perhubungan jarak jauh dalam kalangan suami isteri mahupun anak-anak. Pada dasarnya, Robertson & Bowlby (1952) telah menetapkan beberapa elemen yang menjadi tunjang kepada kerangka teoritikal berkenaan teori pertautan dalam perkahwinana jarak jauh ini. Justeru, dari sudut teoritikalnya, kitaran perpisahan-pertemuan yang berlaku dapat dibezakan dalam pengalaman perpisahan orang dewasa dan kanak-kanak dalam keseluruhan perhubungan. Perpisahan secara sementara dilihat sebagai persamaan yang unik terhadap perpisahan antara ibu dan anak yang telah dikaji dan disiasat oleh Bowlby di mana terdapat beberapa elemen yang dikenalpasti. Antara elemen tersebut termasuklah;

1. Dalam kedua-dua kes iaitu perpisahan dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak, wujudnya ikatan emosi antara kedua-dua individu yang boleh dikenalpasti sebagai *'attachment'*.
2. Timbulnya perpisahan secara fizikal, yang kadangkala disebabkan oleh keadaan luaran berbanding dengan masalah perhubungan.

University of Malaya

3. Perpisahan adalah bersifat sementara, supaya pengalaman semasa pertemuan kembali dapat dibandingkan dalam kitaran antara ibu dan anak.

Namun begitu, seandainya sistem pertautan terlibat dalam perhubungan romantik yang melibatkan golongan dewasa, beberapa jangkaan boleh dibuat berkenaan reaksi pasangan terhadap perpisahan yang bersifat sementara. Dalam menjelaskan kitaran perpisahan-pertemuan, Bolwby (1998) memperkenalkan beberapa komponen yang mendasari Teori Pertautan. Antara elemen-elemen tersebut termasuklah :

1. Ikatan pertautan *(attachment bond)* di mana individu yang menyediakan sumber keselesaan dan keselamatan kepada individu yang bertaut dengannya.
2. Pengekalan untuk menjamin kedekatan *(proximity maintenance)* di mana individu menginginkan keadaan yang berdekatan dengan individu yang signifikan dengannya.
3. Asas keselamatan *(secure base)* iaitu individu yang memberi menyediakan tapak asas atau sumber keselamatan dan keselesaan yang membolehkan individu yang bertaut dengannya dapat meneroka dunia dan persekitaran fizikal dan sosial.
4. Kesukaran akibat perpisahan *(distress of separation)* dan kegembiraan dalam pertemuan *(joy of reunion)* seperti keresahan dan kerisauan ketika berjauhan dan keterujaan atas kehadiran insan yang signifikan setelah tidak dapat diakses dalam tempoh tertentu.

2.4.1 Pengekalan untuk menjamin kedekatan (proximity maintainance)

Pemusatan kepada pertautan adalah kecenderungan untuk mengekalkan kedekatan dengan pasangan kongsi dan oleh kerana itu tindakan untuk tidak mengaktifkan sistem pertautan akan menjejaskan pengawalan hubungan (Bowlby, 1988). Lebih khusus lagi, individu akan memantau di mana pasangannya berada untuk mengekalkan julat

University of Malaya

kedekatan yang mengikat pasangan dan pemberi kasih sayang untuk mencapai kefungsian yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, kedekatan secara maksimum yang menjadi objektif perhubungan menghasilkan perasaan selamat yang dapat dicapai melalui tindakan lisan mahupun komunikasi emosi.

Dalam perhubungan jarak jauh yang dialami oleh pasangan berkahwin, pasangan boleh mengekalkan jarak geografi dengan mengakses imaginasi mental atau berkomunikasi melalui kad, panggilan telefon, emel, atau webcam. Aktiviti penyelenggaraan untuk menjamin kedekatan kedekatan banyak diakses dalam penyelidikan. Contohnya, pasangan yang berkahwin menyatakan mereka kehilangan perbualan setiap hari dan perkongsian antara pasangan (Gerstel & Gross, 1984; Govaerts & Dixon, 1988), ketidakhadiran pasangan (Gerstel & Gross, 1982), kehilangan peneman seharian (Magnuson & Norem, 1999), malah tautan hubungan yang kecil yang menghubungkan kehidupan harian (Johnson, 1987).

2.4.2 Bantahan akibat perpisahan (separation protest)

Bantahan akibat pemisahan yang merupakan ciri teori pertautan (Hazan et al, 2004) berlaku apabila sistem ini diaktifkan di mana (a) individu menjadi sakit, letih, tertekan, tidak pasti akan lokasi pasangan atau takut; (b) matlamat yang ditetapkan oleh individu (seperti julat keselesaan untuk berada dekat dengan pasangan) menjadi berlebih-lebih; (c)pasangan tidak boleh diakses atau (d) individu akan berada di dalam keadaan yang tidak dikenali (Bowlby, 1969). Di samping itu, ancaman pertautan itu menimbulkan bantahan pemisahan meskipun pemisahan itu berlaku secara sukarela dan dijangkakan (Bowlby, 1973). Sebaik sahaja sistem pertautan diaktifkan, pasangan akan mempamerkan tingkah laku yang direka untuk mengembalikan kedekatan jarak dan keselamatan. Reaksi normatif termasuk kesedihan, menangis, kesepian, kemarahan, rasa bersalah, kegelisahan, tindakan mencari, berpaut dan kerinduan atau menghubungi

pasangan (Bowlby, 1973, 1979; Fraley & Shaver, 1998). Kedekatan jarak yang menyahaktifkan sistem pertautan, boleh dipulihkan secara fizikal (contohnya, kehadiran pasagan secara nyata) mahupun secara psikologi (contohnya, representasi dalaman, kenangan), atau simbolik seperti gambar, panggilan telefon (Bowlby, 1979; Mikulincer & Shaver, 2003).

Kitaran pemisahan-perjumpaan dalam perhubungan jarak jauh akan mengaktifkan sistem pertautan dan mengakibatkan bantahan akibat pemisahan yang berlaku antara pasangan, kerana pemisahan menandakan wujudnya risiko yang lebih besar di mana kehadiran pasangan tidak dapat dicapai jika diperlukan pada sesuatu ketika (Bowlby, 1973). Malah, protes akibat pemisahan adalah tema yang konsisten dalam perhubungan jarak jauh berdasarkan laporan penyelidikan.

Menurut kajian lampau, pasangan yang sudah berkahwin secara spontan mengutarakan tentang bantahan pemisahan mereka termasuklah perasaan sedih pada setiap hari Isnin (Magnuson &Norem, 1999), menganggap pengalaman paling sukar apabila terpaksa melambai-lambai dan mengucapkan selamat tinggal di lapangan terbang (Cheers, 1996); dan perasaan yang tidak pernah mudah walaupun tidak kira berapa kali berpisah (Shanor, 1987). Malah, pasangan yang telah berkahwin menganggap pemisahan sebagai tekanan (Johnson, 1987) dan peserta kajian turut menyatakan bahawa mereka merindui pasangan mereka (Rabe, 2001). Ternyata, kesepian menjadi isyarat kepada bantahan akibat pemisahan yang berlaku di mana dapatan yang selaras telah ditemui berdasarkan temubual yang dijalankan ke atas individu warga Afrika Amerika yang telah berkahwin (Jackson, Brown & Patterson-Stewart , 2000). Tidak ketinggalan, dalam satu lagi kajian yang melibatkan pelajar kolej, Sahlstein (2004) dalam kajiannya ke atas 20 orang responden, pasangan melaporkan bahawa perpisahan itu telah diterjemahkan dengan perasaan rindu, rasa kehilangan, sedih dan kecewa. Justeru, Sahlstein membuat kesimpulan bahawa masa

University of Malaya

bersama akan membentuk 'rasa rindu' kepada pasangan yang berlaku sejurus selepas mereka menghabiskan masa bersama dan ianya selaras dengan bantahan pemisahan dalam teori pertautan seperti yang dibincangkan oleh penyelidik.

2.4.3 Hubungkait dengan Sistem Tingkahlaku yang lain

Sistem pertautan juga berkait dengan sistem lain tingkah laku, khususnya pemberian kasih sayang *(caregiving)* dan sistem penerokaan *(exploratory system*). Seperti pertautan, *caregiving* memenuhi fungsi perlindungan (Bowlby, 1969; Marvin & Britner, 1999). Walau bagaimanapun, fungsi biologi sistem penerokaan adalah untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk hidup lebih berdikari dari segi kemahiran individu dan integrasi ke dalam kumpulan sosial (Marvin & Britner, 1999). Sistem penerokaan diaktifkan oleh rangsangan yang kompleks (Bowlby, 1969) dan ianya termasuk dalam proses pembelajaran (Kobak, 1999), kerja, permainan, kreativiti, perjalanan, hobi, dan usaha untuk mencapai matlamat peribadi yang penting (Feeney & Collins, 2004). Berdasarkan cara kitaran ini, sesuatu tugas baru atau penerokaan yang berpanjangan boleh mengaktifkan sistem pertautan yang kemudiannya menghalang aktiviti penerokaan dan mengutamakan tingkah laku pertautan untuk mendapatkan kedekatan kepada pasangan.

Kehilangan kefungsian rasa selamat ditunjukkan melalui respon seperti ketiadaan sumber pendengar yang boleh memberi simpati dan tiada sumber untuk meluahkan emosi (Gross, 1980), ketiadaan pasangan apabila diperlukan (Johnson,1987) dan perasaan bersalah apabila tidak berada di sisi pasangan. Ternyata, pemberian kasih sayang yang selamat dan efektif akan mengurangkan kesunyian individu dan memberikan perasaan selamat melalui perbualan di telefon (Gestel & Gross, 1982).

Secara kesuluruhannya, hubungkait atara sistem penerokaan, pertautan dan sistem pemberian kasih sayang menjadi sesuatu yang penting. Walaupun penerokaan

University of Malaya

dalam kalangan golongan dewasa adalah lebih lama dan panjang berbanding kanak-kanak , pada masa yang sama pemberian kasih sayang yang banyak kepada individu tidak lagi berkesan kerana matlamat untuk merncapai julat kedekatan yang selesa dilihat sudahpun terlebih. Individu akan menjadi cemas di mana tindakan ini akan mencetuskan sistem pertautan dalam keadaan prasedar.

2.5 Rumusan mengenai proses pertautan dalam perhubungan jarak jauh

Meskipun dalam tempoh dewasa, sistem pertautan dilihat bersifat mempengaruhi. Sebagai contoh, individu terdorong untuk mengawal selia jarak pasangan, dengan ini akan menyediakan pilihan untuk memelihara fungsi pemberian kasih sayang apabila diperlukan. Misalnya, jika ransangan dalaman atau luaran akan menimbulkan ketakutan (Bowlby, 1979). Walaupun orang dewasa tidak selalunya memerlukan kedekatan fizikal seperti yang diperlukan dalam peringkat kanak-kanak, persepsi terhadap kebolehcapaian fizikal merupakan aspek yang paling asas kepada kesediaan dalam diri individu yang terlibat dalam pertautan (Kobak, 1999). Perpisahan dan jarak geografi yang menjadi ciri-ciri perhubungan jarak jauh boleh menjadi sesuatu yang mengancam dan menjana komunikasi secara berkompromi antara pasangan. Lazimnya, komunikasi menjadi rumit atau terrhalang, menyebabkan perjalanan dan masa diperlukan untuk menjamin hubungan fizikal antara individu. Justeru, meskipun perpisahan menjadi satu pilihan yang memberi manfaat kepada usaha memenuhi matlamat pendidikan atau kerjaya, perhubungan jarak jauh turut terdedah kepada ancaman pertautan, iaitu mengekalkan kebolehcapaian pasangan dan proses memantau pasangan yang berjauhan menjadi lebih mencabar.

Tidak dapat dinafikan bahawa di sepanjang kitaran kehidupan, ketidakbolehcapaian insan yang dijadikan tempat bertaut akan mencetuskan reaksi emosi yang sama (Bowlby, 1979; Kobak, 1999). Meskipun secara kognitifnya pasangan

University of Malaya

menyedari bahawa perpisahan yang berlaku adalah bersifat sementara, pasangan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh akan bertindakbalas dengan mengaktifkan sistem pertautan dan tingkahlaku untuk merapatkan kejauhan yang dialami oleh pasangan. Bantahan akibat perpisahan samada sebelum, semasa mahupun selepas ditinggalkan adalah manifestasi tindakan seseorang individu untuk mencari pasangan, percubaan untuk mendapatkan semula perhubungan dan membuat pengesahan bahawa pasangan tidak kembali. Jika individu tersebut menerima serta mengakui secara emosi bahawa kebolehcapaian secara fizikal tidak berulang, lazimnya individu akan mengalami kesedihan, merindui pasangan dan berasa kesunyian.

Bagi menyesuaikan jarak geografi dan perpisahan dalam perhubungan jarak jauh yang dialami oleh individu yang berkahwin, pasangan mesti mempertimbangkan matlamat perhubungan. Pada mulanya, matlamat setiap pasangan adalah untuk memiliki perjumpaan yang lebih kerap dengan kedekatan jarak fizikal secara harian. Namun, dalam perhubungan seperti ini, pasangan akan mengubahsuai matlamat dan menyesuaikan diri untuk berubah dengan menggunakan saluran komunikasi. Disebabkan matlamat yang telah diubahsuai, ancaman pertautan boleh dikurangkan dengan tanggapan bahawa jarak yang dekat masih boleh diwujudkan walaupun hanya seketika.

2.6 Perkahwinan jarak jauh dari perspektif Teori Struktural keluarga

Premis utama dalam perspektif struktural keluarga adalah konsep holistik. Pendekatan ini mendedahkan bahawa untuk memahami sistem keluarga, kita perlu melihat keluarga sebagai sesuatu yang menyeluruh. Melalui tindakan ini, secara kontrasnya, pendekatan teori yang tidak berfokus kepada dengan melihat ahli-ahli keluarga secara berasingan. Tindakan ini akan menyebabkan keunikan sesebuah komunikasi, interaksi akan hilang.

University of Malaya

Konsep holism dan hierarki dikaitkan dengan sempadan di mana keluarga menghasilkan sempadan antara pergerakan individu dan maklumat yang keluar masuk dalam keluarga. Konsep saling bergantungan menjadi sifat semulajadi dalam sistem keluarga.(Bertalanffy, 1997; Whitchurch dan Constantin, 1993). Konsep asas yang mendasari perspektif sistem membantu pengamal kaunseling memahami kesan sistem keluarga bagi setiap perancangan intervensi yang ingin dilaksanakan.

Premis kedua yang mendasari teori struktural keluarga adalah dinamik dalam peraturan-peraturan dan strategi yang mentadbir cara mereka berinteraksi. Dinamik keluarga membantu ahli menghadapi cabaran berkaitan dengan kehidupan seharian dan peringkat perkembangan setiap ahli dalam keluarga. Konsep *equilibrium* menerangkan bagaimana keluarga berusaha untuk memperolehi keseimbangan antara cabaran yang dihadapi dan sumber-sumber yang dimiliki oleh keluarga. Keluarga membuat penyesuaian perubahan atau tindakbalas terhadap aktiviti seharian.

Keseimbangan yang dipanggil *homeostasis* menjadi keutamaan dalam teori struktural keluarga dimana ketidakupayaan mengekalkan keseimbangan menyebabkan peraturan atau dinamik keluarga perlu diubahsuai untuk mencapai keseimbangan. Konsep *morphostasis* merujuk kepada keupayaan sistem keluarga mengekalkan konsistensi dalam ciri-ciri organisasi kekeluargaan walaupun cabaran kian bertambah saban waktu (Steinglass, 1987). Jenis interaksi yang muncul dalam keluarga yang menghalang permintaan untuk berubah. Sebaliknya, konsep *morfogenesis* merujuk kepada keupayaan sistem untuk berkembang secara sistematik merentasi masa untuk membuat penyesuaian kepada perubahan keperluan dalam sesebuah keluarga. Dalam keluarga, ia merupakan satu tekanan dinamik yang berterusan dalam usaha untuk mengekalkan kestabilan dan membuat perubahan.

University of Malaya

Secara amnya, perspektif struktural keluarga yang umum mengkaji bagaimana komponen dalam sistem berinteraksi antara satu sama lain untuk melaksanakan sesuatu secara keseluruhan. Perspektif ini mendorong individu untuk melihat bagaimana perubahan satu komponen di dalam satu sistem akan memberi kesan kepada komponen yang lain. Aplikasi dalam perspektif teori struktural mempunyai kerelevenan untuk kajian yang menjurus terhadap keluarga memandangkan keluarga diikat oleh individu atau ahli yang berkongsi sejarah, memiliki darjah ikatan emosi yang sama dan membangunkan strategi untuk memenuhi keperluan individu atau ahli sebagai satu kumpulan dalam sistem keluarga (Anderson & Sabatelli, 1999). Ini bermakna, teori struktur keluarga memberi ruang kepada pembentukan pemahaman mengenai kompleksiti keluarga melalui jenis interaktif yang wujud yang membimbing sesebuah keluarga dalam interaksi mereka.

Konsep hierarki yang turut ditekankan dalam teori ini menjelaskan bagaimana sesebuah keluarga mentadbir ahli-ahlinya kedalam unit yang lebih kecil atau subsistem yang bersama-sama membangunkan sistem keluarga yang lebih besar (Minuchin, 1974) subsistem terdiri daripada tiga elemen utama iaitu pasangan, ibubapa, adik-beradik. Setiap sistem dibezakan oleh ahli yang terdiri daripada subsistem yang menjalankan tugas untuk memenuhi matlamat dalam keluarga. Apabila ahli atau tugasan yang dikaitkan dengan setiap subsistem menjadi kabur dengan subsistem yang lain, keluarga dilihat mempunyai situasi kesukaran sebagai merujuk kepada fenomena yang sedang dikaji, apabila anak terlibat dalam isu subsistem yang melibatkan pasangan, kesukaran seringkali timbul dalam sistem keluarga yang memerlukan intervensi.

Semua ahli dalam keluarga memiliki pegangan tersendiri dalam mengekalkan keseimbangan dalam jenis perhubungan. Tindakan yang dihasilkan oleh seorang ahli akan memberi kesan terhadap ahli keluarga yang lain. Ianya dapat dilihat pada masa perubahan apabila keseimbangan yang terbentuk mengalami ancaman. Perubahan dalam

University of Malaya

situasi keluarga bermakna penyesuaian sistem keseluruhan dan boleh menimbulkan masalah dan cabaran kepada setiap ahli dalam keluarga. Semasa sistem keluarga cenderung untuk mengekalkan kestabilan, mereka tidak dan akan berubah-ubah. Sebuah keluarga mesti bersedia untuk bertindak balas terhadap perubahan keperluan dan keadaan yang tidak terjangka.

Justeru, dalam usaha untuk memahami sesebuah keluarga khususnya bagi mereka yang sedang melalui pengalaman dalam perkahwinan jarak jauh, adalah penting untuk mengenalpasti kepelbagaian ciri-ciri yang terkandung dalam sistem keluarga. Perincian mengenai ciri-ciri yang terkandung dalam struktur keluarga melalui Rajah 2.1 adalah seperti berikut:



Rajah 2 .1: Komponen dalam Teori Struktural Keluarga

University of Malaya

2.7.1 Sempadan luar

Apabila individu terlibat dalam persekitaran yang intim atau rapat seperti keluarga, mereka terdorong untuk menetapkan batasan antara satu sama lain. Terdapat kepelbagaian tingkahlaku yang boleh diterima dan terdapat pelencongan tertentu yang boleh diterima. Apabila tingkahlaku individu diancam oleh pelanggaran batas yang telah dipersetujui bersama ahli-ahli akan bertindakbalas dengan tindakan untuk mencuba untuk membangunkan semula had dan memelihara kestabilan dalam sistem keluarga. Semua ahli dalam sistem keluarga mengambil bahagian dalam proses untuk mengekalkan kestabilan.

Ann Hartman (1979) mendefinisikan sempadan luar sebagai garisan yang memisahkan antara sesuatu yang di dalam dan 'di luar' keluarga. Ini bermakna sempadan luar mendefinisikan perhubungan keluarga terhadap perkara-perkara di luar rumah seperti sekolah, keluarga orang lain dan sebagainya. Meskipun sempadan ini tidak bersifat fizikal, ianya boleh dikesan melalui tindakan sesebuah keluarga menggunakan ruang tersebut. Keluarga akan membuat penyataan bagaimana mereka melihat sempadan tersebut dengan kenyataan fizikal mengenai privasi dan kebolehcapaian.

Merujuk kepada penggunaan ruang, sebuah keluarga mempunyai banyak sikap, undang-undang dan jenis-jenis komunikasi yang membantu dalam membuat pendefinisian mengenai sempadan yang wujud dalam sesebuah keluarga. Peraturan ini termasuklah individu yang terlibat dalam akses kepada keluarga. Kantor dan Lehn (1976) membuat penghujahan mengenai perbezaan dalam penyusunan sruktur dalam keluarga dan telah mengenalpasti beberapa ciri-ciri dalam sempadan yang tertutup. Ciri-ciri tersebut adalah :

1. Ruang untuk akses ke dalam keluarga sangat dikawal ketat.

University of Malaya

2. Perhubungan ahli keluarga dengan sistem luar adalah dikawal secara rigid oleh undang-undang dan diimplimenkan oleh individu yang memiliki autoriti banyak peraturan yang wujud berkenaan sesuatu aktiviti atau perhubungan antara sesama individu.
3. Capaian atau perhubungan yang baru dan berbeza terhadap dunia luar dilihat sangat sukar untuk ahli keluarga membuat pengembangan di mana mereka terdorong untuk memiliki perhubungan yang sangat terhad.
4. Privasi merupakan sesuatu yang sangat bernilai. Ahli-ahli terdorong untuk melindungi diri dan kadangkala bersikap berahsia.
5. Nilai-nilai yang berkaitan dengan peranan dan peraturan dilihat bersifat rigid.
6. Komunikasi yang disalurkan melalui pendedahan yang terhad untuk mengelakkan konflik.
7. Ahli memberi keutamaan yang tinggi untuk setia kepada keluarga.
8. Boleh bersikap penyayang, tetapi dikawal untuk meluahkan sesuatu.
9. Tradisi dan disiplin sangat bernilai di mana perubahan atau perbezaan yang wujud adalah sagat sukar dan boleh mengancam keluarga.

Sebaliknya, keluarga yang memiliki sempadan fizikal yang sangat terbuka mempamerkan ciri-ciri seperti berikut:

1. Ahli keluarga, rakan-rakan dan orang luar boleh masuk dan keluar dengan mudah.
2. Privasi dalam keluarga sangat kurang di mana konsep ruang yang diterjemahkan dalam keluarga tidak dinyatakan dengan jelas.
3. Ahli keluarga membina perhubungan dengan persekitaran luar dan membuat segala aktivti secara sendirian.

University of Malaya

4. Perancangan tidak dititikberatkan dan banyak menjurus kepada aktiviti spontan.
5. Keunikan dan perbezaan dalam keluarga merupakan sesuatu yang sangat digalakkan.
6. Emosi diluahkan dengan lebih terbuka tetapi tidak dalam cara yang konsisten.
7. Perubahan yang berlaku boleh mendorong kepada situasi huru-hara di mana keluarga memiliki kecenderungan untuk berpecah.
8. Tiada tindakan muktamad dalam proses pembuatan keputusan dimana peraturan boleh bersifat fleksibel.

Manakala, keluarga yang berada dalam kontinum pertengahan memiliki sempadan yang sederhana terbuka seperti berikut:

1. Akses kepada ruang keluarga, tetamu, kebebasan untuk bertukar-tukar orang di luar lingkungan keluarga adalah mudah.
2. Ahli keluarga boleh meneroka kumpulan dan komuniti luar dan cenderung untuk memilih perhubungan yang lebih luas dan kukuh.
3. Komunikasi adalah bersifat terbuka di mana pendapat, perubahan dan perkongsian idea malah konflik boleh diluahkan secara terbuka.
4. Peraturan diterangkan dengan jelas namun boleh bersifat fleksibel.
5. Perkembangan adalah digalakkan dan keunikan dikendalikan dengan batasan yang telah ditetapkan.
6. Perapatan antara ahli adalah digalakkan dimana terdapat keseimbangan antara tenaga yang mengalir masuk dan keluar dalam sistem keluarga.

Darjah keterbukaan dan perapatan adalah berubah-ubah mengikut gaya, kesukaan, budaya dan peringkat. Kebanyakan keluarga memiliki campuran

University of Malaya

antara sempadan terbuka dan sempadan tertutup yang boleh berubah bergantung kepada keadaan.

Pertimbangan mengenai implikasi ke atas sempadan keluarga khususnya bagi individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh adalah penting supaya anak dan keluarga boleh bersatu tanpa tekanan yang banyak. Elemen penting yang perlu diambil perhatian dalam sempadan luar adalah sifat fleksibel untuk membenarkan keluarga mengakses sumber dari dunia luar untuk memenuhi keperluan yang dikehendaki melalui cara yang memuaskan.

2.7.2 Sempadan dalaman

Sistem dan struktur keluarga mengandungi beberapa subsistem yang akan mewujudkan sempadan dalaman. Secara jelasnya, seseorang individu berkemungkinan dipunyai oleh lebih dari satu subsistem. Dari masa ke masa, peraturan akan dibangunkan mengenai bagaimana subsistem berinteraksi antara satu sama lain, siapa yang terlibat dalam subsistem dan bagaimana setiap ahli akan mendefinisikan perhubungan antara subsistem.

Merujuk kepada fenomena yang sedang dikaji oleh penyelidik, subsistem yang melibatkan ibubapa atau nenek yang akan mengendalikan subsistem dalam keluarga. Sempadan dan peraturan mungkin boleh bersifat nyata atau sebaliknya. Individu dalam keluarga mengatur diri masing-masing berdasarkan jenis kedekatan dan kejauhan. Aponte (1976) menyatakan bahawa sebuah keluarga terbentuk dengan jayanya melalui kewujudan sistem penjajaran keluarga yang fleksibel dapat dibeza-bezakan dan saling bergantung. Penjajaran akan berkembang antara dan bersama-sama individu dalam keluarga dalam usaha untuk menyelesaikan tugas sekaligus untuk memenuhi keperluan emosi. Penjajaran ini boleh bersilih ganti sepanjang masa dan menyediakan ahli-ahli

University of Malaya

dengan sumber-sumber sokongan dan penjagaan yang boleh diharapkan bergantung kepada beberapa perkara termasuklah latar belakang etnik, tradisi keluarga dan nilai yang dipegang oleh ahli dalam keluarga.

Merujuk kepada fenomena yang menjurus kepada keluarga yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh individu yang tergolong dalam subsistem boleh menjadi satu isu yang sangat penting. Ini kerana kadangkala, anak atau datuk/nenek turut terlibat dalam subsistem keibubapaan. Situasi ibubapa yang bekerja memerlukan bantuan yang mungkin akan mempengaruhi subsistem sekaligus memberi perubahan kepada interaksi dalam struktural keluarga.

2.7.3 Peranan

Sempadan dalaman dan luaran sesebuah keluarga diorganisasikan oleh peranan untuk memastikan perkara-perkara seperti penjagaan anak, pembuatan keputusan, pengurusan rumah dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan baik dalam sesebuah keluarga. Organisasi peranan dan jangkaan dalam keluarga di pengaruhi oleh pelbagai faktor seperti budaya, latar belakang etnik, pengalaman dimana keluarga membesar, gaya hidup, saiz keluarga dan bagaimana keluarga itu dibentuk. Apabila keluarga berdepan pengalaman berpisah dan bertemu akibat perhubungan jarak jauh,pengaplikasian peranan menjadi isu penting untuk memastikan keseimbangan keluarga dapat dicapai.

2.7.4 Peraturan keluarga

Dari masa ke masa, ahli keluarga mengembangkan peraturan tentang cara mereka mengaitkan setiap perkara kepada persekitaran luar. Banyak peraturan dalam keluarga yang bersifat ‘terpendam’ dan tidak dijelaskan secara terbuka. Peraturan berkaitan komunikasi seperti “ibubapa tidak boleh bertelagah dihadapan anak-anak”, peraturan mengenai proses pembuatan keputusan,

University of Malaya

bagaimana sesuatu masalah itu diselesaikan, cara ahli berfikir, memberi respon emosi dan bertingkahlaku. Peraturan adalah bersifat berulang boleh dijangkakan stabil meskipun dalam kebanyakan tradisi beberapa peraturan traidisi telah dilupakan.

Pemahaman mengenai keluarga adalah penting untuk mempelajari bagaimana peraturan dan pola tingkahlaku dioperasikan dalam keluarga untuk mengekalkan kestabilan, mempromosikan kejelekitan yang semestinya berbeza dengan keluarga yang lain. Malah, cara peraturan dilaksanakan samada secara terbuka atau sebaliknya dan bagaimana ia boleh diubah menjadi satu isu yang boleh dihujahkan. Ini kerana apabila sesebuah keluarga mengalami pengalaman dalam berdepan dengan perbincangan mengenai peraturan atau tidak berupaya untuk membuat perubahan peraturan seperti yang dikehendaki, keadaan ini akan mencetuskan satu masalah.

Secara keseluruhannya, keluarga mengekalkan kestabilan dengan mengemukakan peraturan tentang tindakan untuk kekal bersama. Peraturan yang termaktub samada secara eksplisit atau inplisit boleh dibincangkan atau tidak boleh berubah dengan mudah atau sebaliknya turut dilihat sebagai satu aspek yang memerlukan pemahaman yang jelas.

Merujuk kepada fenomena perkahwinan jarak jauh, pemahaman mengenai keluarga adalah penting untuk mempelajari bagaimana peraturan dan pola tingkahlaku dioperasikan dalam keluarga untuk mengekalkan kestabilan, mempromosikan kejelekitan yang semestinya berbeza dengan keluarga yang lain yang tinggal sebumbung sebagai keluarga nuklear.

University of Malaya

2.7.5 Penyebaran kuasa

Setiap keluarga memiliki cara untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Ini bermakna setiap ahli dalam keluarga memiliki amaun tertentu dalam membentuk kuasa dan pengaruh ke atas bidang tertentu. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Aponte (1976), ahli keluarga mesti memiliki kuasa yang cukup bagi membolehkan mereka melindungi kepentingan peribadi dalam keluarga, di samping menjaga kesejahteraan semua ahli keluarga secara menyeluruh.

Merujuk kepada kajian perkahwinan jarak jauh yang dijalankan oleh penyelidik, ketiadaan individu yang dominan seperti bapa dalam keluarga mendorong kepada pembentukan variasi dalam cara sesuatu kuasa disebarkan dan digunakan dalam keluarga. Kebanyakan keluarga berusaha untuk melibatkan semua ahli secara sama rata sepanjang proses pembuatan keputusan. Terdapat keluarga yang memiliki pegangan kuasa yang jelas dan rigid. Penyebaran kuasa boleh bersilih ganti sepanjang masa.

Tidak ketinggalan, pertimbangan yang sewajarnya harus diberikan terhadap sistem yang tinggal berjauhan dimana kuasa yang terlalu difokuskan kepada individu dominan dalam keluarga ataupun penyebaran kuasa yang bersifat terlalu merewang-rewang mungkin menyebabkan ahli dalam keluarga menjangkakan tiada tanggungjawab diletakkan ke atasnya yang akhirnya boleh menghalang operasi keluarga dan perkembangan individu.

2.7.6 Feedback loops

Konsep ini digunakan untuk menerangkan jenis atau saluran komunikasi yang membantu pergerakan ke arah *morfogenesis* atau *morfostasis. Feedback loops* yang negatif menjurus ke arah jenis interaksi yang mengekalkan kestabilan atau

University of Malaya

mengurangkan perubahan. Ianya membantu untuk mengekalkan homeostasis. Manakala *feedback loops* yang positif merupakan jenis interaksi yang membantu perubahan atau pergerakan samada berkembang atau menemui kegagalan.

Walaupun perkataan 'negatif' dan 'positif' digunakan dalam teori sistem keluarga, ini tidak bermakna ianya mewakili komunikasi yang baik atau buruk. Sebagai contoh, merujuk kepada fenomena perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh keluarga, seorang bapa mengambil keputusan untuk berpindah ke rumah setelah lama berjauhan dengan keluarga. *Feedback Loops* yang negatif dikaitkan dengan corak interaksi dan komunikasi yang mendorong sistem keluarga untuk berfungsi dalam keadaan terkini. Corak ini bertujuan untuk mengekalkan sistem keluarga dalam keadaan seperti sebelum bapa nya berpindah kedalam keluarga. Ahli keluarga boleh meneruskan segala aktiviti rumahtangga meskipun bapanya telah berpindah untuk tinggal sebumbung dalam keluarga dilihat tetap sama seperti sebelum bapanya berpindah. Sebaliknya, *feedback loops* yang positif menyaksikan kemunculan corak interaksi dan komunikasi sebagai hasil keperluan untuk berubah memandangkan berlakunya keadaan bapa yang telah berpindah. Ini bermakna, sesebuah keluarga mungkin mencapai tahap persetujuan melalui perjanjian mengenai perkara-perkara yang perlu dilaksanakan setelah bapanya berpindah ke dalam rumah untuk mencapai kedekatan jarak.

Sebagai sistem interaktif yang kompleks, keluarga dilihat sebagai satu entiti yang berorientasikan matlamat. Keluarga berusaha untuk mencapai objektif dan matlamat tertentu. Melalui corak interaksi samaada *feedback loops* yang bersifat positif dan negatif pencapaian matlamat menjadi lebih atau kurang dicapai. Konsep *equifinality* merujuk kepada keupayaan sistem keluarga untuk menyelesaikan matlamat yang sama melalui cara yang berbeza (Bertalanffy,

University of Malaya

1968). Konsep ini mencadangkan bahawa permulaan yang sama boleh menghasilkan hasil yang berbeza-beza dan output mungkin boleh dicapai melalui banyak laluan.

2.7.7 Komunikasi

Kerakteristik yang tidak kurang penting dalam struktur keluarga adalah komunikasi. Sesebuah keluarga melaksanakan peranan, mengoperasikan peraturan, menguruskan sempadan melalui proses komunikasi. Sistem komunikasi dilihat selari dengan sistem perhubungan.

Menjurus kepada sistem keluarga pola komunikasi menekankan perhubungan yang sedang berlangsung dalam sesebuah keluarga. Jika terdapat perebutan kuasa yang timbul antara dua individu maka tahap percanggahan adalah tinggi.Dalam situasi yang ekstrim, persaingan antara individu dalam pembuatan keputusan sangat nyata. Justeru, dalam konteks perkahwinan jarak jauh yang sedang dikaji oleh penyelidik, kekangan komunikasi yang dibatasi jarak mempengaruhi kepuasan yang sesuai dalam memenuhi keperluan, kehendak dan keadaan yang membenarkan sesebuah keluarga menjalankan kefungsian dengan penuh rasa hormat dalam kalangan ahli.

Menyentuh kepada pola komunikasi ini, sesebuah keluarga boleh tergolong dalam pola komunikasi terbuka atau tertutup. Pola komunikasi terbuka membenarkan mesej disampaikan dengan jelas di mana individu dapat meluahkan kehendak dan permintaan dengan cara yang bebas. Berbeza dengan pola komunikasi yang tertutup, individu tidak terbuka untuk mempamerkan kehendak dan psikologinya dan tidak kongruen. Meskipun teori ini mengetengahkan kontinum pola komunikasi sebegini, harus ditekankan bahawa tiada jenis komunikasi yang ideal memandangkan faktor budaya dan etnisiti

University of Malaya

yang memberi pengaruh yang signifikan dalam menentukan pola komunikasi yang berkesan dalam keluarga.

2.7 Implikasi Teori Pertautan dan Teori Struktural Keluarga dalam Kaunseling dan Penyelidikan

Pengamal kaunseling perhubungan dan keluarga harus memberi perhatian kepada teori pertautan dengan sewajarnya apabila berhadapan dengan pasangan atau individu yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan menguruskan tekanan seperti kesukaran dalam komunikasi (Holt & Stone, 1988). Ini kerana sistem pertautan yang bersifat saling berkait termasuklah pengalaman dan sejarah perpisahan yang mampu memberi manfaat atau ancaman kepada isu keluarga. Ini bermakna, kesukaran dapat diatasi secara cepat terhadap individu yang keliru atau tertekan dengan proses yang melibatkan pertautan dalam perhubungan jarak jauh dengan menggunakan pendekatan teraputik berasaskan pertautan (Bolwby, Byng Hall, 1995, 1999; Johnson, 2004; Woolley & Johnson, 2005).

Dalam terapi, penyelenggaran untuk mencapai kedekatan dan bantahan mengenai perpisahan ini boleh menjadi kebimbangan utama, meskipun pada hakikatnya pasangan yang bermasalah tidak menyedarinya. Pasangan yang mengekalkan jarak kedekatan dengan isyarat fizikal seperti bersama dalam sebuah bilik berkemungkinan berasa tidak gembira mengenai kehilangan keadaan bersama dan mungkin tidak mengembangkan isyarat komunikasi yang baru untuk mengekalkan jarak, sebaliknya ianya menyimpan secara senyap segala perasaan dan dilema emosi akibat perpisahan yang berlaku. Menyedari akan hal ini, pasangan perlu memperoleh manfaat dari bantuan yang dapat mendedahkan mereka akan kefungsian keadaan kebersamaan sebelum ini seperti peningkatan keyakinan dan menjelaskan emosi yang naik turun yang mengiringi kehidupan mereka lantaran perpisahan yang berlaku. Secara tidak langsung, masalah yang dihadapi akan diterjemahkan semula dengan pendekatan yang lebih sesuai dan pasangan boleh melihat bahawa kesukaran mereka mampu diselesaikan.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, sebagai perbincangan teraputik antara kaunselor dan klien, kaunselor juga boleh mengesahkan dan memulihkan sebarang pengalaman terganggu yang timbul lantaran perpisahan yang berlaku menjadi lebih panjang dan proses pertemuan menjadi singkat. Pertemuan yang akan melanda pasangan akan menimbulkan kegembiraan (Bowlby, 1988) tetapi turut melibatkan sedikit gangguan emosi perpisahan kerana kesedaran yang terbit dalam pemikiran akibat kejauhan yang dialami oleh pasangan. Jika bantahan mengenai perpisahan menjadi lebih ekstrim, individu akan berasa keliru kerana mereka memahami secara kognitif akan perpisahan yang terjadi, namun tetap terus bersedih dan kecewa. Menyedari akan hakikat ini, pemahaman sepanjang pengesahan kaunselor akan berupaya membantu klien menerima kekuatan emosi dalam pertautan dan motivasi dalam perpisahan yang berlaku (Bowlby, 1969).

Selain itu, Teori Struktural keluarga mempunyai impak yang begitu signifikan terhadap kajian mengenai keluarga dan pendekatan yang diimplimentasikan untuk menguruskan interaksi keluarga teori ini boleh dijadikan landasan untuk memandu penyelidikan khususnya dalam proses untuk memahami peristiwa-peristiwa atau isu-isu yang boleh memberi kesan kepada individu mahupun keluarga secara keseluruhannya. Dengan kata lain, teori ini mampu menjadi lensa yang berguna untuk membuka ruang pemahaman yang mendalam mengenai isu ketidaksamaan jantina tidak ditekan atau dihujahkan secara jelas dalam teori struktural keluarga. Contohnya, situasi dalam keluarga kontemporari yang telah memberi pengaruh terhadap kesamarataan antara lelaki dan wanita yang tidak dapat dihujahkan dengan jelas dalam teori ini.

Tidak ketinggalan, kemunculan kepelbagaian bentuk kekeluargaan menyebabkan terbentuknya corak-corak komunikasi yang berbeza dalam sistem keluarga. Namun, Minuchin (1974) memberi lebih fokus ke atas ruang semulajadi dalam sesebuah keluarga. Pusat kepada orientasi ini adalah pemeriksaan konteks sosial dan struktur di mana keluarga akan meneroka diri mereka dan interaksi yang wujud

University of Malaya

dalam konteks dan struktur tersebut. Justeru, dalam bidang yang berbeza, teori sistem keluarga dicabar untuk mempertimbangkan dan mengintergasikan kepentingan budaya dan isu kontekstual yang lebih luas yang bertindak dalam mempengaruhi keluarga. Intergasi teori struktural keluarga ke dalam kajian etnik dan perbezaan budaya menjadi bukti kepada kebergunaan yang berkesinambungan dalam meneroka pengalaman individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

2.8 Kajian mengenai perhubungan jarak jauh yang romantik

Banyak artikel memberi fokus dalam perkahwinan jarak dilihat semakin berkembang dan meningkat dari tahun ke tahun (Armour, 1998).Artikel cendekiawan menulis mengenai perkahwinan jarak jauh seperti perkahwinan komuter berkembang dalam era 70-an (Gerstel & Gross, 1984) dan diteruskan sehingga kini (Justice, 1999). Peningkatan penyelidikan ini mungkin disebabkan oleh perkembangan minat dalam perhubungan jarak jauh dan peningkatan bilangan individu yang terlibat dalam jenis perkahwinan jarak jauh ini.

Permulaan kajian yang dikendalikan oleh Hazard dan Shaver (1987) berkenaan pertautan dalam perhubungan orang dewasa mendorong kajian demi kajian dilaksanakan secara meluas dan berkembang dalam psikologi sosial, personaliti mahupun psikologi klinikal. Secara keseluruhannya, kajian yang dilaksanakan melibatkan beberapa penemuan yang timbul yang merangkumi beberapa elemen. Elemen tersebut termasuklah:

2.8.1 Kualiti hubungan dan kestabilan hubungan

Dengan mengambil kira kualiti perhubungan secara keseluruhan, kebanyakan kajian menunjukkan bahawa orang dewasa yang berasa selamat akan mengembangkan hubungan dan beranggapan mereka lebih gembira dan berfungsi dengan lebih baik

University of Malaya

berbanding pasangan yang tidak berasa selamat (Bartholomes& Horavitz, 1991; Collins & Read,1990). Dalam kajian yang dijalankan, golongan dewasa dilihat cenderung untuk terlibat dengan emosi positif dan memiliki sikap berdikari yang tinggi, komitmen, percaya dan kepuasan. Individu ini mempunyai konsep kendiri yang tinggi,berinteraksi secara baik dengan orang lain, dan dilaporkan tidak mempunyai masalah peribadi yang serius. Orang dewasa yang bimbang, dalam masa yang sama cenderung untuk emosi yang negatif, tahap kepercayaan dan kepuasan yang rendah mereka melaporkan keinginan yang tinggi terhadap kewujudan komitmen dalam perhubungan yang mempamerkan sikap mengawal dan mendominasi sesuatu hubungan. Pada masa yang sama, individu yang bersifat mengelak cenderung untuk dikaitkan dengan tahap mandiri (berdikari) yang rendah, komitmen, kepercayaan dan kepuasan. Mereka juga melaporkan tahap kesedihan yang rendah apabila menamatkan sesuatu perhubungan. Keadaan yang sama berlaku kepada individu yang bersifat bimbang/asyik. Walaubagaimanapun, sifat semulajadi yang negatif dalam perhubungan dilihat dapat membendung perasaan tidak selesa dengan keintiman berbanding obsesi terhadap keasyikan dengan pasangan.

Walaupun individu dewasa yang memiliki sikap tidak selamat cenderung untuk memiliki perhubungan yang kurang memuaskan, perhubungan mereka dikatakan tidak selalu mengalami kestabilan yang rendah. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Lec Kirk Patrick dan Cindy Hazan (1994) mendapati bahawa perhubungan di kalangan responden yang memiliki sifat kebimbangan dan kecemasan mahupun individu yang bersifat asyik *(preoccupied)* akan menjadi agak stabil meskipun kualiti perhubungan pada peringkat permulaan adalah negatif. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Joanne Davila dan Thomas Bradbury (2001) mendapati bahawa individu yang memiliki sikap tidak selamat akan cenderung terlibat dalam perkahwinan yang tidak gembira namun masih stabil. Justeru, kajian ini mencadangkan bahawa individu dewasa

University of Malaya

yang bersifat tidak selamat boleh bertoleransi terhadap hubungan yang tidak gembira berbanding dengan individu yang selamat, berkemungkinan kerana mereka kurang yakin tentang alternatif yang boleh digunakan.

2.8.2 Tingkahlaku Interpersonal

Sebagai rentetan mengenai kajian tentang perbezaan jenis pertautan dalam kualiti perhubungan, banyak kajian yang dijalankan untuk menguji bagaimana individu dewasa yang memiliki sifat selamat dan tidak selamat berbeza dalam tingkahlaku interpersonal dalam pelbagai konteks perhubungan. Walaupun beberapa kajian bergantung kepada tingkahlaku dari laporan kendiri, banyak kajian menggunakan kaedah pemerhatian untuk menguji tingkahlaku dalam makmal dan setting di lapangan. Kajian ini mendedahkan bahawa individu yang selamat cenderung menjadi pemberi sokongan yang efektif dan pencari sokongan *(suppor –seeker)* berbanding orang dewasa yang tidak selamat, (Collins & Feeney, B., 2000 : Feeney, J.,1996; Collins,2001). Manalaka, dalam kajian yang dilakukan oleh Simpson, Rholes dan Phillips (1996) mendapati bahawa individu dewasa yang selamat terdolong untuk menggunakan lebih banyak strategi konstruktif untuk mengendalikan konflik berbanding orang dewasa yang memiliki sifat tidak selamat.

Selain itu, individu dewasa yang bersifat selamat mempamerkan corak komunikasi yang lebih efektif (Feeney, J., Noller & Callon,1994) dan lebih tersuai dengan pendedahan kendiri (Mikulincer & Nachshon,1991) berbanding individu yang tidak selamat. Malah, individu yang bersifat selamat cenderung untuk memberi respon yang sesuai terhadap perpisahan dengan pasangan masing-masing. Kajian yang dilakukan oleh Tidwell, Reis dan Shaver (1996) mendapati bahawa dapatan yang relatif kepada individu selamat dan cemas/ *ambivalent*, individu yang bersifat mengelak akan

mengalami pengalaman tahap intimasi yang rendah, keseronokan yang rendah, emosi negatif yang tinggi dalam interaksi dengan orang lain.

2.8.3 Kognisi dan persepsi perhubungan

Kajian ke atas persepsi interpersonal dalam kalangan pasangan menyatakan bahawa golongan dewasa yang selamat dan tidak selamat dilihat berbeza mengenai cara yang mereka tafsirkan mengenai pengalaman dalam perhubungan (Collins & Alland, 2001) . Sebagai contoh, golongan dewasa yang bersifat selamat lebih gemar untuk bersikap baik terhadap tingkahlaku pasangan dan bersedia untuk mengubah persepsi pasangan selepas menerima maklumat mengenai jangkaan mereka yang tidak dapat dipastikan (Mikulincer& Arad, 1999). Dalam kajian lain menunjukkan menunjukkan bahawa golongan dewasa yang bersikap mengelak cenderung untuk menumpaskan sistem pertautan mereka dengan menyekat kebolehcapaian pertautan yuang berkaitan dengan ingatan dan pemikiran (Frenkey, Gerner, & Shaver, 2000). Bagaimanapun, kajian dalam psikologi sosial mendedahkan bahawa walaupun individu yang bersifat mengelak mungkin melaporkan bahawa hubungan tidak berapa penting kepada mereka, mereka mempamerkan respon psikologi yang meningkat apabila berpisah dengan pasangan dalam situasi yang menekan (Freley & Shaver, 1997).

Selain mengendalikan *stressor* yang melibatkan kewangan, isu lawatan dari pasangan dan komunikasi yang terlibat dalam perhubungan, perhubungan jarak jauh turut melibatkan isu potensi dalam perhubungan. Ini merangkumi *'idealization'*iaitu tanggapan mengenai perhubungan yang dialami oleh pasangan. '*Idealization'* melibatkan kesan positif dan negatif di mana '*idealization'* boleh meningkatkan kepuasan dalam perhubungan kerana individu dapat melihat pasangan dalam situasi yang positif yang boleh mengurangkan tekanan akibat komitmen (Murray, 1996).

Perhubungan jarak jauh yang dialami oleh pasangan yang berkahwin turut melibatkan percanggahan budaya mengenai perhubungan perkahwinan secara umum.

University of Malaya

Ini kerana, secara amanya masyarakat beranggapan bahawa individu yang berkahwin akan bersama dan 'kebersamaan' itu adalah tinggal bersama pasangan. Amalan- amalan budaya mengendalikan bahawa pasangan akan menubuhkan sebuah isi rumah sacara bersama- sama, komunikasi yang kerap adalah perlu untuk kejayaan perhubungan dalam perkahwinan (Stafford, 2009) malah komunikasi itu perlulah dalam perhubungan yang bersemuka (Stafford, 2005).

Memandangkan pasangan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh tidak dapat mematuhi contoh yang digambarkan oleh masyarakat, maka penerokaan untuk melihat bagaimana individu yang terlibat dalam perhubungan ini membicarakan mengenai perkahwinan yang dilihat berbeza daripada norma. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Bergen (2006) cuba mendapatkan penjelasan mengenai perkahwinan dari temubual ke atas 49 orang isteri yang terlibat dalam perkahwinan komuter dan 25 orang isteri dalam kumpulan berfokus. Melalui pendekatan naratif yang dilaksanakan, beberapa tema yang muncul termasuklah melihat keputusan untuk tinggal berasingan diputuskan secara bersama dan digalakkan oleh pasangan, menganggap bahawa masa bersendirian sebagai sesuatu yang wajar dan tidak bermasalah dan menganggap bahawa proses tinggal berasingan dalam perhubungan adalah untuk mengurangkan masa dan jarak. Walaubagaimanapun, bilangan peserta kajian yang memiliki anak adalah jauh lebih sedikit dari mereka yang tidak memiliki anak. Maka, penerokaan mengenai persepsi dan pengalaman tentang penjagaan anak tidak dapat dirungkai dengan mendalam dan menyeluruh.

2.8.4 Ketidakpastian perhubungan

Ketidakpastian mengenai perhubungan selalu dikaitkan sebagai sumber utama dalam kesukaran kepada individu dan membawa kepada konflik interaksi antara pasangan (Dainton & Aylor, 2001; Maguire, 2007; Sahlsten, 2006). Dalam perhubungan

University of Malaya

peribadi, ketidakpastian berpunca daripada tahap keyakinan mengenai diri, pasangan dan perhubungan itu sendiri (Knoblock & Solomon, 1999). Memandangkan ketidakpastian perhubungan mampu menggugat perhubungan antara pasangan, terdapat usaha dari pengkaji terdahulu untuk melihat perkaitan antara keduanya. Ternyata dalam kajian oleh Dainton (2003) mendapati bahawa pasangan yang memiliki peningkatan kepastian dalam hubungan melaporkan mereka mengalami kepuasan hubungan yang lebih.

Tidak ketinggalan, Maguire (2007) dalam kajiannya yang menggunakan kajian tinjauan ke atas 168 responden mendapati bahawa individu yang berasa perhubungan mereka yang berubah-ubah dan ketidaktentuan hubungan yang bersifat sederhana melaporkan mereka mengalami lebih kepuasan dan kurang tertekan berbanding mereka yang sering mengalami ketidaktentuan dalam perhubungan yang dialami.

2.8.5 Komunikasi

Oleh kerana pasangan perkahwinan jarak jauh tidak dapat bertemu secara bersemuka setiap hari, satu-satunya cara untuk mengekalkan hubungan tersebut adalah melalui aktiviti komunikasi yang pelbagai khususnya komunikasi secara lisan. Dalam konteks ini, komunikasi dilihat sebagai satu pautan yang mengikat pasangan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh. Tanpa komunikasi (seperti telefon, email, surat, skype dan lain-lain) pasangan akan terdedah dengan tahap hubungan mesra yang menurun dan akan menjadi orang asing antara satu sama lain. Apabila ianya diaplikasikan dalam konteks perkahwinan jarak jauh, tuntutan komunikasi menjadi nadi dalam setiap perhubungan (Dresher 2000) di mana ianya dilihat sebagai suatu yang penting untuk membolehkan pasangan menyuarakan kehendak masing- masing, keperluan dan untuk memberi layanan kepada pasangan melalui cara yang boleh diterimapakai.

University of Malaya

Menyedari akan hakikat ini, kajian mengenai komunikasi yang memberi fokus kepada perkahwinan jarak jauh telah dijalankan. Dengan menggunakan kajian kuantitif melalui teknik persampelan bola salji *(snowball sampling),* Scott (2002) mengkaji komunikasi yang berjaya ke atas 92 orang peserta yang terdiri daripada individu yang tinggal berasingan. Melalui pentadbiran soal selidik yang menguji lapan pembolehubah iaitu dialektik, perasaan memahami, jenis pasangan, sokongan sosial, pengekalan hubungan, kepuasan komunikasi dan kepuasan hubungan). Dapatan membuktikan bahawa kepuasan komunikasi berkait secara signifikan dengan sikap keterbukaan dan tertutup yang akhirnya turut berkait dengan perasaan memahami dan salah faham antara pasangan.

Memandangkan komunikasi berkait rapat dengan kepuasan sesuatu perhubungan, kajian mengenai halangan komunikasi dalam kalangan inidividu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh telah dijalankan di mana Farell (2009) telah mengendalikan kajian yang memberi fokus kepada halangan-halangan komunikasi yang diterima oleh individu dan bagaimana halangan ini diuruskan oleh individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Halangan ini termasuklah halangan dalaman yang terdiri daripada sempadan yang terkandung dalam diri indivdu dan hubungan itu, manakala halangan luaran pula merupakan sesuatu yang bermula dari luar dari sempadan individu atau hubungan itu. Dalam kajian kualitatifnya, Farell mengendalikan temuramah semi-struktur ke atas 27 orang peserta kajian yang berumur dalam lingkungan 18 sehingga 35 tahun. Dapatan kajian dari temubual mendedahkan beberapa tema yang merangkumi 11 halangan dalaman seperti pengantara dalam komunikasi, pengelakan, tabiat bercakap,ketidakhadiran fizikal, emosi, pandangan orang luar, jangkaan yang tidak menentu, usaha dan ikthtiar yang diperlukan, tanggapan mengenai jarak ,lawatan dan lain-lain, manakala lima halangan luaran yang terlibat termasuklah jadual, jaringan sosial, kewangan dan teknologi. Ternyata,

University of Malaya

halagan yang paling utama dalam perhubungan jarak jauh ini adalah tanggapan mengenai jarak, jadual, jaringan sosial , kewangan dan teknologi. Ini bermakana jarak yang jauh yang ditanggap oleh individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh ini mampu menjadi ancaman besar kepada kestabilan hubungan.

Peningkatan bilangan individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh yang melibatkan pasangan yang berkahwin tidak semesetinya membuat mereka kelihatan mudah, ringkas dan menjadi sesuatu yang diingini. Di dalam konteks ini, hubungan jarak jauh mudah terjebak dalam masalah perhubungan (Sahlstein, 2006) di mana ianya menjadi sukar untuk diselenggara dan mungkin berdepan dengan banyak halangan. Pasangan juga akan terdorong untuk mencipta halangan komunikasi dengan mengembangkan limitasi mengenai perkara yang patut dan tidak patut dibincangkan dalam perhubungan mereka (Afifi &Guerrero, 2000).

2.8.6 Keintiman

Dalam memahami isu perkahwinan jarak jauh, soal keintiman yang menjadi aspek yang penting untuk proses kepuasan rumahtangga. Memandangkan perkahwinan jarak jauh melibatkan komunikasi, sentuhan fizikal yang tidak diperolehi setiap hari dan kurang kekerapan berjumpa, ia merupakan sesuatu yang unik dan menarik untuk diterokai dalam melihat bagaimana perhubungan jarak jauh boleh bertahan seperti perhubungan jarak dekat yang lain. Kaintiman boleh didefinasikan sebagai perasaan menjadi rapat dan terikat dengan pasangan (Stenbergh, 1988). Penyelidikan yang mengkaji keintiman dalam perhubungan jarak jauh telah menghasilkan keputusan yang pelbagai. Sebagai contoh, dalam kajian yang dijlankan oleh Van Horn, (1997) dan rakan-rakan yang membuat hipotesis dalam kajian ke atas 162 pelajar kolej yang menjangkakan bahawa individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh akan melaporkan kadar yang rendah dalam keintiman, melalui penggunaaan soal selidik untuk menganalisa aspek keinitiman, kepuasan dan kedekatan *(closeness).* Didapati bahawa responden

University of Malaya

melaporkan tahap intimasi yang menurun akibat komunikasi yang terhad, sebagaimana kurangnya interkasi secara bersemuka secara langsung yang semestinya boleh mengganggu sebuah perhubungan. Pada masa yang sama , Van Horn dalam kajiannya turut menyatakan bahawa kekerapan masa melawat menjadi faktor terhadap pendedahan kendiri.

Walaubagaimanapun, Guldner & Sewenson, (1995) dalam kajiannya menunjukkan hasil yang berbeza. Dalam kajiannya, mereka mentadbir soal selidik ke atas 384 pelajar universiti yang terdiri dari kekasih dan individu yang berkahwin untuk mengukur kepuasan, kepercayaan dan keintiman. Guldner & Swenson mendapati bahawa individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh memiliki tahap keintiman yang sama dengan perhubungan yang dekat. Justeru, mereka merumuskan perhubungan jarak jauh masih boleh mengalami keintiman, walaupun kurang berhubung secara langsung, Guldner dan Swenson percaya bahawa kekerapan berjumpa bukanlah satu isu utama, tetapi lebih kepada kualiti masa bersama.

Oleh kerana kajian mengenai keintiman dilihat banyak menimbulkan konflik, Van Horn (1997) mencadangkan agar kajian seterusnya membuat keputusan yang lebih ringkas dan padat mengenai perbezaan keintiman dalam perkahwinan jarak jauh dan perhubungan dalam jarak yang dekat.Keintiman tidak hanya tertumpu kepada keintiman fizikal.Justeru, kajian terdahulu mendapati bahawa kurangnya keintiman sebagai hasil negatif dalam sesuatu perhubungan. Responden dalam perhubungan jarak jauh bukan hanya tidak berupaya untuk berjumpa pasangan setiap hari, bahkan mereka tidak dapat menyentuh antara satu sama lain, di mana ianya merupakan salah satu elemen sokongan yag dirindui oleh individu (Schewbel, 1992).

Bagaimanapun, satu keputusan yang menarik yang diperolehi dari kajian terkini menunjukkan individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh menyatakan bahawa perhubungan ini memberikan mereka peluang untuk mengetahui atau

University of Malaya

mengenali pasangan melalui komunikasi bukan fizikal. Dapatan ini selaras dengan kajian Arditti & Kauffman (2003) yang menyarankan bahawa individu dalam perkahwinan jarak jauh cenderung untuk membangunkan komunikasi bukan fizikal sebagai kemahiran perhubungan yang membantu individu mencipta ikatan hubungan yang kuat.

2.8.7 Komitmen

Keintiman adalah komponen yang penting dalam perhubungan yang memuaskan. Namun begitu, hubungan yang serius tidak mencapai kesempurnaan tanpa adanya komitmen. Lydon (1997) dalam kajiannya menyatakan bahawa individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh berbeza dalam mengalami jenis-jenis komitmen. Untuk menjelaskan hal ini, Lydon telahpun mengendalikan kajian yang melihat kepada dua jenis komitmen yang ditemui dalam perhubungan, iaitu komitmen moral dan komitmen ghairah *(enthusiastic).* Dalam kajiannya, beliau mengendalikan kajian kuantitatif melalui pengtadbiran soal selidik ke atas 86 orang responden yang terdiri daripada pelajar universiti yang tinggal berdekatan mahupun mereka yang tinggal berasingan dengan pasangan. Soal selidik ditadbir bertujuan untuk mengukur jenis komitmen yang wujud dalam perhubungan samada komitmen moral atau komitmen ghairah. Komitmen *enthusiastic* dapat diterjemahkan sebagai "mahu" melakukan, atau sikap yang positif dan kepuasan berkaitan dengan komitmen.Manakala komitmen moral pula merujuk kepada "pemikiran" yang harus ada untuk meneruskan hubungan.

Lydon berpendapat bahawa individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh tidak kira kepada pasangan yang belum berkahwin mahupun yang telah berkahwin yang disebabkan oleh keputusan untuk memasuki setting pendidikan seperti universiti, akan terjerumus dalam komitmen moral. Justeru, Lydon menjangkakan bahawa semakin individu komited, semakin puas individu itu menjalani perhubungan yang dialaminya dan apabila hubungan tersebut mengalami kegagalan, individu tersebut dilihat akan

University of Malaya

mengalami kepayahan (distress) yang lebih tinggi. Hasil kajian membuktikan bahawa pasangan perhubungan jarak jauh yang baru menunjukkan lebih komitmen moral , manakala pasangan yang tinggal berdekatan mempamerkan komitmen *'enthusiactic'* yang lebih tinggi.

Pasangan jarak jauh yang memiliki komitmen moral cenderung untuk kekal bersama sebaliknya mereka yang kurang komitmen moral akan berakhir dengan perpisahan. Ini menunjukkan bahawa kepercayan tentang komitmen moral akan menyebabkan individu melihat hubungan yang dialami oleh mereka sebagai sesuatu yang bermakna dan hubungan itu merupakan satu pelakuan yang baik dalam proses pengekalan. Malah, Stafford (1990) turut menyatakan bahawa pasangan dalam perhubungan jarak jauh dilihat memiliki kestabilan dalam komitmen berbanding mereka yang tinggal berdekatan.

2.8.8 Kemahiran mengatasi

Perhubungan jarak jauh yang melibatkan pasangan kekasih dan pasangan suami isteri dilihat menghadapi cabaran dan masalah di seluruh penggubalan rutin harian mereka, penyelenggaraan, dan penamatan disebabkan jarak dan isu-isu lain. Cabaran dalam perhubungan jarak jauh boleh berlaku untuk individu atau hubungan (Sahlstein, 2006). Menyedari akan hal ini, penyelidikan lampau turut memberi perhatian kepada strategi mengahadapi cabaran dalam usaha memastikan perhubungan yang dialami mendapat kepuasan seperti perhubungan dekat dalam kalangan pasangan suami isteri. Kebanyakan kajian memberi fokus kepada aspek komunikasi yang menjadi elemen penting dalam memastikan kelangsungan perhubungan antara pasangan khusus bagi mereka yang tinggal berjauhan akibat jarak yang terpisah.

Sebagai contoh, Maguire (2001) dalam kajiannya melihat cara-cara yang berbeza dalam kalangan individu mengendalikan stressor-stressor dalam perhubungan

University of Malaya

jarak jauh yang melibatkan individu yang berkahwin. Menurut kajian yang dijalankan, Meguire menyatakan bahawa kebanyakan kajian mengkategorikan kemahiran mengatasi dan cara penyelesaian melalui beberapa kefungsian. Kefungsian yang dimaksudkan adalah penyelesaian berfokus kepada masalah di mana pasangan memberi fokus kepada mengubahsuai masalah yang spesifik yang menyebabkan berlakunya distress dalam perhubungan.Setiap individu dalam perhubungan turut terlibat dalam penyelesaian berfokus kepada emosi, di mana mereka secara sedar mengawal takat tekanan masing-masing. Pasangan secara bersama-sama juga boleh menggunakan strategi menyelesaikan masalah berfokus kepada perhubungan di mana pasangan melihat masuk ke dalam perhubungan dan bagaimana mereka mengendalikannya antara satu sama lain. Dalam temubual terhadap 19 individu dalam kajiannya, Maguire membuat konklusi bahawa individu yang menggunakan strategi seperti ini cenderung untuk mengalami tahap kepuasan yang tinggi.

Stressor dan kesukaran berkaitan dengan perhubungan jarak jauh dalam kalangan pasangan yang berkahwin (Rohlfing, 1995; Maguire, 2001) tidak semestinya menyebabkan pengurangan dalam kualiti perhubungan. Dengan erti kata lain, strategi yang dilakukan dapat menjana kepuasan dan kualiti perhubungan. Contohnya, Marigue (2001) dalam kajiannya menyatakan bahawa komunikasi yang berterusan akan menyediakan suasana atau tahap kepuasan dalam perhubungan. Malah, kajian dari Anderson & Gueroro (1998) turut selari dengan kajian lain yang menyatakan bahawa komunikasi sebagai faktor utama dalam mengekalkan perhubungan. Oleh kerana komunikasi disokong sebagai faktor penting dalam perhubungan, banyak penyelidikan melihat dan memberi fokus dalam isu komunikasi yang bukan hanya menjadi cabaran dalam perhubungan jarak jauh, malah menjadi agen dalam tingkahlaku dalam mengekalkan perhubungan (Canary & Stafford, 1994; Dainton & Aylor, 2001; Rabby, 2007).

University of Malaya

Selain dari rangkaian komunikasi melalui teknologi telekomunikasi yang membolehkan individu mengendalikan jarak yang terpisah antara pasangan, sokongan sosial turut dilihat sebagai elemen utama yang memainkan peranan penting dalam menjammin kelangsungan dan kualiti perhubungan khusus bagi pasangan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh walaupun perhatian terhadap aspek ini kurang diberi perhatian oleh pengkaji terdahulu (Yin, 2009). Menurut Yin, sokongan sosial sebagai satu tindakan mengekalkan hubungan banyak diberi perhatian dalam perhubungan yang melibatkan jarak dekat antara pasangan. Sokongan sosial yang dimaksudkan termasuklah sokongan emosi, aktiviti sosial, bantuan praktikal, bantuan kewangan, nasihat dan bimbingan. Justeru, pendekatan kuantitatif melalui penggunaan soal selidik seperti Skala Ketidakpastian Hubungan (Knoblock &Solomon, 1999), Skala Tingkahlaku Sokongan Sosial (Vaux et. Al, 1987) dan Skala Penilaian Perhubungan (Hendrick, 1988) yang dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara tiga pembolehubah iaitu rangkaian komunikasi, sokongan sosial dan kepuasan dalam perhubungan menunjukkan bahawa sokongan yang tinggi dapat meningkatkan kepuasan dan keintiman dalam kalangan pasangan.

2.9 Isu dan jurang yang timbul

Meneliti sorotan kajian mengenai perhubungan jarak jauh yang melibatkan individu yang telah berkahwin, didapati bahawa kajian terdahulu banyak tertumpu kepada kaedah kuantitatif dalam usaha meneroka dinamik perhubungan yang terlibat antara pasangan yang tinggal berjauhan. Pendekatan kuantitif yang bersifat untuk menguji hipotesis yang ditetapkan melalui penggunaan soal selidik berskala oleh penyelidik sebelum ini menunjukkan bahawa ianya kurang berjaya untuk menggambarkan dinamik perhubungan secara mendalam berbanding pendekatan kualitatif yang lebih memahami individu dari konteksnya.

University of Malaya

Selain itu, elemen yang dikaji termasuk isu dan cabaran perhubungan jarak jauh termasuk komunikasi, keintiman, komitmen, kualiti dan kepuasan perhubungan serta aspek lain ternyata dapat memberi pendedahan dan gambaran mengenai isu yang kompleks dalam perhubungan jarak jauh. Walaubagaimanapun, majoroti kajian yang melibatkan responden yang tidak memiliki anak yang banyak digunakan dalam kajian lalu menimbulkan jurang dalam sorotan kajian. Ini kerana kehidupan pasangan yang memiliki anak pastinya lebih mencabar dalam memastikan perkembangan hidup dan personaliti yang mungkin terbentuk hasil dari penjagaan yang kurang menyeluruh dari kedua-dua belah pihak yang tinggal berjauhan.

Pada masa yang sama, penyelidikan yang dijalankan banyak tertumpu kepada responden dari negara barat yang diklasifikasikan sebagai negara individualistik. Maka, dapatan yang diperoleh dari penyelidikan yang bakal dijalankan diharapkan dapat menjana penemuan yang mampu menampung kelompangan dapatan dari kajian yang lalu dalam usaha untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

2.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sorotan kajian mengenai topik yang ingin diteroka oleh penyelidik telah menyediakan satu '*platform'* untuk membantu penulis mendapat gambaran awal mengenai perkembangan kajian yang telah dijalankan. Konsep dan terminologi yang pelbagai yang digunakan oleh penyelidik sebelum ini telah memberi ruang kepada penyelidik untuk melihat fenomena perkahwinan jarak jauh dari pelbagai istilah. Tidak ketinggalan, perincian mengenai teori pertautan *(attachment theory)* yang diasaskan oleh John Bolwby (1969) dan pendekatan teori structural (Minuchin,1974) serta kajian mengenai teori ini ke atas peserta kajian membuktikan ianya sebagai teori yang relevan untuk dikaitkan dalam kitaran perpisahan-pertemuan antara pasangan dan

University of Malaya

anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh. Selain itu, implikasi teori terhadap kaunseling dan penyelidikan yang cuba ditonjolkan oleh penyelidik memberi ruang kepada pengamal kaunseling untuk memberi lebih perhatian tentang aspek tertentu ketika mengendalikan kes yang melibatkan klien yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Pada masa yang sama, elemen yang diteroka oleh pengkaji sebelum ini termasuklah komitmen, kestabilan hubungan, komunikasi, keintiman, tingkahlaku interpersonal, dan kemahiran mengatasi yang digunakan telah memberi banyak panduan kepada penyelidik mengenai perkembangan fenomena perhubungan jarak jauh yang telah berlaku sebelum ini. Maka, kekurangan dalam kajian yang terdahulu diharapkan dapat memberi inspirasi kepada penyelidik untuk terus meneroka pengalaman yang kurang diberi perhatian oleh kajian lampau dalam usaha untuk memahami dinamik perhubungan yang boleh bersifat sebagai serampang dua mata bagi pasangan suami dan isteri.

University of Malaya

BAB 3:

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian. Dalam bab ini, penyelidik akan menjelaskan dan menumpukan perhatian terhadap reka bentuk kajian, justifikasi pemilihan rekabentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan cara menganalisis data. Penerangan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan serta pertimbangan etika penyelidikan turut dibincangkan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memahami secara mendalam pengalaman kelangsungan hidup yang dialami oleh individu yang berkahwin namun tinggal berasingan. Selaras dengan tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan satu kajian kualitatif iaitu kajian berbentuk fenomenologi. Rosman dan Rallis (1998) menegaskan sesiapa yang menjalankan kajian berbentuk fenomenologi harus memberi fokus secara mendalam ke atas makna tentang aspek-aspek dalam pengalaman, membuat interpretasi melalui dialog dan refleksi ke atas makna pengalaman yang dilalui itu. Justeru, penggunaan bahasa dilihat sebagai satu sistem simbol utama di mana makna dibina dan disampaikan (Holstein & Gubrium, 1994).

Memandangkan fenomena yang dikaji adalah melibatkan peserta kajian sendiri secara peribadi dan proses yang mendalam, percubaan kajian fenomenologi adalah untuk menggambarkan sesuatu yang telah dialami oleh orang tertentu, untuk kembali kepada perkara-perkara sendiri (Husserl, 1970; Moustakas, 1994). Kajian ini tidak bertujuan untuk membuat andaian, atau untuk menentukan punca mengapa pasangan ini

University of Malaya

hidup berasingan, tetapi lebih memfokuskan usaha untuk menjelaskan pembentangan yang teliti dan menyeluruh tentang pengalaman mereka dari sudut kehidupan mereka sebagai pasangan yang tinggal berjauhan dengan tepat dan jelas dan mendalam, berbanding dengan klasifikasi saiz, dan skor (Moustakas 1994). Fokus kajian ini menunjukkan minat dan rasa ingin tahu penyelidik ke atas masalah dan fenomena pasangan perkahwinan jarak jauh yang memiliki anak. Keperluan siasatan falsafah fenomenologi cuba untuk menggambarkan apa yang dilihat oleh seseorang, merasa dan tahu dalam pengetahuan dan pengalaman yang terdekat (Moustakas 1994).

3.3 Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Kajian

Dalam pendekatan fenomenologi, Moustakas (1994) telah membentangkan idea Husserl (1970) mengenai kajian fenomenologi transendental (*Trancendental Phenomenological Study)* di mana penyelidik cuba menghapuskan segala yang mewakili perasaan prasangka atau membuat andaian ke atas sesuatu. Kajian fenomenologi merupakan satu pendekatan yang memberi fokus kepada mentafsirkan makna dan tujuan dalam sesebuah fenomena (Merriam, 2002). Merriam (2002) turut menjelaskan walaupun kesemua penyelidikan kualitatif berbentuk fenomenologikal iaitu terdapat satu fokus terhadap pengalaman orang perseorangan, namun kajian fenomenologi transendental bertujuan untuk memahami maksud sebenar, inti pati (*essence*) atau struktur sesebuah fenomena. Fokusnya adalah untuk menggambarkan maksud sebenar (*essence*) sesuatu fenomena itu daripada perspektif mereka yang telah mengalaminya (Merriam, 2002).

Berbeza dengan fenomenologi hermeneutik, penyelidik memilih reka bentuk kajian fenomenologi transendental berdasarkan beberapa faktor yang mendasari kajian yang akan dijalankan. Pertama, pendekatan fenomenologi transendental sesuai untuk memenuhi tujuan kajian dalam meneroka intipati *(essence)* atau makna sebenar dan mendedahkan pengalaman hidup pasangan suami isteri yang tinggal berasingan akibat perkahwinan jarak jauh. Penerokaan mengenai makna yang ditanggapi oleh peserta

University of Malaya

kajian tidak boleh diteroka melalui faktor-faktor kuantitatif semata-mata kerana fenomena yang dikaji melibatkan proses tentang makna pengalaman menjalani kehidupan pasangan yang terpisah secara fizikal yang sudah pasti melibatkan proses secara peribadi dan mendalam.

Melalui pendekatan fenomenologi transendental yang dikemukakan oleh Mousatakas (1994), ianya kurang memberi fokus ke atas intepretasi penyelidik sebagaimana yang ditekankan dalam fenomenologi hermeneutik tetapi lebih kepada diskripsi pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Ternyata, pendekatan yang dipilih oleh penyelidik mampu memenuhi tujuan kajian yang ingin mendalami pengalaman kelangsungan hidup mengikut persepktif peserta kajian. Interpretasi penyelidik dan bias dapat ditangani dengan konsep *'epoche'* di mana penyelidik mengenepikan pengalaman sebanyak mungkindalam usaha mengambil sebanyak mungkin perspektif baru terhadap fenomena yang ingin dikaji. Dengan kata lain, fenomenologi transendental bermakna semuanya dilihat sebagai baru seolah-olah berlaku untuk kali pertama (Moustakas, 1994).

Pada masa yang sama, memandangkan kajian yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuat andaian atau menguji hubungan sebab–akibat atau apa-apa pemboleh ubah, maka pendekatan fenomenologi bersifat merangkumi berupaya memberi fokus terhadap pengalaman yang lengkap, komprehensif serta melihat pengalaman dan tingkahlaku sebagai satu hubungan integratif dan tidak boleh dipisahkan (Moustakas, 1994). Menyedari akan prinsip yang dikemukakan ini, penyelidik berminat untuk mengetahui secara mendalam tentang cabaran dan proses kelangsungan hidup dalam fenomena perkahwinan jarak jauh yang dihadapi oleh pasangan suami isteri tanpa cuba meletakkan sebarang andaian awal ke atas pengalaman peserta kajian (pasangan perkahwinan jarak jauh).

University of Malaya

Malah, menurut Ehrich (2003) dan Moustakas (1994), tujuan fenomenologi adalah untuk menggambarkan, berbanding dengan tindakan untuk membuat penerangan terhadap sesuatu fenomena. Maka, fenomena tersebut mestilah difahami terlebih dahulu sebelum penerangan dilakukan atau didedahkan. Menjurus kepada prinsip yang diberikan, penyelidik terlebih dahulu perlu mendapat gambaran yang mendalam mengenai bagaimana hidup dan proses kelangsungan hidup yang dialami oleh pasangan perkahwinan jarak jauh dalam proses mencipta makna menurut perspektif peserta kajian.

Tidak ketinggalan, pemilihan pendekatan fenomenologi transendental yang dilakukan oleh penyelidik didasari atas pegangan Van Manen (1990) yang menyatakan bahawa pengalaman langsung menjadi titik tolak dan titik akhir dalam kajian fenomenologi. Matlamat fenomenologi seperti dalam kajian ini adalah untuk menukarkan pengalaman langsung pasangan perkahwinan jarak jauh kepada satu ekspresi tekstural intipatinya (apa dan bagaimana) dalam usaha untuk memberi dan mendapatkan sebuah pengalaman yang menyeluruh terhadap fenomena yang sedang dikaji.

Meneliti prinsip dan kelebihan reka bentuk kajian menurut pandangan pengasas terdahulu, penyelidik berpendapat pendekatan kajian fenomenologi ini sebagai satu kaedah yang sesuai untuk mencari dan memahami makna di sebalik pengalaman yang dilalui oleh individu. Tambahan pula, kaedah analisis yang sistematik yang diketengahkan oleh Moustakas (1994) merupakan elemen yang penting untuk membantu penyelidik khususnya bagi penyelidik yang baru dalam proses membuat penerokaan secara mendalam bagi mencapai tujuan kajian di mana kajian fenomenologi bertindak untuk menyeimbangkan objektiviti dan subjektiviti dalam mencapai tahap pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh dan komprehensif.

University of Malaya

3.4 Konsep Dan Proses Utama Pendekatan Fenomenologi

Tujuan asas pendekatan fenomenologi adalah untuk memahami pengalaman individu dengan fenomena kepada diskripsi mengenai intipati secara universal yang pada akhirnya membolehkan penyelidik mengenalpasti satu fenomena iaitu satu pemahaman dan genggaman mengenai sifat benda itu (Van Manon, 1990).

Menyedari akan hakikat tersebut, dalam proses untuk menilai intipati dalam pengalaman individu, Patton (1990) menyenaraikan beberapa elemen dan proses utama yang terlibat dalam pendekatan fenomenologi iaitu *epoche, bracketting*, reduksi fenomenologi,variasi imaginatif, dan sintesis tekstural komposit. Perincian mengenai elemen dan proses bagi pendekatan fenomenologi akan dilakukan berdasarkan Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1: Komponen dan Proses utama pendekatan Fenomenologi

University of Malaya

3.4.1 Epoche

Epoche merupakan satu komponen yang penting dalam pendekatan fenomenologi di mana penyelidik menghapuskan atau menjelaskan tentang konsepsi awal. Maka, penyelidik perlu sedar akan prejudis, pandangan atau jangkaan berdasarkan fenomena yang sedang dikaji oleh penyelidik (Katz, 1987).

Ini bermakna, dalam memahami pengalaman kelangsungan hidup yang dialami oleh wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, komponen dan proses penting ketika mengumpulkan data memerlukan pengkaji untuk menangguhkan jangkaan-jangkaan awal agar dapat memasuki dunia kehidupan peserta dalam fenomena yang dikaji (Merriam, 2002). Tujuan proses *epoche* adalah untuk membolehkan pengkaji untuk belajar melihat apa-apa yang ada di depan mata berbanding dengan menghuraikan topik kajian seperti yang difahami olehnya (Moustakas, 1994). Justeru, pengkaji itu mestilah berfikiran terbuka, menerima dan naif ketika mendengar peserta kajian menggambarkan pengalaman mereka tentang fenomena yang hendak dikaji (Moustakas, 1994).

3.4.2 *Bracketing*

Bracketing merupakan ciri yang penting dalam pendekatan fenomenologi. Istilah ini bermaksud kepercayaan yang ditangguhkan melibatkan usaha. pengkaji untuk mengasingkan (*bracketing*) semua tanggapan dan prasangka, kepercayaan teoritikal dan bias konsepsi berkenaan dengan fenomena yang dikaji (Creswell, 1998).

Menjurus kepada kajian terhadap pengalaman wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, elemen *bracketing* melibatkan beberapa langkah yang

University of Malaya

dicadangkan oleh Denzin (1989) di mana penyelidik meletakkan bersama pengalaman individu dan penceritaan sendiri, frasa utama dan kenyataan yang dinyatakan secara langsung oleh peserta kajian. Kemudian, penyelidik menginterpretasikan makna terhadap frasa-frasa tersebut. Seterusnya, penyelidik mengekalkan interpretasi peserta kajian dalam frasa tersebut sekiranya keadaan mengizinkan. Kemudian, pengkaji bertindak untuk memeriksa makna tentang ciri-ciri penting yang dizahirkan oleh peserta kajian dalam fenomena yang dikaji. Akhir sekali, penyelidik menawarkan satu kenyataan tentatif atau memberi definisi mengenai fenomena kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh dalam ciri-ciri penting yang berulang- ulang yang telah dikenal pasti.

3.4.3 Kesengajaan (*Intentionality)*

Moustakas (1994) menyatakan bahawa kesengajaan (*intentionality*) dikaitkan dengan pengalaman dalaman yang melibatkan kesedaran akan sesuatu perkara,maka tindakan kesedaran dan objek bagi kesedaran adalah saling berkait dengan sengaja. Memandangkan manusia selalu sedar dengan sengaja terhadap sesuatu. Kesengajaan akan membawa kesedaran ke arah sesuatu, walaupun ianya bersifat benar atau hanya ilusi (Van Manen, 1990). Setiap individu secara sedar mengalami sesuatu yang ada. Sesuatu yang ada itu kemudiannya menjadi pengalaman yang sentiasa akan dikonstruksikan menjadi bahan untuk sebuah tindakan yang bermakna dalam kehidupan sosialnya dan kesengajaan ini telah dibentuk oleh *noema (apa)* dan *noesis (bagaimana)* (Husserl, 1970; Moustakas, 1994).

Merujuk kepada penyelidikan ke atas pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh, elemen *intentionality* melibatkan tindakan memahami sesuatu perkara, di mana setiap pengalaman individu dalam

University of Malaya

mengharungi kehidupan berjauhan dengan pasangan memiliki sisi objektif dan subjektif. Di mana kedua sisi itu harus dikemukakan. Sisi objektif fenomena *(noema)* ertinya sesuatu pengalaman yang boleh dilihat, didengar, dirasakan, difikirkan, atau sekalipun sesuatu yang masih akan difikirkan (idea). Sedangkan sisi subjektif *(noesis)* adalah tindakan yang dimaksudkan *(intended action)* seperti merasa, mendengar, memikirkan, dan menilai idea.

3.4.4 Gerak hati *(intuition)*

Gerak hati *(intuition)* yang menjadi konsep dalam unit pendekatan Husserl (1970) ini dipengaruhi oleh Descrates (1977) yang bermaksud kemampuan membezakan antara 'yang murni' dan yang diperhatikan melalui memori, persepsi dan fikiran (Moustakas, 1994). *Intuition* atau gerak hati berperanan untuk membimbing manusia mendapatkan pengetahuan. Bagi Husserl, gerak hatilah yang menghubungkan *noema* dan *noesis*. Oleh yang demikian, pendekatan Fenomenologi Husserl dinamakan fenomenologi transendental, kerana pengalaman terjadi dalam diri individu secara mental (*trancendent).*

3.4.5 *Noema dan noesis*

Dalam usaha mencapai tujuan mencari makna pengalaman individu khususnya dalam menterjemahkan makna pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkehwinan jarak jauh, elemen *noema* ialah apa-apa yang dizahirkan, fizikal sesuatu benda, manakala *noesis* bersifat subjektif yang melibatkan makna perspektif yang tersembunyi tentang apa-apa yang dialami (Moustakas, 1994). Dalam kata lain, noema merujuk kepada apa-apa yang zahir iaitu perkara yang dialami (Moustakas, 1994). Sebaliknya, noesis ialah bagaimana sesuatu itu

University of Malaya

dialami. Noesis dibentuk melalui persepsi, pertimbangan, memori dan perasaan (Moustakas, 1994).

Secara mudahnya, *noema* merujuk kepada objek, manakala *noesis* adalah subjektif (Moustakas, 1994). *Noema* dan *noesis* mesti digabungkan untuk memahami sesuatu pengalaman itu dan untuk mengenal pasti inti pati sesuatu fenomena. Gambaran secara jelas dan mendalam ialah elemen utama yang mandasari pencarian makna sebenar mengenai pengalaman individu .Ini mendorong pengkaji untuk terlibat dalam tindakan dan usaha untuk "mencari dan merenungkan, mencari dan merenungkan lagi" dalam usaha mendapatkan gambaran yang penuh dan tepat lantaran untuk memahami maksud tersembunyi di sebalik pengalaman yang diceritakan (Moustakas, 1994).

3.4.6 *Intersubjectivity*

Sememangnya intersubjektif ini dijelaskan oleh Schutz (1967). iaitu bermula dari konsep 'sosial' dan konsep 'tindakan'. Konsep sosial didefinisikan sebagai hubungan antara dua atau lebih orang dan konsep tindakan didefinisikan sebagai perilaku yang membentuk makna subjektif. Akan tetapi, makna subjektif tersebut bukan berada di dunia peribadi individu semata-mata melainkan ianya dimaknai secara sama dan bersama dengan individu lain. Disebabkan itu, sebuah makna subjektif dikatakan intersubjektif kerana memiliki aspek kesamaan dan kebersamaan (*common and shared*). Dengan erti kata lain, intersubjektif merupakan pandangan semua orang yang terlibat dalam aktiviti sosial dalam dunia kehidupan. Intersubjektif berkait dengan subjektif dan objektif.

University of Malaya

3.4.7 Reduksi Fenomenologi

Melalui proses reduksi fenomenologi membenarkan penyelidik membuat *'bracketing'*, '*horizonalizing'*dan akhirnya menyusun tema yang mendatar dan kelompok bagi gambaran fenomena secara tekstural dan logik terhadap dunia dan pengandaian untuk mengenalpasti data dalam bentuk tulen dan tidak tercemar oleh arahan luaran (Moustakas, 1994). Usaha ini juga melibatkan proses penyelidik menghapuskan kenyataan yang tidak menjawab soalan yang diajukan dalam menterjemahkan makna pengalaman kelangsungan hidup yang melingkari kehidupan wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Dalam reduksi fenomenologi, pengkaji mesti fokus pada deskripsi fenomena tentang 'apa' yang sedang dikaji.

3.4.8 *Horizonalization*

H*orizonalization* merupakan dimensi dalam reduksi fenomenologi di mana proses ini melibatkan pengenalpastian tanggapan mengenai kefahaman dan perasaan orang lain di mana kenyataan spesifik dikenalpasti dalam trankripsi yang menyediakan maklumat mengenai pengalaman peserta kajian iaitu wanita yang terlibat dalam mengharungi kehidupan perkahwinan jarak jauh. Langkah ini membolehkan pengkaji untuk tetap berada dalam kepada fenomena tersebut dan mungkin mendapati sesuatu yang baru yang boleh mengubah pengetahuan beliau tentang pengalaman tersebut (Moustakas, 1994). Walaupun *horizon* (had/mendatar) merupakan sesuatu yang tidak terhad, pengkaji mesti meletakkan hadnya untuk memastikan makna pengalaman yang ingin diteroka berada pada landasan bertepatan dengan tujuan kajian yang telah ditetapkan.

Justeru, kenyataan bertindan, berulang dan juga yang tidak relevan dengan topik akan dibuang dan hanya *horizon* atau kualiti pengalaman itu yang

University of Malaya

tetap dalam konteks penelitian. Akhirnya, *horizon* tersebut dikelompokkan kepada tema yang jelas. Kemudian, elemen-elemen pengalaman disambung mengikut tema sehingga gambaran penuh dihasilkan (Moustakas, 1994).

3.4.9 Variasi imaginatif

Satu lagi komponen analisis data ialah variasi imaginatif. Dalam konteks ini, pengkaji cuba untuk memperoleh gambaran struktural atau noetik tentang inti pati (*essence*) pengalaman yang diperihalkan iaitu faktor-faktor asas dan dasar yang menyebabkan apa-apa yang dialami (Moustakas, 1994).

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, noesis dibentuk melalui memori, persepsi, fikiran dan pertimbangan, manakala gambaran tekstural yang berasal daripada proses reduksi fenomenologikal menjelaskan apa-apa yang dialami, gambaran struktural yang berasal daripada variasi imaginatif yang menyatakan tentang 'bagaimana' pengalaman itu terjadi.

3.4.10 Sintesis struktural komposit

Ianya melibatkan penyatuan elemen tekstural dan gambaran struktural kepada kenyataan tentang inti pati (*essence*) pengalaman fenomena secara keseluruhan dan bersepadu (Moustakas, 1994). Makna tekstural (apa) dan struktural (bagaimana) berkait secara rapat dan berterusan. Sintesis tekstural-struktural diperoleh daripada proses kajian fenomenologikal yang merangkumi intipati pada suatu masa dan tempat daripada sudut pandangan kajian individu diikuti oleh imaginatif yang teliti dan kajian reflektif fenomena tersebut (Moustakas, 1994).

University of Malaya

3.5 Persampelan

Peserta dalam kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan merupakan teknik yang popular dalam penyelidikan kualitatif dan sesuai digunakan bagi pendekatan fenomenologi yang dijalankan oleh penyelidik di mana dalam teknik ini, penyelidik menetapkan maklumat tertentu yang menjadi kriteria utama dalam kajian yang harus ada pada peserta kajian. Penyelidik kemudiannya mencari individu atau kes yang kaya dengan maklumat tersebut. Selaras dengan kenyataan Patton (2002), penggunaan sampel bertujuan digunakan untuk memastikan indvidu yang menjadi subjek kajian memiliki maklumat yang kaya dalam sesuatu fenomena. Peserta dalam kajian ini dipilih berdasarkan penelitian pengkaji dan tujuan kajian ini. Mereka yang diambil sebagai subjek dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang pernah dan mempunyai pengalaman berkaitan fenomena yang dikaji iaitu mereka yang sedang menjalani kehidupan berjauhan dengan pasangan akibat perkahwinan jarak jauh.

Dalam penyelidikan yang dilakukan, peserta kajian yang merupakan individu yang secara sukarela menawarkan diri untuk memberikan kerjasama menjadi peserta kajian. Pada peringkat awal kajian, penyelidik berjaya mendapat persetujuan dari 10 orang subjek. Namun pada akhir kajian yang dijalankan, penyelidik dapat meneruskan penerokaan bersama tujuh orang peserta kajian untuk mendapatkan pemahaman mendalam data yang tepu yang diperoleh dan dianalisis sepenuhnya sehingga menterjemahkan intipati pengalaman melalui tema-tema yang muncul sepanjang proses pungutan data yang dilakukan. Pengurangan bilangan subjek kajian adalah disebabkan tiga daripada peserta kajian kerana mereka tidak lagi dapat memenuhi kriteria pemilihan peserta kajian. Hal ini berikutan dua dari tiga subjek yang digugurkan telah pun kembali tinggal bersama pasangan manakala seorang lagi peserta telah bercerai dengan

University of Malaya

pasangannya. Justeru, penyelidik meneruskan pungutan data ke atas tujuh orang peserta kajian. Perincian mengenai proses persampelan adalah seperti berikut:

3.5.1 Pungutan Data Fasa 1

Dalam proses pungutan data pada peringkat atau fasa 1, penyelidik membuat perincian laporan mengenai proses persampelan dan pemilihan peserta kajian. Merujuk kepada proses persampelan, penyelidik akan menjelaskan mengenai dua tahap persampelan yang terlibat dalam pemilihan peserta kajian khusus dalam konteks kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Persampelan tahap I adalah untuk mengenalpasti tempat atau sumber untuk mendapatkan peserta kajian manakala persampelan tahap II adalah untuk mengenalpasti kaedah persampelan yang sesuai. Kemudian, dalam bahagian pemilihan sampel kajian, penyelidik kemudiannya akan menjelaskan kriteria pemilihan peserta kajian yang telah ditetapkan dalam penyelidikan yang dijalankan.

(a) Persampelan Tahap I

Merujuk kepada proses persampelan tahap I, penyelidik menggunakan beberapa strategi untuk mendapatkan penyertaan dari peserta kajian untuk bekerjasama melibatkan diri secara sukarela dalam penyelidikan yang sedang dijalankan oleh penyelidik. Antara strategi yang dijalankan oleh penyelidik termasuklah menggunakan jaringan sosial seperti *Facebook*, dan sebagainya.

Namun begitu, penyertaan daripada peserta kajian tidak begitu memuaskan. Respon yang diterima agak lambat dan ada di antara individu yang menarik diri secara tiba-tiba sebelum sesi temubual secara formal dimulakan. Menyedari akan kekangan seperti ini, penyelidik menukar strategi dengan menggunakan E-mail dengan menyebarkan maklumat kajian melalui E-mail kepada rakan-rakan.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, penyelidik turut mengambil peluang berkongsi maklumat penyelidik kepada individu yang ditemui bertujuan untuk mendapatkan penglibatan peserta kajian yang boleh memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan dalam konteks penyelidikan yang dijalankan. Akhirnya, penyelidik mendapat maklumat dan kerjasama dari kenalan yang sudi memberi kerjasama secara sukarela memperkenalkan rakannya yang merupakan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

(b) Persampelan Tahap II

Pada tahap ini, penyelidik memberi penekanan kepada kaedah persampelan yang akan digunakan dalam kajian ini. Secara amnya, penyelidik menggunakan persampelan bertujuan untuk mengumpul data dalam kajian kualitatif. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Cresswell (2008), pemilihan peserta kajian dalam persampelan bertujuan adalah berdasarkan kriteria yang dapat dipenuhi oleh seseorang individu dalam proses membantu penyelidik untuk memahami dengan mendalam tentang fenomena yang dikaji.

Maka, dengan merujuk kepada konsep yang diketengahkan dalam persampelan bertujuan, peserta kajian yang dipilih dalam kajian ini perlulah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan bagi memastikan ianya mencapai tujuan kajian yang telah disasarkan oleh penyelidik. Dalam menjalankan kajian mengenai perkahwinan jarak jauh, kriteria yang dikenalpasti adalah:

(a) Individu yang menjadi perserta kajian mestilah tinggal berasingan dengan pasangan yang menyukarkan pasangan untuk bersemuka antara satu sama lain setiap hari.

University of Malaya

(b) Individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak perkahwinan jarak jauh ini telah memiliki anak.

(c) Pasangan perkahwinan jarak jauh sudah melepasi tempoh perkahwinan selama dua tahun ke atas.

Kriteria pertama yang merujuk kepada lokasi atau jarak fizikal individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh di mana penyelidik menetapkan kriteria pemilihan adalah individu yang menjadi peserta kajian mestilah tinggal berasingan dengan pasangan yang menyukarkan pasangan untuk bertemu dan bersemuka secara langsung antara satu sama lain setiap hari. Penetapan kriteria seperti ini adalah selaras dengan konsep perkahwinan jarak jauh yang dikemukakan oleh Stafford (2005) yang telah mencadangkan beberapa perkara utama bagi penentuan konsep perkahwinan jarak jauh iaitu kekerapan komunikasi secara bersemuka setiap hari adalah sangat terhad dan kurang. Tidak ketinggalan, penyelidik turut mempertimbangkan pendefinisian operasional bagi perkahwinan jarak jauh yang mengklasifikasikan jumlah jarak fizikal dalam perkahwinan jarak jauh adalah daripada 45 batu atau lebih menurut konsep yang telah diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

Seterusnya, kriteria yang kedua merujuk kepada individu atau pasangan perkahwinan jarak jauh yang memiliki anak. Pemilihan kriteris ini ditetapkan berdasarkan kepada jurang penyelidikan yang lalu di mana penyelidik cuba untuk menutup kelompangan dengan membuat penerokaan terhadap individu yang telah memiliki anak. Hal ini diambil perhatian oleh penyelidik memandangkan penyelidikan terdahulu tidak membuat penerokaan terhadap peserta kajian yang telah memiliki anak dalam proses kehidupan mereka sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

University of Malaya

Kriteria yang ketiga yang menjadi asas penyelidik adalah tempoh perkahwinan jark jauh yang dialami oleh individu yang menjadi peserta kajian. Merujuk kepada kriteria ini, penyelidik menetapkan bahawa pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan tempoh perkahwinan jarak jauh berusia dua tahun ke atas. Ini kerana penyelidik telah membuat pertimbangan ke atas kajian lampau yang telah menyatakan bahawa kadar penceraian adalah berkurangan apabila mencapai tempoh satu tahun ke atas sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab satu sebelum ini. Justeru, penerokaan mengenai kelangsungan hidup individu pada tahap ini dilihat bersesuaian.

Secara keseluruhannya, dalam proses pungutan data, penyelidik tidak terlalu rigid dalam menetapkan kriteria pemilihan peserta kajian. Walaupun penyelidik pada awalnya meletakkan kriteria seperti jarak fizikal yang terlibat antara pasangan yang tinggal berjauhan, penyelidik tidak menghadkan kriteria lokasi ke pasangan sama ada dalam negara mahupun luar negara. Begitu juga dengan jumlah bilangan mahupun umur anak dalam keluarga. Hal ini kerana, penyelidik akan memberi peluang kepada peserta kajian menterjemahkan pengalaman dalam perkahwinan jarak jauh mengikut konteks peserta kajian sendiri.

Memandangkan perkahwinan jarak jauh ini mungkin melibatkan pelbagai isu termasuk soal keintiman yang agak sensitif dan mungkin tidak dapat didedahkan secara terbuka dalam prospek budaya Malaysia, maka penyelidik merasakan agak sukar untuk mendapatkan peserta kajian secara terbuka.Tambahan pula, penyelidik yang telah menjalankan kajian rintis mengenai fenomena ini menyedari dan mengakui bahawa agak sukar untuk mengupas isu sensitif seperti keintiman pasangan. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa dengan menggunakan persampelan bertujuan, penyelidik boleh mendapatkan peserta kajian seterusnya yang telah dikenalpasti oleh peserta kajian lain.

University of Malaya

Menjurus kepada jantina peserta kajian, pada permulaan penyelidikan, penyelidik dapat memilih peserta kajian yang terdiri daripada individu lelaki dan perempuan. Namun, peserta lelaki tidak lagi dapat memenuhi kriteria pemilihan peserta kajian memandangkan individu tersebut telah pun kembali tinggal serumah dengan pasangan masing-masing dan tidak lagi terlibat dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh. Manakala, dari sudut jumlah anak, peserta kajian memiliki anak seramai seorang hingga lima orang dalam tempoh perkahwinan mereka.

Tidak ketinggalan, pemilihan semua peserta kajian yang terdiri daripada wanita Islam yang menjadi subjek kajian adalah disebabkan terdapat seorang peserta kajian berbangsa Cina yang telah menarik diri secara tiba-tiba pada saat-saat akhir. Tambahan pula, dapatan kajian yang bakal diperoleh oleh peserta kajian berbangsa Melayu dilihat membantu untuk pembentukan cadangan modul pra perkahwinan yang bakal digunakan oleh pasangan Muslim yang bakal mendirikan rumah tangga.

Bagi penentuan bilangan subjek dan peserta kajian, penyelidik tidak meletakkan bilangan peserta secara tetap dan muktamad. Ini kerana Merriam (2002) menyatakan bahawa tiada penetapan secara khusus dan tetap terhadap bilangan keseluruhan peserta kajian bagi kajian secara kualitatif. Begitu juga Creswell (1998) yang telah menjelaskan bahawa tiada penetapan khusus yang dinyatakan bagi kajian kualitatif yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan fenomenologi ini. Sesetengahnya seperti Dukes (1984) mencadangkan tiga hingga sepuluh orang subjek, Riemen (1986) mencadangkan sehingga sepuluh orang subjek (Creswell,1998). Apa yang penting jumlah saiz sampel yang diambil dapat menggambarkan maksud bagi sejumlah kecil individu yang pernah mengalami fenomena yang hendak dikaji (Creswell, 1998). Maka, penyelidik membuat keputusan untuk memilih sepuluh orang individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh untuk dijadikan peserta kajian. Namun begitu, bilangan ini akan berubah-berubah

University of Malaya

sehingga pemerolehan data yang tepu *(data saturation)* dicapai dalam proses pengumpulan data.

Secara keseluruhannya, penglibatan peserta kajian yang terdiri daripada individu yang telah menjalankan kehidupan sebagai pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh secara suka rela telah dinyatakan dan diperoleh melalui borang persetujuan termaklum (Lampiran B). Bagi menjaga hak peserta kajian yang termaktub dalam pertimbangan etika, penyelidik telah melabelkan peserta kajian dengan menggunakan indeks PK01, PK02, PK03, PK04, PK05, PK06, dan PK07. Langkah ini membolehkan identiti sebenar peserta kajian dirahsiakan daripada pengetahuan umum. Secara umum, demografi peserta kajian yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dapat dilihat dalam paparan Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Latar Belakang Demografi Peserta Kajian

Ciri	**PK01**	**PK02**	**PK03**	**PK04**	**PK05**	**PK06**	**PK07**
Umur	32	32	35	38	38	31	36
Tempoh kahwin	3	3	12	5	15	4	11
Lokasi Pasangan	Perak	Tganu	Muar	Pahang	Luar Negara	Selangor	Selangor
Bilangan anak	1	1	7	1	4	2	3

3.6 Kajian Awal

Kajian awal dilakukan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik. Tujuan kajian awal dilakukan adalah untuk meneliti beberapa aspek khususnya bagi memantapkan protokol temubual,

University of Malaya

pemahaman peserta kajian terhadap soalan yang diajukan oleh penyelidik dalam sesi temubual, sekaligus memberi gambaran awal mengenai proses temubual yang akan dijalankan oleh penyelidik sebelum meneruskan proses di lapangan sebenar (Merriam, 2001). Malah, kajian awal akan membantu penyelidikan dalam menentukan jika terdapat kelemahan, batasan, atau kesilapan lain dalam reka bentuk temubual yang membolehkan penyelidik untuk membuat semakan yang perlu sebelum pelaksanaan kajian (Kvale, 2007). Kajian awal yang dilakukan juga akan membantu penyelidik dengan pemurnian soalan temubual sebelum mengendalikan penyelidikan yang sebenar.

Pemahaman awal dari kajian awal membolehkan penyelidik lebih terbuka untuk memahami apa sebenarnya kerumitan yang berlaku dalam fenomena perkahwinan jarak jauh yang perlu diambil perhatian serius oleh penyelidik. Menyedari akan tujuan ini, penyelidik telahpun menjalankan sesi temubual ke atas seorang wanita yang menjalani kehidupan perkahwinan jarak jauh pada 10 April 2013 selama satu jam. Hasil dari temubual dalam kajian awal tersebut telah banyak memberi kesedaran kepada penyelidik baru untuk memantapkan lagi protokol temubual dan panduan mengajukan soalan kepada peserta kajian sekiranya kajian sebenar dijalankan kelak. Penyelidik menyedari bahawa dirinya perlu lebih berhati-hati dengan soalan yang sensitif seperti aspek keintiman yang boleh menyebabkan berlakunya ancaman kepada peserta kajian. Justeru, perhubungan *(rapport)* dan pertanyaan soalan yang sesuai amat penting untuk menimbulkan kepercayaan peserta kajian kepada penyelidik.

3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan teknik utama iaitu temubual penggunaan dokumen visual. Tujuan utama temubual adalah untuk memahami persoalan, proses dan situasi yang diselidik oleh penyelidik.

University of Malaya

3.7.1 Temubual

Temubual boleh dilaksanakan secara berstruktur, separa berstruktur atau tidak berstruktur dan lazimnya bergantung kepada kesanggupan peserta. Temubual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti penyelidik menyoal peserta kajian dalam usaha mendapatkan jawapan mahupun respon yang diperlukan daripada peserta kajian atau responden (Robson, 2002).

Menurut Mathers et al. (1998) dan Punch (2001), kaedah temubual dalam penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah yang membolehkan penyelidik mengakses persepsi atau pandangan peserta kajian, mendalami makna atau pemahaman yang dibina oleh peserta kajian, takrifan tentang sesuatu situasi , malah konstruk realiti dunia sebagaimana yang dilihat, dialami dan dirasai oleh peserta kajian. Seperti soal selidik, penggunaan temubual dalam penyelidikan kualitatif dilihat sebagai satu intervensi berkenaan fenomena yang tidak boleh diperhatikan secara terus seperti sikap, kepercayaan, niat, pandangan, pengalaman, nilai yang dipegang, minat dan sebagainya (Gall, Gall, & Borg, 2003; Patton, 1990).

Justeru, bagi mendapatkan gambaran mendalam mengenai pengalaman pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, temubual berasaskan fenomenologi dilakukan dengan menggabungkan temubual mengenai latar belakang sejarah kehidupan pasangan perkahwinan jarak jauh, disusuli dengan temubual yang mendalam dan berfokus untuk memperoleh sebanyak mana maklumat dari tanggapan-tanggapan yang diambil dari fenomenologi. Dalam pendekatan fenomenologi ini, pengkaji sebagai instrumen utama akan menggunakan teknik temubual separa berstruktur dengan mengaplikasikan soalan-soalan yang berbentuk terbuka *(open-ended).* Penerokaan mengenai pengalaman dilaksanakan pembinaan hubungan dan maklum balas dari peserta kajian terhadap soalan-soalan yang diajukan oleh penyelidik semasa proses

University of Malaya

temubual dijalankan. Penyelidik akan menjalankan temubual separa berstruktur setelah mempertimbangkan mengenai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri. Drever (1995), temubual jenis separa berstruktur mempunyai beberapa ciri utama termasuklah:

1. Merupakan satu pertemuan formal atas persetujuan bersama dan direkodkan.
2. Soalan-soalan utama yang ditentukan oleh penyelidik boleh meliputi keseluruhan struktur yang dikehendaki.
3. Soalan-soalan segera dan soalan- soalan mendalam boleh mengukuhkan lagi struktur;
4. Boleh menggabungkan soalan-soalan terbuka dan tertutup.
5. Peserta temubual mempunyai kebebasan untuk mengeluarkan pandangan tentang sesuatu perkara, berpeluang menyatakan sesuatu semaksimum boleh dan berjaya meluahkan dengan emosi mereka sendiri.
6. Pengkaji bagaimanapun, boleh menentukan kawalan di mana perlu dalam sesi temu bual mereka.
7. Teknik ini merupakan teknik yang fleksibel, sesuai untuk mengumpulkan maklumat dan pandangan-pandangan tertentu di samping dapat mencungkil pemikiran dan motivasi manusia.
8. Teknik temubual separa berstruktur dapat menghasilkan maklumat yang banyak dan menjamin liputan yang baik.
9. Mengambil masa untuk melaksana dan menganalisisnya. Justeru, ia memerlukan perancangan yang realistik.
10. Teknik ini bukan bertujuan untuk kumpulan yang besar.
11. Memerlukan kadar kemahiran khusus yang mampu diperoleh melalui praktis.
12. Boleh digunakan bersama-sama dengan kaedah-kaedah lain.

University of Malaya

Berdasarkan fakta kebaikan di atas, ini menunjukkan penggunaan teknik temubual separa berstruktur adalah sesuai dalam kajian ini. Hal ini kerana teknik temubual separa berstruktur yang digunakan dalam penyelidikan fenomenologikal dilihat sesuai untuk memandu penyelidik dalam mengendalikan temubual bersama peserta kajian. Ini bermakna penyelidik berpeluang untuk mengabaikan soalan yang tidak sesuai dan tidak perlu atau menambah soalan mengikut keperluan. (Robson, 2002). Malah, soalan susulan yang diajukan oleh penyelidik secara spontan *(prompts*) dan mendalam *(probes)* menggunakan protokol separa berstruktur membolehkan penyelidik bertanyakan soalan balasan kepada peserta kajian mengenai reaksi peserta terhadap soalan awal atau soalan yang terdahulu.

Secara keseluruhannya, penyelidik merasakan penggunaaan temubual separa berstruktur dilihat lebih fleksibel dalam mengungkap kembali soalan dalam bentuk lain atau penggunaan perkataan yang berbeza dan pelbagai malah dapat meneroka sekaligus memahami pengalaman pasangan berkahwin yang tinggal berjauhan.

Berdasarkan pendekatan fenomenologi yang digunakan dalam kajian ini, penyelidik berpegang kepada model temubual yang telah diasaskan oleh Siedman (1998) yang menerangkan bahawa temubual melalui pendekatan fenomenologi melibatkan tiga siri temubual. Penerangan mengenai siri temubual adalah seperti berikut :

3.7.1.1 Siri temubual pertama

Pada siri pertama ini, Seidman (1998) menyatakan proses ini melibatkan tindakan penyelidik memberi fokus kepada sejarah kehidupan yang membolehkan peserta kajian memberitahu sebanyak mungkin mengenai diri mereka dalam usaha untuk memberi gambaraan awal tentang topik penyelidikan yang dikaji. Menjurus kepada fenomena kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh yang ingin difahami oleh

University of Malaya

penyelidik secara mendalam, peserta kajian diberi peluang unutk menceritakan sebanyak mungkin tentang diri mereka dan sejarah hidup pada masa lalu sehingga membawa kepada perkahwinan jarak jauh masa kini. Hal ini bertujuan untuk membuka jalan penerokaan dan pada masa yang sama membina hubungan (*rapport)* dengan peserta kajian.

3.7.1.2 *Siri temubual kedua*

Dalam siri kedua ini, proses pula melibatkan butir-butir pengalaman yang memberi tumpuan kepada maklumat-maklumat konkrit mengenai pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian dalam topik yang ingin dikaji. Dalam konteks perkahwinan jarak jauh yang ingin diteroka dan difahami secara mendalam, penyelidik berusaha untuk memberi peluang kepada peserta kajian untuk mengkonstruk kembali maklumat yang telah dinyatakan oleh mereka. Dengan erti kata lain, penyelidik tidak bertanya mengenai pendapat tetapi lebih berfokus kepada penerangan mengenai pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Ini bermakna, peserta kajian akan lebih mendalami kesedaran mengenai fenomena yang dialami dalam konteks dunianya. Contohnya, penyelidik berusaha mendorong peserta kajian mengupas mengenai emosi sedih yang dialami oleh peserta kajian setelah berpisah dengan pasangan buat sementara waktu.

3.7.1.3 Siri temubual ketiga

Temubual peringkat akhir atau siri ketiga pula merangkumi refleksi ke atas makna yang membolehkan peserta kajian untuk mempertimbangkan erti pengalaman mereka dalam fenomena yang dikaji oleh penyelidik. Dengan erti kata yang lebih jelas, pembinaan makna mengenai

University of Malaya

pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian membolehkan peserta melihat bagaimana faktor-faktor sekeliling dalam kehidupannya saling berinteraksi dalam proses membawa mereka kepada situasi kini. Pada waktu ini juga proses ini membolehkan peserta kajian melihat mengenai pengalaman terkini dalam konteksnya, meneroka pengalaman lalu, menjelaskan secara konkrit mengenai pengalaman kini dan sekaligus membangunkan refleksi berkenaan dengan apa yang mereka lakukan dalam kehidupan kini (Seidman, 1998).

Walaupun begitu, ini tidaklah bermakna proses penerokaan mengenai refleksi peserta kajian hanya berlaku dalam siri ketiga temubual. Ini kerana proses temubual tidak hanya statik dan terlalu mengikut protokol. Contohnya, apabila penyelidik meminta peserta kajian untuk mengkonstruk semula pengalaman, peserta kajian sebenarnya sedang memilih perkara yang signifikan dalam kehidupan lalu dan membina makna kepada pengalaman itu. Kemudian apabila mereka diarah untuk menceritakan pengalaman, mereka membina kerangka bagi aspek tertentu dari permulaaan, pertengahan dan pengakhiran yang merangkumi siri satu sehingga siri ketiga.

Ternyata, pendekatan temubual pelbagai *(multiple interview approach*) dan bersistematik memberi ruang kepada penyelidik dan peserta kajian untuk meneroka sebarang tambahan dari aspek pemikiran, perasaan atau reaksi terhadap sesuatu perkara (May, 1991). Tambahan pula, sekiranya salah satu pihak meninggalkan sesi temubual dengan perasaan keliru yang masih terpendam dalam diri, maka temubual seterusnya akan memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk mendapatkan penjelasan dari kekeliruan yang timbul sebelumnya. Dengan erti kata yang lebih jelas, temubual pertama menyediakan konteks bagi pengalaman peserta. Siri kedua pula membenarkan peserta untuk membentuk semula butiran pengalaman dalam konteks

University of Malaya

fenomena tersebut berlaku, manakala siri temubual ketiga menggalakkan peserta untuk mengimbas kembali maksud bagi pengalaman mereka.

Tidak ketinggalan, dalam proses mendapatkan data yang kaya dari peserta kajian, penyelidik memerlukan protokol temubual sebagai garis panduan dalam menjalankan temubual ini. Protokol temubual dirangka dalam usaha membantu penyelidik yang masih baru dalam penyelidikan untuk memastikan temubual yang dijalankan berjaya untuk memenuhi objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik pada awalnya. Ini bermakna protokol temubual tidak bertindak untuk menguji atau meletakkan apa-apa jangkaan ke atas soalan yang dikemukakan sepanjang temubual dijalankan.

Sebagai penjelasan, protokol temubual dibahagikan kepada tiga bahagian di mana bahagian I merupakan proses membina hubungan dengan menerangkan kepada peserta kajian berkaitan dengan matlamat dan etika kajian untuk sesi pertama dan merumuskan kembali apa yang dibincangkan untuk sesi temubual kedua dan ketiga, manakala bahagian II lebih menjurus kepada isi perbincangan untuk setiap sesi dan bahagian III merupakan penutup oleh penyelidik dan harapan peserta kajian. Temubual ini direkod menggunakan perakam dan ditranskripkan untuk proses pengekodan tema-tema yang timbul.

3.7.2 Penggunaan foto dan dokumen sokongan

Penyelidik mempertimbangkan teknik ini selaras dengan kenyataan Wang (2001) mengutarakan penggunaan dokumen visual dalam proses temubual menjadi alat yang amat berkesan dalam penyelidikan kualitatif. Ini kerana tindakan ini mampu menjadi peransang kepada peserta kajian untuk mencambahkan ingatan, mendorong perspektif baru sekaligus mengelakkan salahtanggapan penyelidik terhadap sesuatu idea yang diutarakan oleh peserta kajian. Seara tidak langsung teknik temubual melalui foto dan

University of Malaya

dokumen sokongan menjadi pilihan penyelidik berlandaskan beberapa kelebihannya termasuklah :

a) Boleh digunakan pada setiap peringkat penyelidikan.
b) Membenarkan dan mendorong ke arah kombinasi bahasa lisan dan visual.
c) Membantu membina kepercayaan dan perhubungan antara penyelidik dan peserta kajian.
d) Menghasilkan maklumat yang tidak terjangka.
e) Menyediakan komponen triangulasi kepelbagaian kaedah untuk meningkatkan kebolehpercayaan data.

Maka, merujuk kepada konteks kajian yang dijalankan, penerokaan mendalam turut dilaksanakan melalui dokumen visual yang dihasilkan oleh peserta kajian dan penyelidik turut memberi beberapa dokumen visual yang berkaitan dengan kehidupan atau pengalaman perkahwinan jarak jauh dalam usaha untuk menjana respon secara mendalam mengenai pengalaman kelangsungan hidup peserta kajian sekaligus menutup kelompangan temubual yang dijalankan oleh penyelidik. Menjurus kepada dokumen visual yang dihasilkan oleh peserta kajian, setiap peserta kajian telah membuat interpretasi dari frasa perkahwinan jarak jauh (PJJ) yang berkait dengan pengalaman mereka sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Penginterpretasian ini tidak terhad kepada satu perkataan sahaja kerana peserta kajian bebas membuat apa sahaja berkaitan dengan frasa perkahwinan jarak jauh tersebut.

Tidak ketinggalan peserta kajian diajak membuat pendedahan secara sedar dan mendalam mengenai pengalaman perkahwinan jarak jauh mereka menerusi pilihan gambar yang diberikan oleh penyelidik.Penyelidik memberi peluang kepada pesrta kajian untuk memilih seberapa banyak gambar daripada lapan gambar berkenaan dengan fenomena perkahwinan jarak jauh yang amat signifikan dengan kehidupan

University of Malaya

peribadi peserta kajian. Selepas memilih gambar tersebut, peserta kajian diberi kebebasan untuk menjelaskan justifikasi makna pengalaman yang signifikan berdasarkan gambar-gambar yang dipilih. Malah peserta kajian turut membuat terjemahan makna pengalaman melalui dokumen-dokumen visual milik peserta kajian. Justeru, perincian dan pendedahan mengenai dokumen visual akan dibentangkan untuk membolehkan pembaca memahami secara holistik tentang pengalaman perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh peserta kajian.

3.7 3 Tempoh Kutipan Data

Proses pungutan data telah dijalankan selama enam bulan atas justifikasi memperoleh ketepuan data. Sepanjang tempoh tersebut, pengkaji menjalankan proses pungutan data melalui temubual di samping menggunakan dokumen visual. Pengkaji pada awalnya menetapkan tempoh sesi temubual pertama dan sesi temubual seterusnya adalah seminggu. Namun, pengkaji perlu akur dengan kekangan masa dan jadual padat yang dialami oleh peserta kajian. Menyedari akan hakikat tersebut, penyelidik perlu menunggu maklum balas daripada peserta kajian untuk mencari masa yang sesuai untuk temubual. Tidak dinafikan, penyelidik telah melakukan beberapa anjakan tarikh daripada temubual pertama ke temubual kedua memandangkan peserta kajian terpaksa membatalkan pertemuan di saat akhir. Penyelidik terpaksa menerima risiko tersebut memandangkan peserta kajian merupakan individu yang berkerjaya dan masa bersama suami dan anak-anak sangat terhad.

Menyedari akan kekangan tersebut, peserta kajian perlu memilih tarikh dan masa yang betul-betul sesuai untuk ditemubual. Sebagai penyelidik yang menjalankan kajian kualitatif yang menganggap peserta kajian sebagai pakar dalam fenomena yang dikaji, penyelidik perlu berlapang dada dan menerima secara terbuka atas kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian sehingga data yang tepu diperoleh iaitu tiada

University of Malaya

maklumat baru yang dinyatakan oleh peserta kajian dan peserta kajian dilihat mengulang-ulang data yang sama. Secara keseluruhannya, tempoh kajian sepenuhnya yang telah dijalankan dalam kajian ini boleh dirujuk dalam catatan telah dinyatakan seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Tarikh pungutan data secara keseluruhan

Temu bual			Dokumen visual		
Subjek	**Bilangan**	**Tarikh (2014)**	**Subjek**	**Bilangan**	**Tarikh (2014)**
PK01	1,2,3	16.3.14, 2.5.14, 20.5.14	PK01	2,3	2.5.14, 20.5.14
PK02	1,2,3	16.3.14, 2.5.14, 20.5.14	PK02	2,3	2.5.14, 20.5.14
PK03	1,2,3	25.4.14 ,3.5.14, 5.7.14	PK03	2,3	3.5.14, 5.7.14
PK04	1,2,3	01.5.14,15.6.14,22.6.14	PK04	2,3	15.6.14, 22.6.14
PK05	1,2,3	18.5.14, 7.7.14,15.7.14	PK05	2,3	7.7.14,15.7.14
PK06	1,2,3	28.5.14, 7.7.14, 18.7.14	PK06	2,3	7.7.14,18.7.14
PK07	1,2,3	16.5.14, 3.7.14,10.7.14	PK07	2,3	3.7.14,10.7.14

3.8 Peranan Pengkaji

Moustakas (1994) menerangkan penyelidik sebagai instrumen utama yang mengumpul dan mentafsir data tentang fenomena dari kanta fenomenologi tertentu. Justeru,untuk memahami fenomenologi pasangan perkahwinan jarak jauh, pengkaji berperanan untuk menemubual setiap peserta kajian yang memenuhi kriteria pemilihan. Malah, pengkaji juga akan terlibat sepenuhnya dalam hubungan dan penglibatan yang berpanjangan *(prolonged engagement)* dengan peserta kajian.

Malah, menurut Merriam (2009) dalam Lincoln dan Guba (1981), kajian kualitatif yang menjadikan penyelidik sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data membolehkan penyelidik untuk memberi respon serta-merta dan mudah mengadaptasi dan pada masa yang sama, penyelidik boleh memanjangkan kefahaman

University of Malaya

yang sedia ada melalui komunikasi tidak lisan sebagaimana komunikasi lisan, memproses data atau maklumat dengan segera, mengenalpasti dan merumuskan bahan dan sumber, seterusnya menyemak dengan perserta kajian untuk ketepatan interpretasi dan meneroka tindakbalas yang tidak lazim dalam proses pengumpulan data.

Walaubagaimanapun, penggunaan manusia sebagai instrumen utama akan terdedah kepada bias yang mungkin boleh memberi impak kepada kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Justeru, percubaan untuk membuang atau menghapuskan bias tersebut atau subjektiviti dilihat kurang penting berbanding usaha untuk mengenalpasti bias tersebut dan mengawalnya semasa pengumpulan dan proses analisis data. Peshkin (1988) menyatakan bahawa untuk menjadikan subjektiviti individu kelihatan murni, adalah menjadi asas kepada penyelidik untuk memberikan sumbangan yang tersendiri melalui kombinasi kualiti peribadi dan data yang telah dikumpul.

3.9 Analisis Data

Analisis kualitatif dalam reka bentuk fenomenologi bukan sekadar melaporkan keputusan temubual dengan fakta yang ringkas dan mudah. Sebaliknya, analisis data dalam penyelidikan yang bersifat kualitatif adalah proses interpretasi, permukaan makna dalam data yang dikumpul, kemudian mengeluarkan makna-makna tersebut, mempamerkan proses bagaimana makna-makna tersebut saling berkait sekaligus menerangkan bagaimana makna tersebut bertindan antara satu sama lain.

3.9.1 Proses Dan Langkah Dalam Analisis Data

Penyelidik menngunakan pendekatan Moustakas (1994) untuk menganalisis data yang dipungut dari temu bual dan dokumen visual memandangkan langkah ini kelihatan sistemaik bagi penyelidik baru yang ingin meneroka sesuatu fenomena yang berlaku secara mendalam tanpa melibatkan penilaian peribadi penyelidik. Proses analisis data

University of Malaya

yang terdiri dari lapan langkah akan dibincangkan melalui Rajah 3.2.Berdasarkan Rajah 3.2 yang dinyatakan, penyelidik memilih proses menganalisis data yang telah dicadangkan oleh Moustakas (1994) dalam pendekatan fenomenologi yang melibatkan lapan peringkat atau langkah. Penerangan setiap langkah adalah seperti berikut:



Rajah 3.2: Analisis Data (Moustakes, 1994)

1. Menyediakan diskripsi yang komprehensif

Pada peringkat ini, penyelidik menjalankan pengumpulan awal data-data dengan menyalin setiap kata demi kata. Penyelidik tidak boleh meninggalkan sebarang

pernyataan dari transkrip dan perlu menganggap setiap frasa yang terkandung dalam transkripsi adalah relevan dan mempunyai makna. Ini dikenali sebagai *horizonalization*, di mana penyelidik melihat setiap kenyataan memiliki nilai yang sama.

2. **Pengurangan dan penghapusan**

Langkah dan peringkat ini dicapai melalui pembacaan setiap transkripsi individu secara berulang-ulang dan penyelidik menghapuskan kenyataan yang tidak memenuhi dan tidak menjawab soalan kajian. Ungkapan yang bertindih, berulang-ulang, dan ungkapan yang kabur juga akan dihapuskan oleh penyelidik pada peringkat ini. Penyataan yang tinggal menjadi juzuk atau bahagian yang tidak berubah (unit yang bermakna) yang menyifatkan fenomena secara tepat dan deskriptif.

3. **Mengkelaskan dan memberi tema-tema teras**

Dalam langkah ini, penyelidik memberi definisi terhadap tema-tema yang telah diberikan. Tema ini dikeluarkan selepas proses reduksi melalui *horizonalization* yang dilakukan oleh penyelidik.

4. **Pengenalan akhir juzuk (bahagian) yang berbeza-beza dan tema-tema yang muncul**

Pada peringkat ini, penyelidik menyemak kepelbagaian juzuk (bahagian) dan tema-tema terhadap setiap transkripsi individu bagi memastikan samada tema tersebut dinyatakan dengan jelas atau serasi dengan juzuk (bahagian) yang ditetapkan. Proses ini membantu penyelidik untuk menentukan kerelevanan

University of Malaya

pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Contoh kepelbagaian tema dan definisi dinyatakan seperti Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Tema Dan Definisi Pengalaman Kelangsungan Wanita Dalam Perkahwinan

Tema	Definisi
Dinamik perhubungan	Perhubungan nuklear Perhubungan multigenerasi
Sistem keluarga	Peranan peraturan
Mekanisma kelangsungan	Intriksik Ekstriksik

5. Pembinaan Keterangan Tekstural Individu

Pada langkah ini, penyelidik akan menggambarkan apa yang peserta alami menggunakan petikan dari transkrip yang disediakan. Ini telah dilakukan pada dasarnya dengan menerangkan tema dalam format naratif. Justeru, proses pada peringkat ini membantu penyelidik untuk memahami 'apa' yang peserta kajian iaitu pasangan perkahwinan jarak jauh alami. Contohnya ,emosi sedih yang dialami oleh peserta kajian mewakili aspek tekstural (apa).

6. Pembinaan Keterangan Struktural Individu

Selepas pembinaan keterangan tekstural, langkah untuk membina keterangan struktural individu melibatkan proses di mana penyelidik menerangkan bagaiamana pengalaman itu berlaku. Ini membolehkan penyelidik membuat refleksi terhadap keadaan yang dialami dengan memberi fokus kepada 'punca' apa yang dialami oleh peserta kajian. Malah, proses ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menilai 'bagaimana' pengalaman itu berlaku.

University of Malaya

Penyelidik menggunakan tindakan permikiran, penghakiman dan bayangan untuk mencapai makna teras bagi struktur yang dibina. Dengan menggunakan variasi imaginatif, penyelidik perlu beranggapan bahawa pengalaman boleh berlaku dalam keadaan yang berbeza-beza. Justeru, penyelidik perlu berhati-hati dalam mengenalpasti syarat-syarat yang mengiringi pengalaman tersebut. Contohnya, apabila peserta kajian menyuarakan perasaan sedih, aspek bagaimana perasaan sedih itu boleh timbul menjadi elemen struktural (bagaimana).

7. Pembinaan Keterangan Tekstural-Struktural (Tema)

Pada peringkat ini, penyelidik berusaha untuk menggabungkan dua buah cerita (tekstural dan struktural) yang diwujudkan daripada langkah 5 dan 6. Keterangan naratif termasuklah memahami 'apa' (tekstural) yang berlaku, dan 'bagaimana' (struktural) pengalaman berlaku bagi setiap peserta kajian. Selepas satu kajian menyeluruh yang imaginatif, penyelidik dapat menjelaskan pengalaman berdasarkan pemahaman dari penyelidikan dan memberi penjelasan terhadap pengalaman tersebut.

8. Penerangan Komposit Tekstural-Struktural

Pada akhir peringkat, penyelidik menggunakan sintesis untuk mewujudkan tekstural dan struktural komposit. Proses ini membantu penyelidik untuk menentukan intipati pengalaman secara keseluruhan sekaligus membina sebuah model grafik yang menggambarkan kefahaman penyelidik berkenaan dengan hubungan antara tema-tema yang muncul dalam kajian yang dijalankan, seterusnya menggambarkan pengalaman keseluruhan peserta kajian dalam fenomena yang diselidiki.

University of Malaya

Secara keseluruhannya, proses analisis data yang dilaksanakan oleh penyelidik dibantu dengan menggunakan perisian Atlas.ti 7. Pengekodan dilakukan dengan melihat tema-tema yang muncul sepanjang proses temubual. Setiap apa yang dikodkan dirujuk kepada sorotan kajian dan menambah kod dan tema baru berdasarkan konteks pengalaman peserta kajian. Malah, penyelidik mengisi borang rumusan temubual seperti dalam lampiran bagi merumuskan hasil pengekodan yang dilakukan. Borang ini memudahkan penyelidik untuk mengenalpasti apakah isu utama, perkara yang menarik minat penyelidik dan isu-isu baru yang timbul dalam temubual.

3.9 2 Proses koding

Merujuk kepada proses koding dalam kajian kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik, penyelidik mengambil pendekatan yang telah dinyatakan oleh Lichtman (2006). Menurut beliau, kebanyakan kajian berasaskan kualitatif mengintergrasikan 80-100 kod yang akhirnya akan disusun atau dimurnikan kepada 15 hingga 20 kategori yang dilihat bersesuaian dalam memenuhi sintesis kepada lima hingga tujuh konsep utama. Hal ini turut disokong oleh Cresswell (2007) yang telah mengendalikan proses analisis beliau dengan membuat proses pemurnian koding menerusi langkah menyenarai pendekkan kod provosional sebelum meneruskan proses mengecilkan koding. Cresswell turut menyatakan bahawa analisis yang sesuai adalah tidak melebihi 25 hingga 30 kategori yang kemudiannya disatukan menjadi lima hingga enam tema utama.

Menjurus kepada kajian yang dijalankan, daripada 324 koding awal, penyelidik telah memurnikan koding awal beberapa kali sebelum menghasilkan kod yang lebih ekslusif dalam usaha untuk mengenalpasti beberapa kategori yang dilihat mampu menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan pada permulaan kajian. Dengan merujuk

University of Malaya

kepada petikan dari transkripsi salah seorang peserta kajian, penyelidik membuat penerangan mengenai penghasilan kod akhir melalui Jadual 3. 4

Jadual 3.4: Pemurnian kod dalam transkripsi peserta kajian

Lajur 1 **Data mentah**	**Lajur 2** **Kod awalan**	**Lajur 3** **Kod akhir**
Kalau masa anak ni sekolah tadika..belum sekolah, kita tak terasa macam stress sangat,tapi bila dah mula darjah satu,, cabaran tu makin bertambah…dia sekolah petang,	Uruskan anak sekolah	
macam akak, kerja pun tak menentu, memang terkejar-kejarla..kita pagi dah bangun 5 lebih, dia bangun pukul 6 ,pukul 7 dah hantar sekolah, pastu sebab akak terus pergi pejabat, seharian di pejabat dengan kerja yang orang kata tak menentu kadang2 orang kata agak	Kerjaya	Konflik peranan
membebankanlah,lepas tu terkejar-kejar balik rumah..nak tengok homework dia lagi.. kita dah seharian balik pejabat, penat..lepastu, nak balik, menghadap kerenah budak, homework dia lagi, terkejar-kejar nak masak..kemas, basuh baju, gosok baju, esok nak kena buat rutin yang sama..”	Peranan uruskan rumahtangga	

Seterusnya, kategori yang dihasilkan telah dikelompokkan secara eksklusif agar makna setiap kategori dapat didefiniskan dan dibezakan secara jelas, tidak bertindan malah memudahkan penyelidik mengenalpasti dan mengendalikan tema-tema yang muncul, membangunkan subkategori yang sesuai, dan meneroka persamaan dan perbezaan sekaligus menjana pemahaman mengenai perkaitan antara setiap data yang telah dikategorikan secara teliti. Kemudian, tema dan subtema daripada semua sumber data telah dikendalikan dalam matriks utama untuk memberi gambaran intipati pengalaman peserta kajian secara keseluruhan. Aliran pembentukan tema bagi pendekatan kualitatif dapat diselusuri secara menyeluruh melalui Rajah 3.3.

University of Malaya



Rajah 3.3: Aliran Penghasilan Koding kepada Tema

Secara keseluruhan, proses memberi koding awal sehingga pembentukan tema telah dibantu oleh perisian Atlas.ti 7 yang membolehkan penyelidik membuat analisis secara sistematik. Rajah 3.4 dan Rajah 3.5 menunjukkan contoh pembentukan tema yang menjurus kepada faktor penyumbang yang membawa kepada kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh kesemua peserta kajian yang disokong oleh petikan yang telah dinyatakan oleh peserta kajian.

University of Malaya



Query Report

File Edit Format Insert Help

Segoe UI 8

Query Report

HU: ANALISIS DATA ATLAS TI SAFATUL
File: [C:\Users\User\Desktop\ANALISIS DATA ATLAS TI SAFATUL.hpr7]
Edited by: safatul
Date/Time: 2015-03-01 11:49:27

---

42 Quotations found for query:
"faktor ekstrinsik"

P 2: TRANSKRIP KAK AIDA.docx - 2:7 [so uitm under scholarship hold..] (15:15) (safatul)
Codes: [kerjaya-faktor pjj - Families (2): faktor ekstrinsik,]
No memos

so uitm under scholarship holder ni, dia punyer terikat , since kita tahu branch dia banyak ..so, dia akan hantar la mane2 brandch, so saya dihantar ke uitm Pahang ..untuk kursus kejurutearaan awam.

P 2: TRANSKRIP KAK AIDA.docx - 2:34 [saya aa..kalau uitm punya pol..] (55:55) (safatul)
Codes: [kerjaya-faktor pjj - Families (2): faktor ekstrinsik,]

:saya aa..kalau uitm punya polisi, 5 tahun berkhidmat baru boleh aply untuk tukar ke ape kan..so, dalam masa 5 tahun tu, saya memang tak pernah memohon

P 4: TRANSKRIP KAK ANURA.docx - 4:5 [suami akak dia kerja TNB..TNB,..] (31:31) (safatul)
Codes: [kerjaya suami-faktor pjj - Family: faktor ekstrinsik]
No memos

suami akak dia kerja TNB..TNB, walaupun dia ada kat segamit ni, tapi sebab dia ni bahagian technition tau..bahagian yang pencawang2, kalau awak tahu, yongpeng, yang tepi jalan tu. Pencawang yang besar2...haa..jadi dia memang takde kat sini..dan sebab tu la memang sampai penceu kot pjj ni..

P 4: TRANSKRIP KAK ANURA.docx - 4:6 [sebab dia banyak faktor sebab ..] (33:33) (safatul)
Codes: [menjaga ibu-faktor pjj - Family: faktor ekstrinsik]
No memos

sebab dia banyak faktor sebab akak tak ikut dia..ok..yang pertamanya orang tua akak di sini..mentua akak pun kat sini..

INS

Rajah 3.4: Koding data menerusi perisian Atlas.ti

University of Malaya



Rajah 3.5: Jaringan Koding dan tema Menggunakan Perisian Atlas.Ti

University of Malaya

Bagi memudahkan pemahaman mengenai konsep dan makna setiap koding yang dikeluarkan, penyelidik akan membincangkan perkara ini dengan merujuk kepada contoh koding dalam Rajah 3.4 dan Rajah 3.5.



> *Jadi UiTM under scholarship holder ini, dia terikat, since kita tahu branch dia banyak, dia akan hantar lah mana-mana branch, so saya dihantar ke UiTM Pahang untuk kursus kejuruteraan awam*

Dengan mengambil satu contoh koding yang telah dikeluarkan daripada Rajah 3.4 dan Rajah 3.5, nombor-nombor yang timbul mewakili makna yang tertentu. P2 yang ditandai dengan warna merah merujuk kepada transkripsi peserta kajian, manakala nombor 2:7 yang ditandai dengan warna hijau mewakili koding yang menjurus kepada faktor kerjaya sebagai salah satu kategori dalam tema yang mewakili faktor penyumbang kepada perkahwinan jarak jauh. Seterusnya, nombor 15:15 yang ditandai dengan warna kuning pula memberi maksud kenyataan yang dikeluarkan oleh peserta kajian yang menyokong koding yang telah dilakukan dalam proses pembentukan tema.

3.9.4 Visual Pemetaan Pengalaman

Merujuk kepada konteks fenomena yang dikaji, penyelidik menghasilkan visual pemetaan setiap peserta kajian 01 (PK01) sehingga peserta kajian 07 (PK07) bagi memudahkan pemahaman mengenai kelangsungan hidup indivdu dalam perkahwinan jarak jauh dapat diperolehi secara jelas. Konsep pemetaan pengalaman bagi peserta kajian dilihat berupaya menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan khususnya

University of Malaya

meneroka cabaran dan terjemahan makna pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Seterusnya, gabungan ketujuh-tujuh visual pemetaan pengalaman ini telah menghasilkan tema-tema dan subtema-subtema yang berperanan untuk memberi gambaran mengenai intipati pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian secara holistik. Dalam visual pemetaan pengalaman hidup individu, perkaitan antara satu pengalaman dengan pengalaman yang lain turut dimanifestasi melalui ilustrasi anak panah yang mempunyai makna yang tersendiri untuk menunjukkan kronologi pengalaman sepanjang tiga siri temubual yang telah dijalankan oleh penyelidik ke atas peserta kajian. Visual pemetaan pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh akan dibentangkan dalam bab 4.

3.10 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan kualitatif umumnya sering dipersoalkan oleh penyelidik positivis,berkemungkinan kerana mereka beranggapan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan tidak boleh ditangani dengan cara yang sama dalam penyelidikan secara naturalistik. Walaubagaimanapun, beberapa penulis mengenai kaedah penyelidikan terutamanya Silverman (2001) telah menunjukkan bagaimana penyelidik kualitatif boleh menggabungkan langkah-langkah yang berkaitan untuk mengatasi isu-isu ini. Namun begitu, penyelidik kualitatif sebelum ini memilih untuk menggunakan terminologi yang berbeza untuk menjauhkan diri dan membezakan mereka daripada paradigma positivis.

Lincoln dan Guba (1985) telah mencadangkan empat kriteria yang dipercayai perlu dipertimbangkan iaitu *(i)* kredibiliti *(credibility), (ii)* Kebolehpindahan *(transferability), (iii)* Kebolehpercayaan *(dependability) dan (iv) confirmability.*

Terminologi yang berbeza dalam kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif diilustrasikan dalam Jadual 3.5 di bawah.

Jadual 3.5: Terminologi pendekatan kuantitatif dan kualitatif berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan

Aspek	**Terminologi Kualitatif**	**Terminologi Kuantitatif**
Nilai kebenaran	Kredibiliti *(credibility)*	Kesahan Dalaman (*Internal Validity)*
Kerelevenan *(Applicability)*	Kebolehpindahan *(Transferability)*	Kesahan Luaran (*External Validity or generalisibility)*
Konsisten	Kebolehpercayaan (Dependability)	Kebolehpercayaan *(Reliability)*
Keneutralan	*Confirmability*	*Objectivity*

3.10.1 **Kredibiliti *(credibility)***

Salah satu kriteria utama yang perlu ditangani oleh penyelidik kuantitatif adalah kesahan dalaman, di mana mereka perlu memastikan bahawa langkah-langkah penyelidikan atau ujian yang mereka jalankan mengukur apa yang dimaksudkan. Namun, menurut Merriam (2001), konsep kredibiliti merujuk kepada 'bagaimana kongruennya dapatan kajian dengan realiti?'.

Malah, Lincoln dan Guba (1985) pula berhujah bahawa tindakan untuk memastikan kredibiliti adalah salah satu faktor yang paling penting dalam mewujudkan kebolehpercayaan. Menurut Maxwell (1996), kesahan dan kebolehpercayaan adalah berkaitan soal ketepatan *(correctness)* atau kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, penerangan, interpetasi atau lain-lain bentuk penyataan atau laporan. Justeru, penyelidik boleh menggunakan beberapa teknik untuk mengatasi isu kredibiliti. Tindakan yang akan dilaksanakan termasuklah :

(a) Triangulasi

Bagi memastikan isu kredibiliti dapat diatasi, triangulasi dilakukan di mana penyelidik menggunakan pelbagai sumber maklumat yang berbeza untuk

University of Malaya

membentuk tema atau kategori dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Dalam proses triangulasi, penyelidik membuat gabungjalin data yang ada seperti yang telah diterangkan dalam proses analisis data. Teknik ini merupakan salah satu strategi dalam membantu penyelidik mendapatkan data yang tebal dan kaya dengn penghuraian (Bailey, 2007). Triangulasi digunakan untuk memastikan integriti dan ketepatan penemuan (Patton, 1990).

Menurut Rossman dan Rallis (2003), triangulasi adalah kaedah untuk melihat data dalam cara yang berbeza atau dari sudut penilaian yang berbeza. Berdasarkan triangulasi ini, penyelidik menggunakan triangulasi dari beberapa jenis triangulasi yang dicadangkan oleh Guion (2002) iaitu triangulasi data yang melibatkan penggunaan pelbagai sumber data atau maklumat yang berbeza (data temubual dan dokumen). Penyelidik mengaplikasikan triangulasi data yang diperolehi daripada sumber temubual, dokumen visual seperti gambar, penggunaan dokumen semiotik dan dokumen sokongan yang lain dalam usaha untuk menggabungkan semua maklumat dan membentuk tema-tema utama.

(b) Perhubungan berterusan dan berpanjangan

Bagi memastikan perhubungan dapat dijalinkan secara berpanjangan, penyelidik boleh membuat konsultasi mengenai dapatan yang diperoleh secara berterusan dan membuat lawatan awal ke tempat peserta kajian untuk tujuan membina hubungan *(rapport).* Lincoln dan Guba (1994) mencadangkan perhubungan berterusan dan berpanjangan ini sebagai satu langkah untuk membangunkan kefahaman yang menyeluruh dan mendalam dalam diri penyelidik mahupun peserta kajian mengenai sesuatu fenomena yang dikaji di samping membina kepercayaan yang tinggi dari peserta kajian terhadap penyelidik.

University of Malaya

Walaubagaimanapun, perhubungan yang berterusan mungkin terdedah kepada risiko kerjasama yang kurang memuaskan dari peserta kajian akibat pertemuan berulang-ulang kali, atau mungkin juga menyebabkan pergantungan atau manifestasi lisan dan bukan lisan peserta kajian ke atas penyelidik yang mungkin boleh mempengaruhi penilaian peribadi penyelidik. Menyedari akan risiko tersebut, penyelidik perlu bijak mengendalikannya melalui *epoche* mahupun *bracketing.*

3.10.2 Kebolehpindahan *(transferability)*

Merriam (2001) menyatakan bahawa kebolehgantian atau kesahan luaran bagi pendekatan kuantitatif adalah berkaitan dengan takat di mana penemuan satu kajian boleh digunakan untuk situasi lain. Walaubagaimanapun, memandangkan situasi persekitaran dan individu tertentu yang terlibat dalam kajian adalah kecil dalam penyelidikan kualitatif, ianya dilihat mustahil untuk menunjukkan bahawa keputusan dan kesimpulan boleh digunapakai kepada situasi dan populasi lain. Ini kerana Erlandson et al. (1993) menyatakan bahawa penyelidik naturalistik percaya bahawa amalan untuk membuat generalisasi konvensional tidak mungkin berlaku dalam pendekatan kualitatif kerana semua pengalaman yang dialami ditakrifkan oleh konteks tertentu di mana ia berlaku.

Justeru, bagi mengatasi isu ini, penyelidik mengambil pendekatan dari Bassey (1981) yang mencadangkan bahawa sekiranya pengkaji percaya keadaan mereka sama seperti yang diterangkan dalam kajian ini, maka mereka boleh mengaitkan penemuan kepada kedudukan dan situasi mereka sendiri. Malah, Lincoln dan Guba (1985) dan Firestone (1993) turut berkongsi pendapat yang sama di mana mereka mencadangkan bahawa menjadi tanggungjawab penyelidik untuk memastikan bahawa maklumat latar belakang kontekstual, demografi, penerangan proses atau kaedah dan analisis yang

University of Malaya

terperinci serta maklumat yang kaya mengenai peserta kajian adalah mencukupi untuk membolehkan pembaca menilai dan membuat pemindahgantian.

3.10.3 Kebolehpercayaan (*dependability)*

Merujuk kepada isu kebolehpercayaan, pendekatan kuantitatif membuktikan bahawa sekiranya kerja dapat diulang dalam konteks yang sama, berlandaskan kaedah yang serupa bersama responden yang sama, keputusan yang sama dapat diperoleh. Namun begitu, sebagaimana kenyataan Fidel (1993), Marshall dan Rossman (1993) bahawa perubahan naturalistik dalam fenomena yang diteliti oleh penyelidik kualitatif tidak menyebabkan ianya tidak dapat dipenuhi secara mutlak.

Oleh yang demikian, dalam usaha untuk mengatasi isu kebolehpercayaan ini, penyelidik perlu menerangkan secara terperinci mengenai proses kajian yang ingin dijalankan bagi membolehkan penyelidik akan datang dapat mengulang kembali kajian yang dilakukan untuk memperoleh hasil yang mungkin sama. Hasilnya, rekabentuk kajian boleh dirujuk sebagai 'model asli'. Sekaligus penerangan yang mendalam mengenai rekabentuk kajian dan pengaplikasiannya membenarkan pembaca untuk menncapai takat di mana kajian tersebut boleh diikuti sebagai panduan.

3.10.4 *Confirmability*

Patton (1990) mengaitkan objektiviti dalam pendekatan kuantitatif di mana instrumen yang digunakan tidak bergantung kepada kemahiran dan persepsi manusia. Namun begitu, Patton mengenalpasti kesukaran untuk memastikan kebenaran objektiviti memandangkan instrumen juga turut dihasilkan oleh manusia. Maka, dalam pendekatan kualitatif, isu *confirmability* dihuraikan oleh Miles dan Huberman (1994) sebagai takat di mana penyelidik mengakui dan sedar akan personaliti awal yang membayanginya. Pada akhirnya, kepercayaan yang mendasari pembuatan keputusan dan kaedah yang

University of Malaya

digunakan dapat dimaklumkan secara jelas melalui penulisan laporan, justifikasi pendekatan yang digunakan. Dengan erti kata yang lebih jelas, *confirmability* dapat dikendalikan melalui teknik penerangan mendalam mengenai metodologi yang digunakan dalam kajian *(thick description of methodology) dan* jejak audit.

(a) Penerangan terperinci mengenai metologi kajian

Penerangan secara mendalam dan terperinci secara sistematik dalam metodologi yang digunakan boleh menjadi titik tolak dalam menangani isu *confirmability* sekaligus dapat mendedahkan mengenai situasi dan konteks sebenar fenomena yang diteroka oleh penyelidik. Tanpa kesedaran ini, adalah sukar untuk pembaca untuk mengenalpasti kajian ini boleh dipercayai dari sudut pungutan data dan proses analisisnya.

(b) Jejak Audit *(audit trail)*

Kredibiliti kajian dibina dengan meminta individu di luar kajian seperti auditor atau pembaca memeriksa naratif atau laporan kajian bagi menentukan kredibiliti dan c*onfirmability*, Dalam proses jejak audit, penyelidik menyediakan dokumen yang jelas semua keputusan-keputusan yang dibuat serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa kajian. Penyelidik boleh menggunakan audit luaran untuk menilai proses dan produk inkuiri bagi menentukan kebolehpercayaan dapatan kajian. Ia merupakan prosedur yang sistematik di mana penilai menulis analisis selepas pemeriksaan yang terperinci dibuat terhadap dokumen yang disediakan oleh penyelidik.

Jejak audit dibina oleh penyelidik dengan mendokumentasikan proses inkuiri melalui penulisan jurnal dan memo, menyimpan log

University of Malaya

penyelidikan semua aktiviti yang dijalankan, membentuk kronologi pengumpulan data dan merekod prosedur analisis data dengan jelas.

Sebagai contoh, bagi tujuan jejak audit, setiap penyelidik memulakan proses transkrip dengan menulis beberapa maklumat penting seperti nama peserta kajian, bilangan temu bual atau pemerhatian, tarikh, jangka masa temu bual atau pemerhatian dan tempat yang dimuatkan dalam satu perenggan. Langkah tersebut dilakukan bagi mengenal pasti transkrip secara spesifik dan memudahkan jejak audit di kemudiannya. Justeru, melalui proses dokumentasi kajian yang lengkap serta penilaian dokumen oleh audit luaran, menjadikan laporan atau naratif lebih boleh dipercayai kesahihannya. Perincian mengenai aspek yang disentuh dalam jejak audit boleh difahami seperti yang tertera dalam lampiran.

3.11 Pertimbangan Etika Dalam Kajian

Dalam menjalankan penyelidikan yang beretika, penyelidik selaku penemubual meminta kebenaran bertulis daripada peserta temuduga, serta menerangkan kepada mereka secara lisan tujuan dan matlamat penyelidikan dan permintaan khusus yang dibuat oleh mereka, seperti tempoh temu bual itu dijangka mengambil masa. Penemubual dengan jelas memaklumkan kepada para peserta bahawa penglibatan mereka adalah secara sukarela dan mereka bebas untuk menarik balik persetujuan mereka pada bila-bila masa. Mereka menjangka dan menjelaskan apa-apa risiko-risiko yang mungkin timbul bagi peserta.

Pada masa yang sama, penemubual boleh mengundang peserta untuk mengkaji semula transkrip temuramah mereka supaya bahan-bahan sensitif boleh dikecualikan daripada kajian. Akhir sekali, beberapa penemubual memberikan suatu salinan draf

University of Malaya

penyelidikan kepada responden untuk memastikan mereka selesa dengan tafsiran kata-kata mereka.

Tidak ketinggalan, etika kerahsiaan juga menjadi pertimbangan penyelidik. Jenis utama risiko untuk menjangkakan bahawa peserta kajian akan dikenal pasti sebagai ahli kajian dan beberapa bentuk kemudaratan akan berlaku. Bagi meminimumkan risiko ini, penemubual menawarkan untuk menyembunyikan aspek-aspek yang jelas dalam identiti peserta kajian, seperti dengan menggunakan nama samaran sebagai ganti nama yang betul. Melainkan jika peserta kajian bersetuju bahawa penyertaan mereka boleh diumumkan kepada orang ramai, penemubual tidak mendedahkan siapa peserta kajian mereka kepada responden lain, rakan-rakan atau pembaca. Malah, Tingkah laku beretika ke arah peserta penyelidikan termasuk melayan dan menemubual mereka dengan kejujuran, simpati dan rasa hormat. Prinsip-prinsip panduan bukan sahaja akan memastikan penyelidikan yang beretika, mereka adalah keperluan minimum untuk mewujudkan hubungan baik antara penemubual dan peserta kajian.

Proses pengumpulan data mengenai pengalaman tentang pasangan berkahwin yang tinggal berjauhan dilakukan dengan sesi temu bual separa berstruktur secara bersemuka oleh penyelidik. Setiap peserta kajian yang ditembual akan diarahkan membaca borang persetujuan termaklum *(informed consent)* dan menandatangani borang persetujuan tersebut sebelum temubual dijalankan.

Merujuk kepada persetujuan termaklum seperti dalam lampiran yang telah disediakan, peserta kajian telah diterangkan mengenai tujuan penyelidikan serta dimaklumkan cara dan sebab peserta kajian tersebut dipilih untuk penyelidikan ini. Penjelasan ini amat penting bagi memastikan peserta kajian faham tentang kepentingan penyelidikan yang sedang dijalankan oleh penyelidik serta peranan mereka dalam membantu menjayakan penyelidikan yang dijalankan.

University of Malaya

Pada masa yang sama, penyelidik akan menerangkan serba sedikit mengenai terma-terma yang digunakan dalam penyelidikan supaya peserta kajian tidak keliru dan terbatas dalam menyuarakan pendapat dan mempamerkan respon terhadap soalann yang diberikan oleh penyelidik semasa sesi temubual dijalankan. Sebagai contoh, penyelidik perlu menerangkan kepada peserta kajian mengenai keintiman yang merangkumi pelbagai aspek yang tidak terhad kepada seksual semata-mata. Maka, tanpa penerangan yang jelas, kemungkinan peserta kajian beranggapan penyelidik sengaja untuk mencungkil rahsia kehidupan peribadinya sekaligus menyebabkan jawapan dan respon yang diperoleh tidak akan dapat menghasilkan data yang bernilai.

Selain dari menjelaskan tujuan penyelidikan dan peranan peserta kajian, penyelidik menerangkan aspek kerahsiaan dan autonomi kepada peserta kajian. Dalam erti kata lain, penyelidik perlu meyakinkan peserta kajian bahawa respons serta maklumat yang disampaikan oleh peserta kajian akan dirahsiakan dan tidak akan didedahkan dengan sewenang-wenangnya. Peserta kajian juga berhak dan berpeluang untuk bertanya, meminta penjelasan dan meminta penyelidik untuk mengulang soalan jika perlu.

Setelah peserta kajian telah benar-benar jelas dengan keperluan dan kehendak penyelidikan, penyelidik mendapatkan kebenaran sepenuhnya daripada peserta kajian dengan menandatangani borang yang merangkumi aspek peranan dan hak peserta kajian serta boleh menarik diri dalam penyelidikan jika peserta kajian ingin berbuat demikian.

Secara keseluruhannya, pertimbangan etika yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik merangkumi beberapa aspek utama termasuklah hubungan dua hala dan kesamaan status di mana pengkaji mempertimbangkan tentang pelbagai perspektif, pendapat dan pandangan tentang fenomena perkahwinan jarak jauh. Ini bermakna dalam memahami fenomena perkahwinan jarak jauh, pihak yang terlibat dalam kajian

University of Malaya

iaitu peserta kajian perlu mendapat hak untuk mengakses kepada dapatan kajian. Malah, perbezaan pendapat tentang segala aktiviti dan hasil kajian akan diselesaikan melalui perundingan.

Selain itu, aspek ketelusan turut diberi perhatian di mana kertas cadangan mengenai kajian, kaedah yang digunakan dan laporan kajian adalah terbuka kepada penelitian pihak yang terlibat secara langsung dengan kajian dan tidak ada penilaian rahsia atau sulit yang akan dilakukan tanpa kebenaran pihak yang terlibat seperti peserta kajian. Aspek kebebasan pula membolehkan tiada unsur bias dalam proses penilaian supaya peserta kajian mengakui tentang kredibiliti dan ketelusan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Di sini tiada pihak yang berhak memonopoli arah tujuan dan fokus kajian.

Pada masa yang sama, penyelidik harus memberi fokus kepada aspek keadilan di mana kajian ini bebas dari sebarang pengaruh dan tanggapan awal penyelidik, serta tiada sebarang tekanan dilakukan terhadap individu yang menjadi peserta kajian. Malah, laporan kajian akan diberikan kepada pihak yang terlibat untuk diteliti dan dikomen.Tidak ketinggalan, melalui aspek perundingan dan kerahsiaan, kajian hanya melibatkan akses kepada data secara munasabah di mana semua maklumat adalah rahsia kecuali dipersetujui oleh peserta dalam kajian untuk didedahkan. Pihak yang terlibat dalam kajian berhak memberi komen tentang keadilan, kerelevenan dan ketepatan laporan mengikut konteks penglibatan masing-masing.

Akhirnya, aspek akauntabiliti merangkumi pemahaman bahawa kajian ini bertanggungjawab kepada peserta kajian secara langsung atau tidak langsung dengan kajian dengan memastikan prosedur dan prinsip yang dinyatakan diikuti dan dihormati.

University of Malaya

3.12 Kesimpulan

Penjelasan mengenai metodologi dan penggunaan pendekatan mengenai kajian Fenomenologi Transendental merupakan satu rekabentuk kajian yang memberi peluang kepada penyelidik untuk terus berada pada fokus dan landasan yang betul dalam usaha mendapatkan data yang memenuhi tujuan dan kehendak kajian secara menyeluruh. Konsep pendekatan fenomenologi yang merangkumi *epoche*, *bracketing*, *intentinality*, *intuition*, *intersubjectivity*, *noema* dan *noesis* memberi pemahaman kepada penyelidik tentang konsep utama yang mendasari pendekatan ini.

Prosedur yang sistematik dalam prosedur analisis data merangkumi lapan langkah menurut Moustakas (1994) bermula dari penyediaan trankripsi yang komprehensif sehingga penerangan komposit tekstural-struktural telah dijelaskan bertujuan untuk memberi kefahaman kepada penyelidik dan pembaca tentang tatacara dan perjalanan bagi pemerolehan data khususnya kepada mereka yang menggunakan pendekatan kualititif berbentuk fenomenologi.

Selain itu, persampelan bertujuan yang akan digunakan oleh penyelidik membantu penyelidik mendapatkan peserta kajian yang kaya dengan maklumat dan kriteria yang dikehendaki. Kaedah pengumpulan data yang melibatkan temubual yang melibatkan tiga siri temubual oleh Seidman (1991) dan dokumen visual boleh dipastikan kesahan dan kebolehpercayaan melalui teknik triangulasi. Kajian awal yang dilaksanakan oleh penyelidik turut dinyatakan bertujuan untuk proses penambaikan protokol tembual yang dijalankan.

Di samping itu, makluman mengenai peranan pengkaji,*bias* dan jangkaan penyelidik turut didedahkan dalam usaha memastikan pembaca dapat menilai dan mengenalpasti perkaitan penyelidik sebagai instumen utama yang tidak boleh lari dari *bias.* Menyedari akan hakikat itu, bagi menjamin penyelidikan dilakukan dengan

University of Malaya

berkualiti dan beretika, isu kesahan dan kebolehpercayaan yang merangkumi empat terminologi yang berbeza seperti kredibiliti *(credibility),* kebolehpindahan *(transferability),* kebolehpercayaan *(dependability) dan confirmability* dalam pendekatan kualitatif dapat diatasi melalui teknik triangulasi, perhubungan berterusan *(prolonged engagement),* jejak audit *(audit trail)* dan perincian deskriptif mengenai metodologi kajian.

University of Malaya

BAB 4:

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini adalah untuk memaparkan keputusan penyelidikan yang telah dijalankan. Pembentangan laporan hasil dapatan adalah diperoleh daripada sumber data utama yang telah digunakan dalam proses pungutan data secara keseluruhan. Merujuk kepada konteks penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik, kaedah pengumpulan yang utama adalah temu bual yang menjadi instrumen utama dalam kajian kualitatif. Menjurus kepada sumber utama dalam proses pungutan data, maka temu bual yang dikendalikan oleh penyelidik merupakan temu bual separa berstruktur secara mendalam sekurang-kurangnya tiga kali bagi setiap peserta kajian.

Dalam bahagian ini, dapatan atau hasil kajian dilaporkan dan dibincangkan berdasarkan carta alir yang terkandung dalam analisis data seperti yang telah dikemukakan oleh Moustakas (1994). Merujuk kepada carta alir tersebut, penyelidik akan membincangkan hasil dapatan bermula dengan laporan mengenai struktur pengalaman siri satu setiap peserta kajian. Seterusnya, laporan diteruskan dengan laporan mengenai deskripsi tekstural dan struktural dengan deskripsi komposisi tekstural dan struktural peserta kajian diikuti dengan komposit tekstural dan struktural peserta kajian. Akhir sekali, inti pati mengenai makna pengalaman kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh akan dilaporkan. Perbincangan menurut carta alir akan dimulakan dengan peserta kajian 01 dan diakhiri dengan peserta kajian 07.

Secara keseluruhannya, laporan ini membincangkan dapatan yang diperoleh berdasarkan pengalaman wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Diskripsi

University of Malaya

secara terperinci akan menjadi platform ke arah menyediakan pemahaman yang mendalam berkenaan latar belakang tujuh orang peserta kajian dan pengalaman kelangsungan hidup yang telah dialami sepanjang menjalani kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Maka, bahagian ini menerangkan beberapa aspek termasuklah pengalaman peserta kajian berkenaan fenomena perkahwinan jarak jauh, proses *bracketing*, langkah-langkah yang terlibat dalam analisis data, dan perincian keseluruhan mengenai dapatan kajian, tema dan subtema yang muncul, dan diikuti dengan rumusan bab secara keseluruhan. Perbincangan mengenai peserta kajian dalam bab ini akan menggunakan singkatan PK yang menjurus kepada peserta kajian.

4.2 Struktur Pengalaman Siri 1

Seperti yang telah diperincikan dalam bab sebelum ini, pendedahan mengenai struktur pengalaman siri 1 setiap peserta kajian adalah hasil daripada pembentukan semula pengalaman awal mereka dalam keluarga, rumahtangga, persekitaran sekiranya faktor-faktor ini terlibat dalam pengalaman kelangsungan hidup mereka. Tindakan seperti ini amat penting dalam usaha untuk memberi peluang kepada peserta kajian untuk mengaitkan secara keseluruhan beberapa siri kejadian yang signifikan dalam pengalaman mereka termasuk aspek-aspek persekitaran dan peribadi mereka yang akhirnya bertindak mempengaruhi kehidupan kelangsungan hidup mereka dalam fenomena yang dikaji oleh penyelidik.

4.2.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 01 (PK01)

PK01 merupakan anak ke-9 daripada 10 orang adik beradik dan merupakan anak bongsu perempuan dalam keluarganya. Memandangkan PK01 seorang guru yang terikat dengan kontrak perjanjian untuk berkhidmat di sekolahnya kini untuk tempoh beberapa tahun, PK01 terpaksa menangguhkan hasrat untuk tinggal bersama suami pada awal tempoh perkahwinan beliau bersama suami, meskipun kini PK01 telahpun selesai

University of Malaya

dengan kontrak perkhidmatan di sekolahnya, PK01 masih tidak dapat meneruskan keputusannya untuk tinggal sebumbung bersama suami dan anaknya lantaran kekangan yang lain. Hal ini kerana tanggungjawab suami PK01 terhadap keluarga mertuanya di kampung. Dalam perkongsian pengalamannya, PK01 menyatakan:

> suami akak ni anak tunggal lelaki, dia anak tunggal..adik beradik dia ada 4 orang, semua tu perempuan dia seorang adik beradik lelaki..sebab masa akak kahwin dengan suami akak pun..ayahnya dah tak ada..sekarang ini dia duduk dengan ibu mertua kakaklah…dan dia menjaga mak mertua. (PK02/T1/71-79).

PK01 memilih untuk tinggal berasingan dengan pasangan lantaran akur dengan tanggungjawab yang harus dipikul oleh suaminya dan pada masa yang sama PK02 ingin memenuhi kehendak ibunya yang turut ingin PK01 tinggal bersamanya. Peluahan ini dikongsi oleh PK02 dalam kenyataan beliau:

> akak ni anak bongsu perempuan, dan suami akak tunggal lelaki…jadi tanggungjawab masing-masing tu..sebab mak akak lebih selesa dengan kakak berbanding adik beradik yang lain..mak kakak banyak dengan kakaklah…kak kena balik keraplah sebab adik beradik lain lelaki kan. (PK01/T1/96-100).

Sepanjang empat tahun perkahwinan PK01 dengan pasangannya sejak tahun 2009, PK01 dan suaminya lebih mengutamakan perasaan kedua-dua belah pihak melalui perkongsian cerita dalam kenyataan:

> akak pun memang berhasrat untuk pindah.tapi bila mak akak berharap kakak untuk duduk bersama dengan dia, mak mertua pun mengharap suami pun duduk dengan suami , jadi mengambil keputusan untuk duduk asing-asing… ambil keputusan untuk duduk berjauhan dulu..tak nak mengecewakan mana-mana pihak (PK01/T1/94-96)

Sepanjang perkongsian hidup berumahtangga, PK01 sememangnya telah sedia maklum mengenai kerjaya suaminya sebagai pemandu teksi yang terpaksa bekerja tanpa mengira waktu. Pada masa yang sama, suaminya turut bekerja sebagai operator pengeluaran

University of Malaya

yang bekerja mengikut giliran. Keadaan sedemikian membuat PK01 merasakan bahawa dirinya tetap tidak dapat melihat suaminya setiap hari biarpun mereka tinggal bersama di bawah satu bumbung. Peluahan ini dikongsi oleh PK01 dalam kenyataannya:

> macam awal-awal tu, memang terfikir nak duduk sekali, tapi susah.. contohnyalah, pagi akak pergi sekolah,.dia dah sah-sahlah tak jumpalah..jumpa waktu pagi...kemudian, lepas maghrib dalam pukul 7.45 dia dah kerja.. dan dia akan balik pada pukul 6.00 pagi, akak pula nak bersiap untuk ke sekolah.. jadinya macam dari awal tu memang dah orang kata walaupun duduk sekali, tapi memang kekerapan berjumpa pun dah singkat, jadi sama sahaja.(PK01/T1/413-430)

Keputusan untuk tinggal berjauhan antara PK01 dan pasangan turut dikuatkan lagi dengan kekangan kerjaya suami. Memandangkan suami PK01 memiliki dua kerjaya yang menyebabkan suaminya berhempas pulas bekerja siang dan malam PK01 merasakan tindakan untuk tinggal serumah bersama suami akan menyebabkan suaminya terpaksa mengorbankan salah satu pekerjaan untuk memberi fokus terhadap keluarganya. Menyedari akan pengorbanan suami untuk membuat dua pekerjaan bagi melunaskan hutang yang masih tertunggak. Setelah mempertimbangkan semua perkara yang mengekang PK01 untuk membina kehidupan rumahtangga seperti orang lain, PK01 ternyata akur dan menerima secara terbuka untuk membesarkan anaknya yang berusia 1 tahun 7 bulan secara bersendirian di rumah sewa memandangkan PK01 sudah biasa dengan kehidupan bersendirian seperti alam percintaan yang bersifat jarak jauh. Tambahan pula, kesibukan kerjaya masing-masing menyebabkan PK01 merasakan kehidupannya yang berjauhan dengan suami dalam membesarkan anaknya secara berseorangan biarpun jauh dengan keluarganya bukanlah masalah besar meskipun kehidupannya tidak sama seperti orang lain. Meskipun PK01 menganggap kehidupannya sebagai isteri dan ibu yang berjauhan dengan pasangan, sebagai suatu cabaran yang boleh dikendalikan dengan baik, PK01 turut menyatakan hasrat untuk tinggal serumah dengan suami memandangkan aspek- aspek yang boleh menjejaskan

kehidupannya dengan keluarga pada masa akan datang. Keputusan yang diambil oleh PK01 telah diutarakan melalui kenyataannya yang berikut:

> tak mengapalah, nantilah kalau kakak mengandung kali kedua , dia nak pindah sini, dan suami akak dapat rasakan yang akak duduk sini lagi selesa..lagi ok daripada akak duduk kampung yang nak menjaga hati banyak orang kan..bila hati kita belum bersedia untuk menjaga semua hati tu … menjaga hati- hati yang ada..buat masa ni biar kita mengalah dulu (PK01/T1/ 553-567)

PK01 telah membuat permohonan pertukaran tetapi masalah teknikal telah menyekat hasrat PK01 untuk berpindah. Meskipun PK01 telah menetapkan rancangan untuk tinggal bersama suami PK01 telah menyatakan hasrat membina kehidupan berkeluarga di rumah idamannya. Tujuan PK01 mengambil keputusan sedemikian telah dinyatakan sepanjang temu bual:

> biar orang kata buat masa ni, biar kat sini dulu. Cuma bila kakak nak pindah tu, kak cakap dengan suami kak nak duduk sekali , bukan duduk mana-mana rumah tapi nak duduk rumah sendiri dan kalau boleh memang buat rumah sendiri..”

Akhirnya, PK01 turut menyuarakan hasrat untuk tinggal sebumbung dengan pasangan apabila beliau merasakan tanggungjawab membesarkan anak yang mungkin bertambah dilihat satu cabaran yang agak sukar untuk dikendalikan seoarang diri. Ini dapat dirungkai melalui pernyataan beliau:

> tapi memang kakak cakaplah kalau akak mengandung lagi, kakak tak sangguplah untuk jaga sorang-sorang ..tapi cuma suami kak kata nanti dia pindah sini,,kita tengok jelah.(PK01/T1/656-658)

Secara keseluruhan, rangkuman pengalaman PK01 dapat diselusuri melalui peta pengalaman dalam Rajah 4.1 seperti berikut:

University of Malaya



Rajah 4.1: Visual Pengalaman Hidup Siri 1 PKO1

University of Malaya

4.3 Deskripsi Tekstural dan Struktural Peserta Kajian

Secara keseluruhan, deskripsi tekstural dan sturktural individu menggambarkan apa yang peserta alami menggunakan petikan dari transkrip yang disediakan. Maka, proses pada peringkat ini membantu penyelidik untuk memahami 'apa' yang peserta kajian iaitu pasangan perkahwinan jarak jauh alami dan membolehkan penyelidik membuat refleksi terhadap keadaan yang dialami dengan memberi fokus kepada 'punca' apa yang dialami oleh peserta kajian.

Malah, proses ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menilai 'bagaimana' pengalaman itu berlaku mengikut konteks pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Perbincangan mengenai deskripsi tekstural dan struktural individu dihuraikan seperti berikut:

4.3.1 Deskripsi Tekstural dan Struktural Individu PK01

Sepanjang perkongsian mengenai pengalaman sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, terdapat beberapa aspek yang menjadi perkongsian. Aspek-aspek yang telah dikenalpasti adalah (a) faktor penyumbang, (b) pengalaman kitaran pertemuan-perpisahan, (c) dinamik perhubungan, (d) sistem kekeluargaan, (e) mekanisma kelangsungan hidup, dan (f) sistem sokongan. Setiap aspek akan diperincikan dengan sokongan kenyataan yang diutarakan oleh PK01. Perincian deskripsi tekstural dan struktural boleh difahami melalui Rajah 4.2 seperti berikut:

University of Malaya

Rajah 4.2: Deskripsi Tekstural dan Struktural PK01

a) Reaksi emosi

Deskripsi tekstural

Penterjemahan reaksi emosi oleh PK01 sepanjang perkongsian pengalaman kelangsungan hidup bergelar isteri dalam perkahwinan jarak jauh telah dikaitkan dengan emosi positif mahupun negatif. PK01 mengaitkan pengalaman berjauhan dengan suaminya dengan perasaan ‘rindu’, ‘teruja’, ‘sedih’, ‘cemburu’. Terma-terma yang dikenalpasti telah disokong oleh penyataan PK01 dalam Jadual 4.1 seperti berikut:

University of Malaya

Jadual 4.1: Reaksi afektif PK01

Terma	Kenyataan
Rindu	Kakak akan rindu dan macam dia nak ada kat sisi kan
Teruja	Memang teruja kalau fikir dia nak balik
Sedih	Memang ada part-part tu kita akan sedihlah

Deskripsi struktural

PK01 meluahkan perasaan rindu yang terpendam di lubuk hati seakan akan mahu suaminya berada di sisi setiap saat melihat anak mereka membesar dan sentiasa menanti suaminya setiap hari ahad kerana suaminya akan pulang berjumpa PK01dan anak mereka setiap hari ahad. Bagi PK01, kerinduan menanti hari demi hari membuatkan dirinya berasa teruja ibarat bertemu kali pertama suatu ketika dahulu.

Di samping itu, keterujaan yang dilahirkan oleh PK01 turut melibatkan tindakan atau aktiviti yang dapat dilakukan bersama-sama sepanjang suami PK01 berada dirinya yang mewujudkan perasaan teruja itu meskipun perasaan tersebut berselang-seli dengan emosi yang lain seperti perasaan sedih. PK01 mengakui bahawa suaminya turut teruja untuk menunggu hari cuti supaya dapat bersama-sama membuat aktiviti di rumah. Walaupun suami PK01 sibuk dan terpaksa membawa penumpang pada hari Ahad, dia akan memastikan dia pulang walaupun tidak bermalam untuk melepaskan rasa rindu dan tidak menghampakan rasa teruja dalam diri PK01 dan anaknya yang menanti ketibaan ayahnya biarpun anaknya masih kecil.

University of Malaya

Perasaan rindu dan teruja yang di luahkan oleh PK01 sememangnya bercampur-baur dengan emosi sedih khususnya apabila ingin berpisah dengan suami dalam tempoh tertentu. Kehidupan bersendirian membesarkan anak kadangkala mengundang rasa sedih dalam hati PK01 khususnya apabila anaknya sakit dan suami yang jauh untuk pulang dengan kadar segera.

Tidak ketinggalan, tempoh pertemuan dan perpisahan yang melibatkan PK01 dan suaminya mewujudkan perasaan cemburu di hati masing-masing. PK01 mengakui bahawa ketiadaan pasangan di depan mata dalam tempoh yang agak lama tanpa bersemuka menyebabkan dirinya cemburu dan terdorong untuk menyiasat tindak tanduk suaminya. Kerjaya suami sebagai pemandu teksi yang sering memberi peluang suaminya berinteraksi dengan pelanggan yang rata-ratanya wanita menyebabkan PK01 tidak dapat menolak dirinya daripada berasa cemburu. Begitu juga dengan kenyataan suaminya yang menasihati PK01 agar tidak terlalu berhias apabila ke tempat kerja kerana mengakui dirinya akan cemburu lantaran kerjaya PK01 sebagai guru yang sememangnya berhubung dengan rakan sekerja samada lelaki bujang atau yang telah berkahwin.

b) Reaksi tingkah laku

Deskripsi tekstural

Reaksi tingkahlaku turut dipamerkan oleh PK01 dalam perkongsian pengalaman kelangsungan hidupnya sepanjang bergelar individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh termasuklah proses ulang-alik *(traveling)*, komunikasi, keintiman, kejujuran, kesetiaan.Terma yang dicetuskan disokong oleh perkongsian pengalaman PK01 dalam Jadual 4.2 seperti berikut:

University of Malaya

Jadual 4.2: Reaksi Tingkahlaku PK01

Terma	Kenyataan
Proses Ulang–alik	Tiap minggu memang suami akan baliklah
Komunikasi	Memang kalau nak cakap tu, berlapik-lapik
Keintiman	Kurang privasi sedikit
Jujur	Suami memang akan jujur, beritahu semua perkara
Setia	Kena setia dengan pasangan

Deskripsi struktural

PK01 mengakui bahawa tempoh perpisahan bukanlah titik tolak untuk melupakan atau berasa diri dilupakan kerana PK01 dan suaminya memastikan mereka akan berjumpa pada tiap-tiap minggu dalam usaha menghangatkan lagi hubungan suami isteri. Justeru, proses dan kekerapan pertemuan antara PK01 dan suaminya mengundang limitasi khususnya kos dalam tempoh perjalanan *(traveling)* suaminya untuk bertemu PK01 dan anaknya. Kekerapan berulang-alik menyebabkan suaminya kepenatan dan tergesa-gesa untuk bertolak seawal jam 4 pagi ke tempat kerja.

Tempoh tiga tahun melayari bahtera perkahwinan secara berasingan, PK01 sangat menitikberatkan soal komunikasi memandangkan perselisihan faham boleh timbul akibat komunikasi yang tidak dapat dikesan. Justeru, PK01 dan suami akan sentiasa memaklumkan setiap pergerakan untuk mengelakkan masing-masing ternanti-nanti atau menganggu pasangan yang sedang melakukan sesuatu perkara sehingga membataskan mereka untuk berhubung dan berbual melalui telefon dan sebagainya. Malah, komunikasi berlapik turut digunakan untuk menyatakan atau menyuarakan pendapat dan perbincangan apabila wujud sesuatu isu dan perselisihan pendapat.

University of Malaya

Pada masa yang sama tempoh perpisahan dan pertemuan yang dialami oleh PK01 semestinya melibatkan isu keintiman yang disifatkan oleh PK01 sebagai sesuatu yang tidak memberi impak yang besar dalam perhubungan bersama suami. Ini kerana PK01 akan memaklumkan waktu dirinya didatangi haid supaya suaminya memahami kekangan untuk aktiviti seksual. PK01 mengakui tempoh haidnya yang lama sehingga mencecah 14 hari memerlukan kesabaran dan pemahaman yang tinggi dalam diri suami memandangkan nafsu lelaki yang berbeza jika dibandingkan dengan wanita.

Reaksi tingkahlaku yang melibatkan keintiman sosial melalui aktiviti yang dilakukan bersama-sama. Ini kerana, PK01 akan memastikan aktiviti yang dirancang pada hujung minggu seperti membeli barang keperluan rumah dan anak, membersihkan rumah dan menziarahi ibu di kampung dapat direalisasikan demi memenuhi tuntutan keintiman sosial tersebut.

Memandangkan PK01 menyewa dengan rakannya di rumah sewa yang terletak tidak jauh dari tempat kerja PK01 dilihat satu kekangan untuk mendapatkan privasi. Ini kerana suami PK01 terpaksa menunggu sehingga rakan serumah PK01 tiada di rumah dan pernah tunggu di masjid dalam tempoh yang agak lama. Tidak cukup dengan itu, keberadaan rakan sekerja di rumah semestinya menyekat PK01 dan suaminya untuk bertingkahlaku yang agak keterlaluan meskipun sudah berumahtangga kerana menyedari bahawa tindak-tanduk mereka mengundang rasa tidak selesa di hati orang lain. Pada masa yang sama, PK01 menganggap privasinya digugat oleh kekangan masa kerana tempoh pertemuan yang agak singkat menyebabkan masing-masing kurang privasi bersama.

University of Malaya

Kesinambungan perhubungan yang dijalinkan sememangnya wujud dari tindakan PK01 dan suaminya yang sentiasa berlaku jujur dalam setiap tindak-tanduk. Sikap suami PK01 yang akan menceritakan setiap pengalaman sepanjang seharian memandu teksi termasuk bergurau senda dengan pelanggan wanita yang agak seksi menyebabkan PK01 tidak begitu risau dengan perhubungan jarak jauh yang sedang dialaminya kini. Bagi PK01, tindakan berterus terang dan jujur meskipun ia kelihatan agak mengguris hati lebih menenangkan daripada sesetengah keadaan ibarat 'pijak semut pun tidak mati' yang berisiko menjadi sebaliknya di belakang PK01.

Pada masa yang sama, pilihan untuk menjalani kehidupan sebagai pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan menuntut kesetiaan dan tingkahlaku saling memahami dimana PK01 menganggap dunianya kini ibarat 'hanya jauhari yang mengenal manikam'. Ini kerana hanya PK01 mengenal dan memahami suaminya dan begitulah sebaliknya malah PK01 mengakui tidak semua orang di luar mampu memahami dugaan dan cabaran yang sedang di alami oleh PK01.Kepayahan yang dialaminya menyebabkan dirinya setia menjalankan tanggungjawab dan tidak pernah terlintas untuk berlaku curang terhadap suaminya.

c) Reaksi kognitif

Deskripsi tekstural

Konteks penerokaan makna pengalaman kelangsungan hidup PK01 terarah kepada reaksi kognitif yang meliputi terma-terma seperti kepercayaan, persepsi dan impian. Setiap terma disokong oleh penyataan PK01 seperti Jadual4.3 berikut:

Jadual 4.3: Reaksi Kognitif PK01

Terma	**Kenyataan**
Kepercayaan	Kami saling percaya
Persepsi	Jarak tidaklah jauh sangat
Impian	Memang teringin nak duduk sebumbung

Deskripsi struktural

Babak pertemuan dan perpisahan yang dikekang oleh jarak menjadi satu imaginasi kognitif PK01 yang menganggap bahawa jarak yang terpisah tidak menjadi isu dominan memandangkan PK01 percaya bahawa suaminya masih boleh diakses dan masih berada di semenanjung Malaysia iaitu di negeri Johor. Pada masa yang sama, jarak fizikal yang mampu dikendalikan dengan baik oleh PK01 dalam mengharungi suka duka berumahtangga disokong oleh kepercayaan *(world view)* PK01 yang menganggap jarak emosi lebih bersifat kekal dalam memastikan kelangsungan hidup perkahwinan mereka bakal tercapai.

Malah kepercayaan yang dipegang oleh PK01 dan suaminya menjadi senjata paling ampuh yang membolehkan mereka mampu mencapai autonomi dalam setiap proses pembuatan keputusan.

Walaupun sudah lali dengan usikan dan tekanan nilai kolektif yang menganggap kehidupan PK01 yang tidak normal, PK01 memasang impian dan terus berharap agar mereka dapat tinggal sebumbung kerana bimbang akan keadaan psikologi anaknya apabila telah memasuki alam persekolahan.

University of Malaya

Rajah 4.3: Dokumen visual pilihan PK01

PK01 turut berkongsi pengalamannya melalui pemilihan gambar rajah 4.3 di atas. Bagi PK01, ianya merupakan satu impian terbesar dalam hidupnya dimana PK01 mengimpikan kehidupan kehidupan seperti pasangan-pasangan berkahwin yang lain yang tinggal serumah bersama suami menguruskan anak mereka. Meskipun anaknya masih kecil untuk memahami kehidupan yang dilalui oleh pasangan ini, PK01 amat berharap agar impiannya untuk tinggal bersama sebagai satu keluarga termakbul apabila anaknya memasuki alam persekolahan ataupun jika dikurniakan rezeki anak yang kedua.

Justeru, PK01 dan pasangannya sedang bertungkus-lumus dalam usaha menjana pendapatan bagi merealisasikan impian memiliki rumah sendiri di samping mempertimbangkan faktor persekitaran yang merangkumi aspek pesekitaran kejiranan, sekolah, kemudahan infrastruktur dan persediaan menghadapi perubahan apabila tinggal serumah di rumah baru nanti.

University of Malaya

d) Dinamik perhubungan

Deskripsi tekstural

Perkongsian pengalaman kelangsungan hidup PK01 yang menjalami kehidupan sebagai wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh telah mengetengahkan beberapa elemen yang bersangkut-paut dengan dinamik perhubungan yang terdiri daripada hubungan ayah-anak, hubungan ibu- anak dan hubungan pengasuh-anak. Merujuk kepada elemen tersebut, kenyataan dalam Jadual 4.4 di bawah dilihat menyokong elemen yang telah dikenalpasti dalam dinamik perhubungan yang timbul

Jadual 4.4: Dinamik Perhubungan PK01

Terma	**Kenyataan**
Hubungan ayah -anak	Anak rapat bila dengan ayahnya
Hubungan ibu-anak	Anak jadi penguat diri saya
Hubungan suami-isteri	Bila duduk jauh ni kami jarang bergaduh
Hubungan pengasuh-anak	Anak nampak manja bila dengan pengasuh

Deskripsi struktural

Sorotan penceritaan PK01 memfokuskan kepada keadaan anaknya yang dilihat sangat rapat dan manja dengan suaminya apabila suaminya berada di rumah seolah-olah terlalu menggunakan kesempatan yang ada sebelum suaminya kembali meninggalkan PK01 dan anaknya. Kesempatan menguruskan anak yang wujud semasa di rumah digunakan dengan sebaik mungkin termasuklah memandikan bayi, menukar lampin dan menyuap makanan menyebabkan hubungan anak dan suami PK01 begitu rapat bagaikan berada di dunia mereka sendiri sehingga PK01 berasa anaknya tidak menghiraukan kewujudannya di

University of Malaya

situ. Dinamik perhubungan yang positif ini mencetus kegembiraan dalam hati PK01 dan suami.

Sebagai ibu yang mengandungkan anaknya selama sembilan bulan, hubungan ibu anak yang terjalin sememangnya tidak dapat disangkal. Menyelusuri suka duka bersendirian menguruskan anak tanpa suami disisi, PK01 mengakui anak menjadi penguat semangat dikala dirinya goyah menepis tekanan kerjaya dan rumahtangga yang mengalami pasang surutnya.

Memandangkan PK01 seorang wanita yang bekerjaya, tugas untuk menjaga anaknya diambil alih buat sementara waktu oleh pengasuh yang telah diberi kepercayaan penuh oleh PK01.Tempoh penjagaan di rumah pengasuh membuatkan bibit-bibit kemesraan yang banyak memberi impak kepada kehidupan PK01 dalam menjalankan rutin harian tanpa rasa bimbang. Oleh kerana itu, PK01 menganggap tugas pengasuh ibarat 'tangan kanan'nya boleh menyebabkan keadaan hura hara apabila pengasuh tidak dapat menjalankan tanggungjawab menjaga anaknya kerana masalah kesihatan dan perkara-perkara kecemasan. Tambahan pula, anakna tidak mahu dijaga oleh orang lain selain dirinya dan pengasuh.

e) Pengurusan sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Menyingkap mengenai skop pengurusan keluarga, penceritaan PK01 banyak menjurus kepada beberapa elemen seperti (a) pengurusan anak, (b) perkembangan psikologi anak, (c) peranan gender, (d) peraturan. Terma yang dikenalpasti disokong oleh penyataan PK01 seperti dalam Jadual 4.5 seperti berikut:

Jadual 4.5: Sistem Kekeluargaan PK01

Terma	Kenyataan
Pengurusan anak	Memang sendirian yang uruskan anak
Perkembangan psikologi anak	anak seakan faham ayahnya jauh
Peranan	selalu mengalami konflik peranan dengan kerjaya dan rumahtangga
Peraturan	kita dah kena set peraturan keluarga

Deskripsi struktural

Semenjak dari awal perkahwinan, tempoh mengandung sehinggalah anak PK01 lahir ke dunia kepayahan PK01 mengharungi kehidupan sepanjang tiga tahun perkahwinan jarak jauh telah memberi satu impak psikologi kepada anaknya. Anak PK01 yang masih kecil berusia setahun tujuh bulan seakan memahami keadaan yang di alami oleh ibunya. Anak PK01 tidak banyak meragam, kurang mengalami masalah kesihatan dan sangat mudah di urus. Pada masa yang sama, anak PK01 tidak melepaskan peluang bermanja sepuas mungkin memandangkan ayahnya akan meninggalkan dirinya untuk tempoh yang agak lama.

Isu peranan gender khususnya konflik peranan menjadi topik perkongsian PK01 diman dirinya kadangkala tertekan dengan kekangan kerjaya dan terpaksa mengurus anak apabila pengasuh tidak sihat sehingga terpaksa meminta bantuan guru lain untuk menjaga anakmya sewakti PK01 mengajar. Tambahan pula, ketiadaaan suami untuk menjalankan tugas menyebabkan PK01 terpaksa menggalas semua tugas sebagai ‘ibu’ dan ‘ayah’ dalam menguruskan anak dan rutin harian di rumah.

Memandangkan isu peranan gender boleh menimbulkan kontroversi dalam rumah tangga, maka PK01 telah bersepakat menetapkan beberapa peraturan

University of Malaya

termasuklah pembahagian tugas semasa suami PK01 tiada di rumah dan tugas semasa hujung minggu dan cuti sekolah.

Tidak ketinggalan, tugas yang perlu dipikul sepenuhnya oleh PK01 sepanjang ketiadaan suami menyebabkan dirinya diberi autonomi dan kepercayaan oleh suaminya untuk membuat keputusan serta merta tanpa perlu berbincang dengan suami kerana akur dengan kekangan waktu dan skop kerjaya suami. Walaupun begitu, PK01 tetap akan memaklumkan dan mencuri masa untuk berbincang dengan suami jika suaminya lapang untuk memastikan agar keputusan yang diambil tidak mendatangkan masalah di kemudian hari.

Malah , apa yang menarik mengenai sorotan kehidupan PK01 dan suami, jarak yang memisahkan mereka untuk tinggal sebumbung menjadi satu platform untuk mengurangkan pergaduhan antara mereka kerana PK01 sedar perbezaan karakter suami yang agak kurang teliti dalam melaksanakan tugas harian menyebabkan PK01 selalu berleter dan timbul percanggahan pendapat antara mereka. Ibarat pepatah melayu “sedangkan lidah lagi tergigit inikan pula suami isteri”, PK01 mengakui isu ini boleh dielakkan apabila berjauhan antara satu sama lain

f) Sumber sokongan

Deskripsi tekstural

Kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang di lalui oleh PK01 di bantu oleh sumber sokongan termasuklah (a) bantuan daripada pengasuh, (b) organisasi dan (c) sokongan suami. Terma yang dikenalpasti disokong oleh penyataan PK01 seperti dalam Jadual 4.6.

University of Malaya

Jadual 4.6: Sumber Sokongan PK01

Terma	**Kenyataan**
Pengasuh	Mujur ada pengasuh bantu kakak
Sokongan suami	Ada juga kawan-kawan sekerja tolong dan faham situasi kakak
Rakan sekerja	Akak rasa kuat sebab sokongan suami

Deskripsi struktural

Sebagai wanita bekerjaya yang kadangkala terbeban dengan kerja sebagai guru pendidikan khas yang banyak, PK01 sangat memerlukan insan untuk membantu meringankan tugas menjaga anaknya yang masih kecil. Lantaran itu, kehadiran pengasuh yang baik dan bijak mengurus anaknya merupakan satu rahmat besar yang harus digunakan dengan sebaik mungkin oleh PK01 dan suaminya kini .

Selain daripada bantuan dari pengasuh, pihak organisasi iaitu sekolah tempat PK01 mengajar boleh berkompromi dengan PK01 di mana rakan sekerja dan pihak pentadbiran kurang melibatkan PK01 untuk aktiviti pada hari sabtu dan ahad memandangkan mereka memahami situasi PK01 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dan hanya boleh berjumpa dengan suaminya pada hujung minggu.

Tidak ketinggalan, suami yang sentiasa memberi sokongan moral pada kepada PK01 amat menjadi pendorong kepada PK01 untuk terus berjuang meniti kehidupan berjauhan sebelum kembali tinggal bersama suami dan anak di bawah satu bimbang. Suami PK01 tidak akan menyuruh PK01 untuk memasak dan gemar makan di luar kerana ingin membiarkan PK01 berehat setelah kepenatan menguruskan anak setelah di ambil dari rumah pengasuh.

University of Malaya

g) Strategi kelangsungan hidup

Deskripsi tekstural

Bagi memastikan tempoh perkahwinan selama tiga tahun berkesinambungan dengan baik, maka PK01 telah menggunakan strategi kelangsungan hidup untuk mengatasi isu perpisahan jarak yang berlaku melalui penggunaan teknologi dan pendekatan spiritual. Terma-terma yang telah dikenalpasti akan disokong oleh penyataan PK01 melalui Jadual 4.7 seperti di bawah.

Jadual 4.7: Strategi Kelangsungan hidup PK01

Terma	**Kenyataan**
Teknologi	Selalu telefon, video call, wechat dengan suami
Spiritual	Kakak sentiasa berdoa Percaya ada hikmah di sebalik ujian ini

Deskripsi struktural

Menyedari akan kegunaan dan kepentingan teknologi dalam kehidupan seharian, PK01 telah mengaplikasikan penggunaan telefon untuk tujuan menyampaikan pesanan ringkas (SMS), ber'wechat', membuat panggilan video dan menghubungi suami melalui aplikasi whatsapp. Bagi PK01, dirinya dan suami dapat berhubung dengan agak lama pada waktu malam memandangkan kesibukan yang dialami pada waktu siang.

Walaupun jarang dapat berhubung akibat kekangan kerjaya, PK01 sangat percaya Allah akan terus menyatukan hati mereka walau dimana mereka berada. Doa selalu dipanjatkan agar perkahwinan yang diuji ini mendapat keberkatan sehingga akhir hayat.

University of Malaya

h) Pembangunan resiliens

Deskripsi struktural

Sememangnya proses kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK01 dalam meniti kehidupan perkahwinan jarak jauh memupuk personaliti yang positif seperti (a) berdikari, (b) optimistik dan (c) yakin diri. Peluahan melalui kenyataan seperti dalam Jadual 4.8 dilihat menyokong terma yang telah dikenalpasti dalam pembentukan resiliens PK01.

Jadual 4.8: Pembentukan Resiliens PK01

Terma	**Kenyataan**
Optimistik	Jangan layan sangat perasaan mengada tu
Berdikari	Taknak terlalu bergantung pada suami
Yakin diri	Kak boleh meningkatkan rasa yakin diri

Deskripsi struktural

Tempoh perkahwinan yang dilalui oleh PK01 dan suaminya telah mematangkan diri sehingga PK01 boleh berdiri di atas kaki sendiri tanpa perlu mengharapkan suami membantunya setiap masa. Tambahan pula kepercayaan yang diberi oleh suami untuk menggunakan rumahtangga tanpa bantuan saudara mara mahupun keluarga terdekat menjadikan PK01 lebih bersedia dengan pelbagai perancangan jangka pendek dan jangka panjang agar dapat menghadapi sebarang kemungkinan pada masa akan datang.

Tidak ketinggalan, sikap optimistik dan yakin diri turut menjadi penguat diri kerana PK01 tidak terlalu melayan perasaan sedih dan sikap mengada-ngada yang terlalu tebal dalam diri menyebabkan PK01 terhalang dari menjadi seorang yang tabah dan boleh membuat keputusan dengan yakin. Ini

University of Malaya

dibuktikan dengan pilihan gambarajah peta dunia berserta tangan yang melambai-lambai dan ungkapan *distance is just a test to see how far love can travel* diimaginasikan dan difahami oleh peserta sebagai satu pengalaman yang sangat menarik buat dirinya seperti dalam Rajah 4.4. Bagi PK01, dirinya tidak perlu berfikir terlalu luas sehingga terlalu paranoid tentang perkara-perkara negatif tentang perkahwinan jarak jauh sedangkan kita lupa keistimewaan yang terdapat dalam perkahwinan jarak jauh itu sendiri jika diteliti dari sudut yang berfokus dan lebih mendalam.



Rajah 4.4: dokumen visual pilihan PK01

Tidak dinafikan, gambar tangan yang terkulai layu seolah-olah sesuatu yang bersifat negatif secara amnya. Namun, PK01 memberi interpretasi yang berbeza. Baginya, perhubungan jarak jauh tidak boleh dijadikan alasan untuk seseorang itu terlalu mengharapkan bantuan dan pergantungan yang tinggi kepada orang lain. Kehidupan PK01 yang bersendirian menjaga anak tanpa dibantu oleh ibubapa dan suami disisi menjadikan dirinya seorang yang berdikari dan berpendapat bahawa seseorang wanita itu tidak sepatutnya mengada-mengada dan terlalu manjakan diri

sehingga mengekang diri untuk melakukan kerja-kerja seorang diri tanpa bantuan orang lain. Sikap ini telah disemai sejak dari kecil lantaran kehidupan PK01 yang telah terbiasa membuat kerja secara berdikari disebabkan adik-beradiknya yang majoritinya adalah lelaki.

4.4.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 2 (PK02)

PK01 merupakan seorang wanita berkerjaya berusia 32 tahun. Sepanjang tempoh perkahwinan selama tiga tahun, PK01 dikurniakan seorang anak perempuan berusia 6 bulan, kerjayanya sebagai seorang guru pendidikan khas memerlukan PK02 sentiasa berdepan dengan risiko anak murid yang berkelakuan di luar jangkaan, ditambah kekangan masa untuk pengurusan anak.

PK02 menganggap kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialaminya kini adalah sesuatu yang semakin biasa dalam kehidupan hari ini meskipun pengalaman itu tidak akan sama dengan orang lain yang mungkin senasib dengan PK02. Hal ini kerana, PK02 akur dengan tuntutan kerjaya yang menjadi faktor dominan yang menyebabkan beliau terpaksa berjauhan dengan suami buat masa sekarang. PK02 yang berkhidmat sebagai guru pendidikan khas yang masih belum disahkan jawatan turut mengakui tanggungjawab untuk memenuhi kontrak perjanjian untuk berkhidmat di sekolahnya untuk tempoh lima tahun selepas beliau menamatkan pengajian di Maktab Perguruan Melaka. Pada masa situasi ini dikongsi oleh PK02 dalam kenyataannya:

> lepas akak habis belajar kat maktab, kakak posting kat sini, jadinya, akak ada ikat kontak dengan Kementerian, so kena berkhidmat kat sekolah ni untuk tempoh 5 tahun,suami pula sama juga, kontrak dengan Petronas 5 tahun, memang tak boleh nak keluar dari Kerteh la macam tu kan.(PK02/T1 (096-096)

Keadaan PK01 yang masih belum disahkan jawatan dalam perkhidmatan, menyebabkan beliau boleh membuat permohonan untuk berpindah mengikut suaminya.

University of Malaya

Menyedari akan kekangan tersebut, PK01 terpaksa melupakan hasrat untuk tinggal sebumbung dengan pasangan buat sementara waktu. Kini, PK01 meneruskan kehidupan sebagai individu yang berjauhan dengan pasangan bersama ibu bapa PK01 yang telah bersara. Kekangan ini diluahkan oleh PK02 melalui kenyataan seperti berikut:

> Kakak memang belum sah jawatan lagi, tak boleh nak mohon untuk pertukaran..Jadi, memang tak boleh nak tinggal sebumbung buat masa ni. (PK02/T1 (75-76)

Tambahan pula, suami PK02 yang merupakan seorang juruteknik di Petronas Cawangan Terengganu memerlukan suami PK02 untuk tidak berada di luar kawasan sewaktu *'on call'* mengekang mereka untuk tinggal sebumbung. Peluahan mengenai kerjaya suami dikongsi olah PK02 dalam kenyataannya seperti berikut:

> Suami pula sama juga, dia juruteknik di Petronas Kerteh, ada kontrak dengan Petronas 5 tahun, memang tak boleh nak keluar dari Kerteh la macam tu kan. (PK02/T1/100-102)

Disebabkan lokasi yang jauh antara PK01 dengan suaminya yang kini bekerja di Kerteh, Terengganu menyebabkan PK01 terpaksa menunggu kepulangan suaminya pada hujung minggu. Ada kalanya, PK01 akan pergi ke Terengganu untuk bertemu dengan suami. Namun, sejak PK01 mengandung dan memiliki anak, PK01 tidak lagi pergi menemui suaminya di Terengganu memandangkan isu keselamatan anak yang masih kecil.

Selain faktor kerjaya yang menekan, PK02 yang merupakan anak bongsu dari empat orang adik-beradik terpaksa menurut kehendak ibubapanya yang ingin beliau tinggal bersama mereka memandangkan mereka telah pun bersara. Kekangan kehidupan berjauhan dengan suami mendorong ibubapa PK02 untuk membantu menjaga anak

University of Malaya

PK02 di samping dapat menjadi serampang dua mata apabila PK02 turut sama bertindak untuk menjaga ibu bapanya. Pertimbangan mengenai keputusan ini dikongsi oleh PK02 melalui kenyataan seperti berikut:

> Kakak anak bongsu kan, jadi adik-beradik lain memang semua duduk jauh dengan family..mak ayah akak memang suruh kakak tinggal dengan diorang, jadi kakak duduklah (PK02/T1/100-101)

PK02 turut mempertimbangkan faktor persekitaran termasuk kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh PK02 dan suami seandainya mereka menetap bersama di Terengganu. Hal ini kerana kos sara hidup di Terengganu ternyata lebih tinggi berbanding kos hidup di tempat PK02 sekarang. Oleh yang demikian, suami PK02 tidak berhasrat untuk meminta PK02 tinggal bersamanya di Terengganu meskipun suami PK02 telah membeli sebuah rumah di sana. Hasrat tersebut diluahkan dalam penyataan PK02 seperti berikut:

> Kos kat sana memang tinggi..sebab tahu sajalah, kawasan orang minyak..itu yang akak nak kalau boleh duduk sekali, dia pindah ke sini dengan kakak. (PK02/T1/198-198)

Pada masa yang sama, keadaan PK02 yang kini selesa berada di rumah ibubapa PK02 turut membolehkan suami PK02 membenarkan PK02 untuk tinggal berjauhan memandangkan suami PK02 risau akan risiko keselamatan seandainya PK02 menyewa seorang diri menjaga anak di rumah sewa.

Setelah mempertimbangkan pelbagai kemungkinan, PK02 ternyata akur dengan kehidupan yang perlu dilalui sementara menanti detik untuk mereka tinggal sebumbung. Gambaran keseluruhan mengenai rentetan pengalaman siri 1 PK02 dapat diterokai melalui peta pengalaman seperti yang telah diilustrasikan melalui Rajah 4.5.

University of Malaya



Rajah 4.5: Struktur Pengalaman Hidup Siri 1 PK02

University of Malaya

4.4.2 Deskripsi Tekstural dan Struktural Individu Peserta Kajian 02 (PK02)

PK02 mendedahkan pengalaman kelangsungan hidup yang dilaluinya sepanjang tiga tahun perkahwinan jarak jauh dengan mengutarakan beberapa aspek perkongsian. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah (a) reaksi emosi,tingkahlaku dan kognitif (b) dinamik perhubungan, (c) sistem kekeluargaan, (d) sistem sokongan, (e) strategi kelangsungan hidup, dan (f) pembentukan resiliens. Penerangan mengenai deskripsi tekstural dan struktural dapat diteroka melalui Rajah 4.6 seperti di bawah.



Rajah 4.6: Deskripsi Tekstural dan Struktural PK02

a) Reaksi emosi

Deskripsi tekstural

Tindakbalas emosi yang dihasilkan sepanjang tempoh pertemuan dan perpisahan antara PK02 dan suaminya mendepani kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh boleh dikaitkan dengan emosi positif mahupun negatif termasuklah (a) rindu, (b)

University of Malaya

stress, dan (c) sedih. Terma yang muncul disokong oleh peluahan PK02 seperti dalam Jadual 4.9 seperti berikut:

Jadual 4.9: Reaksi emosi PK02

Terma	Kenyataan
Rindu	*"Rindu tu memang rindu",*
Stress	*"kadangkala itu memang stress juga rasanya"*
Sedih	"*Sedih, tapi tak terluah"*

Deskripsi struktural

PK02 menzahirkan perasaan rindu yang dialami melalui Rajah 4.7 yang telah dipilih yang menyaksikan pasangan yang berpegangan tangan. Ketiadaan suami disisi menyebabkan kerinduan seringkali menerjah ruang hati PK02 sehingga menyebabkan dirinya menangis menahan rindu namun ianya dapat diatasi sedikit sebanyak semenjak kelahiran anaknya. Pada masa yang sama, rasa rindu yang lahir dalam hati menyebabkan PK02 tidak sabar menanti suaminya yang akan pulang dari Kerteh pada setiap hari Jumaat untuk melepaskan rindu. Walaupun setiap hari berhubung melalui telefon, PK02 mengakui masih merindui suami kerana tidak dapat menyentuh suaminya secara langsung.



Rajah 4.7: Dokumen visual pilihan PK02

University of Malaya

Dalam proses menerokai perasaan PK02, PK02 tidak terkecuali dari meluahkan atau mengekspresikan perasaan rindu melalui gambar yang dipilih oleh beliau. Ketiadaan suami di sisi PK02 menyebabkan dirinya sering merindui suaminya. Lirik lagu 'Jika' nyanyian Melly Goeslow sering menjadi lagu kegemaran PK02 kerana liriknya yang berbunyi 'jika teringat tentang dikau, jauh di mata dekat di hati' sering mengingatkan PK02 akan suaminya. PK02:07:60[104:104]. PK02 merasakan bahawa perasaan rindu yang dialami oleh PK02 disalurkan secara berlapik seperti melalui pesanan ringkas (SMS) dengan menyelitkan unsur-unsur jenaka untuk menyampaikan maksud tersirat di hati PK02. Sebagai contoh, *"Hana rindukan ayahnya..dia cari ayahnya pagi-pagi, mak dia pun.."* PK02:8:14 [38:38]. Namun begitu, PK02 mengakui personaliti suaminya yang sukar mengekspresikan rindu menyebabkan dirinya tidak terlalu terbuka untuk menyuarakan perasaan rindu kepada suaminya dan lebih rela memendam dan berkias-kias apabila berhubung dengan suaminya. PK02:8:17 [42:42], 8:18 [42:42].

Selain itu, kerinduan yang dialami oleh PK02 kadangkala menyebabkan PK02 mengalami tekanan khususnya apabila tidak dapat mengakses suaminya pada waktu-waktu kecemasan.

Tidak ketinggalan, pengalaman yang dilalui oleh PK02 kadangkala mengundang rasa sedih dihati PK02. Ini kerana, harapan mengenai perpindahan suami PK02 untuk bertukar tempat kerja yang lebih dekat dengan PK02 tidak kesampaian kerana Petronas Kerteh tidak membenarkan suaminya berpindah kerana kepakaran tinggi yang dimiliki oleh suaminya amat diperlukan di tempat tersebut.

University of Malaya

Sebagai seorang wanita berkerjaya, tugas untuk membahagikan waktu kerja dengan tugasan pengurusan rumahtangga sememangnya mengundang rasa letih kerana kurang rehat dan tidak cukup tidur. Meskipun PK02 mempunyai ibubapa yang boleh membantu menjaga anaknya yang masih bayi, namun PK02 tidak mahu terlalu membebankan ibubapanya memandangkan mereka telah berusia dan kadangkala uzur.

Malah, perpisahan yang berlaku antara PK02 dan pasangannya mengundang rasa bimbang dihati PK02 apabila memikirkan tentang isu-isu keselamatan yang mungkin berlaku sepanjang tempoh perjalanan dalam tempoh kitaran pertemuan-perpisahan memandangkan jarak yang agak jauh.

b) Reaksi Tingkahlaku

Deskripsi tekstural

PK02 turut mempamerkan reaksi psikologi dari sudut tingkahlaku seperti (a) aktiviti ulang-alik,(b) komunikasi, (c) keintiman, (d) letih, (e) soal selidik, (f) pengorbanan, dan (g) perancangan. Terma- terma ini telah disokong oleh peluahan PK02 melalui Jadual 4.10 seperti berikut:

Jadual 4.10: Reaksi Tingkahlaku PK02

Terma	**Kenyataan**
Proses ulang -alik	Dia tak pernah culas lagi balik setiap minggu
Komunikasi	Kalau nak luahkan tu, kena berlapik-lapik
Keintiman	Dia faham keadaan kakak kalau bab intim tu
Letih	Memang letihlah duduk jarak jauh ni
Soal selidik	Kena selalu soal selidik juga pasangan
Pengorbanan	Memang kena berkorban
Perancangan	Kena buat perancangan khusus untuk PJJ ni

University of Malaya

Deskripsi Struktural

Kekangan jarak yang memisahkan PK02 dan suaminya menyebabkan PK02 sangat mengambil serius mengenai kekerapan pertemuan memandangkan pertemuan secara bersemuka setiap hari adalah mustahil. PK02 mengakui bahawa suaminya akan pulang ke pangkuan PK02 dan anaknya setiap minggu memandangkan suaminya bekerja di Terengganu terdapat perbezaan cuti antara mereka di mana suami PK02 akan pulang ke rumah selepas waktu bekerja pada setiap hari Khamis dan kembali berpisah dengan PK02 dan anak-anaknya pada hari sabtu. Setakat ini, suami PK02 tidak pernah culas dalam merealisasikan tindakan untuk bertemu pada setiap hujung minggu.

Menyedari akan kekurangan yang wujud untuk berkomunikasi secara langsung, pasangan PK02 akan menggunakan corak komunikasi secara berlapik bagi menangani sebarang konflik yang wujud akibat limitasi komunikasi verbal dan bukan verbal yang mugkin dapat diakses dengan berkesan antara kedua belah pihak. PK02 lebih gemar berdiam diri untuk meredakan keadaan sementara mencari waktu yang sesuai untuk sesi perbincangan secara serius.

PK02 turut menyedari bahawa perhubungan yang dialaminya kini bersama suami turut melibatkan aspek keintiman khususnya aktiviti seksual memandangkan PK02 masih menyusukan anaknya yang masih bayi, maka keinginan seksual dan kesan akibat bersalin masih belum membolehkan PK02 mengadakan hubungan intim bersama suami. Kekangan ini dapat diatasi dengan baik kerana suami PK02 tidak mendesak dan memahami situasi yang dialami oleh PK02.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, kitaran pertemuan dan perpisahan yang berlaku sepanjang perkahwinan PK02 dan suami menyebabkan PK02 berasa letih khususnya apabila suami pulang ke tempat PK02. Memandangkan kedua-dua orang tua dan mertua PK02 tinggal di daerah yang sama, PK02 dan suaminya akan berasa letih kerana terpaksa bergilir-gilir membawa anak mereka ke rumah ibu dan mertua PK02 dan suaminya akan terus pulang ke tempat kerja setelah terkejar-kejar di rumah ibu dan mertuanya.

Malah, proses ulang-alik yang berlaku dalam tempoh pertemuan dan perpisahan menjadi satu elemen yang mengundang risiko keselamatan, kos perjalanan yang agak tinggi kerana suaminya memandu dari Terengganu ke tempat PK02 pada tiap-tiap minggu.

Tidak ketinggalan, tempoh perpisahan yang agak lama antara PK02 dan suami mendorong PK02 untuk menyoal selidik suaminya untuk memastikan suaminya tidak melakukan sesuatu yang diluar jangkaan. Bagi PK02 tindakannya menyoal selidik suami secara berpada-pada bukanlah berniat untuk mencemar kepercayaan,lebih kepada langkah berjaga-jaga sekaligus menunjukkan PK02 prihatin dan sayang kepada suaminya.

Persefahaman dan pengorbanan yang mewakili frasa ‘P’ ketika PK02 membuat terjemahan mengenai frasa PJJ dalam sesi temubual seterusnya menjadi aspek yang penting dalam proses mengharungi perjalanan beliau sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi PK02, elemen persefahaman dan pengorbanan menjadikan seseorang berusaha untuk menghargai pasangan, memenuhi permintaan pasangan sekaligus mengambil keputusan untuk melepaskan sesuatu perkara semata-mata untuk mendapatkan kedekatan jarak emosi antara PK02 dan anak. Dengan erti kata lain,

University of Malaya

pengorbanan akan menjadikan seseorang itu lebih mementingkan keluarga apa jua keadaan sekalipun. PK02:7:3 [012:012], 7:4 [012:012], 7:8 [016:019].

Selain itu, pengorbanan dari segi masa, tenaga dan wang turut menjadi tindak balas PK02 khusus dari aspek masa, tenaga agar dapat memastikan suami dan anaknya mampu menikmati kehidupan bahagia dan berkualiti meskipun ia tidak sama dengan pasangan yang lain.

Bagi menjamin masa dan hubungan keluarga yang berkualiti PK02 mengakui bahawa perancangan yang baik dan sistematik serta fleksibel amat penting dan tidak boleh dipandang ringan. Oleh itu, PK02 telah bersedia dengan pelbagai pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang sesuai dengan perkembangan kitaran kehidupannya kini. Tidak ketinggalan, tindakan membuat perancangan menjadi elemen yang penting bagi PK02 memandangkan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK02 dan pasangan menuntut kebijaksanaan mereka untuk merancang aktiviti cuti malah perancangan jangka pendek dan jangka panjang sepanjang proses mengharungi kehidupan pasangan jarak jauh mereka. PK02:7:59 [070:070].

c) Reaksi Kognitif

Deskripsi Tekstural

Ruang lingkup peluahan PK02 dalam menterjemah pengalaman kelangsungan hidupnya tertumpu kepada tindakbalas kognitif yang merangkumi terma (a) kepercayaan, (b) pilihan kehidupan yang tidak sempurna, (c) pengalaman yang berbeza, dan (d) persepsi jarak dan (e) impian. Perincian terma yang dihasilkan oleh PK02 dizahirkan melalui penyataan dalam Jadual 4.11seperti berikut:

University of Malaya

Jadual 4.11: Reaksi Kognitif PK02

Terma	**Kenyataan**
Kepercayaan	Kepercayaan itu memang pentinglah
Persepsi	Hubungan ni tak pelik tapi ia tak sempurna
	Jarak itu kekurangan yang sedikit
Impian	Impikan satu keluarga tinggal bersama

Deskripsi Struktural

Percaturan hidup berjauhan yang dialami oleh PK02 dan suami merupakan satu pilihan yang telah diambil dengan sebulat suara oleh PK02 dan pasangannya ibarat 'alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan', PK02 sentiasa memastikan bahawa pengorbanannya membuahkan hasil dan dia sedia menerima segala cabaran dengan sabar. Mungkin bagi PK02, pilihan untuk tinggal bersama ibu bapa dan berjauhan dengan suami adakalanya mendatangkan banyak kelebihan bagi dirinya dan suami.

Sehubungan dengan keputusannya memilih jalan hidup sedemikian, PK02 tidak menganggap bahawa kehidupan berjauhan dengan suami sebagai sesuatu yang pelik seperti yang diwar-warkan oleh nilai kolektif, tetapi mengakui bahawa kehidupannya tidak sempurna dikaca mata budaya tradisional yang menganggap suami isteri harus tinggal sebumbung setelah berkahwin.

Merujuk kepada konteks 'sempurna' dalam perkahwinan jarak jauh, terjemahan ini menjadi satu perkarayang sangat subjektif memandangkan pengalaman yang dilalui oleh setiap orang adalah berbeza-beza. Maka, bagi PK02 terjemahan makna pengalaman individu tidak akan sama dan PK02 sentiasa menimba pengalaman positif dari orang lain yang senasib dengannya dalam usaha menjana semangat untuk sama-sama berada dalam 'kasut'

University of Malaya

kehidupan orang lain. Ini dibuktikan dengan manifestasi makna frasa PJJ yang diterjemahkan oleh PK02 seperti dalam Rajah 4.8.



Rajah 4.8: Terjemahan makna frasa PJJ PK02

Merujuk kepada Rajah 4.7, konteks pengalaman perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK02 telah diterjemahkan dalam pemberian makna mengikut frasa P.J.J yang dihuraikan sendiri oleh PK02. Menjurus kepada frasa 'P', PK02 mengkonsepsikan 'P' sebagai satu pengalaman berharga yang dilalui oleh semua insan yang mengalami perkahwinan jarak jauh. Dalam konteks yang lebih luas, nilai perkahwinan tradisional iaitu kehidupan pasangan di bawah satu bumbung yang sering diidamkan oleh semua orang telah menukar nilai PK02 menjadi

University of Malaya

pengalaman yang tidak disangka-sangka sekaligus menjadikan ia sebagai satu pengalaman yang berharga. PK02:7:1 [007:007], 7:2 [008:008], 7:18 [053:053].

Selain itu, ungkapan ‘pilihan’ yang mewakili huruf ‘P’ membawa maksud pilihan yang dilakukan oleh PK02. Bagi PK02, setiap orang mempunyai pilihan dalam hidupnya samada mahu tinggal bersama atau melayari bahtera rumahtangga secara berasingan. Pada masa yang sama, pilihan yang diintepretasikan oleh PK02 sebagai kesanggupan individu untuk meneruskan perkahwinan jarak jauh. Sanggup atau tidak, semuanya terletak pada pada pilihan kita PK02:7:24 [058:058], 7:25 [058:058].

Prinsip *‘just the way you are’* turut menjadi pegangan PK02 dalam menterjemahkan pengalaman perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh beliau. Bagi PK02, kehidupan yang bahagia adalah apabila kita tidak membandingkan diri dengan orang lain dan menjadi diri sendiri tanpa berpura-pura menjadi orang lain sehingga terpaksa melakukan sesuatu di luar kemampuan. PK02:7:43[104:104].

Tidak dinafikan bahawa jarak yang terpisah tidak menjadi isu dominan yang menghalang perhubungan yang terjalan antar PK02 dan suami. Ini kerana persepsi kognitif tentang jarak dilihat satu ujian untuk menutup kekurangan memandangkan PK02 melihat bahawa perkahwinan jarak jauh turut mencetuskan kelebihan yang tersendiri bagi individu yang sedang mengalaminya.

Meskipun PK02 menyedari bahawa perkahwinan jarak jauh yang dialaminya kini satu pengalaman yang ditentukan ke atas insan terpilih PK02 tetap memasang impian untuk membina kehidupan berumahtangga di bawah

University of Malaya

satu bumbung sebagaimana yang terzahir dari gambarajah 4.9 yang dipilih oleh PKO2

Rajah 4.9: Dokumen visual pilihan PK02

PK02 turut berkongsi pengalaman kelangsungan hidupnya melalui gambar seperti Rajah 4.9 di atas. Gambar yang dipilih oleh PK02 merupakan cerminan kehidupan kepada PK02, suami dan anak. Ilustrasi yang menunjukkan kehidupan berkeluarga yang terdiri daripada seorang suami, isteri dan seorang anak berlatarbelakangkan rumah amat bersangkut-paut dengan kehidupan PK02 yang masih mempunyai seorang anak buat masa ini. PK02:8:11 [26:26]. Kegembiraan yang terpancar di wajah suami isteri yang tinggal sebumbung dengan anak di kediaman sendiri menjadi impian yang

telah lama tersemat di hati PK02. PK02 meluahkan hasrat untuk tinggal bersama dengan suaminya apabila dirinya diberikan rezeki mendapat zuriat yang kedua. Ini kerana, bagi PK02 penjagaan pada peringkat trimester pertama dalam proses kehamilan merupakan tempoh kritikal yang memerlukan penjagaan rapi dan khusus. Menyedari akan hakikat tersebut, PK02 mengharapkan bahawa suaminya akan dapat berpindah ke negeri PK02 tinggal untuk meringankan beban apabila PK02 hamil anak kedua kelak. PK02:8:11[26:26], 8:1 2[28:28]. Maka, PK02 merasakan betapa beruntungnya orang yang dapat tinggal serumah bersama pasangan dan anak-anak meskipun PK02 mengakui dirinya bahagia menjalani kehidupan sekarang.PK02 tidak menafikan bahawa kehidupan tinggal sebumbung dalam melayari bahtera perkahwinan lebih menjamin pengalaman yang lebih bahagia.PK02:8:12 [36:36], 8:12 [34:34].

d) Dinamik Perhubungan

Deskripsi tekstural

Pertautan emosi dalam hubungan antara PK02, suami dan anaknya yang masih bayi dapat diwujudkan semasa kitaran pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara PK02 dan suami setelah keluar bekerja dan pulang dari kerja. Terma-terma seperti hubungan ayah-anak, hubungan ibu-anak, hubungan suami-isteri dan hubungan nenek/datuk-cucu telah dikenalpasti dalam dinamik perhubungan sepanjang tempoh pengalaman kelangsungan hidup PK02. Terma-terma yang dicetuskan akan disokong oleh kenyataan PK02 seperti yang tertera dalam Jadual 4.12 berikut:.

University of Malaya

Jadual 4.12: Dinamik perhubungan PK02

Terma	**Kenyataan**
Hubungan ayah-anak	Alhamdulillah anak kenal ayahnya Kadang-kadang dia ambil masa nak respon bila tengok ayahnya
Hubungan ibu-anak	Anak sebagai penenang Bila menyusu, kita dekat dengan anak
Hubungan suami-isteri	Kami jarang bergaduh bila berjauhan
Hubungan nenek/datuk – cucu	Dia tak biasa dengan neneknya di sebelah suami tu

Deskripsi struktural

Kewujudan hubungan antara ayah-anak menjadi terma yang dikongsi oleh PK02 dalam menyusuri proses kelangsungan hidup sepanjang tempoh perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK02 dan pasangannya. Perkongsian PK02 mengenai hubungan ayah-anak terarah kepada tindakan anaknya yang kelihatan sangat manja apabila suaminya pulang ke rumah. Meskipun suami PK02 jarang berada di rumah dalam tempoh yang lama, anaknya masih mengenali bapanya walaupun bayinya terpaksa mengambil masa untuk mengecam suaminya itu.

Sudah menjadi lumrah naluri seorang ibu yang secara semulajdi akan bertindak menyalurkan kasih sayang melalui pelbagai cara yang dirasakan relevan. Bagi PK02, tindakan dan hasratnya untuk menyusukan anak tanpa pemberian susu formula sehingga anaknya berusia dua tahun menjadi satu altenatif untuk mengeratkan lagi hubungan emosi dengan anaknya yang sedang mengalami proses perkembangan. Tindakan ini juga dapat menjimatkan kos pembelian susu formula yang ternyata sangat tinggi pada masa kini.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, PK02 megakui kehebatan anak sebagai peneman di kala suami tiada di sisi sehingga PK02 leka merenung si kecil yang comel dengan keletahnya sekaligus dapat menghilangkan rasa rindu yang bertandang di hati PK02 akan ketiadaan suaminya. Malah, kehadiran cahaya mata dalam kehidupan rumahtangga menjadi satu anugerah yang bertindak sebagai penenang khususnya apabila PK02 terpaksa menghadapi keadaan-keadaan yang mampu mengundang keresahan, rasa tegang dan timbul konflik atau perselisihan bersama suami. Menyedari akan kehebatan ikatan anak dan PK02, beliau menganggap anaknya sebagai jantung hatinya sebagaimana yang dizahirkan pada coretan mengenai makna perkataan 'PJJ' yang telah dibincangkan dalam sesi temubual.

Bibit-bibit pertemuan dan perpisahan yang silih berganti dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK02 sememangnya memberi impak positif dalam hubungan PK02 dan suaminya. Lumrah perkahwinan ibarat lautan yang ada pasang surutnya, pergaduhan yang tercetus antara PK02 dan pasangannya tidak dibiarkan berlarutan kerana PK02 sedar tempoh dia bersama suami adalah sangat terhad. Justeru, tempoh selama dua hari bertemu menyebabkan mereka jarang bergaduh.

Memandangkan anak PK02 diasuh oleh kedua ibu bapanya, hubungan yang terjalin sangat rapat jika dibandingkan hubungan anak PK02 dengan mertua PK02. PK02 juga hairan mengapa anaknya menangis setiap kali didukung oleh mertuanya meskipun PK02 membawa anaknya itu menemui neneknya setiap hujung minggu untuk merapatkan hubungan antara anaknya dengan kedua orang mertua. Bagi PK02, sikap anaknya yang kurang rapat dengan mertua tidak boleh dijadikan alasan untuk PK02 dan suami untuk menjauhkan lagi jurang antara mereka. Justeru, PK02 dan suami akan

University of Malaya

memastikan mereka tetap akan menghabiskan masa yang lama di rumah mertua untuk membiasakan anaknya dengan persekitaran rumah dan layanan mertua terhadap anaknya itu.

e) Sistem Kekeluargaan

Deskripsi tekstural

Konteks penerokaan pengalaman kelangsungan hidup PK02 dalam menyelusuri hidup sebagai individu dalam perkahwinan jarak jauh terarah kepada sistem kekeluargaan yang mengupas beberapa elemen utama termasuk (a) pengurusan anak, (b) perkembangan psikologi anak, (c) peranan dan tanggungjawab, (d) rutin harian, dan (e) peraturan dalam keluarga. PK02 mengkonsepkan terma tersebut melalui peluahannya seperti dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13: Sistem kekeluargaan PK 02

Terma	**Kenyataan**
Pengurusan anak	Kelam kabut juga uruskan si kecil itu
Perkembangan psikologi anak	Bila dia dah masuk sekolah, nanti akan pengaruhi psikologi dia
Peranan dan tanggungjawab	Rasa nak berhenti kerja, jadi suri rumah untuk jaga anak, uruskan rumahtangga Sejak baby lahir, rutin semua bertukar
Rutin Harian	Kena tetapkan dari sudut perbelanjaan rumah, kewangan khusus untuk anak
Peraturan	

Deskripsi struktural

PK02 mengakui bahawa penjagaan anaknya yang masih kecil merupakan satu proses yang agak mencabar memandangkan suami tiada untuk membantu anaknya ketika PK02 sibuk melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, pengalaman bayinya yang terjatuh dari atas katil semasa beliau sedang solat menyebabkan PK02 sering risau meninggalkan anaknya berseorangan.

University of Malaya

Tambahan pula, PK02 tidak boleh membiarkan bayinya keluar berjalan dan membuat aktiviti di luar jadual anaknya memandangkan anaknya akan mudah meragam.

Tidak ketinggalan, PK02 turut menitikberatkan tentang masa depan anak dengan membuat simpanan pendidikan, insuran anak, SSPN dan beberapa tabung simpanan yang lain. Bagi PK02, pengurusan anak seperti ini perlu diambil perhatian memandangkan kos kehidupan dan mengambil kira kos yang tidak terduga. Keputusan ini diterjemahkan melalui konsep 'jaminan' sebagai aspek yang menjadi pilihan yang mewakili frasa 'J' dalam terjemahan frasa PJJ di mana ianya dikategorikan sebagai jaminan dari segi kebergantungan hidup termasuk pelan potongan gaji, insurans hayat dan pendidikan anak. Bagi PK02, jaminan kewangan yang bersifat jangka panjang amat penting sebagai langkah persediaan menghadapi sebarang kemungkinan pada masa akan datang. PK02:07:42 [104:104].

Sorotan pengalaman berjauhan dengan suami dalam membesarkan anaknya yang masih kecil mendorong PK02 untuk lebih memberi fokus yang serius khusus megenai pendidikan anak. Ini kerana proses perpindahan yang bakal timbul akibat perhubungan jarak jauh yang dialami mungkin akan menyebabkan anaknya akan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dan lebih parah apabila ada antara kawan-kawan anaknya yang mungkin akan mempersoalkan kehidupan yang dilalui oleh anaknya.

Tidak ketinggalan, kekangan kerjaya dan pengurusan bayi yang kadangkala merumitkan menyebabkan PK02 terlintas untuk berhenti kerja bagi memberi ruang sepenuhnya untuk pengurusan rumahtangga dan membiarkan suami sahaja yang mencari nafkah untuk keluarga PK02.

University of Malaya

PK02 turut mendedahkan bahawa rutin hariannya telah bertukar secara mendadak sejak kelahiran bayinya di mana PK02 perlu mengambil kira masa dan keadaan bayinya sebelum membuat sebarang aktitivi khususnya menetapkan masa untuk dirinya sendiri. Namun, dirinya terpaksa akur bahawa masa untuk diri sendiri tidak lagi menjadi keutamaan baginya kini kerana sibuk menguruskan anaknya yang masih bayi yang memerlukan penjagaan khusus.

Memandangkan perhubungan yang dilalui oleh PK02 dan suami sangat dibatasi waktu, peraturan secara jelas harus diaplikasikan dalam keluarga. Menyedari akan hakikat tersebut, PK02 telah bertindak untuk menetapkan peraturan khususnya isu perbelanjaan dan kewangan untuk anak.

f) Sistem sokongan

Deskripsi tekstural

Sememangnya cabaran membesarkan anak bersendirian sebagai seorang isteri yang terpaksa mengharungi kehidupan perkahwinan jarak jauh dapat diatasi dengan sokongan moral daripada ibu bapa dan rakan sekerja. PK02 mengaitkan perkara ini melalui kenyataannya seperti dalam Jadual 4.14 .

Jadual 4.14: Sistem sokongan PK02

Terma	Kenyataan
Ibu bapa	Bantuan ibubapa dapat kurangkan beban
Rakan sekerja	Alhamdulillah, rakan-rakan memang baik.

Deskripsi struktural

PK02 yang mengakui bahawa kehidupan yang dilalui kini sememangnya mengundang tekanan dan tidak sanggup tinggal bersendirian di rumah sewa. Menyedari akan kekangan itu, bantuan dan sokongan dari ibu bapa yang

University of Malaya

bersedia menjaga anaknya semasa ketiadaan PK02 di rumah dilihat sebagai satu rahmat dan tulang belakang memandangkan PK02 mengalami kesukaran mencari pengasuh yang tinggal berdekatan dengan rumahnya. Namun begitu, PK02 tidak boleh bersikap lepas tangan atas peluang keemasan yang diperolehinya.

Kelangsungan hidup dalam kehidupan tinggal berasingan yang dilalui oleh PK02 turut dibantu oleh kehadiran rakan-rakan yang baik samada di pihak PK02 mahupun pasangannya. Ini kerana semua rakan suaminya bersifat *family minded* yang tidak mempengaruhi suaminya ke arah perkara negatif. Begitu juga dengan rakan PK02 yang turut berkongsi nasihat dan memahami situasi PK02 yang merupakan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

g) Mekanisma kelangsungan hidup

Deskripsi tekstural

Sorotan pengalaman PK02 menyaksikan PK02 menggunakan beberapa pendekatan sebagai strategi kelangsungan hidupnya. Ini termasuklah (a) teknologi, (b) pendekatan spiritual, dan (c) jurnal ilmu. Pendedahan yang diluahkan oleh PK02 seperti dalam Jadual 4.15 dilihat menyokong terma yang telah dikenalpasti.

Jadual 4.15: Mekanisma kelangsungan hidup PK02

Terma	**Kenyataan**
Teknologi	Memang akan hari-hari buat video call dengan suami
Spiritual	Doa agar dipermudahkan segalanya
Jurnal ilmu	Ada blog keibubapaan kan, so boleh dapat maklumat dari situ

University of Malaya

Deskripsi struktural

Kelangsungan perhubungan yang terjalin antara PK02, suami dan anaknya dibantu oleh teknologi yang membolehkan beliau memaklumkan segala perkembangan melalui panggilan video, Whatsapp, Instagram dan Wechat untuk berhubung dengan insan yang tersayang. Biarpun menyedari perhubungan melalui panggilan video tidak dapat menggantikan perhubungan secara langsung, namun PK02 tetap meyedari akan kepentingan teknologi ini untuk merapatkan perhubungan yang dibatasi jarak ini.

Selain itu, PK02 turut menjadikan doa sebagai senjata yang mampu memberi kekuatan kepada dirinya untuk terus bersabar mengharungi liku-liku kehidupan dan percaya akan qada dan qadar yang tersimpan seribu hikmah yang mungkin tidak dapat dikesan buat masa sekarang. Kepercayaan yang kuat tentang jodoh yang telah ditetapkan kepadanya membolehkan PK02 terus memberi sepenuh komitmen untuk memastikan hubungan yang terjalin akan terus berkesinambungan. Peluahan ini disokong oleh penterjemahan frasa PJJ oleh PK02 di mana konsep 'jiwa' yang merangkumi benteng ketahanan diri termasuklah bertabah dan bersabar dalam menyelesaikan isu-isu dalam rumahtangga PK02:7:29 [074:074], 7:27 [074:074], 7:28 [074:074], 7:33 [090:090].

Selain memiliki jiwa raga yang kuat, PK02 percaya akan jodoh yang mengikat antara PK02 dan suaminya di mana Allah akan menetapkan PK02 berjodoh dengan pasangannya yang berbeza personaliti dan PK02 percaya dengan jodoh perkahwinan jarak jauh yang telah ditentukan kepadanya. PK02:7:37[094:094], 7:38[096:096].

University of Malaya

Memandangkan PK02 agak mahir dengan teknologi maklumat, kehidupan berjauhan dengan suami banyak dibantu oleh maklumat yang diperolehi daripada blog-blog dan laman sesawang yang mendedahkan ilmu keibubapaan yang amat berguna kepada PK02 untuk dipraktikkan khususnya bagi penjagaan bayi, pengurusan kewangan keluarga dan aspek yang lain.

h) Pembentukan resiliens

Deskripsi tekstural

Ruang lingkup pengalaman kelangsungan hidup PK02 telah mencetuskan pembentukan resiliens termasuklah (a) optimistik, (b) berdikari, dan (c) personaliti. Kupasan terma yang telah dikenalpasti dapat difahami melalui penyataan PK02 menerusi Jadual 4.16 seperti berikut:

Jadual 4.16: Pembentukan resiliens PK02

Terma	**Kenyataan**
Optimistik	Dah pilih jalan begini, kena teruskan
Berdikari	Saya jadi lebih berdikari dan kuat semangat

Deskripsi Struktural

Merujuk kepada pertimbangan dalam membuat keputusan untuk menjalani kehidupan jarak jauh, PK02 menjadikan pilihan tersebut sebagai satu amanah yang perlu dilunaskan selaras dengan pilihan yang telah diambil. Justeru, sikap optimis perlu diterap dalam diri supaya PK02 tidak pernah berasa menyesal memilih kehidupan sedemikian rupa.

University of Malaya

Rentetan daripada sikap optimis atas ujian yang diberi, menjadikan PK02 seorang yang lebih berdikari tanpa terlalu berharap suaminya akan sentiasa menemani dirinya menguruskan anaknya yang masih bayi.

4.5.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 03 (PK03)

PK03 berusia 43 tahun merupakan anak kedua daripada lima orang adik beradik dalam keluarganya. Sebagai anak perempuan pertama dalam keluarga, PK03 akur dengan pilihan keluarga untuk mengahwinkannya dengan seorang lelaki pilihan keluarga semasa PK03 berusia 21 tahun. Hal ini kerana keluarga PK03 ingin mempercepatkan tempoh perkahwinan memandangkan kerjaya bakal suami PK03 sebagai seorang pegawai polis hutan yang tidak menetap di satu-satu tempat dan akan mengikuti operasi selama sebulan di luar kawasan. Sebagai seorang anak yang baik, PK03 tidak membantah dan bersetuju dengan keputusan keluarga PK03.Keakuran PK03 dikongsikan dalam pernyataannya:

> Sebelum berkahwin,kita memang tak berapa kenal lah..jadi kan..kiranya mula kenal selepas berkahwinlah..kerja polis hutan ni, dia tak duduk satu tempat.. kena bergerak…sebulan dia pergi operasi..sebulan dia ada… jadi kan, nak cepatkan perkahwinan lah., keluarga yang setuju nak kahwinkan kami cepat, saya macam hormat orang tua la..jadi kan, saya tak membantah.(PK03/ T1 (036:036)

Sepanjang perkahwinan yang dibina selama 22 tahun, PK03 memang telah melalui saat-saat berjauhan dengan suami PK03 sejak awal perkahwinan kerana suaminya menjalankan operasi di hutan dalam tempoh yang agak lama. Pada masa yang sama, ketiadaan suami di sisi menyebabkan PK03 mengambil keputusan untuk meneruskan pekerjaan semasa PK03 masih bujang sebagai kerani kewangan di Kuala Lumpur. Ini kerana, bagi PK03, dirinya masih tidak boleh selalu bersama suaminya

University of Malaya

kerana kekangan kerjaya suami PK03. Kekangan kerjaya ini diluahkan dalam kenyataan PK03:

> Kalau saya duduk dengan dia pun, dia selalu tiada, sebulan dia tiada , sebulan dia ada..so, jadi kan..masa tu kan, kita baru lepas belajar, macam muda lagi..jadi nak kerja, jadinya duduk KL lah. (PK03/ T1/(040:040)

Menyedari akan kekangan kerjaya suami yang perlu menjalankan operasi di tempat yang berbeza, PK03 mengambil keputusan untuk menetap di Kuala Lumpur. Tambahan pula, PK03 masih muda dan gaji yang ditawarkan agak lumayan pada ketika itu. Keterujaan itu dikongsi dalam kenyataannya:

> Kebetulan kerja kat Kl tu gaji ok..bolehlah juga kan..masa zaman dulu, gaji seribu lebih tu rasa ok la kan..suami pun masa tu kerja jauh. (PK03/ T1/(040:040)

Memandangkan PK03 telah pun memiliki kerjaya masing-masing di lokasi yang berbeza, mereka mengambil keputusan untuk tinggal berasingan selama beberapa tahun seawal perkahwinan PK03 dan suami. Jarak yang terpisah antara PK03 dan pasangan menyebabkan PK03 sering berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Muar untuk menemui suami tercinta dan pada masa yang sama menemui keluarga yang turut berada di Muar. Kesibukan bekerja di Kuala Lumpur ditambah dengan kepenatan berulang-alik dari KL-Muar menyebabkan PK03 mengalami keguguran. Kesedihan ini dikongsi dalam peluahannya:

> Pernah juga saya..anak yang sulung tu, saya pernah gugur..sebab saya tak tahu yang saya pregnant..kita kerja semua kan..kita tak tahu, tiba-tiba sakit.setahun lepas tu, baru saya dapat anak yang pertamalah..sekarang ni perkahwinan saya dah lebih kurang 22 tahun. (PK03/T1/(042:042)

University of Malaya

Rentetan dari kejadian itu, suami PK03 mencadangkan agar PK03 berhenti kerja di Kuala Lumpur dan tinggal berdekatan dengan suaminya di Muar meskipun PK03 menyedari bahawa dirinya tidak boleh tinggal serumah dengan suaminya setiap hari. Oleh yang demikian, PK03 menolak cadangan suaminya dengan baik dan terus bekerja di Kuala Lumpur sehingga PK03 melahirkan anaknya yang kedua. Selepas empat tahun berada di Kuala Lumpur, PK03 mengambil keputusan untuk mencari pekerjaan di Muar memandangkan PK03 bersendirian mengurus anak di Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, PK03 mendapat tawaran kerja sebagai pembantu akaun di Muar. Meskipun tidak tinggal sebumbung setiap hari, PK03 dapat juga bertemu suami sebulan sekali.

Sepanjang tempoh 22 tahun perkahwinan PK03 dan suami, PK03 pernah tinggal serumah dengan PK03 di Segamat untuk tempoh lebih kurang 3 tahun setelah 10 tahun suaminya menetap di Muar iaitu sewaktu PK03 melahirkan anak yang kelima. Kerjaya suaminya yang terpaksa berpindah setiap kali operasi baru bermula menyebabkan suaminya telah ditukarkan ke Kuala Lumpur. Meskipun suami PK03 mengajak PK03 dan anak-anak untuk tinggal bersamanya di Kuala Lumpur, PK03 merasa lebih elok untuk terus tinggal di Segamat memandangkan mereka telah pun membeli rumah di Segamat dan anak-anak telah menjalani persekolahan di Segamat. Pandangan ini disuarakan dalam kenyataannya:

> dia kan polis, biasanya dia tak duduk tetap kan,dia pindah-pindah..10 tahun kat sini..itu kat bakri camp dia duduk lama, 10 tahun..tapi dapat pindah..dapat keluar ke segamat ni, dah dapat anak yang no 5..pindah segamat.tapi suami tetap kena pergi operasi luar kawasan juga. Jadi kan, saya rasa kita dah beli rumah kat sini, saya rasa tak perlu ikut sebab anak-anak dah sekolah.. dia dah sekolah, dia dah ada kawan, kat sini, jadi kan...taknak berpindah la.. kita pun terpaksalah buat pilihan macam tu melainkan dia kena pergi jauh ke Sabah Sarawak ..Macam tu harusla kena ikut.(PK03/T1/[044:044])

Jika sebelum ini, PK03 mengambil keputusan untuk bekerja di Kuala Lumpur dan di Muar semata-mata untuk membantu suami mencari pendapatan lebih ditambah dengan usianya yang masih muda dan mendapat bantuan daripada ibubapa PK03 untuk menjaga anak-anak semasa PK03 keluar bekerja, hasrat tersebut terpaksa dihentikan apabila anaknya yang kelima mengalami masalah kesihatan sejak dilahirkan. Sejak lahir,anaknya mengalami masalah usus yang memerlukan penjagaan rapi. Menyedari akan hakikat dan situasi itu, PK03 akhirnya berhenti kerja untuk memberi tumpuan sepenuhnya ke atas anaknya yang sakit dan memerlukan pemerhatian yang khusus. Keputusan PK03 ini telah dikongsikan sepanjang temubual.

> Saya berhenti kerja masa anak saya sakit. Usus dia tu tak boleh nak pam, jadi kan, dia kena buat operation, umur dia sebulan ,doktor nak buat operation, tapi kita taknak sebab apae, dia kecik sangat..sementara tu, saya buat..saya pamkanlah najis untuk dia..saya pam keluar..sampai umur dia 6 bulan.. Dr kata takut dia besar nanti susah..takut najis dah keras, jadi kan, kita kena buat operationlah...jadi masa dia umur enam bulan ,dia pembedahan. (PK03/T1/[101:101]:[103:103])

Keadaan itu menyebabkan PK03 terpaksa menangguhkan hasrat untuk tinggal serumah dengan suaminya lantaran memikirkan persekolahan anak-anak. PK03 tidak mahu proses persekolahan anak-anak terganggu gara-gara tindakan mereka yang sering berpindah randah. Keprihatinan PK03 diluahkan dalam kenyataannya:

> Mungkin sebab budak-budaklah, persekolahanlah..sebab kita tengok suasana..kita nak pindah satu tempat..kita ada anak kecil..kita nak tengok suasana,sebab misal kata kita ikut dia keKL, kita takutlah anak kita nanti kan ,dekat KL, tahulah macam-macam hal..kita takut kita tak boleh kawal,sebab tu yang saya tak ikut..lepas tu, kat sini, macam suasana kampung lagi. (PK03/T1/(101:101)

University of Malaya

Sebagaimana pasangan berkahwin yang lain, PK03 turut mengimpikan kehidupan berumahtangga yang lebih melibatkan pertemuan secara bersemuka antara suami dan isteri memandangkan anak-anak telah pun keluar dari rumah untuk melanjutkan pelajaran. Impian PK03 telah diluahkan dalam kenyataan:

> Yelah, pernah juga cakap dengan dia bila nak duduk sekali ,nak duduk satu rumah kan?nanti budak-budak dah besar nanti.. dah semua dah takda.. Macam ni, tahun depan mungkin dua orang lagi dah keluar..mungkin 2 orang lagi dah futher study.. sebab seorang tingkatan 6..seorang lagi form 5. (PK03/T1/(192:192)

Akhirnya, setelah mempertimbangkan semua perkara, PK03 pasrah dan sentiasa berfikiran positif dalam mengharungi kehidupan sebagai isteri dan ibu yang berjauhan dengan suami demi kepentingan keluarga dan anak-anaknya. PK03 berharap agar masanya akan tiba jua untuk kembali tinggal serumah dengan suami dan anak-anak. Kesimpulannya, gambaran keseluruhan mengenai pengalaman siri 1 PK03 dapat ditelusuri melalui peta pengalaman seperti yang tertera dalam Rajah 4.10.

University of Malaya



Rajah 4.10: Struktur pengalaman siri 1 PK03

University of Malaya

4.5.2 Deskripsi Tekstural Dan Struktural PK 03

Pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh telah mencetuskan beberapa elemen utama sebagai tema perkongsian. Elemen yang telah dikenalpasti adalah (a) reaksi afektif,(b) reaksi tingkahlaku,(c) reaksi kognitif,(d) dinamik perhubungan,,(e) sistem keluarga, (f) sokongan yang diperlukan, (g) strategi kelangsungan hidup, dan (h) pembentukan resiliens. Pemahaman menyeluruh mengenai deskripsi tekstural dan struktural peserta kajian PK03 dapat diperolehi melalui perincian dari Rajah 4.11 seperti berikut:



Rajah 4.11: Deskripsi Tekstural dan Struktural PK03

University of Malaya

a) Reaksi emosi

Deskripsi tekstural

PK03 menterjemahkan pengalaman kelangsungan hidupnya sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dengan peluahan emosi yang bersifat berbelah bahagi. Ini kerana tempoh perpisahan dan pertemuan yang berlaku menyebabkan dirinya berasa tertekan, seronok, rindu dan sedih. Terjemahan mengenai tindak balas emosi yang dilalui telah diluahkan melalui kenyataan PK03 dalam Jadual 4.17 seperti berikut:

Jadual 4.17: Reaksi Emosi PK03

Terma	Kenyataan
Tekanan	Siapa kata PJJ ini tidak tertekan
Teruja	Saya dan anak-anak pasti akan excited
Rindu	Kadangkala tu memang sangat rindu akan suami
Sedih	Memang sedih kalau masa nak pisah dengan ayahnya

Deskripsi struktural

PK03 meluahkan perasaan tertekan yang kadangkala muncul apabila menguruskan anak-anak yang semakin membesar dan sukar dikawal. Personaliti PK03 yang kurang tegas berbanding suaminya menyebabkan anaknya kurang takut dan akan bertindak agresif ketika suami PK03 tiada di rumah. Keadaan ini kadangkala menimbulkan rasa tertekan kerana tiada suami untuk menjadi '*father figure'* membentuk sikap anak-anak yang semakin membesar. PK03:17:54 [164.164].

Keseronokan dan kegembiraan jelas terpancar di riak wajah PK03 dan anak-anak apabila menceritakan saat- saat kepulangan suami ke rumah yang akan disambut dengan masakan istimewa oleh PK03 dan melakukan pelbagai aktiviti yang dapat mengeratkan lagi hubungan antara mereka. Malah, keceriaan ini turut dikongsi melalui terjemahan makna pengalaman kehidupan berdasarkan

University of Malaya

gambarajah peta yang dipilih oleh PK03 yang melambangkan kehidupan yang penuh ceria dan warna-warni seperti dalam Rajah 4.12 di bawah. PK03 :17:17 [086:086].



Rajah 4.12: Dokumen Visual Pilihan PK03

PK03 turut memilih gambar peta yang terpapar ungkapan *'distance is just a test to see how far love can travel'* meskipun PK03 mengakui bahawa gambar yang dipilihnya itu tidaklah terlalu sofistikated berbanding dengan gambar-gambar yang lain namun ungkapan yang tertera mampu menarik hati PK03 yang menginterpretasi ungkapan yang lebih berfokus kepada keindahan perhubungan perkahwinan yang mengikat kasih sayang antara mereka. Begitu juga dengan rentetan hidupnya yang berkahwin atas dasar pilihan keluarga menjadikan ungkapan tersebut sebagai cabaran perhubungan dalam proses perkenalan bersama suaminya sebelum mereka berkahwin. PK03:T3[80:80]. Penginterpretasian pengalaman PK03 turut diterjemahkan melalui konsep keceriaan warna warni yang pelbagai dalam gambarajah peta yang melambangkan kehidupannya yang ceria, teruja meskipun berjauhan dengan suami.PK03:17:17 [86:86].

Tidak ketinggalan, proses berjauhan dengan suami dalam jangka masa yang agak lama meruntun rasa rindu dihati tatkala keseorangan di rumah lantaran

anak-anak tiada kerana menghadiri sesi persekolahan. Kerinduan yang menerjah diruang hati PK03 disalurkan melalui kiasan dalam sistem pesanan ringkas (sms) di telefon memandangkan suami PK03 bukanlah seorang yang romantik dan tidak gemar berpuitis.

Perjalanan kehidupan PK03 yang memerlukan pengorbanan di sebalik perpisahan turut menjadi perkongsian PK03. Saat perpisahan amat meruntun hati PK03 dan anak-anak tatkala suaminya ingin pergi semula menjalankan tugas dan terpaksa melepaskan waktu-waktu bersama untuk tempoh-tempoh yang tertentu. Bagi PK03, perpisahan yang terjadi di saat-saat genting kadang-kadang menyebabkan PK03 melepaskan pemergian suami dalam keterpaksaan. PK03:16:19 [059:061].

Malah, proses perpindahan turut menyebabkan PK03 terpaksa membuat pertimbangan dengan bijak memandangkan sepanjang 21 tahun perkahwinan PK03, suaminya telah empat kali berpindah dan situasi ini memberi respon emosi yang agak negatif dan sedih setiap kali memikirkan akan keadaan suami yang berjauhan dengan PK03 dan anak-anak, proses mencari rumah sewa dan urusan seharian semasa suaminya di rumah sewa. PK03:16:20 [065:065].

b) Tindakbalas tingkahlaku

Deskripsi tekstural

Respon tingkahlaku menjadi topik peluahan yang terlibat sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK05. Aspek yang merangkumi reaksi tingkahlaku termasuklah (a) keintiman, (b) perancangan, (c) keintiman, (d) proses ulang-alik, (e) komunikasi, dan (f) pengorbanan. Elemen yang telah diutarakan ternyata disokong oleh penyataan yang telah dikeluarkan oleh PK03 seperti yang tertera dalam Jadual 4.18 berikut:

University of Malaya

Jadual 4.18: Reaksi Tingkahlaku PK03

Terma	**Kenyataan**
Keintiman	Kita tak cakap seksualiti keraplah.Cuma kalau nak ckap tu macam cakap berlapiklah Memang seminggu tu memang jumpa
Perancangan	Kena ada jadual dan planning dengan baik la, mesti ada plan a, plan b,plan c
Proses ulang-alik	Cuma balik weekend saja..satu minggu 2 kali
Pengorbanan	Kena banyak berkorban
Komunikasi	Kitorang kalau nak cakap tu.selalunya berlapik-lapik.
Penyesuaian	*justified* ni maksudnya kita kena buat penyesuaian la..
Penantian	Menunggu ni kan, orang kata satu penyeksaan nak tunggu orang ni ,aduh lamanya, pukul berapa nak balik ni?

s

Deskripsi struktural

PK03 mengakui bahawa isu mengenai keintiman seksual menjadi isu yang tidaklah terlalu besar dalam perhubungan rumahtangganya. Ini kerana mereka tidak selalu membincangkan isu seksual ini secara terbuka dan masing-masing bersedia dengan tempoh dan keadaan yang menghalang aktiviti seksual itu berlaku. Memandangkan suami PK03 jarang berada di rumah dan hanya pulang ke rumah pada hujung minggu, PK03 mengakui bahawa aktiviti seksual mungkin akan berlaku seandainya dirinya tidak didatangi haid. Pada masa yang sama, PK03 berasa lega kerana suaminya tidak terlalu mendesak berkenaan dengan isu seksual.

Selain isu keintiman seksual, PK03 dan suami lebih gemar menggunakan komunikasi berlapik dalam menyampaikan sesuatu sepanjang tempoh perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK 03 selama 22 tahun. PK03 membandingkan situasi yang dilalui oleh budaya barat yang lebih bersikap terbuka dalam menyampaikan maklumat akan menyebabkan pasangan berkecil hati dan terluka tanpa disedari oleh PK03. Menyedari akan tanggungjawab untuk

University of Malaya

menjaga hati pasangan, PK 03 lebih gemar berlapik-lapik dan berkias melalui penulisan nota untuk menyampaikan isu, hasrat dan meluahkan segala isi hati yang memerlukan perbincangan selanjutnya dalam perhubungan mereka.

Tempoh pertemuan dan perpisahan sementara yang berlaku turut menyebabkan berlakunya proses ulang alik yang pastinya melibatkan kos perjalanan yang agak tinggi ditambah dengan risiko keselamatan di jalan raya dan keletihan yang melanda diri suami PK03. Ini kerana suaminya akan pulang setiap hujung minggu untuk menjenguk dan menghabiskan masa di rumah PK03 setelah meninggalkan anak dan isteri dalam tempoh beberapa hari.

Berikutan dari proses ulang alik yang terlibat dalam kehidupan PK 03 dan suaminya, PK0 mengakui anak-anak akan sentiasa menanti kepulangan suami setiap kali menjelang hari Jumaat. Penantian yang dianggap sebagai satu penyeksaan menjadi sesuatu tempoh yang sangat berbaloi seandainya diselitkan dengan aktiviti yang menggembirakan sepanjang tempoh suami PK03 berada di rumah bersama anak-anak.

Kekangan waktu disebabkan proses ulang alik yang mungkin memakan masa ditambah pula tempoh cuti yang tidak panjang mendorong PK 03 sangat mengambil berat mengenai perancangan khususnya jadual aktiviti percutian, jadual harian dan mingguan. PK03 gemar membuat pelbagai perancangan untuk mengelakkan sebarang situasi kelam-kabut akibat peristiwa di luar kawalan.Sebagai seorang isteri dan ibu yang telah lama terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, PK03 sememangnya telah membuat perancangan rapi tentang jadual pembelian dan urusan rumahtangga memandangkan batasan waktu yang mengekang mereka daripada membuat aktiviti secara beramai-ramai sebagai satu keluarga.PK03:16:23 [073:073]; 17:24 [073:073].

University of Malaya

Secara tidak langsung, perancangan yang telah dilaksanakan oleh PK03 menjadikan beliau sentiasa membuat penyesuaian berkenaan dengan kehidupan dan situasi yang sentiasa dikekang oleh waktu yang sangat terhad. Penyesuaian ini juga tidak terbatas kepada aktiviti semata-mata tetapi boleh diadaptasi kepada penyesuaian diri terhadap persekitaran yang mungkin memberi kesan kepada perhubungan jarak jauh yang dilalui oleh PK03, suami dan anak- anaknya. PK03 turut mengaitkan elemen *'justified'* dalam proses membuat penyesuaian diri semasa melakukan perancangan jadual. Ini bermakna, penyesuaian ini memerlukan beberapa pelan perancangan kerana PK03 selalu berdepan dengan situasi luar kawalan yang memaksa dirinya menunda dan mengubah perancangan pada saat-saat akhir. Bagi PK03, perancangan dan penyesuaian diri dalam perkahwinan jarak jauh amat penting khusus dalam menghadapi perkara-perkara yang tidak terduga. PK03: 16:27 [079:079]), PK03:16:28 [081:081].

Akhirnya, tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara PK03 dan suaminya turut mendorong mereka membuat pengorbanan dari segenap aspek khusunya dari segi masa, kasih sayang dan pengurusan anak-anak. Kehidupan yang berbeza dengan pasangan lain menyebabkan PK03 menganggap pengorbanan yang dilakukan akan dibalas dengan penghargaan yang setimpal oleh suaminya. PK03 berkongsi bahawa pengorbanan tersebut tidak tertakluk kepada pengorbanan diri sendiri tetapi turut melibatkan pengorbanan anak-anak dan suami. Bagi PK03, pengorbanan itu lahir dari kesedaran PK03 tentang tanggungjawab suami mencari rezeki untuk PK03 dan anak-anak. PK03:16:16 [055:055].

Secara keseluruhannya gabungan elemen yang diutarakan oleh PK03 dapat dirangkumkan dalam satu terjemahan makna PJJ yang telah dirungkaikan oleh PK03 seperti dalam Rajah 4.13.

University of Malaya



Rajah 4.13: Terjemahan Makna Frasa PJJ PK03

University of Malaya

c) Tindakbalas kognitif

Deskripsi tekstural

PK03 tidak terkecuali dari mempamer reaksi kognitif sepanjang kitaran pertemuan dan perpisahan mereka termasuklah (a) memahami,(b) kepercayaan,(c) cemburu, (d) berubah hati dan, (e) impian. Seterusnya, terma yang diketengahkan akan disokong oleh kenyataan PK03 dalam Jadual 4.19 seperti berikut:

Jadual 4.19: Reaksi Kognitif PK03

Terma	Kenyataan
Memahami	Sentiasa memahami dia
Kepercayaan	*Trust* tu mustahak lah...takda *trust* mana boleh duduk jauh.
Cemburu	Cemburu itu ada berkaitan dengan kepercayaan,ada yang sanggup membunuh akibat cemburu buta.
Berubah hati	Takut orang berubah hati..takut suami berubah hati,.mana la tahu.terjumpa orang lain ke kan?
Impian	Gambar ni macam menunjukkan keluarga..suami isteri..ada anak..haa..ada rumah.jadi,kan nampak ada kekeluargaan la..nampak macam anak dia ceria..macam family la..happy family.”

Deskripsi struktural

Sememangnya kehidupan berjauhan yang sedang dialami oleh PK03 dan pasangannya menuntut persefahaman yang tinggi . PK03 sedia maklum dan memahami tugas suami yang terpaksa berhijrah ke luar kawasan dalam tempoh yang lama sebelum kembali menemui isteri dan anak-anak adalah disebabkan tanggungjawab mencari rezeki untuk menyara keluarga. Tambahan pula, kini suami PK03 seorang sahaja yang berhempas pulas menyara keluarga memandangkan PK03 tidak lagi mempunyai pendapatan kerana berhenti kerja sejak anaknya ditimpa masalah kesihatan.

Lantaran sikap memahami yang wujud dalam diri PK03, beliau turut menjadikan aspek kepercayaan sebagai rencah paling utama yang mengikat perhubungan yang terjalin dalam keluarga PK03. Ibarat pentingnya garam dalam masakan, kepercayaan turut menjadi senjata untuk menjamin kelangsungan perhubungan jarak jauh. Sememangnya sejak dari awal perkahwinan , PK03 sudah sedia maklum mengenai sikap positif suami yang telah disampaikan oleh kenalan-kenalan suaminya. Justeru, kepercayaan yang timbul tidak berbelah bahagi terhadap suaminya. Di samping itu, PK03 turut menyatakan bahawa aspek

University of Malaya

kepercayaan perlu diambil perhatian serius kerana ia merupakan rahsia penting yang menjamin kesinambungan perhubungan kekeluargaan. Konsep kepercayaan yang dipegang oleh PK03 tidak hanya tertumpu kepada hubungan suami isteri, tetapi ianya bersifat menyeluruh termasuklah kepercayaan kepada keluarga mertua dan anak-anak. PK03:17:42 [150:150], PK03:17:43 [150:150], 17:61 [172:172]).

Malah, menurut PK03, elemen kepercayaan ini turut memiliki kaitan yang sangat signifikan dengan reaksi cemburu. Bagi PK03, jika individu mempunyai kepercayaan yang sangat rendah terhadap pasangan, mereka terdorong untuk memiliki sikap cemburu membabi buta yang boleh mencetuskan perbuatan yang negatif seperti mencederakan pasangan dan sanggup membunuh. Sikap cemburu yang berpada-pada antara PK03 dan suami menjadikan masing-masing tahu menjaga batasan perhubungan dengan dunia luar. Ini bermakna, PK03 menolak perasaan cemburu buta yang boleh menjerumuskan seseorang untuk melakukan perbuatan yang melampaui batas seperti mendera secara fizikal atau psikologikal.

Meskipun PK03 mempercayai akan suaminya, beliau tidak menyangkal risiko yang terlibat dalam kehidupan berjauhan dengan suami yang boleh mencetus situasi di mana pasangan akan berubah hati. PK03 mengakui kadangkala sering berseloroh dengan suami tentang adegan kecurangan yang ditonton bersama-sama di televisyen. Bagi PK03 ,tindakannya berseloroh sedemikian merupakan kiasan kepada suami agar tidak melakukan perkara yang tidak baik dalam perhubungan mereka.

Seperti insan lain, PK03 tidak terkecuali dari memiliki impian untuk tinggal sebumbung dengan pasangannya untuk membesarkan anak bersama-sama

University of Malaya

sebagaimana pilihannya terhadap gambarajah 4.14. Justeru, kehidupan ceria yang dipamerkan dalam ilustrasi yang dipilih oleh PK03 menjadi cerminan terhadap impian yang dipegang oleh PK03 untuk melibatkan suaminya secara aktif sepanjang proses pembesaran anak-anaknya. Meskipun PK03 harus menanti saat itu tiba, beliau tidak berpeluk tubuh kerana sering mengajukan soalan berkenaan niat untuk tinggal sebumbung bersama suami meskipun menyedari bahawa hasrat tersebut tidaklah semudah yang digambarkan.

Rajah 4.14: Dokumen Visual Pilihan PK03

Meskipun PK03 sedar bahawa kerjaya suaminya mungkin membantutkan atau impian untuk tinggal sebumbung dengan suami dan anak-anak, kegembiraan dan keceriaan yang terpancar di wajah anak apabila diagah oleh ayahnya mengingatkan PK03 tentang kehidupan keluarga yang gembira setiap kali suaminya berada di rumah. Ianya merupakan satu impian yang telah

lama dipendam dan didambakan oleh PK03 untuk dipenuhi oleh PK03 suatu hari nanti.PK03:17:15 [76:76], 17:16 [78:78]).

Tidak ketinggalan, riak wajah yang terpancar di wajah ayahnya melihat anak menunjukkan keterujaan suaminya apabila pulang ke rumah untuk melihat, menatap dan menyaksikan sendiri perkembangan anak-anak di rumah.PK03:17:15 [76:76]).

d) Dinamik perhubungan

Deskripsi tekstural

Dinamik perhubungan yang tercetus sememangnya menjadi topik perkongsian PK03 dalam kronologi pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh beliau. Beberapa terma telah dikenalpasti bagi mewakili dinamik perhubungan iaitu (a) hubungan anak-ayah, (b) hubungan ibu-anak, (c) hubungan suami-isteri, dan (d) hubungan mertua-menantu. Lembaran perkongsian mengenai terma yang terhasil telah diterjemahkan oleh kenyataan PK03 dalam Jadual 4.20 seperti berikut:

Jadual 4.20: Dinamik perhubungan PK03

Terma	Kenyataan
Hubungan ayah-anak	Dengan anak-anak dia kurang rapat dengan ayah,bila ayah tegur dia rasa lain..bila mak tegur, dia rasa lain..beza dia kat situ.
Hubungan anak-ibu	Jantung hati ni, anaklah jantung hati saya.
Hubungan suami-isteri	Bila jarang jumpa tu kita jaranglah bergaduh kan.
Hubungan mertua-menantu	Sebab keluarga lah, kita bergaduh tu.

University of Malaya

Deskripsi struktural

Menyorot kembali pengalaman yang dilalui oleh suami PK03 dan anak-anaknya, situasi tersebut telah mencetuskan jurang perhubungan kerana anak-anak khususnya anak sulungnya dilihat kurang rapat dengan suami PK03. Rentetan itu, anak-anak akan memberi tindak balas yang berbeza jika menerima arahan dan nasihat daripada PK03 dan suaminya. Namun, terdapat juga anak-anak PK03 yang rapat dengan suaminya. Buktinya, anaknya akan menangis setiap kali melihat suaminya keluar meninggalkan anaknya seolah-olah tidak mahu melepaskan suaminya pergi kemana-mana.

Di samping itu, perhubungan antara PK03 dan anak-anak sememangnya tidak boleh disangkal kerana ikatan semulajadi dan pertautan yang erat sepanjang proses membesarkan anak-anak menjadikan PK03 menjadikan anak-anak sebagai fokus utama dalam setiap perkara sepanjang kehidupan bergelar individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi PK03, anak-anak sebagai jantung hatinya menyebabkan beliau tidak pernah menghiraukan perkara yang remeh–temeh selain kepentingan anaknya. Menyingkap perkongsian mengenai frasa yang mewakili huruf ‘J’ dalam menterjemahkan makna PJJ secara keseluruhan, PK03 menyatakan bahawa ‘jantung hati’ iaitu anak-anak yang memberi kekuatan kepada diri PK03 untuk terus bertahan. Ibarat ‘dalam hati ada taman’, PK03 sentiasa mengutamakan mereka dalam membuat sebarang keputusan dalam kehidupan keluarga. PK03.PK03:16:44 [099:099].

Selain hubungan ibu bapa–anak, lembaran kisah kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialui oleh PK03 dan pasangan menyebabkan tercetusnya ikatan kasih sayang yang utuh dalam dinamik perhubungan mereka. Ini kerana, tempoh berjauhan yang menjangkau usia 22 tahun ini membolehkan PK03

University of Malaya

mempamerkan kasih sayang dengan seikhlasnya memandangkan telah mengenali pasangannya dengan lebih mendalam. Pada masa yang sama, jarak yang terpisah menjadi satu elemen positif yang mengelakkan mereka daripada berlakunya pergaduhan dan perselisihan faham. Bagi PK03, tempoh suami berada di rumah kadangkala menguji kesabaran kerana tingkahku suami PK03 yang tidak kena di mata PK03 akan mencetuskan sedikit pertelingkahan di rumah.

Tidak ketinggalan, PK03 turut mengalami isu dalam dinamik perhubungan antara suami dan ibunya. Ini kerana situasi suami yang jarang berada di rumah akibat bertugas di luar kawasan kadangkala menimbulkan suasana yang tidak selesa di hati ibu PK03. Apabila suami PK03 pulang kerumah, cara didikan yang dipamerkan oleh suami terhadap anak PK03 kadangkala mengundang kemarahan dan rasa tidak puas hati dalam hati ibu PK03. Lantaran itu, PK03 seringkali menjadi orang tengah untuk menyampaikan sebarang makluman atau nasihat ibu PK03 kepada suaminya.

e) Sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Ruang lingkup perkongsian PK03 mengenai pengalaman kelangsungan hidupnya banyak mengetengahkan terma-terma yang menjurus kepada sistem kekeluargaan. Terma-terma yang telah dikenalpasti adalah (a) pengurusan anak, (b) perkembangan psikologi anak, (c) peranan dan tanggungjawab, (d) peraturan, (e) rutin harian, dan (f) pandangan kolektif mengenai keluarga. Pendedahan yang menyokong kewujudan terma di atas dapat dilihat dalam kenyataan PK03 dalam Jadual 4.21 seperti berikut:

Jadual 4.21: Sistem Kekeluargaan PK03

Terma	Kenyataan
Pengurusan anak	Bila akak dah balik ke sini, anak-anak memang kakak yang jagalah kan..
Perkembangan anak	Ayah tu marah, lain sikit daripada emak..kalau emak tu, dia marah kan, takpa, tapi kalau ayah marah walaupun sikit, dia ambil hati.
Peranan dan tanggungjawab	Kalau dia balik, dia yang hantar balik budak..pergi pasar bayi yang kecil itu, dia selalu,dia mandikan, suap makan.
Peraturan	Ayah ni peranan utama..sebab ayah ni ketua kan" Masing-masing kena jaga maruah diri di luar rumah."
Rutin harian	Kalau hari sekolah tu, memang tak senang la.
Pandangan kolektif	Akak ni kena hati-hati juga, sebab kadang tu jiran-jiran ni walaupun mereka tak cakap, tapi mereka pandang lain macam kepada orang yang tinggal seorang macam akak ni.

Deskripsi struktural

Percaturan hidup berumahtangga secara berasingan sememangnya menjadi satu cabaran besar buat PK03 khususnya apabila beliau mengambil alih sepenuhnya tugas menguruskan anak-anak setelah berhenti kerja di Kuala Lumpur dan pulang ke Muar untuk lebih berada dekat dengan tempat kerja suami dan rumah ibu PK03. Situasi bertambah mencabar apabila PK03 terpaksa menguruskan anaknya yang masih kecil yang baru sahaja selesai pembedahan memotong sedikit usus yang bermasalah di mana beliau sangat perlu memberi fokus yang lebih kepada anaknya itu berbanding anak yang lain.

Pada masa yang sama, kekangan waktu bersama yang berlaku dalam keluarga PK03, suami dan anak-anak telahbanyak memberi kesan kepada perkembangan psikologi anak PK03. Memandangkan suami PK03 jarang berada di rumah, anak-anak PK03 cepat terasa hati apabila ditegur oleh bapanya. Menyedari akan kekangan akibat kesan selalu ditinggalkan oleh ayah mereka,

University of Malaya

PK03 selalu bertindak sebagai orang perantaraan yang akan menyampaikan hasrat anak-anak yang tidak dapat diluahkan oleh anak PK0 terhadap bapanya. PK03 turut menyingkap pengalaman lalu mengenai sikap anaknya sewaktu kecil sering bertanyakan di mana ayah mereka. Apabila diterangkan berkali-kali situasi yang dilalui oleh keluarga PK0, anak-anaknya mulai faham dan tidak memberontak seperti sebelumnya.

Sistem kekeluargaan yang menjurus kepada peranan dan tanggunjawab menjadi perkongsian yang tidak kurang penting dalam kehidupan PK03. PK03 mampu meluahkan rasa lega kerana suaminya tidak melepaskan tanggungjawab secara total kepada PK03 kerana suaminya akan membantu menjalankan peranan dan tanggungjawab khususnya pengurusan rumahtangga seperti membeli barangan keperluan rumah ,urusan anak, membasuh, mengemas rumah apabila suaminya pulang ke rumah. Menjurus kepada pengurusan anak di rumah, suami PK03 akan bertindak untuk merapatkan jurang yang timbul antara suami dan anaknya dengan melakukan aktiviti seperti memandikan anak, menyuapkan makanan dan bermain-main dengan anak di rumah.

Meskipun PK03 dan suami akur dengan kesan jurang perhubungan yang timbul lantaran kekangan masa dan jarak yang terpisah antara mereka seisi keluarga, PK03 masih merealisasikan peraturan dalam keluarga di mana mereka bersepakat mengakui suami PK03 sebagai ketua keluarga walaupun peranan sebagai pemimpin itu tidak dapat dimanifestasikan secara hakiki. PK03 meluahkan bahawa semua ahli keluarga perlu sedar akan tuntutan menjaga maruah sebagai seorang ibu, ayah, isteri, suami dan anak-anak di dalam keluarga mahupun apabila berada di luar rumah. Justeru, PK03 turut menyatakan bahawa proses kelangsungan hidup yang dialami oleh PK03 memerlukan latihan untuk membiasakan diri supaya dapat menjadi pasangan ibu bapa yang baik dan

University of Malaya

bertanggungjawab. Bagi PK03, latihan bermula dari peringkat tinggal berdua, tempoh kehamilan, tempoh berpantang dan proses membesarkan anak-anak sehinggalah saat dirinya dan suami meniti usia dewasa dan tua. PK03:17:24 [111:111], 17:25 [112:112].

Selain itu, PK03 turut mengakui bahawa rutin harian seperti memasak, mengemas, menggosok baju ditambah pula dengan pengurusan anak seperti menghantar dan menjemput anak menyebabkan dirinya sangat sibuk dan kesuntukan masa. Menyedari akan kekangan tersebut, PK 03 bersedia untuk menyelaras jadual khususnya apabila suami PK03 berada di rumah.

Kesinambungan dalam proses menimba pengalaman hidup sememangnya memerlukan masa seperti yang dirungkaikan oleh PK03 dalam perkongsian hidupnya. Masa yang dimaksudkan oleh PK03 termasuklah kekangan masa untuk melakukan aktiviti bersama-sama dengan suami dan anak-anak sehinggakan suaminya melahirkan rasa sedih kerana tidak dapat merasai dan melihat perkembangan anak-anak secara terus. PK03:17:37 [140:140]. Malah kekangan masa yang terhad menyebabkan PK03 perlu mencari masa yang sesuai untuk memaklumkan sesuatu melalui telefon kepada suaminya berkenaan dengan kerenah anak-anak, pembuatan keputusan serta merta kerana PK03 menyedari bahawa dirinya perlu menghormati waktu lapang suaminya dan begitulah sebaliknya.PK03:17:26 [116:116].

Akhirnya, kehidupan membesarkan anak-anak seorang diri tanpa suami di sisi turut mengundang persepsi yang agak negatif dari pihak luar.Bagi PK03, pandangan kolektif yang menganggap perkahwinan jarak jauh terdedah kepada risiko kecurangan pasangan menyebabkan PK03 perlu berwaspada dan menjaga diri daripada menjadi buah mulut khususnya dari jiran tetangga mengenai tindakan yang dipamerkan oleh PK03 sepanjang ketiadaan suami di

University of Malaya

rumah. Tidak hairanlah jika PK03 mencoret “jaga-jaga ada yang memerhati” bagi mewakili huruf ‘J’ dalam penterjemahan makna frasa ‘PJJ’ secara keseluruhan.

f) Sistem sokongan

Deskripsi tekstural

PK03 mengaitkan sumber sokongan yang diperolehi banyak menyumbang peranan penting dalam kelangsungan perhubungan jarak jauh yang sedang dialami oleh PK03 dan pasangannya. Pendedahan mengenai sokongan yang diperolehi merangkumi (a) sokongan dari ibu bapa, (b) sokongan suami, dan (c) sokongan dari adik-beradik. Topik perbincangan mengenai bentuk sokongan telah dinyatakan oleh PK03 melalui kenyataan yang dapat dilihat dalam Jadual 4.22 di bawah:

Jadual 4.22: Sistem Sokongan PK03

Terma	**Kenyataan**
Ibu bapa	Budak-budak ni daripada nombor 1 sampai yang nombor 4 ni, emak saya ada jagalah..tolong jaga
Suami	Suami bila tahu saya mengandung, semua perbelanjaan memang dia yang bagi temasuk kos bersalin..memang banyak disokong dalam bentuk kewangan.
Adik beradik	Kalau susah, balik kampung..susah hati,balik kampung.. berbual dengan adik kita pun..boleh juga bagi sokongan”

Deskripsi struktural

Sorotan kisah kehidupan kelangsungan hidup PK03 banyak dibantu oleh ibubapa yang menjadi penguat PK03. Sokongan dalam bentuk bantuan penjagaan anak-anak oleh ibu PK03 sepanjang ketiadaan PK03 kerana keluar bekerja sangat

University of Malaya

dihargai oleh beliau. Pada masa yang sama, PK03 lebih gemar membawa anak-anak pulang ke rumah ibubapanya memandangkan risau dengan keselamatan anak-anak sewaktu mereka masih kecil.

Selain bantuan ibubapa, sokongan dari suami tercinta menjadi tulang belakang kepada PK03. Sebagai individu yang tidak mempunyai pendapatan, sokongan yang dihulurkan oleh suami PK03 khususnya dalam merancang perbelanjaan keluarga, perngurusan semasa bersalin di hospital swasta, dan kewangan kepada keluarga PK03 sangat melegakan PK03. PK03 meluahkan sikap suaminya yang tidak pernah berkira mengenai kewangan sangat memudahkan pengurusan kewangan keluarga mereka meskipun PK03 sedar bahawa suaminya perlu menguruskan kos untuk dua isi rumah.

Tidak ketinggalan, sokongan adik-beradik turut menjana kekuatan dalam diri PK03 sepanjang proses kelangsungan hidup yang dilalui olehnya. PK03 berkongsi pengalaman bahawa sikap adik beradik yang sangat mudah meghulurkan bantuan khusunya sokongan moral dan nasihat memberi ruang kepada PK03 untuk menghembus nafas lega apabila berdepan saat-saat kecemasan yang memerlukan pertolongan segera. Meskipun tinggal jauh dari PK03, PK03 tidak segan untuk meminta bantuan setelah buntu untuk meluahkan kepada ibubapa beliau yang mungkin risau dengan situasi yang menimpa PK03.

g) Strategi kelangsungan

Deskripsi tekstural

Sepanjang perkongsian pengalaman hidup PK03, beliau mengutarakan beberapa aspek mengenai langkah mengatasi yang telah di aplikasikan bagi menjana

University of Malaya

kelangsungan dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang dialaminya kini. Antara pendekatan yang diaplikasikan termasuklah (a) penggunaan teknologi, (b) pelaksanaan hobi, (c) aktiviti reakreasi, dan (d) penekanan aspek spiritual. Elemen yang difokuskan telah diutarakan melalui kenyataan PK03 seperti dalam Jadual 4.23 seperti berikut:

Jadual 4.23: Strategi kelangsungan PK03

Terma	**Kenyataan**
Teknologi	Telefon lah..kalau jauh.
Hobi	Kalau ada masa terluang pun kadang kita duduk membacalah..buat apa yang kita suka..buat karaftangan ke.
Aktiviti rekreasi	Kalau macam weekend..dia balik, weekend kita pergi makan sama-sama, pergi rumah orang kahwin, kalau ada jemputan.
Jurnal hidup	Jurnal tu untuk diri kita, refleksi diri kita sendiri..sepanjang hidup kita.”
Spiritual	Kena percaya pada jodoh Allah beri.

Deskripsi struktural

Kesedaran tentang kepentingan penggunaan teknologi telah mendorong PK03 untuk mengoptimumkan penggunaan telefon untuk memaklumkan segala perkembangan dan meluahkan kesedihan kepada pasangannya mengenai kerenah atau tingkahlaku anak-anak yang kadangkala mengundang kesedihan di hati PK03 sebagaimana pilihan PK03 terhadap gambarajah 4.15 seperti berikut:

University of Malaya

Rajah 4.15: Dokumen Visual pilihan PK03

Perkongsian pengalaman PK03 menjadikan gambar seperti dalam Rajah 4.15 di atas sebagai salah satu simbolik pengalaman kelangsungan hidupnya dalam mengharungi kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Ilustrasi kartun yang menggunakan komunikasi melalui pelbagai cara adalah cerminan kehidupan PK03 yang menjadikan teknologi seperti telefon sebagai medium utama untuk berkomunikasi dengan pasangannya. PK03:17:18 [092:092].

Meskipun PK03 seorang yang agak pemalu, PK03 tidak menafikan bahawa PK03 selalu menulis nota untuk meluahkan segala perasaan dan emosi yang dirasai melalui penulisan nota kepada suaminya. Perbincangan serius kadangkala melibatkan penulisan nota dilihat suatu yang masih relevan untuk proses kelangsungan hidup PK03. PK03:17:19 [096:096]. Tidak terkecuali, PK03 turut menyatakan bahawa dirinya dan suami tidak terlepas untuk meraikan hari-hari penting seperti majlis hari lahir, ulangtahun perkahwinan, hari ibu dan lain-lain. PK03:17:20 [102:102].

University of Malaya

Pada masa yang sama, PK04 turut mengakui kesukaran dalam mengharungi cabaran berjauhan dengan suami dan bersendirian menguruskan anak-anak menyebabkan dirinya amat memerlukan sumber motivasi yang mampu diperoleh daripada buku-buku motivasi dan aktiviti membuat kraftangan pada waktu lapang. Bagi PK03, aktiviti seperti ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan rasa tertekan dan dapat menjana semangat untuk terus berjuang melalui kata-kata motivasi yang diperoleh dari buku-buku motivasi.

Tidak ketinggalan, pelaksanaan aktiviti rekreasi turut menjadi wacana yang mampu mencetuskan keutuhan perhubungan keluarga. PK03 menjadikan aktiviti riadah termasuk majlis keraian hari-hari penting seperti hari lahir, hari ulangtahun perkahwinan, percutian bersama keluarga, makan malam ,menghadiri majlis perkahwinan dan bersiar-siar bersama keluarga sebagai satu platform untuk memastikan agar hubungan kekeluargaan tidak hambar. PK03 tidak menyangkal bahawa kebahagiaan yang dikecapi sepanjang 21 tahun usia perkahwinan banyak disumbangkan oleh kesanggupan dan komitmen PK03 dan suami dalam mempamerkan kasih sayang seperti memeluk pasangan, bergurau senda, mencuit-cuit pasangan, pegang tangan pasangan malah melakukan aktiviti rekreasi bersama anak-anak apabila suami pulang ke rumah. PK03:17:44 [152:152], 17:59 [172:172], 17:60 [172:172].

PK03 membuka lembaran kisah gembira beliau apabila berkesempatan membawa semua ahli keluarga bercuti di Sabah selama seminggu. Kesempatan anak-anaknya menaiki kapal terbang buat pertama kali masih menjadi topik perbualan mereka seisi keluarga setiap kali menatap gambar kenangan mereka semasa bercuti di Sabah. Sememangnya, kenangan bersama keluarga tidak dapat dibeli dengan wang ringgit dan PK03 amat menantikan saat-saat seperti

itu supaya dapat membawa semua ahli keluarga bercuti di tempat yang lebih menarik pada masa akan datang.

Selain itu, kekuatan diri dalam mengharungi kehidupan berjauhan yang tidak pernah lepas dari ujian dan cabaran telah diperolehi daripada mekanisma intrinsik termasuk jurnal kehidupan yang dilaksanakan oleh PK03. Bagi PK03, dirinya sentiasa peka dengan perjalanan hidup yang masih panjang yang memerlukan dirinya memuhasabah diri. Gemar menggunakan prinsip "jangan ambil mudah, tapi bertindak dengan cara yang mudah", PK03 lebih selesa melalui kehidupan berjauhan dengan pasangan seperti yang sedang dilaluinya kini. Perkongsian pengalaman PK03 turut membuat pendedahan mengenai makna huruf 'J' dalam kehidupannya sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Huruf 'J' yang mewakili frasa 'PJJ' yang melambangkan penulisan 'journal' yang menjadi refleksi diri PK03 sepanjang 21 tahun bahtera rumahtangga dan pengalaman berharga sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Jurnal ini banyak menginsafkan diri PK03, memberi motivasi dan penguat diri untuk PK03. PK03 selalu menjadikan jurnal hidup sebagai medan meluahkan sesuatu, mengungkap hikmah di sebalik ujian yang datang dalam usaha menjadi insan yang lebih kuat. PK03:16:31 [087:087].

Tidak ketinggalan, aspek spiritual tidak terkecuali dari menjadi topik perbincangan serius dan sangat penting sepanjang proses kelangsungan hidup PK03. Bagi PK03, kepercayaan yang mutlak tentang jodoh yang telah ditetapkan untuk PK03 disamping pemahaman mengenai matlamat perkahwinan berlandaskan syariat Islam sentiasa menjadi benteng pertahanan diri PK03 dan keluarga yang membawa kepada kewujudan keluarga sakinah. Memulakan

University of Malaya

pendedahan dengan perkongsian mengenai keyakinan terhadap jodoh yang mewakili elemen keserasian antara PK03 dan suami. PK03 menjadikan cabaran menampung kekurangan diri dengan menjadikan kelebihan suami sebagai proses mencari titik keserasian dan persamaan antara pasangan bagi PK03, jodoh yang berpanjangan dapat direalisasikan melalui keserasian menerima kelebihan dan kekurangan pasangan. PK03:17:21 [104:104], 17:22 [104:104], 17:23 [110:110].

h) Pembangunan resiliens

Deskripsi tekstural

Jurnal perjalanan hidup PK04 dalam mengharungi detik-detik perkahwinan jarak jauh telah membawa kepada perkembangan resiliens dalam dirinya. Skop pembangunan resiliens yang menjadi perkongsian PK04 telah dikaitkan dengan beberapa aspek termasuklah (a) perkembangan autonomi, (b) personaliti, (c) optimistik, (d) pengurusan emosi, dan (e) berdikari. Terma yang diklasifikasikan ini telah disokong oleh perkongsian PK03 dalam Jadual 4.24 seperti berikut:

Jadual 4.24: Pembentukan Resiliens PK03

Terma	Kenyataan
Autonomi	Saya bebas dan boleh rehat sikit bila suami tiada..boleh atur masa dan keputusan saya sendiri.
Personaliti positif	Sentiasa sedar ada yang memerhati, kena jaga maruah dan status sebagai isteri.
Optimistik	Kalau kita asyik fikir yang negatif, jadi tak selesai juga.
Pengurusan emosi	Kesabaran..mungkin kena banyak bersabar .
Berdikari	Kita ni tak perlulah macam terlalu bergantung sangat dengan suami..kita belajar berdikari sendiri.

University of Malaya

Deskripsi struktural

Menyorot kembali pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK03 sepanjang tempoh 22 tahun berjauhan dengan pasangannya ,ketiadaan suami di rumah ada kalanya memberi manfaat dari sudut autonomi. Ini kerana PK03 boleh mengatur masa rehat dan lebih bebas mengatur masa untuk diri sendiri setelah kepenatan mengurus rumah tangga. Kebebasan mengurus rumah tangga yang diberikan oleh suami PK03 tidak menjadikan PK03 seorang yang dominan malah mendorong dirinya untuk merujuk suami terlebih dahulu khususnya hal yang melibatkan pembuatan keputusan yang besar dalam pengurusan rumah tangga mereka.

Selain itu, kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh banyak membentuk personaliti yang positif dalam diri PK03 di mana beliau meletakkan maruah sebagai isteri dan ibu sebagai satu elemen yang sangat penting dalam mengharungi liku-liku kehidupannya kini.

Pada masa yang sama, sikap optimistik mampu diwujudkan sepanjang tempoh kelangsungan hidup PK03. Bagi PK03, alasan negatif yang selalu disematkan dalam diri menyebabkan hasrat untuk menjadikan hubungan yang dibina kekal hingga akhir hayat tergendala.

Tidak cukup dengan itu, tempoh membesarkan anak-anak bersendirian selepas berhenti dari dunia pekerjaan mendorong PK03 menjadi insan yang mampu berdikari tanpa terlalu bergantung dengan suaminya. PK03 menyingkap pengalaman dengan membuat perbandingan dirinya dengan ibunya yang berada di rumah dan terlalu bergantung dengan ayahnya menyebabkan ibunya kadangkala buntu jika ayahnya tiada di rumah sewaktu berlaku sebarang kecemasan.

University of Malaya

4.6.1 Struktur Pengalaman siri 1 Peserta kajian 4 (PK04)

Pendedahan mengenai struktur pengalaman PK04 dapat difahami secara menyeluruh melalui ilustrasi 4.16. Hasil perkongsian pengalaman PK04, PK04 merupakan seorang anggota polis yang berusia 35 tahun dan telah berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) selama 18 tahun sejak PK04 berusia 20 tahun. Kerjayanya sebagai kakitangan karajaaan yang sering berpindah ditambah pula dengan kerjaya suaminya yang turut merupakan seorang pegawai di Pejabat Narkotik, PK04 terpaksa akur dengan kehidupan tinggal berjauhan dengan suami selama 8 tahun. Perkongsian pengalaman PK04 dinyatakan melalui kenyataan :

> Suami diarahkan bertukar di IPD Segamat dan bermula tahun 2008 suami diarahkan berpindah ke IPK Pahang ..dan sehingga sekarang jadi pada saya, saya mengambil keputusan untuk maksudnya tinggal berjauhan dengan suami ini atas persetujuan bersama. (PK02/T1/ 48-53)

Meskipun PK04 mengambil keputusan untuk menjalani kehidupan perkahwinan jarak jauh, keputusan yang diambil adalah hasil perbincangan secara telus bersama suaminya.Ini kerana PK04 ingin menjalankan satu tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap kedua ibu bapa yang kini menghidap penyakit angin ahmar memandangkan adik-beradiknya yang lain mengalami kesukaran untuk menjaga ibu bapanya di kampung. Kekangan ini turut dikongsi oleh PK04 dalam kenyataannya:

> Memandangkan saya berasal dari Negeri Sembilan, dan merupakan anak bongsu dari 4 beradik..dan mak 65 tahun..ayah 75 tahun yang mana ayah ni memang dah stroke..abang sulung di kangar perlis, kakak polis trafik Sri Alam, kakak lagi satu di seksyen 8 bandar baru bangi yang mana akak tu memang tak tahu memandu, mempunyai anak 3 orang, kadangkala agak payahlah untuk dia menjenguk mak di kampung, saya mengambil keputusanlah, dan hasil persetujuan ni juga untuk jaga dia selagi ayah masih ada, saya...pengorbanan saya kepada kedua ibubapa saya lah. (PK02/T1(55-65)

University of Malaya

PK04 mendedahkan persepakatan yang dicapai untuk menjalani tempoh berjauhan dengan suami dan membesarkan anak tunggalnya yang kini berusia 8 tahun bukanlah satu perkara yang mudah untuk dikendalikan oleh PK04. Ini kerana PK04 harus menjalankan peranan dan tanggungjawab yang pelbagai dugaan yang hebat telah diutarakan oleh PK04 dalam kenyataannya:

> Keputusan yang saya ambil ini atas persetujuan suami isteri..bukan atas kata putus saya seorang, sebab saya pun faham tanggungjawab saya sebagai seorang isteri pun besar..di samping, tanggungjawab sebagai seorang anak, dan tanggungjawab sebagai seorang isteri, sebagai seorang ibu, sebagai seorang wanita bekerjaya. Saya rasa itu bukan sesuatu yang mudah..kalau rasanya, dugaan tu memang hebat. (PK04/T1 (75-79)

Tidak dinafikan, keadaan ibunya yang menguruskan ayah PK04 yang uzur amat membimbangkan PK04. Namun, PK04 bersyukur kerana suaminya amat memahami dan membenarkan PK04 untuk menjalankan tanggungjawab menjaga ibu bapa. Kebimbangan itu diuahkan melalui perkongsian kenyataan:

> Bayaran bil.,rawatan hospital, treatment bila, nak bagi makan bila , ubat apa, jadi mak ni seolah-olah jadi jururawat kecil, tapi memang akak kesianlah kan..sebab nya sepatutnya dalam umur dia macam tu, dia boleh berehat…sebab kita pernah ambilkan dia maid, pernah 2 kali ambil maid..tetapi lari..sebab dia tak sanggup nak jaga. (PK0/T1 (143-148)

Meskipun PK04 beberapa kali mengajak ibu dan bapanya tinggal bersama supaya lebih mudah untuk memantau keadaan mereka, namun hasrat demikian tidak dipersetujui oleh ibu PK04 lantaran hasrat ibunya yang lebih selesa tinggal di rumah

University of Malaya

sendiri untuk menguruskan ayahnya meskipun kadangkala dimarahi oleh ayahnya. Menyedari akan keadaan itu, PK04 bertekad untuk menjalani kehidupan sebagai isteri yang tinggal berjauhan dengan pasangannya. Walaupun ibunya menyarankan agar PK04 tinggal serumah dengan suami PK04, bagi diri PK04, tidak semua orang mengerti masalah yang dihadapinya. Maka, PK04 mengambil pendekatan untuk tidak mengendahkan penilaian negatif orang sekeliling terhadap kehidupan perkahwinan jarak jauh yang sedang dialami oleh PK04, pendekatan ini dinyatakan dalam kenyataan beliau:

> Jadi kakak fikir, selagi akak termampu, selagi hayat masih ada, rasanya itulah pengorbanan akak..sebab kalau kita nak fikir cakap-cakap orang, cakap-cakap nakal ni memang tak ke mana, orang tak faham masalah kita..kan..selagi kerja maksudnya, walaupun hubungan akak dengan suami tu jarak jauh, tapi prestasi kerja akak tak terjejas. (PK04/T1/169-172)

Pembuatan keputusan untuk menjalani kehidupan berjauhan yang mungkin tidak sempurna di mata PK0 turut didorong oleh faktor kolektif lain seperti ekonomi yang kian memaksa beliau dan suami untuk memantapkan ekonomi kerana sedar akan kos hidup yang semakin tinggi. Ini kerana PK04 turut bertanggungjawab untuk membiayai kos pendidikan adik iparnya memandangkan PK04 dan suaminya bekerja dalam sektor kerajaan berbanding adik beradiknya yang lain yang hanya bekerja kampung.

Pada masa yang sama, kos rawatan ibu PK04 ditambah dengan bayaran untuk pengasuh menyebabkan PK04 dan suami sangat memberi perhatian kepada pemantapan ekonomi agar dapat memastikan semua keperluan dapat dilunaskan dengan baik. Tidak ketinggalan, isu penjagaan anak oleh pengasuh turut menjadi pertimbangan bagi PK04 seperti peluahan beliau dalam kenyataan:

University of Malaya

> Kalau pindah Pahang pun masalah kita nak cari penjaga anak..kita nak cari rumah sewa yang dekat dengan sekolah, memang susah..mungkin kalau weekend,hari-hari tertentu kita akan terlibat dengan operasi, dan yang penting sekali pembantu rumah tu nak menolong akaklah, esok kalau pindah kat sana susah. (PK04/T1/ (115:115)

Maka, sepanjang tempoh 10 tahun perkahwinan, anak tunggal PK04 yang dilahirkan sejak 8 tahun yang lalu memang telah tinggal berjauhan dengan bapanya sejak dirinya dilahirkan. Sepanjang kehidupan berjauhan dengan pasangan untuk membesarkan anak adalah sesuatu yang mencabar bagi PK04.

Bagi PK04, pekerjaan yang dijawatnya kini menjadi alasan kukuh mengapa dirinya terpaksa mengharungi kehidupan berjauhan dengan suami demi membesarkan anak tunggalnya. Keputusan untuk menjalani perkahwinan jarak jauh memang telah lama diputuskan meskipun mendapat tentangan hebat dari orang sekeliling.

Meskipun cabaran kian menjelma, PK04 merasakan bahawa perkahwinan jarak jauh bukan satu perkara aneh dalam masyarakat hari ini biarpun pada hakikatnya PK04 mengakui kehidupannya tidak normal seperti pasangan berkahwin yang lain. Secara keseluruhan, sorotan pengalaman siri 1 PK04 dapat diselusuri berdasarkan Rajah 4.16 seperti berikut.

University of Malaya



Rajah 4.16: Peta Pengalaman Siri 1 PK04

University of Malaya

4.6.2 Deskripsi tekstural dan struktural PK04

Sepanjang perkongsian pengalaman sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, beberapa aspek telah diketengahkan oleh PK04 iaitu (a) reaksi afektif, (b) reaksi tingkahlaku, (c) reaksi kognitif, (d) dinamik perhubungan, (e) sistem keluarga, (f) sumber sokongan, (g) mekanisma kelangsungan, dan (h) pembentukan resiliens. Setiap elemen dalam deskripsi tekstural dan struktural peserta kajian diterangkan seperti dalam Rajah 4.17.



Rajah 4.17: Deskripsi Tekstural dan Struktural PK04

a) Reaksi afektif

Deskripsi tekstural

Menyelusuri tempoh perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK04 khususnya semasa tempoh pertemuan dan perpisahan menimbulkan reaksi emosi yang

University of Malaya

berbelah bahagi oleh PK04 dan keluarganya. Terma yang terkandung dalam Jadual 4.25 mewakili respon afektif PK04 termasuklah sedih, stress, teruja, merajuk dan sunyi. Aspek yang telah dinyatakan telah diluahkan melalui kenyataan PK04 seperti berikut:

Jadual 4.25: Reaksi Afektif PK04

Terma	Kenyataan
Sedih	Sedih juga bila nak tinggal tu kan.
Stress	Stress tu memang ada.
Teruja	Kalau suami nak balik, anak yang paling excited
Merajuk	Kadangkala tu memang boleh merajuklah kan
Sunyi	Malam tu rasa sunyi kan
	Kadang2 kita rasa, aku ni macam seorang diri

Deskripsi struktural

PK04 membuka lembaran perkongsian mengenai kesedihan yang melanda akibat perpisahan yang terpaksa dilalui setiap kali suaminya hendak kembali meninggalkan PK04 dan anaknya untuk pulang ke Pahang untuk bekerja.

Kecelaruan emosi yang menerjah ruang hati PK04 turut tidak dapat disangkal khususnya apabila terpaksa berdepan dengan tekanan kerja di tambah dengan suasana kelam-kabut menguruskan anak tunggalnya yang amat memerlukan perhatian yang khusus oleh PK04 sepanjang ketiadaan suami disisi.

Tidak ketinggalan, tempoh kitaran pertemuan perpisahan yang berlaku mewujudkan keterujaan dihati PK04 dan anaknya apabila menanti kehadiran suami yang ingin pulang menemui mereka di rumah. Tidak ketinggalan, keterujaan turut dirasai di saat sama-sama melaksanakan aktiviti riadah bersama-sama di rumah.

University of Malaya

Selain itu, PK04 turut mengakui tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara beliau dan suami kadangkala disapa rasa merajuk di hatinya. Ini kerana kadangkala PK04 tidak mampu untuk bermanja-manja dengan suami apabila ditimpa sakit.

Akhirnya, perpisahan sementara yang berlaku Antara PK04 dan suaminya menjerat rasa sunyi tatkala anak PK04 telah tidur pada waktu malam. Kesyunyian yang melanda PK04 kadangkala menyebabkan PK04 merasakan dirinya bersendirian melalui kehidupan yang penuh ujian ini.

b) Reaksi tingkahlaku

Deskripsi tekstural

PK04 tidak terkecuali dari mempamer reaksi tingkahlaku sepanjang kitaran pertemuan dan perpisahan mereka termasuklah (a) kejujuran, (b) penyesuaian, (c) perancangan, (d) komunikasi dan, (e) penghargaan. Seterusnya, terma yang diketengahkan akan disokong oleh kenyataan PK04 dalam Jadual 4.26 seperti berikut:

Jadual 4.26: Reaksi Tingkahlaku Peserta Kajian 04

Terma	Kenyataan
Kejujuran	Yang penting jujurlah, jujur antara saya dan dia.
Penyesuaian	Kita kena bijak sesuaikan diri
Perancangan	Mesti kita ada plan,hari ini apa kita nak buat.
Komunikasi	Komunikasi tu memang tiada rahsia, apa-apa masalah sekalipun, kalau tak puas hati dengan akak, cakap.
Penghargaan	Kena hargai pasangan kita seadanya selagi dia masih ada.

University of Malaya

Deskripsi struktural

Tempoh pertemuan dan perpisahan yang menjadi asam garam kehidupan berumahtangga PK04 dan suami menuntut kejujuran sebagai tindakan yang paling utama dalam perhubungan yang bahagia. Meskipun PK04 tidak dapat melihat dan memantau setiap gerak geri suaminya secara langsung, PK04 berharap agar suaminya jujur sebagaimana dirinya berlaku jujur terhadap suaminya. Selain itu, PK04 menyingkap elemen kejujuran yang menjadi benteng bagi sesebuah ikatan atau perhubungan yang utuh. Bagi PK04, dirinya tidak menafikan bahawa jarak jauh membuka ruang kepada risiko kecurangan memandangkan tidak dapat memantau segala tindakan suaminya. Namun, semua itu tidak akan berlaku seandainya dirinya dan suami berlaku jujur antara satu sama lain. Jujur ini bukan hanya kepada pasangan tetapi kepada Pencipta, zuriat dan keluarga. PK04:21:14 [020:020].

Selain dari kejujuran sebagai elemen yang paling penting, PK04 turut menyuarakan bahawa tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara PK04 dan suaminya mendorong PK04 membuat penyesuaian sebagai seorang isteri ke dalam persekitaran luar seperti penyesuaian dalam keluarga mertua, penyesuaian memilih kawan untuk meluahkan masalah. Sememangnya keharmonian sesebuah perkahwinan turut didorong oleh faktor sekeliling. Maka, PK04 beranggapan bahawa faktor persekitaran menyumbang pengaruh yang agak besar. Ini kerana sebagai wanita berkerjaya, PK04 tidak terlepas daripada berinteraksi dengan orang termasuk jiran, rakan sekerja, jiran tetangga yang terdiri daripada pelbagai karakter yang sedikit sebanyak membentuk keperibadian PK04. Menyedari akan hakikat ini, pertimbangan dan penyesuaian yang bijak perlu diberikan bagi memastikan diri dapat

University of Malaya

menjalankan tugas dengan baik di rumah mahupun di tempat kerja. PK04:21:8 [016:016], 21:9 [016:016], 21:10 [016:016].

Tidak ketinggalan, tindakan membuat perancangan turut menjadi elemen perkongsian PK04 sepanjang tempoh pertemuan dan perpisahan. Memandangkan masing--masing sibuk dengan kerjaya yang tidak menentu, PK04 perlu bijak membuat perancangan khususnya jadual harian dan mingguan untuk memastikan segala yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selain itu, sepanjang tempoh perkahwinan jarak jauh yang ditempuhi oleh PK04, mereka mengamalkan komunikasi secara terbuka dan mengambil langkah untuk bersikap berterus-terang dalam membicarakan atau menyampaikan sesuatu perkara kepada pasangan masing-masing. Sikap berterus-terang dilihat satu tindakan yang berkesan untuk mengelakkan berlakunya salah faham antara pasangan. Bagi PK04, tindakan memendam rasa dan meluahkan rasa ketidakpuasan hati di belakang pasangan adalah sesuatu yang tidak wajar dilakukan.Selaras dengan isu kejujuran yang pernah diutarakan oleh PK04 sebelum ini, PK04 beranggapan setiap persoalan yang timbul dalam kehidupan keluarga, tempat kerja, perasaan diri sendiri pasti ada jawapan dan jawapan itu harus dinyatakan dengan telus dan terbuka untuk mengelakkan konflik yang bakal mengeruhkan perhubungan khususnya apabila ingin memenuhi masa yang terbatas. PK04:21:19 [026:026], 21:20 [026:026].

Melebarluaskan lagi perkongsian, PK04 mengutarakan konsep ‘persahabatan’ yang menggambarkan bentuk komunikasi PK04 dan suaminya. Bagi PK04, perhubungan perkahwinan yang dijalinkan bukan sekadar ikatan perkahwinan suami isteri, tetapi lebih kepada perhubungan persahabatan yang

University of Malaya

adakalanya ada pasang surutnya. Justeru, suami yang juga merupakan sahabat bagi PK04 dapat bertindak sebagai pendengar setia, sahabat yang memberi perangsang, menyenangkan hati dan sahabat yang boleh memahami kesusahan yang PK04 sedang alami sekaligus menggalakkan komunikasi secara telus. PK04:21:5 [010:010], 21:6 [012:012].

Tidak ketinggalan, sikap menghargai pasangan menjadi respon tingkahlaku yang tidak kurang pentingnya sepanjang tempoh kitaran pertemuan–perpisahan yang berlaku antara PK04 dan suaminya. PK04 menganggap bahawa penghargaan yang dipamerkan oleh pasangan bukanlah hanya bersifat material semata-mata, tetapi tindakan menghulurkan bantuan juga menjadi satu bentuk penghargaan yang lebih memberi kesan psikologi yang positif kepada PK04 atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh PK04 terhadap kemaslahatan rumahtangga yang dibinanya kini.

Tidak ketinggalan, PK04 turut membuat perkongsian mengenai aspek 'jasa' di mana bagi PK04, sepanjang proses perkahwinan jarak jauh, PK04 menerapkan dalam diri untuk sentiasa mengenang jasa dan pengorbanan suami yang tinggal bersendirian menguruskan kehidupannya dan begitulah sebaliknya suaminya mengenang jasa PK04 bersendirian mengurus anak. Sikap ini yang mendorong PK04 dan suami untuk bersikap terbuka menerima kekurangan dan kelebihan pasangan masing-masing. Berpegang kepada pepatah 'sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri', PK04 menjadikan pengalaman selama 10 tahun berumahtangga untuk menampung kelemahan dengan kelebihan yang dimiliki oleh suaminya dan begitulah sebaliknya. PK04:21:22 [034:034], 21:25 [038:038].

University of Malaya

c) Reaksi kognitif

Deskripsi tekstural

PK04 telah mempamerkan beberapa reaksi kognitif sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku antara dirinya dan suami. Reaksi kognitif yang telah dikenalpasti termasuklah (a) persefahaman, (b) kepercayaan, (c) risiko kecurangan, (d) persepsi terhadap perkahwinan. Terma-terma yang mewakili reaksi kognitif telah diutarakan melalui kenyataan PK04 melalui Rajah 4.27 seperti berikut:

Jadual 4.27: Reaksi Kognitif PK04

Terma	Kenyataan
Persefahaman	Hubungan ni kena ada persefahaman di antara satu sama lain
Kepercayaan	Perlu percaya..kalau akak tak suka dia buat sesutatu yang tak elok pada akak, dan kakak nak dia tahu yang akak tak macam tu
Risiko kecurangan	Sekarang ini bukan setakat bujang dengan bujang, bujang dengan suami orang ,isteri orang pun banyak kan”

Deskripsi struktural

Sepanjang pengalaman berjauhan dengan insan tercinta dalam mengharungi liku-liku kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh, persefahaman dilihat sebagai satu respon kognitif yang sangat membantu kelangsungan hubungan. Ini kerana, kesediaan untuk memahami situasi yang terpaksa dilalui oleh pasangan masing-masing dalam memenuhi matlamat perkahwinan yang sebenar telah mendorong PK04 sentiasa menerima apa sahaja kekurangan dan kelebihan suami seadanya.

Persefahaman yang baik perlu disemai kerana dari persefahaman dapat mencambahkan benih kepercayaan antara pasangan. PK04 sangat bersyukur dikurnikan suami yang betul-betul memahami tugas beliau sebagai wanita

University of Malaya

bekerjaya yang terpaksa berkorban tenaga dan masa untuk menjalankan tanggungjawab menjaga ibubapa yang telah uzur. PK0 tidak menyangkal bahawa persefahaman sememangnya merupakan elemen yang penting dalam mengemudikan sebuah rumahtangga. Memandangkan tugas PK04 dan suami sebagai anggota polis, risiko waktu kerja yang tidak menentu menjadi salah satu cabaran untuk memupuk persefahaman antara kedua belah pihak.PK04:21:7 [014:014].

Bermula dari sikap saling memahami antara pasangan, maka tercetuslah kepercayaan dalam diri PK04 dan suami sepanjang tempoh perpisahan yang berlaku antara mereka. Bagi PK04, sesuatu bahtera perkahwinan perlu dikemudi dengan layar kepercayaan samada bagi pasangan yang tinggal serumah mahupun individu yang tinggal berasingan dengan pasangan seperti PK04.

Walaupun PK04 berpegang teguh kepada kepercayaan dan persefahaman yang tinggi dalam perhubungan yang terjalin, beliau tidak menyangkal tentang risiko perhubungan yang sedang dialuinya kini. Bagi PK04, kisah pasangan yang curang akibat jarak jauh adalah tidak asing didengar. Namun begitu, PK04 selalu mengingatkan suaminya untuk sentiasa memikirkan akan kebajikan anak tunggalnya setiap kali terdetik untuk melakukan sesuatu perkara yang tidak baik dalam perkahwinan mereka.

d) Dinamik perhubungan

Deskripsi tekstural

Dinamik perhubungan yang tercetus sememangnya menjadi topik perkongsian PK04 sepanjang temubual. Beberapa terma telah dikenalpasti bagi mewakili dinamik perhubungan iaitu (a) hubungan anak-ayah, (b) hubungan ibu-anak,

University of Malaya

(c) hubungan pengasuh-anak, dan (d) hubungan suami-isteri. Lembaran perkongsian mengenai terma yang terhasil telah diterjemahkan oleh kenyataan PK04 seperti dalam jadual 4.28 berikut:

Jadual 4.28: Dinamik Perhubungan PK04

Terma	Kenyataan
Hubungan ayah-anak	Rapat betul dengan ayah
Hubungan anak-ibu	Anak sebagai penguat akak
Hubungan suami-isteri	Hubungan tu tak pernah putus Jalinan perhubungan kita suami isteri lah,,jarak jauh
Hubungan pengasuh-anak	Anak pengasuh pun rapat dan dia manja dengan keluarga pengasuh

Deskripsi struktural

Ibarat "aur dengan tebing, bagai isi dengan kuku", pertautan yang rapat antara anak dan suami PK04 memang tidak dapat disangkal lagi. Meskipun jarang bersua muka, namun kasih sayang yang dicurahkan kepada anak tunggalnya membolehkan hubungan yang rapat dijalinkan. Oleh yang demikian, PK04 tidak pernah merasa tergugat atau tidak menghalang suaminya untuk menghabiskan masa sepenuhnya dengan anaknya memandangkan anaknya menanti saat-saat bersama sebagai satu keluarga yang lengkap.

Tidak dinafikan, kehadiran zuriat tunggal dalam keluarga PK04 membolehkan PK04 mencurah segala kasih sayang dan sepenuh perhatian kepada anak perempuannya itu. Ikatan semulajadi antara anak dan ibu menjadikan anak sebagai penguat diri dan PK04 sering berpesan kepada suami untuk memikirkan tentang anak apabila diri terdetik untuk melakukan perkara yang boleh menggugat keharmonian rumahtangga.

University of Malaya

Selain itu, perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK04 dan keluarganya turut memberi impak terhadap dinamik perhubungan antara suami isteri. Ini kerana PK04 tidak pernah menjadikan jarak sebagai penghalang untuk meluaskan jurang dalam jalinan perhubungan yang dibina. Peluahan ini diterjemahkan melalui pilihan Gambarajah 4.18 berikut:



Rajah 4.18: Dokumen Visual pilihan Peserta Kajian 04

Gambar kartun berpegang tangan seperti dalam Rajah 4.18 turut menjadi pilihan PK04 sebagai lambang realiti kehidupan yang dilalui oleh dirinya bersama suami. Garis putus-putus yang dilukis melambangkan ketiadaan suami PK04 yang terpisah akibat perkahwinan jarak jauh. Meskipun garis-garis putus itu adalah lambang ketiadaan suami, namun bagi PK04, itu semua adalah jarak fizikal semata-mata kerana PK04 sentiasa membayangkan suaminya sentiasa ada di sisinya.

Walaupun suami tiada di depan mata, bayangannya sentiasa ada dihati PK04 mengakui pasang surut dalam perhubungan menjadi suatu episod yang sangat menarik untuk lebih mengenali pasangan masing-masing. Adakalanya

University of Malaya

hati diterjah rasa kecil hati, merajuk, marah, namun dinamik perhubungan tetap dijaga rapi memandangkan PK04 akan membazirkan masa untuk membesarkan hal yang remeh kerana tempoh pertemuan merealisasikan sesuatu lebih menggembirakan adalah sangat terhad. PK04 turut menganggap perkahwinan yang dibina bersama suami sebagai satu ikatan persahabatan dimana tugas sebagai sahabat untuk menjadi pendengar setia, perangsang dan menyenangkan hati PK04.

Tidak ketinggalan, dinamik perhubungan yang baik antara anak PK04 dengan pengasuh memang jelas tergambar memandangkan hampir lapan tahun anaknya diasuh oleh pengasuhnya. Malah, anak-anak pengasuh dilihat sangat rapat kerana mereka banyak melakukan aktiviti secara berkeluarga temasuklah solat berjemaah, mengaji atau membuat kerja rumah bersama-sama. Tindakan pengasuh yang menjadikan anak PK04 sebagai peneman di rumah menyebabkan anak PK04 mendapat layanan yang sangat istimewa seperti anak kandungnya. Keakraban ini menyebabkan PK04 mengakui agak sukar mencari pengasuh yang sehebat beliau seandainya PK04 berpindah ke tempat lain.

e) Sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Ruang lingkup perkongsian PK04 mengenai pengalaman kelangsungan hidupnya banyak mengetengahkan terma-terma yang menjurus kepada sistem kekeluargaan. Terma-terma yang telah dikenalpasti adalah (a) pengurusan anak, (b) perkembangan psikologi anak, (c) peranan dan tanggungjawab, (d) peraturan, (e) rutin harian, dan (f) pandangan kolektif mengenai keluarga. Pendedahan yang menyokong kemunculan terma di atas dapat dilihat dalam kenyataan PK04 seperti dalam Jadual 4.29.

University of Malaya

Jadual 4.29: Sistem kekeluargaan PK04

Terma	Kenyataan
Pengurusan anak	Seharian kerja, balik menghadap karenah anak homework dia, memang terkejar-kejar
Perkembangan anak	Selalu pesan dengan anak, ayah wawa kerja jauh, wawa kena faham situasi kita tak sama dengan orang lain
Peranan dan tanggungjawab	Tugas sebagai seorang isteri pun dah banyak, peranan sebagai anak,isteri seorang wanita berkerjaya, kadang kala tak terkejar
Peraturan	Selalunya kalau dah plan nak balik kampung, akak akan tetapkan giliran
	Setahun akan plan 2 kali cuti untuk family
Rutin harian	Tiada masa..terkejar-kejar nak masak kemas , gosok baju, esok nak buat rutin yang sama
Pandangan kolektif	Mana sempurna kehidupan kamu ni, seorang ke hulu, seorang ke hilir!!

Deskripsi struktural

Percaturan hidup berumahtangga secara berasingan sememangnya menjadi satu cabaran buat PK04 khususnya aspek pengurusan anak di mana PK04 mengakui kerjayanya sebagai anggota polis yang banyak bertugas lebih masa menyebabkan dirinya terkejar-kejar mengurus anak. PK04 tidak mahu mengabaikan aspek pendidikan dan selalu menyemak kerja rumah anaknya bagi memastikan anaknya tidak malas dalam pelajaran sekaligus membuktikan bahawa PK04 sangat prihatin akan soal pendidikan anaknya.

Pada masa yang sama, kekangan waktu bersama dalam keluarga PK04 menyebabkan PK04 selalu memujuk anaknya supaya bersikap matang dan memainkan peranan memandangkan kehidupan mereka tidak sama seperti pasangan yang lain. Liku-liku kehidupan yang dilalui oleh PK04 suami dan anaknya telah banyak memberi kesan kepada perkembangan psikologi anak

University of Malaya

tunggalnya kerana anaknya akan mudah berkecil hati atas perkara kecil yang melibatkan ayahnya. PK04 mengakui meskipun anaknya kelihatan tidak bersikap kebudak-budakan walaupun dirinya seorang anak tunggal, anaknya tidak dapat lari dari mempamerkan respon emosi seperti merajuk dan menangis khususnya apabila suami PK04 gagal menunaikan janji untuk pulang ke rumah akibat kekangan tugasan yang mengejut.

Sistem kekeluargaan yang menjurus kepada peranan dan tanggungjawab menjadi perkongsian yang tidak kurang penting dalam kehidupan PK04. PK04 sangat beruntung kerana suaminya tidak melepaskan tanggungjawab secara total kepada PK04 kerana suaminya akan mengambil alih semua tanggungjawab pengurusan rumahtangga seperti memasak, menguruskan anak, membasuh, mengemas rumah apabila suaminya pulang ke rumah. Keistimewaan yang diberikan kepada PK04 semasa keberadaan suaminya tidak menyebabkan PK04 alpa dengan tanggungjawab dan peranan hakiki yang perlu dilaksanakan. PK04 meluahkan bahawa suaminya bertindak demikian kerana memahami komitmen PK04 yang terpaksa membahagi-bahagikan peranan sebagai seorang isteri, anak yang menjaga ibubapa yang uzur, isteri dan wanita bekerjaya yang kadangkala mampu mengundang konflik peranan dalam diri PK04. Justeru proses kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK04 dan pasangan memerlukan perkongsian peranan dan tanggungjawab samada perkongsian masa, tenaga, dan wang ringgit. Meskipun aspek perkongsian ini mungkin remeh bagi pasangan yang lain, namun PK04 mengakui bahawa perkongsian ini menyumbangkan kepentingan yang agak besar khususnya dalam perkahwinan jarak jauh kerana jarak yang terpisah menuntut pasangan untuk lebih bertolak ansur dari segi masa, wang ringgit memandangkan ia melibatkan perbelanjaan dua isi rumah, kos pengangkutan, bil-bil dan perbelanjaan untuk

University of Malaya

ibu bapa di kampung. PK04:21:18 [024:024].. PK04:21:3 [008:008], 21:4 [008:008]. Memandangkan PK04 dan suami masing-masing berkerjaya, PK04 tidak pernah berkira dalam berkongsi kewangan dengan suami khususnya untuk kepentingan keluarga dan keluarga suami PK04.

Berikutan konflik peranan yang dilalui oleh PK04 dan suami, memaksa mereka untuk menetapkan beberapa peraturan dalam keluarga agar pengurusan rumahtangga dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. PK04 meluahkan bahawa dirinya dan suami akan menetapkan giliran untuk pulang ke kampung kerana sedar akan limitasi jadual kerja dan cuti yang tidak menentu. Bagi PK04 yang telah 10 tahun menjalani kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, PK04 tidak menjadikan jarak itu sebagai alasan untuk menjarakkan hubungan. Bagi memastikan jalinan ukhwah ini dapat direalisasikan dengan baik, PK04 akan bertukar-tukar giliran pulang ke kampung bersama suami untuk memenuhi semua aktiviti keluarga seperti kenduri, hari keluarga, hari raya dan keraian yang lain memandangkan PK04 dan suami agak sukar mendapat cuti khusus yang sama. PK04:21:21 [028:028]. Malah, PK04 dan suami akan memastikan rancangan 2 kali percutian dalam setahun khusus untuk keluarganya akan terlaksana. Cuti yang dipohon adalah untuk membawa anak berjalan-jalan walaupun tidak memakan masa berhari-hari.

Selain itu, PK04 turut mengakui bahawa rutin harian seperti memasak, mengemas, menggosok baju ditambah pula dengan pengurusan anak menyebabkan dirinya amat bersyukur dikurniakan suami yang pandai mengurus diri sendiri kerana ia memudahkan PK04 menyelaras rutin harian khususnya apabila suami PK04 berada di rumah.

Akhirnya, kehidupan hidup berasingan yang dilalui oleh PK04 dan suami ternyata tidak dipersetujui oleh ibubapa PK04 dan suami ternyata tidak dipersetujui oleh ibubapa PK04 memandangkan ibunya risau akan risiko perkahwinan jarak jauh. Malahan, usikan sinis dan pandangan masyarakat tentang kehidupan tidak sempurna yang dilalui oleh PK04 tidak menjadikan PK04 melatah sebaliknya menguatkan semangat PK04 untuk membuktikan bahawa kehidupan yang bahagia. Tidak dapat dinafikan bahawa perhubungan jarak jauh mengundang 'jurang' sebagaimana yang diluahkan oleh PK04 Bagi PK04 kehidupannya yang tidak normal seperti keluarga lain menyukarkan dirinya untuk mendapatkan masa yang benar-benar berkualiti untuk melakukan aktiviti bersama suami dan anak sebagai sebuah keluarga yang lengkap. Walaupun begitu, PK04 sentiasa berusaha untuk mencuri masa agar isu jurang ini dapat diatasi dengan baik dan berkesan.PK04:21:15 [022:022], 21:16 [022:022], 21:17 [022:022].

f) Sumber sokongan

Deskripsi tekstural

PK04 mengaitkan sumber sokongan yang diperolehi banyak menyumbang dalam kelangsungan perhubungan jarak jauh yang sedang dialami oleh PK04 dan pasangannya. Pendedahan mengenai sokongan yang diperolehi merangkumi (a) pengasuh, (b) suami, (c) majikan dan rakan sekerja. Topik perbincangan mengenai bentuk sokongan telah dinyatakan oleh PK04 melalui kenyataan yang dapat dilihat dalam Jadual .4.30.

Jadual 4.30: Sumber Sokongan PK04

Terma	Kenyataan
Pengasuh	Dia punya pengasuh banyak main peranan, mengaji pun dekat rumah dia..memang dia jaga anak akak seorang sahaja
Sokongan suami	Walaupun jauh, sokongan suami tu tak pernah kurang
Majikan dan rakan sekerja	Alhamdulillah dikurniakan kawan-kawan yang baik, sanggup ganti dengan akak bila dapat duty rooster
Kejiranan	Macam jiran kan, diorang tahu kalau kakak sorang, boleh minta tolong

Deskripsi struktural

Lembaran kisah kehidupan kelangsungan hidup PK04 banyak dibantu oleh pengasuh yang menjadi penguat PK04. Memandangkan pengasuh anak PK04 hanya menjaga anak PK04 kerana niatnya untuk menjadikan anaknya sebagai peneman di rumah, tumpuan sepenuhnya ke atas penjagaan anak tunggalnya amat meringankan tugas PK04.

Selain daripada mengasuh anak PK04, pengasuhnya turut mengajar anaknya mengaji di rumah. PK04 amat bersyukur kerana anaknya akan menyiapkan semua kerja sekolah sementara menunggu PK04 menjemputnya pulang selepas selesai tugas di pejabat. PK04 turut mengakui aktiviti solat berjemaah yang sering dilakukan oleh anaknya semasa di rumah pengasuh telah diaplikasikan di rumah oleh anaknya menjadikan PK04 sangat-sangat menghargai pengorbanan dan inisiatif yang telah ditonjolkan oleh pengasuh di samping menjaga hubungan yang baik dengan pengasuh yang banyak membantu dirinya.

University of Malaya

Selain bantuan pengasuh, sokongan dari suami tercinta menjadi tulang belakang kepada PK04. Sebagai individu yang berdepan dengan kekangan kerjaya yang tidak menentu, sokongan yang dihulurkan oleh suami PK04 khususnya dalam merancang perbelanjaan keluarga. Meskipun PK04 memiliki gaji sendiri, suami PK04 tidak pernah mengambil kesempatan dan membiarkan PK04 membelanjakan wang untuk urusan rumah tangga mereka sebaliknya turut membantu membiayai semua urusan pembayaran bil rumah, perbelanjaan pendidikan anak malah turut membantu menghulurkan bantuan kewangan untuk pengurusan dan penjagaan ibubapa PK04 yang telah uzur dan mengalami masalah kesihatan.

Selain itu, bahang semangat yang membara dalam diri PK04 untuk perjuangan sebagai individu dalam perkahwinan jarak jauh turut disokong oleh majikan dan rakan sekerja yang sangat memahami situasi PK04. Setiap kali PK04 diberikan jadual tugas untuk menjalankan operasi di jalan raya, serbuan atau memegang jawatan yang memaksa dirinya bekerja pada hujung minggu, rakan sekerja akan bertukar dan untuk bersedia menggantikan PK04 secara sukarela. Ini kerana rakan sekerja dan majikan sedia maklum dengan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh PK04 untuk mencapai kualiti masa dengan keluarganya. Sebagai seorang pekerja yang mementingkan aspek profesionalisme, pertukaran jadual tugasan dengan rakan sekerja dilihat sangat membantu dalam mengekalkan momentum prestasi kerja meskipun dikekang dengan isu dan cabaran dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang di alami oleh PK04.

Tidak ketinggalan, sokongan dari persekitaran seperti kejiranan turut menjana kekuatan dalam diri PK04 sepanjang proses kelangsungan hidup yang dilalui olehnya. PK04 berkongsi pengalaman bahawa sikap jiran yang sangat

University of Malaya

mudah menghulurkan bantuan khususnya apabila menyedari bahawa PK04 bersendirian mengurus anaknya tanpa suami untuk menjaganya setiap masa telah memberi ruang kepada PK04 untuk menghembus nafas lega apabila berdepan saat-saat kecemasan yang memerlukan pertolongan segera.

g) Mekanisma Kelangsungan

Deskripsi tekstural

Sepanjang perkongsian pengalaman hidup PK04, beliau mengutarakan beberapa aspek mengenai alternatif yang telah diaplikasikan bagi menjana kelangsungan pekahwinan jarak jauh yang sedang dialaminya kini. Antara pendekatan yang diaplikasikan termasuklah penggunaan teknologi, buku-buku dan rancangan motivasi, aktiviti reakreasi, penekanan spiritual. Elemen yang difokuskan telah diutarakan melalui kenyatan PK04 dalam Jadual 4.31 seperti berikut:

Jadual 4.31: Mekanisma Kelangsungan Hidup PK04

Terma	**Kenyataan**
Teknologi	Teknologi dah canggih kan, dah ada wechat, video call, semua kita guna pakailah
Buku/rancangan motivasi	Betulkan kekhilafan dan cari ilmu melalui buku-buku dan dengar rancangan-rancangan motivasi di televisyen atau radio
Aktiviti rekreasi	Suami tak pernah lupa tarikh-tarikh penting untuk *celebrate*
Penekanan spiritual	Sesibuk mana pun akak, solat jangan tinggal, doalah untuk tetapkan iman Sentiasa berpegang kepada agama

University of Malaya

Deskripsi struktural

Kesedaran tentang kepentingan penggunaan teknologi telah mendorong PK04 untuk mengoptimumkan penggunaan telefon, untuk memaklumkan segala perkembangan harian dirinya dan anak melalui sms, wechat, facebook, panggilan video agar dapat memastikan perhubungan yang terjalin tidak dijurangkan oleh jarak fizikal. PK04 turut memberikan anaknya telefon untuk mengetahui perkembangan anaknya pada masa yang sama dan anaknya boleh melaporkan aktiviti kepada ayahnya.

Memandangkan jarak yang memisahkan perhubungan antara PK04, suami dan anaknya, maka perbualan menjadi alternatif bagi PK04 untuk mendapatkan kedekatan jarak emosi dengan suami dan anak-anaknya. Walaupun PK04 menyedari bahawa perbualan kerap setiap hari antara suaminya dan anak-anaknya yang berusia lapan tahun di telefon menyebabkan kos bil meningkat, ia terpulang kepada PK04 dan suami untuk mengurus perbelanjaan dan pengorbanan yang harus dilakukan demi menjaga perhubungan ayah dan anak mahupun perhubungan antara suami isteri. PK04:21:12 [018:018].

Pada masa yang sama, PK04 turut mengakui kekhilafan dirinya dalam mengharungi cabaran berjauhan dengan suami dan bersendirian menguruskan anak-anak menyebabkan dirinya amat memerlukan sumber motivasi yang mampu diperoleh daripada buku-buku motivasi yang mampu diperoleh daripada buku-buku motivasi, rancangan motivasi seperti di televisyen mahupun di radio dan peningkatan semangat untuk terus berjuang adalah dari usaha kita yang sentiasa rajin untuk memperbaiki diri.

Tidak ketinggalan, PK04 menjadikan aktiviti riadah termasuk majlis keraian hari-hari penting sebagai satu platform untuk memastikan agar hubungan

University of Malaya

kekeluargaan tidak hambar. Walaupun PK04 dan suami tidak dapat meraikan hari-hari istimewa tepat pada waktunya, mereka akan memastikan ia disambut lebih awal atau memilih satu tarikh yang sesuai dengan kelapangan masa dan cuti sekolah anaknya. Bagi PK04, penghargaan itu bukan sekadar dari majlis yang diraikan, tetapi pemberian kad sudah memadai untuk mencetus rasa terharu dihati PK04 dan suami. PK04 turut percaya bahawa penglibatan ahli keluarga dalam sekecil-kecil aktiviti seperti membasuh kereta, membeli barang keperluan bersama-sama, mampu menjana ikatan kasih sayang yang utuh.

Di samping itu, aspek spiritual tidak terkecuali dari menjadi topik perbincangan serius dan sangat penting sepanjang proses kelangsungan hidup PK04. Bagi PK04, pemahaman yang jelas tentang matlamat perkahwinan berlandaskan syariat Islam sentiasa menjadi benteng pertahanan diri PK04 dan keluarga. Setiap kali menelefon suami dan anaknya, PK04 sentiasa berpesan agar tidak meninggalkan solat kerana kealpaan tentang solat akan mengundang masalah dalam rumahtangga.

Malah, kekuatan doa sebagai salah satu senjata ampuh bagi seorang umat islam di gunakan sebaik mungkin oleh PK04 dalam membina kekuatan diri menghadapi ujian sepanjang berjauhan dengan pasangannya, kepayahan yang dilalui oleh orang sekeliling dalam mengharungi ujian rumahtangga menyebabkan PK04 sentiasa bersyukur kerana tidak diuji dengan ujian yang lebih hebat berbanding orang lain.

h)Pembangunan resiliens

Deskripsi tekstural

Jurnal perjalanan hidup PK04 dalam mengharungi detik-detik perkahwinan jarak jauh telah membawa kepada perkembangan resiliens dalam dirinya. Skop

University of Malaya

pembangunan resiliens yang menjadi perkongsian PK04 telah dikaitkan dengan beberapa aspek termasuklah (a) perkembangan autonomi, (b) personaliti positif, (c) optimistik, (d) jati diri, dan (e) berdikari. Terma yang diklasifikasikan ini telah disokong oleh perkongsian PK04 dalam Jadual 4.32 seperti berikut:

Jadual 4.32: Pembentukan Resiliens PK04

Terma	**Kenyataan**
Autonomi	Masing-masing ada kebebasan asalkan tahu batas
Personaliti positif	Akak akan membawa nama baik suami bersama-sama akak walaupun suami jauh
Optimis	Kena sentiasa optimis lihat ujian itu.. kalau dah tanam fikiran negatif, semuanya akan negatiflah
Jati diri	Bila dah ambil keputusan berjauhan, secara tak langsung, jati diri kena tinggi , kena kuat
Berdikari	Walaupun ada suami, kita kena buat semua benda sendiri, kalau apa-apa terjadi pun, kita boleh pertahankan diri kita sendiri

Deskripsi struktural

Konsep autonomi yang terhasil dari perkembangan proses kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK04 menjadi topik perkongsian yang sangat signifikan bagi PK04. Tempoh perpisahan dan pertemuan yang dialami membolehkan mereka memiliki autonomi dalam menjalani kehidupan sebagai suami isteri. PK04 menganggap autonomi yang diberikan kepada suami ataupun yang diperolehi tidak dijadikan tiket untuknya bertindak sewenang-wenangnya.

University of Malaya

Setiap kali suaminya pulang ke rumah, PK04 tidak menghalang suami untuk pergi menemui rakan-rakan meskipun PK04 menyedari bahawa masa yang suntuk harus dioptimumkan keluarga. Pada masa yang sama, kebebasan yang diberikan oleh PK04 membolehkan PK04 menjalankan hak sebagai seorang pegawai polis yang sememangnya perlu berinteraksi dengan ramai orang termasuk yang berlainan jantina.

Penyerahan autonomi oleh PK04 dan suami sepanjang tempoh perkahwinan jarak jauh membolehkan perkembangan personaliti yang positif dapat dihasilkan. Malah, PK04 mengakui bahawa kelangsungan hidup berasingan yang di alami dan suami turut disumbangkan oleh personaliti positif yang terbentuk dari kedua-dua belah pihak.

Buktinya, tindakan PK04 dan suami untuk menjaga nama baik pasangan masing-masing membolehkan mereka menghadkan batas pergaulan dengan orang sekeliling. Pada masa yang sama, perbezaan personaliti antara kedua pasangan kadangkala tidak menghalang kemesraan dalam perhubungan yang tercipta. Contohnya, sikap tidak romantik suami PK04 bukanlah satu kekurangan bagi PK04 sebaliknya sikap keprihatinan yang ditunjukkan oleh suami menutup kelemahan yang ada dalam usaha memastikan kebahagiaan keluarga dapat dicapai walaupun dibatasi dengan jarak fizikal.

Penerokaan pengalaman PK04 diimplimentasikan melalui interpretasi makna frasa ‘PJJ’ yang telah menjadi perkongsian peribadi PK04 untuk menggambarkan pengalamannya secara holistik. PK04 menjelaskan mengenai frasa ‘P’ yang merangkumi aspek perangai yang memberi makna tentang keperibadian yang perlu ada kepada suami isteri yang mencerminkan pasangan kita. Bagi PK04, kedua-dua belah pihak kena bijak untuk mempamerkan

University of Malaya

perangai dan watak sebagai seorang ibu, ayah, isteri mahupun suami dan menantu atau anak dalam keluarga. PK04:21:1 [006:006]).

Tidak ketinggalan, sikap optimistik yang terhasil daripada pengalaman kelangsungan hidup membuatkan PK04 sentiasa melihat segala ujian ini dari sudut positif. Ini kerana, apabila PK04 mula meletakkan pemikiran negatif, maka setiap tindak tanduk yang dipamerkan bersifat negatif sehingga mengundang sesuatu yang tidak sihat dalam perhubungan. Bagi PK04, keputusan mengharungi hidup berasingan demi menjaga keluarga yang uzur ditambah dengan kekangan kerjaya yang tidak tetap di sesuatu tempat menyebabkan PK04 sentiasa positif apabila mengenangkan segala kesulitan yang dilalui tidaklah sehebat mana jika dibandingkan dengan orang lain.

Sikap optimis itu menjadikan PK04 seorang yang kuat menepis tohmahan negatif yang sering mencabar kesabaran PK04 . PK04 sedar bahawa tidak semua boleh merasai pengalaman bersendirian menguruskan anak sehingga sering dianggap sebagai ibu tunggal oleh sesetengah pihak yang tidak mengetahui status sebenar PK04. Namun, asam garam dalam kehidupan berjauhan yang dialami oleh PK04 sedikit sebanyak melatih diri PK04 menjadi insan yang berjati diri dan tidak mudah goyah.

Pada masa yang sama, ketiadaan suami mendorong PK04 menjadi seorang yang sangat berdikari memandangkan dirinya berseorangan mengurus anak dan rumahtangga. PK04 akan memastikan senarai nama pihak yang bertanggungjawab seperti tukang paip, mekanik sentiasa dalam ingatan kerana dapat menggunakan perkhidmatan mereka pada waktu-waktu kecemasan.

University of Malaya

4.7.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 5 (PK05)

Peserta kajian 05 merupakan seorang jurutol, berusia 38 tahun dan telah mendirikan rumahtangga selama 15 tahun dan dikurniakan empat orang cahaya mata. Kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK05 bermula seawal perkahwinan PK05 sejak 15 tahun yang lalu. Ini kerana suami PK05 berusia 46 tahun yang merupakan seorang juruteknik elektrik menuntut suaminya untuk memberikan perkhidmatan di kawasan-kawasan yang tidak statik. Pada awal perkahwinan PK05 dengan suaminya, kehidupan berjauhan hanyalah bersifat dalam negara. Namun semenjak PK05 melahirkan anak yang ke-4, suaminya ditawarkan bekerja di luar Negara. Meskipun terpaksa berjauhan selama 15 tahun menguruskan anak-anak seorang diri, PK05 akur dengan kehidupan yang dilalui, memandangkan PK05 sedia maklum dengan prospek kerjaya suaminya yang terpaksa berdepan dengan risiko pertukaran tempat kerja. Perkongsian mengenai kerjaya suaminya diutarakan dalam kenyataannya:

> Suami kerja bahagian elektrik, macam *supply power* kan, jadi kadang-kadang dia dapat tempat yang jauh..memang paling dekat dulu pun kat Putrajaya.. masa itu putrajaya baru nak buat tu kan, dia kena *supply power* kat seluruh Putrajaya, lepas Putrajaya tu last dia dekat..lepas tu dia dah pergi Luar Negara. (PK05/T1 (77-82).

Bermula seawal perkahwinan PK05 pada tahun 1998 yang menjadi detik genting kepada kegawatan ekonomi memaksa PK05 memilih kehidupan tinggal berjauhan akibat kos sara hidup yang perlu dipenuhi. Keputusan ini diambil berdasarkan kenyataan PK05:

> Sebab kerja dia dah memang macam tu, lagipun dulu gawat kan.. masa gawat tu semua kerja diberhentikan, kiranya dalam Malaysia ni,..susahlah dah tiada kerja kan, pada masa tu banyak projek construction kan, stop..tak boleh dijalankan, kerja takda, jadi bila dia dapat kerja tempat lain, pergi sahajalah (PK05/T1/(110-115).

Memandangkan PK05 bekerja di Kuala Lumpur, PK05 mengambil keputusan untuk menyewa di kawasan sekitar Kuala Lumpur dan semasa suaminya masih bekerja di dalam negara, suaminya akan pulang ke rumah sekali seminggu. Pada masa yang sama, PK05 menyewa di kawasan berdekatan dengan tempat kerja PK05 di Kuala Lumpur. Tindakan ini dikongsi dalam penyataan PK05:

> Masa awal kahwin dulu dia kerja dalam Negara lah, dulu masa dekat, seminggu sekali balik kan,oklah..akak memang duduk sini..duduk KL..sebelum ni akak sewa dekat taman cheras, taman bukit anggerik, lepas itu tak lama selepas 2 tahun, akak pindah sini..tapi masih dalam kawasan KL lah..sebabnya kakak kerja kat sini kan. (PK05/T1 (86-93).

Rentetan daripada perpindahan suami PK05 ke luar Negara kerana tuntutan kerjaya untuk menampung kos hidup yang tinggi di Kuala Lumpur, PK05 mengakui kehidupannya untuk menjadi wanita bekerjaya yang membesarkan anak-anak secara bersendirian merupakan satu cabaran yang besar, namun begitu, ia bukanlah satu masalah besar kerana baginya pengalaman kelangsungan hidup tinggal berjauhan dengan pasangan itu bergantung kepada persepsi masing-masing. Kekuatan itu diperolehi apabila pembantu rumah PK05 lari dan proses untuk mendapatkan pembantu rumah dilihat sangat rumit dan semakin mahal. Hal ini dikongsikan dengan kenyataannya:

> Masa dalam tempoh suami duduk dalam Malaysia ni tidaklah terasa sangat..sebab dua minggu sekali dia akan balik, …then, masa tu pun, masa kakak ada anak nombor 2, akak ada maid..so, takdalah takut sangat kita duduk dua beranak sahaja kan.so, maid tiada bermula anak akak yang nombor 3 umur setahun, dia balik indonesia, sejak tu akak ambil maid baru. lepastu macam – macam masalah,dia lari, kerja sebulan,lari, lepastu kakak memang dah tak ambil maid dah.. (PK05/T1(153-165)

University of Malaya

Kerana cabaran tersebut, PK05 terpaksa menjalankan tanggungjawabnya sebagai wanita bekerjaya di samping menguruskan rumahtangga secara sendirian kerana telah diberi kepercayaan sepenuhnya menguruskan urusan anak-anak, kewangan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, PK05 tidak merasakan pengalaman perkahwinan jarak jauh ini sebagai satu bebanan yang besar, kerana dari awal perkahwinan PK05 sendiri maklum bahawa suaminya lahir dari latar belakang budaya yang berbeza dengan dirinya.

Menyedari akan situasi tersebut, PK05 tetap meneruskan kehidupannya dengan penuh semangat tanpa terlalu memikirkan pandangan orang lain terhadap situasi dirinya yang mungkin tidak sempurna seperti pasangan berkahwin yang lain yang tinggal sebumbung membesarkan anak-anak. Ini kerana keputusan membiarkan suami jauh meninggalkan dirinya hingga ke luar Negara dilihat sesuatu yang agak berbaloi untuk memiliki kehidupan yang lebih selesa lantaran kos hidup yang semakin meningkat saban hari. Oleh yang demikian, PK05 telah menangguhkan hasrat untuk tinggal serumah dengan suami dan akan mempertimbangkannya apabila suaminya bersara kelak. Gambaran keseluruhan pengalaman PK05 dapat diselusuri melalui Rajah 4.19.

University of Malaya



Rajah 4.19: Struktutr pengalaman Siri 1 PK05

University of Malaya

4.7.2 Deskripsi Tekstural dan Struktural PK05

Sorotan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK05 telah memperlihatkan beberapa elemen utama sebagai tema perbincangan. Aspek perkongsian yang dimaksudkan adalah (a) reaksi afektif, (b) reaksi tingkahlaku, (c) reaksi kognitif, (d) dinamik perhubungan, (e) sistem kekeluargaan, (f) sumber sokongan, (g) mekanisma kelangsungan hidup, dan (h) pembangunan resiliens. Pemahaman secara menyeluruh mengenai deskripsi tekstural dan struktural PK05 dapat dijana melalui Rajah 4.20 seperti di bawah.



Rajah 4.20: Deskripsi Tekstural dan Struktural PK05

University of Malaya

a) Reaksi emosi

Deskripsi tekstural

Sepanjang perkongsian PK05, tidak banyak respon afektif yang ditonjolkan oleh beliau. Namun, kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh PK05 telah banyak memberi pemahaman mengenai tindak balas afektif yang berlaku sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan antara PK05 dan suami. Reaksi emosi yang ditonjolkan adalah seperti dalam Jadual 4.33 berikut:

Jadual 4.33: Reaksi Emosi PK05

Terma	**Kenyataan**
Stress	Stress itu memang ada
Teruja	Mereka memang excited kalau bapa mereka cakap nak balik
Rindu	Tipulah kalau tak rindu

Deskripsi struktural

Kesukaran menjalani kehidupan berjauhan dengan insan tersayang kadangkala mencetus tekanan di hati PK04. Tempoh perpisahan yang berlaku selama enam bulan sememangnya mampu membuatkan diri PK04 dibelenggu rasa tertekan mengurus anak seorang diri.Walaupun PK05 dan suami berhubung secara dalam talian setiap hari, PK05 mengakui ketiadaan suaminya secara maujud kadangkala membuatkan PK05 berhadapan tekanan yang agak tinggi khususnya pada tempoh anak-anaknya masih kecil. Namun begitu, perasaan itu, tidak dibiarkan berlarutan kerana PK05 sedar tindakan melayan perasaan itu akan mencetuskan pergaduhan.

Cerminan pengalaman perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK05 turut melahirkan rasa teruja di hati PK04 dan anak-anak.Memandangkan suami PK05 yang jarang pulang ke rumah, kepulangan suaminya membuatkan anak-

University of Malaya

anak sangat teruja kerana mereka dapat melepaskan rindu terhadap ayahnya, menerima hadiah atau cenderamata dari luar Negara dan merancang percutian seisi keluarga.

PK05 mengakui sangat menyukai lagu yang dinyanyikan oleh Dygta yang bertajuk 'kerna ku sayang kamu' .Tiap bait-bait kata dalam lagu itu menggambarkan 1001 rasa yang sukar diungkap dengan kata-kata. Bagi PK05, lagu tersebut sering diulang jika dirinya rindu akan suaminya dan berharap suatu hari nanti mereka akan bersatu kembali seperti pasangan yang lain. Bait-bait lagu tersebut boleh dihayati melalui Rajah 4.21 seperti berikut:

Lirik Lagu Karena Ku Sayang Kamu - Dygta

Seandainya kau ada di sini denganku
Mungkin ku tak sendiri
Bayanganmu yang selalu menemaniku
Hiasi malam sepiku
Ku ingin bersama dirimu

Ku tak akan pernah berpaling darimu
Walau kini kau jauh dariku
Kan s'lalu ku nanti
Karena ku sayang kamu

Hati ini selalu memanggil namamu
Dengarlah melatiku
Kuberjanji hanyalah untukmu cintaku
Tak kan pernah ada yang lain

Adakah rindu di hatimu
Seperti rindu yang ku rasa
Sanggupkah ku terus terlena
Tanpamu di sisiku
Ku kan selalu menantimu

Rajah 4.21: Lirik lagu 'Kerna ku Sayang Kamu'

University of Malaya

b) Reaksi tingkahlaku

Deskripsi tekstural

Respon tingkahlaku menjadi topik peluahan yang terlibat sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK05. Aspek yang merangkumi respon tingkahlaku termasuklah (a) soal selidik, (b) perancangan, (c) keintiman, (d) komunikasi, (e) pengorbanan, dan (f) penghargaan. Elemen yang telah diutarakan ternyata disokong oleh penyataan yang telah dikeluarkan oleh PK05 seperti yang tertera dalam Jadual 4.34 berikut:

Jadual 4.34: Reaksi Tingkahlaku PK05

Terma	**Kenyataan**
Soal selidik	Selalu checklah panggilan dia.. Tanya dengan siapa dia mesej
Komunikasi	Memang terus terang kalau nak bagitahu apa-apa yang terbuku dihati
Keintiman	Keintiman tu tiada masalah, lagipun tak sempat nak fikir anak dah ramai-ramai ni,tiada nak berkepit sanga
Perancangan	Kena planning apa yang kena buat dahulu”
Pengorbanan	Kena korban banyak benda untuk suami kerja jauh
Penghargaan	Menghargai penat lelah kita uruskan anak-anaknya

Deskripsi struktural

PK05 membuat pendedahan mengenai tindakannya untuk menyemak semua panggilan dalam telefon suami dan membuat sedikit soal selidik mengenai pesanan ringkas dalam telefon bimbit suaminya. Tindakannya ini bukanlah bukti dirinya tidak mempercayai suami, tetapi bertujuan untuk menguji respon pasangannya.

Memandangkan suami PK05 sukar diakses secara bersemuka dalam tempoh yang lama, maka PK05 akan menggunakan pendekatan untuk

University of Malaya

menggunakan komunikasi secara terus-terang agar beliau dapat menyampaikan segala maklumat dan membuat pendedahan secara terbuka dan lebih terus. Bagi PK05, walaupun peluahan tersebut kadangkala akan mengecilkan hati pasangan, tindakan melepaskan segala emosi dan kemahuan melalui sms akan dapat dibaca dan difahami dengan jelas oleh suami PK05 sekaligus dapat mengelakkan berlakunya salah faham.

Selain itu, tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku turut mengundang isu keintiman. Bagi PK05, seksualiti yang menjadi perdebatan sebilangan orang tidak dilihat sebagai satu isu yang sangat menganggu proses kehidupan rumahtangga yang dilalui oleh PK05 dan suaminya. Ini kerana PK05 telah terbiasa tinggal berjauhan dan hanya memberi tumpuan sepenuhnya terhadap anak-anak yang kian membesar. Justeru, PK05 perlu bijak mengendalikan isu keintiman memandangkan anak PK05 telah pun bakal mencecah lima orang.

Di samping mempertimbangkan mengenai aktiviti seksual, PK05 turut mengakui bahawa kitaran pertemuan dan perpisahan yang berlaku menuntut beliau membuat perancangan khususnya jadual rutin harian, semasa ketiadaan suami dan semasa suami berada di rumah. Walaupun PK05 menyedari bahawa jadualnya tidak banyak berubah, namun keadaannya yang sedang sarat mengandung sedikit menghadkan dirinya untuk bergerak pantas dalam menguruskan semua kerja seorang diri.

Tidak ketinggalan, aspek pengorbanan yang menjadi topik perkongsian menyaksikan tindakan PK05 yang merasakan bahawa keputusan untuk membenarkan suami pergi jauh untuk mencari rezeki menuntut pengorbanan yang besar dari sudut emosi dan tenaga dari kedua-dua belah pihak. Merujuk kepada aspek pengorbanan, PK05 mengakui ianya menjadi satu elemen yang

University of Malaya

perlu difahami oleh kedua-dua belah pihak iaitu pengorbanan suami bekerja di luar Negara demi mencari nafkah keluarga manakala pengorbanan isteri menjaga anak-anak bersendirian, terpaksa membuat keputusan sendiri secara mendadak untuk semua urusan rumahtangga sepanjang ketiadaan suami untuk tempoh masa yang lama. PK05:11:2 [012:012].

Memandangkan pengorbanan yang dipamerkan oleh PK05 dalam menguruskan rumahtangga dan membesarkan anak-anak merupakan satu pengorbanan yang besar, PK05 merasakan penghargaan dari pasangan menjadi satu bentuk keperluan emosi yang sangat diperlukan dalam memastikan PK05 terus komited menjalankan tanggungjawab sepanjang ketiadaan suami di sisi. Aspek penghargaan menjadi salah satu cara untuk memenuhi tuntutan emosi yang positif malah menjadi salah satu peneguhan untuk PK05 dan suaminya melaksanakan tanggungjawab dengan penuh bersungguh-sungguh. Bagi PK05 yang lebih bersifat berterus terang, PK05 lebih gemar mengutarakan hajat untuk membeli sesuatu barang secara langsung tanpa berkias-kias dengan suami lantaran karakter suaminya yang kurang mengerti isyarat kiasan. PK05:11:03[014:014]).

Walaupun PK05 mengakui bahawa gaji yang dimiliki oleh suami agak lumayan dan mampu memenuhi kehendak material PK05, namun PK05 lebih mengutamakan penghargaan dari sudut emosi. Penghargaan emosi yang dimaksudkan adalah meraikan hari tertentu jika suami pulang ke tanah air. PK05:11:06 [030:030], 11:07[030:030]. PK05 turut berkongsi dirinya merajuk beberapa hari gara-gara suaminya terlupa akan hari lahir PK05.

University of Malaya

c) Reaksi kognitif

Deskripsi tekstural

PK05 telah mempamerkan beberapa reaksi kognitif sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku antara dirinya dan suami. Reaksi kognitif yang telah dikenal pasti termasuklah (a) bimbang, (b) percaya, (c) setia, dan (d) persepsi. Terma-terma yang mewakili reaksi kognitif telah diutarakan melalui kenyataan PK05 seperti berikut:

Jadual 4.35: Reaksi Kognitif PK05

Terma	Kenyataan
Bimbang	Bimbang bila anak sakit semasa suami tiada di rumah
Percaya	Dia percaya kita, kita percaya dia
Setia	Jangan curang jangan main kayu tiga
Persepsi	*its not for everyone*
Risiko curang	Risiko curang tu memang wujud ditambah pula dia pergi Indonesia buat kerja

Deskripsi tekstural

PK05 berkongsi pengalaman mengenai kebimbangan dirinya apabila anaknya menangis akibat sakit khususnya semasa ketiadaan suami di rumah.PK04 mengadu bahawa anak keduanya sering menangis pada waktu malam.

Tidak ketinggalan, PK05 menyatakan bahawa kepercayaan menjadi benteng kukuh yang menjadi penguat diri sepanjang tempoh mereka berjauhan antara satu sama lain. Jarak yang terlalu jauh kadangkala boleh bersifat pengancam perhubungan yang membawa kepada kecurangan. Sikap saling mempercayai antara satu sama lain mendorong PK05 menepis usikan sinis orang sekeliling berkenaan pilihan hidup secara berasingan yang dilalui oleh PK05. Bagi PK05 kepercayaan yang dipegang bukanlah bersifat membabi buta tetapi perlu diselitkan dengan sedikit syak wasangka untuk mengingatkan PK05

University of Malaya

tentang sebarang risiko yang tidak terduga PK05:11:12 [048:048] tetapi syak wasangka yang berlebihan akan mengundang rasa tidak percaya, bosan dan suami berasa dirinya dikongkong. PK05:11:15 [054:054].

Selain bermodalkan kepercayaan yang tinggi, PK05 turut mempamerkan kesetiaan sebagaimana yang diterjemahkan dalam pemberian makna frasa 'PJJ' yang menjurus kepada 'jangan main kayu tiga' dan 'jangan curang'. Bagi PK05, jarak bukanlah alasan untuk curang kerana elemen kesetiaan perlu dalam diri pasangan yang tinggal sebumbung atau yang tinggal berasingan seperti PK05.

Tidak ketinggalan, PK05 meluahkan bahawa kepercayaan dan kesetiaan turut digugat syak wasangka yang kadangkala timbul di benak fikiran PK05. Bagi PK05, syakwasangka bukanlah untuk mengongkong dan mencemar kepercayaan suami tetapi sebagai langkah berjaga-jaga. Justeru, PK05 selalu menghubungi rakan-rakan suaminya untuk berpesan supaya memerhatikan gerak geri suaminya.

Selain itu, PK05 mengakui bahawa tempoh pertemuan-perpisahan yang dilalui oleh PK05 dan suami telah mencetus persepsi yang pelbagai dalam diri PK05 mahupun masyarakat sekeliling. Ini kerana PK05 mengganggap tidak semua mampu melalui kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh. Peluahan ini dizahirkan melalui pilihan Gambarajah 4.22 seperti berikut.



Rajah 4.22: Dokumen visual pilihan peserta kajian 05

Berpandukan Rajah 4.22 di atas, perkongsian mengenai persepsi peribadi mengenai kelangsungan hidupnya menjalani kehidupan perkahwinan jarak jauh dirangkumkan dalam satu gambarajah yang dipilih oleh PK05 sepanjang temubual dijalankan. PK05 tidak memilih gambarajah lain kerana bagi PK05, gambarajah yang dipilih olehnya menjelaskan kehidupannya secara keseluruhan. Ibarat 'alah bias tegal biasa', kehidupan perkahwinan jarak jauh menjadi satu fenomena yang tidak berlaku kepada semua orang. Bagi PK05, kehidupan yang dilaluinya selama 15 tahun menjadikan dirinya sebagai insan terpilih yang diuji dengan jarak fizikal yang terpisah. PK05:11:26 [144:144].

d) Dinamik hubungan

Deskripsi tekstural

Pendedahan mengenai pengalaman kelangsungan hidup PK05 mengetengahkan aspek dalam dinamik perhubungan seperti (a) hubungan anak-ayah, (b) hubungan anak-ibu, dan (c) hubungan suami isteri. Cetusan aspek ini telah disokong oleh kenyataan PK05 seperti dalam Jadual 4.36 berikut:

Jadual 4.36: Dinamik Perhubungan PK05

Terma	**Kenyataan**
Hubungan anak-ayah	Anak-anak rapat dengan ayah mereka
Hubungan Isteri-suami	Manfaatnya, sekali jumpa, rasa macam pengantin baru Jarang jumpa, jadi jarang gaduh
Hubungan anak-ibu	Anak tu kekuatan bagi akak"

Deskripsi struktural

Kekangan jarak yang membatasi pertemuan antara suami PK05 dan anaknya tidak menghalang perhubungan yang rapat antara mereka.Anak-anak kelihatan manja dan tidak kekok untuk bermesra dengan suami PK05 sepanjang keberadaan suaminya dirumah.

Lantaran perpisahan yang berlaku antara PK05 dan suami menyebabkan anak-anak PK05 sangat rapat dengan beliau dan keadaan ini menjadi senjata dan benteng yang ampuh seandainya berlaku sesuatu yang buruk dalam rumahtangga PK05. Bagi PK05, seandainya suami bertindak curang dan berniat untuk berpoligami PK05 akan menuntut hak untuk mendapat hak penjagaan untuk kesemua anaknya.

Merujuk kepada dinamik perhubungan antara PK05 dan suaminya, PK05 mengakui bahawa tempoh perpisahan yang dilalui olehnya mampu membuahkan perasaan ibarat pengantin baru di hati PK05 dan suami. Justeru, pepatah ‘sayangkan isteri tinggal-tinggalkan’ sememangnya amat sinonim dengan kehidupan yang dilalui oleh PK05 ketika ini.

PK05 turut mengakui kehidupan berjauhan dengan suami sebagai satu langkah untuk mengurangkan pergaduhan yang tercetus antara mereka.Ini kerana apabila suaminya berada di rumah suaminya kurang membantu PK05 kerana tidak biasa menguruskan kerja rumah. Sikap suaminya kadangkala mengundang rasa tidak selesa yang mungkin mencetus konflik dan pergaduhan.

University of Malaya

e) Sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Sepanjang perkongsian pengalaman Pk05, beliau telah banyak mengutarakan mengenai sistem keluarga yang mendasari tema penceritaan. Sistem kekeluargaan yang wujud hasil daripada rentetan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh boleh diklafikasikan sebagai (a) peranan, (b) pengurusan anak, (c) rutin harian, (d) peraturan, dan (e) pandangan kolektif dan telah disokong oleh kenyataan PK05 seperti dalan Jadual 4.37 berikut :

Jadual 4.37: Sistem Kekeluargaan PK05

Terma	**Kenyataan**
Peranan	Dia ada ke tak, memang akak yang buat kerja
Pengurusan anak	Takda masa nak ajar anak, jadi panggil guru tuisyen datang rumah
	Kak dah fikir macam mana nak uruskan kalau baby ni lahir
Pandangan kolektif	Orang tengok,mereka ingat akak janda anak 4
	Selalu orang tanya, sampai bila nak jauh dengan suami?
Rutin harian	Sejak takda maid, akak buat kerja rumah sendirian"
Peraturan	Kak dah bagitau peraturan keluarga, takkan bermadu
	Apa-apa keputusan kena dahulukan keluarga

Deskripsi struktural

Kehidupan berjauhan dengan suami serta bersendirian menjaga empat orang cahaya mata dalam keadaan yang sarat mengandung merupakan hakikat yang harus ditempuhi oleh PK05. Bagi PK05, situasi semasa suaminya berada di luar Negara dan ketika pulang ke tanah air dilihat tidak memberi banyak perubahan dalam peranan gender. Ini kerana PK05 memang akan membuat segala kerja di rumah dan sekali-sekala dibantu oleh suami PK05. Keadaan

University of Malaya

PK05 sebagai wanita bekerja di tambah pula dengan tanggungjawab sebagai ibu di rumah dan adakalanya sibuk membuat kek yang ditempah menjadikan dirinya kadangkala tidak menang tangan.

Oleh kerana telah biasa dengan kehidupan yang dilalui, PK05 mengakui ketiadaan suami disisi untuk menguruskan anak-anak tidak memberi impak yang terlalu besar kepada PK05.Menyorot kembali pengalaman membawa anak-anak yang sakit dan membuat pemeriksaan kesihatan anak di hospital secara bersendirian, PK05 mengakui pengurusan anak memang didominasi oleh kaum hawa yang bertindak sebagai pengurus rumahtangga.Walaupun tugas menguruskan anak tidaklah menjadi bebanan yang besar, PK05 mengakui dirinya terpaksa akur dengan kekangan memantau perkembangan pendidikan anak-anak. Menyedari akan limitasi tersebut, PK05 telah memanggil guru untuk memberikan perkhidmatan kelas tambahan untuk anaknya di rumah.

Tidak ketinggalan, kehidupan bersendirian menguruskan anak-anak tanpa bantuan suami menyebabkan PK05 sangat mengambil berat tentang rutin hariannya. Memandangkan PK05 tidak lagi dibantu oleh pembantu rumah, PK05 mengakui berlaku perubahan dari segi rutin harian dimana PK05 perlu menyiapkan semua kerja dirumah termasuk membasuh baju, mengemas rumah, menggosok baju pada tengah malam dan memasak sarapan dan makan tengahari sebelum bergegas ke tempat tertentu seperti menghantar anak ke sekolah, rumah pengasuh dan ke tempat kerja PK05.

Memandangkan kesukaran dan pengorbanan yang perlu dilakukan oleh PK05 dalam menguruskan rumahtangga, maka PK05 telah menetapkan peraturan dalam keluarganya. PK05 sangat mementingkan aspek ketepatan masa

University of Malaya

memandangkan kehidupan mereka dikekang oleh masa yang sangat terhad.Oleh sebab itu, PK05 tidak suka berlengah-lengah dan memastikan anak-anak dan suaminya menepati waktu apabila ingin keluar membeli-belah atau membuat sebarang aktiviti kekeluargaan diluar.

Pada masa yang sama, PK05 turut memberitahu suaminya agar sentiasa mendahulukan keluarga apabila membuat sebarang keputusan khususnya melibatkan aspek kewangan. PK05 meluahkan pengalaman suaminya yang memberi pinjam wang dengan jumlah yang agak besar kepada rakannya telah menimbulkan masalah kepada keluarganya lantaran tindakan rakan suami PK05 yang tidak melunaskan pinjaman itu. Selepas kejadian itu, PK05 telah menetapkan peraturan sedemikian untuk memastikan pengurusan rumahtangga dapat ditadbir dengan baik. Tidak ketinggalan, PK05 yang menyuarakan keputusan untuk tidak bermadu sebagai satu bentuk peraturan sedemikian adalah untuk mengingatkan suami PK05 tentang segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh PK05 sepanjang suaminya tiada disisi untuk membantu menguruskan anak-anak yang semakin membesar.

Akhirnya, pandangan kolektif yang sentiasa hadir dalam kehidupan PK05 menjadikan PK05 lali dan tidak mengambil serius dengan andaian orang sekeliling yang menganggap PK05 seorang janda yang memiliki anak yang ramai setiap kali keluar membawa anak-anak membeli belah di pasaraya. Pengalaman diajukan soalan sinis mengenai keputusan untuk tinggal berjauhan tidak pernah menggoyahkan hati PK05 untuk terus membuktikan bahawa dirinya mampu bahagia seperti orang yang tinggal sebumbung dengan pasangan masing-masing

f) Sumber sokongan

Deskripsi tekstural

Pendedahan mengenai pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK05 telah dimudahkan dengan sumber sokongan seperti (a) pembantu rumah, (b) adik-beradik, dan (c) kejiranan. Terma yang dikenalpasti telah disokong oleh kenyataan PK05 seperti dalam Jadual 4. 38:

Jadual 4.38: Sumber Sokongan PK05

Terma	**Kenyataan**
Pembantu rumah	Kalau dulu ada pembantu, takla rasa sunyi sangat Klau ada maid, taklah rasa tension
Adik-beradik	Kakak panggil adik tengokkan anak-anak
Kejiranan	Diorang kat sini ok, boleh minta tolong

Deskripsi struktural

Menyingkap kembali pengalaman kelangsungan hidup PK05, sumber sokongan oleh pembantu rumah ternyata banyak meringankan bebanan dari sudut menguruskan kerja rumah. Semasa keberadaan pembantu rumah, PK05 mengakui tidak mengalami tekanan yang hebat kerana tugas-tugas menguruskan kerja rumah telah dilaksanakan dengan baik. Pada masa yang sama, PK05 tidak terlalu sunyi kerana pembantu rumah turut menemani PK05 dan anak-anak untuk keluar rumah menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang .

Namun, setelah pembantu rumah PK05 lari dan melalui pengalaman pembantu rumah lari beberapa kali, PK05 tepaksa akur unuk membesarkan semua anaknya secara bersendirian. Bagi PK05, tidak semua pembantu rumah yang

University of Malaya

betul-betul berniat ikhlas untuk menjalankan tanggungjawab menjaga kebajikan rumah dan anak-anak PK05.

Tidak ketinggalan, ketika disapa waktu kecemasan, PK05 turut menggunakan adik-beradik yang tinggal berdekatan dengan tempat kediaman PK05 untuk menguruskan anak-anak PK05 apabila beliau terpaksa menghantar anaknya yang sakit ke hospital atau berlaku perkara-perkara di luar kawalan yang memerlukan pertolongan orang lain untuk menjaga anak-anaknya.

Selain itu, PK05 amat bersyukur kerana dikurniakan kejiranan yang sangat rajin membantu. Pernah suatu ketika anak PK05 menangis dengan teruk setiap hari pada waktu malam, terdapat jiran yang menawarkan diri untuk membuat air penawar kepada anaknya. Malah, PK05 tidak kekok untuk meninggalkan anak-anaknya dengan beberapa orang jiran yang rapat dengannya. PK05 percaya semangat kekitaan yang wujud dalam kawasan perumahan PK05 sangat membantu proses kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK05.

Ibarat "bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat", PK05 turut merasa dipunyai oleh masyarakat di kawasan perumahan tersebut kerana mereka sering melakukan aktiviti secara bergotong-royong. Secara tidak langsung, PK05 dapat membina jaringan sosial untuk memudahkan proses kelangsungan hidupnya kelak.

g) Mekanisma Kelangsungan

Deskripsi tekstural

Bagi memastikan kehidupan hidup berasingan lantaran perkahwinan jarak jauh dapat dilalui dengan jayanya, PK05 telah mengimplimentasi beberapa langkah-

University of Malaya

langkah kelangsungan sepanjang tempoh atau kitaran perkahwinan jarak jauh yang sedang dilalui oleh beliau. Mekanisma kelangsungan yang banyak dinyatakan oleh PK05 termasuklah (a) teknologi, (b) rekreasi, dan (c) spiritual. Setiap terma yang dikupas telah disokong oleh kenyataan dari PK05 seperti dalam Jadual 4.39 di bawah:

Jadual 4.39: Mekanisma kelangsungan PK05

Terma	Kenyataan
Teknologi	Sekarang zaman teknologi, selalu chating-chatingtiap-tiap hari online
Rekreasi	Kalau suami balik, kami akan pergi makan di luar.. pergi bercuti Celebrate hari bapa, kami buat kad
Spiritual	Tiap-tiap hari doa agar semua dipermudahkan

Deskripsi struktural

PK05 tidak menyangkal bahawa kelangsungan perhubungan dalam perkahwinan jarak jauh dijayakan oleh penggunaan teknologi yang memudahkan PK05 dan anak-anaknya berhubung secara dalam talian melalui skype, e-mail, whatsapp, mahupun facebook. Memandangkan mereka akan berada di talian setiap hari, suami PK05 dilihat seakan-akan wujud dan hadir secara maujud di dalam rumah tersebut. Justeru, anak-anak tidak pernah merasa ayah mereka jauh dengan mereka.

Walaupun tidak bercakap atau berbual sepanjang masa menerusi skype, suami PK05 dan anak menyampaikan segala perkembangan aktiviti harian dengan hanya membiarkan skype berada dalam mod aktif dan hanya berbual-bual dan menunjukkan aktiviti harian seperti menu makanan, kerja sekolah untuk menimbulkan suasana realistik seolah-olah suami PK05 turut berada di rumah bersama mereka.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, PK05 turut menjadikan aktiviti rekreasi sebagai satu elemen yang mampu menjana kejayaan perhubungan jarak jauh yang dialaminya kini. PK05 yang gemar bercuti akan dipertanggungjawabkan untuk menempah hotel, merancang aturcara dan menempah tiket kapal terbang setiap kali suami PK05 pulang ke tanah air. PK05 dan anak-anak turut teruja melakukan aktiviti seperti makan malam seisi keluarga di luar, perancangan untuk membeli barang-barang keperluan anak-anak khususnya fesyen anak-anak.

Bagi PK05, aktiviti sedemikian mampu mengikat kasih sayang antara ahli keluarga. Malah, aktiviti seperti membuat kad-kad untuk meraikan hari-hari penting seperti Hari Bapa, Hari Ibu, hari lahir, turut menjadi satu alternatif yang sangat berkesan dalam menjana kelangsungan perhubungan yang terpisah oleh jarak.

Akhirnya, PK05 tidak menolak kekuatan doa dan pegangan agama dalam menjadikan dirinya seorang individu yang tabah dan sentiasa dimudahkan segala urusan. Bagi PK05, doa yang tidak pernah putus dimohon menjadikan dirinya boleh menepis segala cabaran yang mendatang dalam pengurusan rumahtangga khususnya apabila anaknya diserang penyakit dan berlaku sebarang kecemasan.

h) Pembangunan Resiliens Diri

Deskripsi tekstural

Mengharungi kehidupan berjauhan dan insan tersayang telah membawa kepada pembangunan resiliens dalam diri PK05. Elemen tersebut termasuklah (a) opitimis, (b) berdikari, dan (c) autonomi. Setiap elemen yang di ketengahkan akan

University of Malaya

disokong oleh kenyataan yang di keluarkan oleh PK05 melalui Jadual 4.40 seperti berikut:

Jadual 4.40: Pembentukan resiliens PK05

Terma	Kenyataan
Optimis	Jangan terlampau fikir sahaja Kalau asyik cakap tak boleh, memang tak boleh lah
Berdikari	Lebih berdikari, semua benda urus sendiri
Autonomi	Memang suami akan bagi kepercayaaan penuh untuk uruskan rumahtangga, boleh bagi kad atm suruh simpan" Memang tak pernah kongkong suami

Deskripsi struktural

Sepanjang PK05 mengharungi ujian dalam perkahwinan jarak jauh, PK05 sentiasa meletakkan sesuatu perkara pahit itu sebagai satu cabaran dan bukan bebanan yang pasti mempunyai jalan penyelesaian. Bagi PK05, seandainya dia terlalu taksub memikirkan perkara remeh yang telah berlaku dan bakal berlaku, individu itu sebenarnya menyekat kemampuan diri untuk cuba menghadapi sesuatu isu itu dengan berani. Contohnya, PK05 tidak terlalu memikirkan sesuatu yang buruk tentang anaknya yang bakal lahir kerana seandainya minda telah mengatakan 'tidak boleh', maka semua tindakan kita menjadi negatif. Pemikiran negatif tentang sesuatu yang belum tentu terjadi sememangnya merosakkan segala perancangan untuk terus bertarung mengekalkan pehubungan jarak jauh ini.

Lantaran sikap optimis yang wujud dalam diri PK05, beliau dilihat lebih berdikari sejak awal-awal perkahwinan malah turut mengakui selesa menguruskan semua perkara seorang diri tanpa terlalu bergantung kepada suami.Tindakan untuk mengharapkan suami dilihat tidak wajar memandangkan kebergantungan yang tinggi terhadap pasangan menyebabkan diri terumbang-ambing apabila berlaku

University of Malaya

sesuatu yang tidak terduga kepada suami seperti kematian, kemalangan atau ditimpa sakit kronik.

Memandangkan sikap PK05 yang sangat berdikari, suaminya telah memberi sepenuhnya autonomi untuk menguruskan rumahtangga termasuklah menyuruh PK05 menyimpan kad ATM suaminya. Ini bermakna segala urusan pembayaran diberikan kepada PK05 untuk diuruskan.Walaupun tindakan suami memberi kad atm kepada PK05 dilihat agak janggal oleh rakan sekerjanya, namun autonomi yang diberikan oleh suami PK05 sangat memudahkan urusan PK05.

Memandangkan PK05 seorang yang tangkas bekerja dan kurang bergantung pada orang lain dalam menguruskan kehidupan harian dan rumahtangga, PK05 mengakui bahawa situasi ini membawa impak besar dalam pembentukan personaliti dan sikap optimisnya. Ini kerana tidak semua perempuan mampu memikul tanggungjawab untuk berjauhan dengan suami dalam tempoh yang lama dan bersendirian menguruskan rumahtangga seorang diri ditambah pula PK05 kini sedang sarat mengandung. Justeru, PK05 sentiasa berfikiran positif dan menganggap ujian yang menimpanya adalah bukti dirinya sebagai insan terpilih. PK05:11:34 [194:194].

4.8.1 S**truktur Pengalaman Siri 1 PK06**

PK06, seorang wanita berkerjaya berusia 26 tahun yang berasal dari Batu Pahat merupakan seorang pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi di Pahang dalam bidang kejuruteraan awam. Berbeza pula dengan suaminya yang bekerja di sebuah organisasi swasta di Selangor. PK06 terpaksa akur dengan kehidupannya sebagai seorang isteri dan ibu yang menjalani kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh.Sebagai seorang pensyarah di bawah tajaan universiti, PK06 terikat dengan polisi yang

University of Malaya

terkandung dalam kontrak. Memandangkan universiti PK06 memiliki banyak cawangan, maka PK06 telah ditempatkan di Pahang. Kekangan ini telah dikongsikan dalam peluahan beliau seperti berikut:

> Kalau UiTM under scholarship holder ni, dia punya terikat, since kita tahu branch dia banyak,dia akan hantar ke mana-mana brandch, so saya dihantar ke UiTM Pahang untuk kursus Kejurutearaan Awam, jadi bila habis belajar tu memang dah pregnant, Alhamdulillah habis belajar tu, nak deliver baby. (PK0/T1 [013:013])

Semasa PK06 melanjutkan pelajarannya di peringkat Sarjana, PK06 telah pun mendirikan rumahtangga dengan suami dan mengandung semasa mengikuti pengajian di akhir semester. Selepas tamat berpantang dan cuti bersalin selama tiga bulan, PK06 terus menjalankan perkhidmatan di UiTM Pahang memandangkan polisi institusi yang menetapkan syarat permohonan untuk membuat pertukaran selepas lima tahun berkhidmat. PK06 menangguhkan hasrat untuk membuat pertukaran setelah mempertimbangkan beberapa aspek. Pertimbangan PK06 dinyatakan dalam kenyataan PK06:

> UiTM punya polisi, 5 tahun berkhidmat baru boleh mohon untuk tukar ke apa, dalam masa 5 tahun tu, saya memang tak pernah memohon, rasa memang taknak memohon,sebab dia punya proses,dia akan menyusahkan.(PK06 /T1 [055:055])

Menyedari kekangan yang bakal membantutkan proses untuk PK06 tinggal serumah dengan pasangannya, PK06 telah mengambil beberapa inisiatif untuk memenuhi impian untuk tinggal serumah dengan suami dalam proses membesarkan anak-anaknya. Alternatifnya termasuklah menyambung pelajaran di peringkat PhD menggunakan sumber kewangan sendiri untuk mengelakkan diri terikat dengan mana-mana kontrak dari mana-mana universiti. Hasrat PK06 diutarakan dalam pernyataannya:

University of Malaya

> Jadi target saya, sambung belajar, saya taknak bonding lagi guna scholarship, funding duit sendiri lah, saya akan bebas buat keputusan kat mana saya nak pergi.. cadangnya di UKM..jadi bila tiada bonding ni, senang sedikit nak buat keputusan lepas ni kan..kalau macam UKM, UM kan..tak mungkin keputusan nak hantar mana-mana sebab mana ada kampus lain dah kan. (PK06/T1/[055:055])

Selain dari kekangan kerjaya PK06, keputusan untuk tinggal berjauhan antara PK06 dan suami diputuskan setelah mengambil kira aspek kerjaya suami PK06. Ini kerana PK06 dan suami merasakan peluang pekerjaan untuk bidang sains komputer tidak begitu luas di kawasan yang agak pedalaman seperti di tempat PK06. Peluahan PK06 dihuraikan dalam kenyataan:

> Dulu dia degree kat UPM ,bidang sains komputer..itu adalah sebab kenapa husband saya tak ke Jengka sebab kawasan tu, kawasan felda kan..kawasan rural area.. orang kata untuk kerjaya tu, takda lah untuk dia kat situ kan. (PK06/T1 [085:085])

Memandangkan PK06 menghadapi kesukaran untuk menguruskan anak secara bersendirian, maka suaminya mengambil inisiatif melanjutkan pelajaran dalam peringkat Sarjana dengan harapan dapat membuat permohonan untuk menjadi tenaga pengajar di institusi di mana PK06 bekerja. Malangnya, permohonan suami PK06 tidak berjaya kerana tidak memenuhi beberapa syarat kelayakan. Kekecewaan itu dikongsi dalam kenyataan:

> Walaupun ada Master, dia still tengok 1st dgree punya result kan, skit lagi nak meet the requirement lah..lepastu dia reject..frust juga masa tu, sebab kita dah letak harapan juga lah masa tu, husband nak mohon jawatan lecturer, bila dia dah tetapkan macam tu..,dia tak tengok industrial punya experience kan.. tak consider semua tu..masa tu frust juga lah. (PK06/T1/[085:085])

Berikutan daripada kekecewaan itu, PK06 dan suami akhirnya mengambil keputusan untuk tinggal berasingan demi tuntutan kerjaya masing-masing. Bagi PK06,

University of Malaya

biarlah dirinya berkorban untuk tempoh 5 tahun sebelum membuat apa-apa permohonan dan pada masa yang sama suami PK06 merancang untuk memohon biasiswa *Mybrain* untuk jawatan bukan kerajaan supaya dapat membuka peluang dan jalan sendiri untuk melayari bahtera perkahwinan mereka. Perancangan PK06 dinyatakan dalam pernyataan beliau:

> Kitorang punya rancangan adalah sambung study, pasa masa sama, husband saya pun nak sambung study juga, goverment kan ada bagi untuk bayar yuran..Mybrain tu kan, untuk yang bukan jawatan kerajaan, dia pun nak cuba yang itu,hopefully lepas 3 atau4 tahun, kita boleh pilihlah sendiri jalan yang kita nak pergi, tempat mana kita nak duduk. (PK06/T1 [089:089])

Ibarat 'alah bisa tegal biasa', PK06 mengakui bahawa kesabaran mengharungi kehidupan sebagai individu dalam perkahwinan jarak jauh selama 4 tahun pastinya ada batasnya. Justeru, PK06 tetap akan berusaha untuk memastikan agar impian untuk membina keluarga yang normal seperti orang lain akan tercapai. Keputusan PK06 dikongsikan dalam pernyataan:

> Kena kuatlah.. memang orang akan tanya sampai bila kan? Jadi kena cari jalan,tak boleh biarkan sahaja..sebabnya bukan apa, nanti orang tengok, eh! kita ni boleh ni, dia biar sahaja kita kan, so sampai satu tahap, sabar tu pun ada hadnya kan..sampai satu tahap kita rasa cukuplah..setiap orang mesti ada sebab dia sendiri..macam tu la, tapi dalam diam tak diam dah 4 tahun lebih, dah macam ni. (PK06/T1 [147:147])

Pengalaman yang dilalui oleh PK06 sehingga membawa dirinya menjadi wanita bekerjaya dan seorang ibu yang terpaksa mengharungi liku-liku kehidupan berjauhan dengan pasangan mencetus pelbagai reaksi .Secara keseluruhannya, pengalaman siri 1 yang didedahkan oleh PK06 dapat dirangkumkan dalam satu peta pengalaman yang boleh difahami melalui Rajah 4.23 seperti berikut:

University of Malaya



Rajah 4.23: Peta Pengalaman Siri 1 PK06

University of Malaya

4.8.2 Deskripsi tekstural dan struktural PK06

Penerokaan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK06 telah mengetengahkan beberapa elemen utama termasuklah (a) reaksi afektif, (b) reaksi tingkahlaku, (c) reaksi kognitif, (d) dinamik perhubungan, (e) sistem keluarga, (f) sistem sokongan, (g) mekanisma kelangsungan hidup dan, (h) pembangunan resiliens diri. Seterusnya setiap terma yang telah mewakili elemen utama disokong oleh kenyataan-kenyataan yang telah diluahkan oleh PK06. Pemahaman secara menyeluruh boleh diperoleh melalui Rajah 4.24 seperti berikut:



Rajah .4.24: Deksripsi Tekstural dan Struktural PK06

University of Malaya

a) Reaksi Afektif

Deskripsi tekstural

Sepanjang tempoh perpisahan PK04 dan suami selama enam tahun berkahwin, PK06 mengakui mengalami perasaan sedih dan stress. PK06 mengaitkan respon afektif ini dengan luahan kenyataan seperti yang tertera dalam Jadual 4.41 berikut:

Jadual 4.41: Reaksi emosi Peserta Kajian 06

Terma	Kenyataan
Sedih	Memang sangat sedihlah.
Stress	Kadang-kadang memang rasa stress ..*of course* Mengandung kali kedua ni, saya dipress sorang-sorang.

Deskripsi struktural

Tempoh perpisahan akibat mengejar tuntutan kerjaya menyebabkan PK06 berasa sedih mengenangkan nasibnya yang terpaksa ditempatkan di universiti yang jauh dengan suaminya. Tambahan pula, pengalaman pertama membesarkan anak yang masih berusia tiga bulan seorang diri meruntun rasa sedih di hati PK05 sehingga PK05 selalu menitiskan airmata mengenang nasibnya itu.

Rentetan itu, kesedihan yang melanda hati PK06 membawa kepada tekanan *(stress)* yang agak membebankan diri PK06. Penjagaan anak sulung yang masih bayi sangat menguji emosi PK06 kerana sejak bersalin, PK06 berpantang di rumah ibunya. Selepas 3 bulan berpantang, dirinya telah masuk bertugas dengan pengalaman baru menyebabkan dirinya seringkali berasa tertekan pada peringkat awal kerana suami tiada di sisi semasa PK06 memerlukannya.

Tidak ketinggalan, perasaan tertekan kerap muncul khususnya apabila PK06 mengandung anak keduanya. PK06 mengakui proses kehamilan yang

University of Malaya

kedua menyebabkan dirinya sering dilanda emosi marah yang tidak menentu tambahan pula mengenangkan dirinya berseorangan mengharungi saat kehamilan tanpa bantuan dari suami. Rentetan itu, kepayahan menguruskan anak-anak yang sedang membesar ditambah dengan bebanan kerja kadangkala menuntut emosi yang sukar dijangka. Maka, PK06 menggunakan suami sebagai *'punching bag'* untuk meluahkan segala yang terpendam untuk meluahkan segala emosi yang tidak stabil. PK06:45:5 [10:10].

b) **Reaksi tingkahlaku**

Deskripsi tekstural

PK06 terkecuali dari dari mempamerkan reaksi tingkahlaku sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang dialaminya. Terma seperti (a) perjumpaan, (b) keintiman, (c) perancangan, (d) kejujuran, (e) penantian, dan (f) risiko kecurangan, telah disokong oleh peluahan kenyataan PK06 seperti Jadual 4.42 di bawah :

Jadual 4.42: Reaksi Tingkahlaku PK06

Terma	**Kenyataan**
Kekerapan berjumpa	Anak akan tahu ayahnya akan pulang seminggu sekali"
Keintiman	Memang pernah jadi isu sebab kadangkala berjumpa masalah period pula Saya ambil cuti seminggu untuk fokus bab itu sahaja
Perancangan	Kena planning juga bila tinggal berjauhan ni
Penantian	Jenuh tunggu sampai bila nak macam ini?
Risiko curang	Jangan nakal, sebab boleh timbul kecurangan ke kan
Jujur	Kena jujur dengan Dia, dengan diri sendiri dan suami

University of Malaya

Deskriptif struktural

Memandangkan pertemuan secara bersemuka antara PK06, suami dan anak-anaknya pada setiap hari adalah mustahil, maka PK06 dan suami akan terlibat dalam proses ulang-alik dan kekerapan pertemuan akan berlaku sekali dalam seminggu. Menyedari kekangan tersebut, anak-anak PK06 memang sedia maklum akan masa ayah mereka akan pulang ataupun waktu mereka akan pergi ke tempat suami memandangkan PK06 telah pun membeli rumah di sana. Memandangkan jarak fizikal yang terpisah antara PK06 dan suami memaksa mereka mereka berjauhan di mata, tetapi tidak di hati. Bagi PK06, kekangan itu tidak mengahalang PK06 menjarakkan hubungan mereka kerana PK06 akan memastikan proses perjumpaan akan menghangatkan lagi hubungan keluarga PK06 meskipun menyedari bahawa perjumpaan tersebut tidaklah sekerap dan amat terbatas dengan waktu. PK06:45:7 [11:11], 45:8 [13:13].

Menyentuh soal keintiman, PK06 mengakui isu ini pernah menjadi topik yang agak merunsingkan dirinya tatkala dirinya didatangi haid. Ini kerana PK06 dan suaminya jarang berjumpa lantaran PK06 sering sibuk dengan aktiviti di universitinya. Maka untuk mengatasi masalah ini daripada terus menjadi isu parah, PK06 membuat keputusan untuk mengambil cuti selama seminggu selepas tamat tempoh haid untuk memberi fokus untuk memenuhi kehendak naluri suaminya.

Rentetan dari kekangan berjauhan dengan suami, PK06 perlu membuat pelbagai perancangan tidak kira dari sudut kewangan, pengurusan aktiviti bersama kelaurga malah tidak terkecuali merancang untuk mendapatkan zuriat memandangkan pengalaman melalui proses berpantang, membesarkan anak secara bersendirian amat menguji ketahanan PK06.

University of Malaya

Sebagaimana peserta kajian yang lain, PK06 tidak pernah berhenti berharap untuk tinggal sebumbung dengan suami dan anak-anaknya. Justeru, luahan mengenainya dikongsi melalui frasa ‘jenuh’ yang mewakili huruf ‘J’ (Rajah 4. 25) yang menjadi satu impian yang terbesar PK06 untuk menjalankan kehidupan normal seperti pasangan yang lain. PK06:45:15 [15:15].

Memandangkan PK06 dan suami tidak dapat diakses secara maujud setiap hari, maka risiko kecurangan mungkin tidak boleh dipandang remeh. Maka, PK06 telah menzahirkan tindakan dirinya dan suami sebagaimana yang tercoret dalam rajah 4.25 seperti berikut:



Rajah 4.25: Terjemahan Makna P.J.J PK06

Berlandaskan terjemahan frasa PJJ yang dizahirkan oleh PK06, beliau mengingatkan dirinya dan suami agar ‘jangan nakal’ dan ‘jangan lupa’, dan

‘jaga hati’ yang mewakili huruf ‘J’ di mana PK06 mengakui bahawa dirinya dan suami akan sentiasa berpesan-pesan mengenai perkara yang perlu dilakukan dan dielakkan.

Akhirnya, PK06 menganggap bahawa pengalaman sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mengajar dirinya menjaga diri dan menjadi insan yang jujur. Konsep ‘jujur’ dan ‘jaga diri’ yang mewakili huruf ‘J’ yang seterusnya memiliki konsep yang luas kerana PK06 mengakui bahawa apabila kita menjaga diri dan jujur dalam hubungan dengan Allah dan manusia, menjaga kehormatan diri, semuanya akan selamat dan urusan menjadi mudah. PK06:45:12 [25:25], 45:13 [25:25], 45:17 [25:25]

c) Reaksi kognitif

Deskripsi Tekstural

Ruang lingkup pendedahan kisah PK06 yang menjurus kepada reaksi kognitif sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang dialaminya merangkumi terma-terma seperti (a) bimbang, (b) kepercayaan, (c) persepsi, dan (d) cemburu. Setiap terma telah disokong oleh peluahan kenyataan PK06 seperti Jadual 4.43 berikut:

Jadual 4.43: Reaksi Kognitif PK06

Terma	Kenyataan
Bimbang	Banyak yang perlu dibimbangkan
Percaya	Dia percaya kepada saya untuk buat apa-apa Percaya itu paling penting
Persepsi	Jarak itu ujian
Cemburu	Kadang-kadang cemburu itu ada

University of Malaya

Deskripsi Struktural

Kitaran pertemuan perpisahan yang berlaku antara PK06 dan pasangannya mencetuskan kebimbangan di hati PK06 kerana sepanjang ketiadaan suami, PK06 seringkali berdepan situasi anaknya diserang sakit. Tidak ketinggalan, situasi suaminya yang juga menghidapi penyakit asma menyebabkan PK06 bimbang akan keselamatan suaminya yang bersendirian ketika menghadapi situasi kecemasan ketika diserang asma.

Kitaran pertemuan dan perpisahan yang dilalui oleh PK06 kadangkala mencetuskan perasaan bimbang kerana ketiadaan suami sebagai penguat menyebabkan timbul kemungkinan risiko penjenayah yang akan mengambil peluang atas situasi yang menimpa PK06.

Menyedari akan kekangan jarak untuk memantau pasangan secara langsung, PK06 menjadikan kepercayaan sebagai satu elemen yang penting yang perlu dipupuk yang mendorong pasangan bebas melakukan sebarang aktiviti selagi tidak melampau batas.

Tidak ketinggalan, pengalaman mengharungi detik-detik pertemuan dan perpisahan selama empat tahun membuahkan persepsi mengenai jarak yang mengekang perhubungan PK06 dan suami. Peluahan mengenai jarak dikongsi dari pilihan gambar seperti Rajah 4.26.

Menerusi gambarajah yang begitu menarik minat dan kena dengan jiwanya seperti dalam Rajah 4.26, bait-bait kata tersebut sememangnya sangat signifikan dengan situasi PK06 dan suami yang sedang melayari ujian demi ujian di setiap peringkat perkembangan keluarga. Menyedari hakikat itu, PK06 sering melihat perkahwinan jarak jauh ini sebagai satu ujian dan bukannya

sebagai satu bebanan dan hukuman. PK06:47:4 [11:11], 45:5 [11:11], 47:6 [11:11].

Malah, PK06 menjadikan jarak sebagai satu ujian untuk menguji kekuatan cinta dan kasih sayang dan pasa masa yang sama membentuk satu pengalaman yang tidak boleh dilalui oleh semua orang dan mungkin menjadi salah satu cara untuk mendidik cinta PK06 dan suami. PK06:45:6 [11:11].



Rajah 4.26: Dokumen Visual Pilihan PK06

Rentetan dari persepsi tersebut, PK06 tidak terkecuali dari diuji perasaan cemburu memandangkan kadangkala mendapat maklumat yang kurang menyenangkan hati di facebook seperti gambar-gambar yang boleh mencetuskan kontroversi antara pasangan ini.

Selain itu, perhubungan jarak jauh yang dialami oleh PK06 dan suami pastinya mencetuskan rasa cemburu di mana PK06 mengakui bahawa kadangkala dirinya terfikir gerak geri suaminya yang jauh di mata. PK06 yakin jika dirinya menjaga diri sebagai seorang isteri dengan baik, maka Allah akan menjaga suaminya dengan baik. PK06:45:7 [15:15]

d) Dinamik perhubungan

Deskripsi tekstural

Dinamik perhubungan yang tercetus hasil daripada kitaran pertemuan-perpisahan antara PK06 dan suami dapat diklafikasikan kepada tiga elemen utama iaitu (a) hubungan anak-ayah (b) hubungan anak-ibu dan (c) hubungan suami isteri. Elemen-elemen ini seterusnya disokong dengan kenyataan PK06 seperti dalam Jadual 4.44 berikut:

Jadual 4.44: Dinamik Perhubungan PK06

Terma	**Kenyataan**
Hubungan anak-ayah	Dia jadi kurang rapat dengan ayah Kesan paling besar, memang ada gap
Hubungan anak-ibu	Apa-apa sikit nak dengan saya
Hubungan suami-isteri	Makin lama makin rapat Dah ada ikatan, jadi kena sayang dia betul-betul lah kan?

Deskripsi struktural

Kekangan jarak yang menghalang pertemuan suami dan anaknya menyebabkan hubungan antara anak sulungnya dan suami tidak rapat sehingga anaknya kelihatan tidak suka menghabiskan masa dengan suaminya. PK06 mengakui

University of Malaya

bahawa kelakuan anaknya agak janggal pada awal-awal pertemuan setiap kali suaminya pulang ke rumah. Jurang yang wujud antara suami dan anaknya itu menjadi satu isu yang paling ketara dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK06 yang kadangkala merunsingkan hati PK06.

Rentetan daripada jurang yang wujud itu, anaknya bergantung sepenuhnya kepada PK06 sehinggakan dia tidak mahu berenggang dengan PK06 kemana-mana sahaja PK06 pergi. Hubungan yang terlalu rapat antara PK06 dan anaknya jika dibandingkan dengan suaminya kadangkala menyebabkan suaminya agak terkilan dan berkecil hati.

Memandangkan anak sulungnya sangat rapat dengan PK06, kelahiran anak keduanya sedikit sebanyak menyebabkan PK06 terpaksa melayan karenah anak sulungnya yang kadangkala menunjukkan protes apabila PK06 terlalu sibuk menguruskan anaknya yang masih bayi sehingga mengabaikan anak sulungnya itu. Meskipun diuji dengan karenah anak yang pelbagai ragam tanpa bantuan secara langsung dari suami, hubungan antara PK06 dan suaminya dilihat semakin rapat. Ini kerana PK06 mengakui kesusahan yang dilalui oleh PK06 dalam menguruskan anak-anak menyebabkan suaminya kurang bersikap lebih manja apabila bertemu dengan PK06. Bagi PK06, ikatan yang dilafazkan melalui akad nikah menyebabkan dirinya terdorong untuk menyayangi suami seadanya.

e) Sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Sebagaimana peserta kajian yang lain, PK06 tidak terkecuali daripada mendedahkan pengalaman kelangsungan dalam perkahwinan jarak jauh yang banyak member kesan kepada kehidupannya khusus apabila menyentuh aspek

University of Malaya

sistem keluarga Merujuk kepada sistem kekeluargaan, beberapa elemen telah dikenalpasti termasuklah (a) pengurusan anak, (b) perkembangan psikologi anak, (c) rutin harian, (d) peranan dan tanggungjawab, dan (e) peraturan. Setiap elemen yang dinyatakan telah disokong oleh kenyataan yang telah diutarakan oleh PK06 seperti dalam Jadual 4. 45 berikut:

Jadual 4.45: Sistem kekeluargaan PK06

Terma	**Kenyataan**
Pengurusan anak	Mengenang nasib macam mana nak jaga baby ni Terpaksa bawa baby time conference
Perkembangan psikologi anak	Memang nampak kesan dari sudut psikologi anak tu
Rutin harian	Kena banyak buat proposal time office hour, sebab dah balik rumah memang tak boleh
Peranan	Kalau beban tu lebih kepada isteri, suami tu lebih kepada jaga diri sendiri kan? Bila suami balik, dia akan tolong jaga
Peraturan	Selalu tetapkan cara nak tegur atau nasihat anak itu

Deskripsi struktural

PK06 meluahkan bahawa proses kelangsungan hidup dalam menguruskan anaknya pada awal-awal tempoh perkahwinan merupakan tempoh yang memang sulit memandangkan PK06 baru sahaja melepasi tempoh berpantang dan perlu menguruskan anaknya yang masih bayi bersendirian.

Malah, PK06 turut mengakui bahawa pengurusan anaknya agak sedikit terganggu khususnya apabila PK06 terpaksa membawa bayinya ikut serta apabila dirinya terlibat dalam persidangan di luar kawasan kampus dalam tempoh beberapa hari.Kekangan seperti anak yang meragam secara tiba-tiba dalam perjalanan kadangkala menyukarkan PK06 untuk menghadiri mana-mana

University of Malaya

kursus atau konvensyen yang diadakan di luar kawasan kampus yang memakan masa yang lama. Ini kerana, setiap kali PK06 menghadiri seminar, PK06 perlu meminta pengasuh mejaga anak sulungnya untuk dijaga oleh ibunya. Namun, situasi ini pastinya menimbulkan bebanan kepada pihak yang dipertanggungjawabkan.

Selain isu pengurusan anak, PK06 turut mendedahkan bahawa ketiadaan suami dalam membantu menguruskan rumahtangga turut memberi impak kepada rutin harian PK06. Buktinya, PK06 perlu melunaskan kerja-kerja dalam waktu bekerja termasuk membuat kertas cadangan penyelidikan PhD nya di pejabat kerana sewaktu pulang kerumah, PK06 terpaksa memberikan sepenuhnya perhatian kepada urusan rumahtangga.

Lantaran kekangan inilah, PK06 merasakan peranan dan tanggungjawab menguruskan rumahtangga lebih banyak tertumpu kepada isteri khususnya kepada mereka yang bekerjaya.Walaupun bebanan tersebut banyak terpikul di bahu isteri, ini tidak bermakna suami PK06 harus mengambil mudah aspek tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Buktinya, suami PK06 akan membantu menjaga anak-anak PK06 apabila pulang ke rumah.

Memandangkan hubungan anak dan suaminya dilihat tidak rapat, sistem kekeluargaan yang dilalui oleh PK06 telah memberi kesan kepada perkembangan psikologi anaknya. PK06 membuat pendedahan bahawa anaknya kurang mempercayai suaminya dan tidak dapat memahami peranan '*father figure'* yang sebenar-benarnya. Arahan dan kata-kata dari suami kepada anaknya seringkali disalah erti oleh anaknya menyebabkan PK06 selalu dirujuk oleh anaknya menyebabkan PK06 selalu dirujuk oleh anaknya untuk mengetahui kebenaran kata-kata dari suaminya. Lebih buruk lagi, anaknya tidak mahu

meminum susu yang dibuat oleh suami PK06 kerana tidak percaya akan kredibiliti suami PK06.

Malah, anak sulungnya itu sering mempertikaikan tindakan rakan-rakannya di sekolah yang dihantar oleh bapa masing-masing. Menyedari akan jurang dan kesan yang timbul, PK06 mengambil pendekatan untuk memujuk dan memberi penceritaan yang baik dan positif mengenai suaminya dan sering memuji anaknya kerana boleh berdikari dan matang walaupun ayah tidak selalu ada di sisi berbanding kawan-kawannya yang lain.

Tidak ketinggalan, kesan psikologi anak yang timbul telah mendorong PK06 menetapkan syarat dan peraturan dalam sistem kekeluargaan dengan memberi penekanan kepada cara menegur anaknya yang sedang mengalami proses pembesaran. Tidak dinafikan, komunikasi yang kurang berkesan antara suami dan anknya yang dilihat agak renggang memberi impak pada perhubungan anak beranak itu. Justeru, PK06 menyatakan pesanan supaya tidak mempamerkan kemarahan dengan cara yang salah sebagai satu elemen yang berkesan dalam memastikan kebahagiaan dalam rumahtangga mereka memandangkan komunikasi secara bersemuka sangat terbatas. PK06:45:11 [21:21].

f) Sumber sokongan

Deskripsi tekstural

Kronologi perkongsian pangalaman kelangsungan hidup PK06 memperlihatkan pendedahan mengenai lungkah-langkah yng telah diaplikasikan sepanjang tempoh perpisahan dan pertemuan dalam mengharungi kehidupan berjauhan

University of Malaya

dengan suami akibat perkahwinan jarak jauh.Kekuatan PK06 mengharungi cabaran perkahwinan jarak jauh banyak didorong oleh sumber sokongan seperti (a) keluarga, (b) adik-beradik, (c) suami, (d) pengasuh, (e) organisasi, dan (f) kejiranan. Setiap perincian aspek disokong oleh kenyataan PK06 seperti dalam Jadual 4.46.

Jadual 4.46: Sumber Sokongan PK06

Terma	**Kenyataan**
Ibubapa	Nasib baiklah family ada
Adik-beradik	Ada adik turun sini jaga baby
Pengasuh	Main tinggal dekat pengasuh,seorang dibawa seorang tinggal”
Organisasi	Officemate akak Alhamdulillah bagus
Sokongan suami	Suami seorang yang banyak menyokong Ttempat saya mengadu masalah
Kejiranan	Jiran akak kalau ada apa-apa dia akan bagitahu

Deskripsi struktural

PK06 mengakui bahawa sokongan keluarga khususnya ibubapa dan mertua sangat-sangat membantu proses kelangsungan hidup PK06. Beliau mendedahkan pengalaman ibubapa dan mertuanya yang terpaksa bergilir-gilir menjaga PK06 semasa berpantang menaiki bas. Pengalaman pertama bergelar ibu sudah pastinya memerlukan penjagaan khusus dari orang yang berpengalaman. Justeru, pengorbanan ibu PK06 dan mertuanya yang sanggup bergili-gilir menjaga beliau amat mengharukan PK06.

Tidak ketinggalan, kepayahan PK06 turut diringankan oleh sokongan yang disalurkan oleh adik-beradiknya. Ini kerana adik PK06 yang merupakan

University of Malaya

siswa kini datang ke rumah PK06 dalam tempoh yang agak lama semata-mata untuk menjaga anak-anak PK06 sepanjang cuti semester berlangsung. Karakter adik beradik PK06 yang tidak kekok dan sangat suka akan anak kecil amat melegakan dan memudahkan kehidupan PK06 lebih-lebih lagi menjelang waktu kritikal dan kesibukan yang melampau akibat keterlibatan PK06 dengan program di universiti.

Selain daripada sumber sokongan daripada keluarga, PK06 turut mengakui dirinya memperoleh kekuatan daripada suaminya yang selalu menjadi *punching bag* dan pendengar setia setiap kali PK06 mengadu sebarang masalah yang melanda dirinya. PK06 juga sering menduga sejauh mana kekuatan suami PK06 dalam menempuh cabaran hidup berjauhan. Ini termasuklah sokongan suami PK06 dalam melakukan sebarang kerja, pengurusan emosi yang baik dan perlaksanaan alternatif dalam setiap permasalahan yang timbul dalam rumahtangga. PK06:47:11 [17:17], 47:12 [19:19]. 05].

Tidak dinafikan, cabaran yang menjadi asam garam kehidupan PK06 dan suami semestinya mengundang reaksi emosi yang negatif. Justeru, diri PK06 memerlukan sokongan penasihat iaitu suaminya yang menjadi penguat dirinya. Karakter suami PK06 yang sentiasa tenang menjadi tempat untuk PK06 mengadu segala masalah dan meminta pandangan untuk membuat sebarang keputusan.

Menyingkap rentetan pengalaman kelangsungan hidup PK06, sokongan bukan ahli keluarga seperti pengasuh banyak memberi kemudahan kepada PK06. Bantuan pengasuh yang sangat memahami kekangan kerjaya PK06 sebagai pensyarah yang terpaksa menghadiri kursus di luar kampus menyebabkan PK06 selesa meninggalkan anak sulungnya untuk dijaga oleh

pengasuh selama beberapa hari. Namun, kemudahan itu tidaklah menjadi satu tiket kepada PK06 untuk menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pengasuh memandangkan pengasuh turut mempunyai komitmen lain yang perlu dilunaskan.

PK06 turut bertuah kerana dikurniakan sokongan dari organisasi samada dari pihak PK06 mahupun pihak suami PK06. Memandangkan suami PK06 lebih mudah memohon cuti berbanding PK06, sikap terbuka dan berkrompromi oleh majikan dan rakan sekerja suaminya memudahkan suami PK06 untuk pulang menjaga anak-anak sekiranya PK06 tiada di rumah atau berlaku sebarang bentuk kecemasan yang memaksa suami PK06 untuk segera pulang ke rumah.

Begitu juga dengan persekitaran kerja dan rakan-rakan sekerja PK06 yang selalu memberi sokongan moral sedikit sebanyak menjadikan PK06 terus bersemangat untuk menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang kerjayanya.

Tidak terkecuali, sikap jiran tetangga yang sering peka pada keadaan sekeliling menjadi 'mata-mata' secara tidak langsung kepada PK06 sepanjang ketiadaan PK06 di rumah kerana pulang ke rumah suaminya.

g) Mekanisma kelangsungan hidup

Deskripsi tekstural

Kronologi peluahan pengalaman kelangsungan hidup PK06 telah mengetengahkan beberapa bentuk mekanisma kelangsungan hidup termasuklah (a) spiritual, (b) rekreasi, dan (c) teknologi. Terma yang diutarakan telah disokong oleh kenyataan PK06 seperti dalam Jadual 4.47 berikut:

Jadual 4.47: Mekanisma Kelangsungan hidup PK06

Terma	Kenyataan
Spiritual	Bila percaya kepada qada dan qada, kita akan nampak hikmahnya” Syukur bila tengok pasangan lain lagi susah, lagi kritikal dari kita kan Doa diberi kekuatan
Rekreasi	Bila ada bersama dengan anak, buat aktiviti, jangan ada telefon dekat tangan
Teknologi	Video call la ikut kesesuaianlah, telefon sahaja setiap hari

Deskripsi struktural

Menjalani kehidupan berjauhan dengan yang tersayang akibat tuntutan kerjaya bukanlah sesuatu yang mudah bagi PK06. Namun, kepercayaan kepada qada dan qadar yang menjadi rukun iman menjadikan PK06 sentiasa melihat ujian yang diberi pasti ada hikmahnya.PK06 mengakui kesusahan yang dilaluinya kini tidaklah sehebat mana jika dibandingkan dengan pasangan yang jauh lebih hebat ujian diberikan kepada mereka. Secara tidak langsung, PK06 sangat bersyukur kerana diberi ujian setimpal dengan kudratnya.Namun, jauh di sudut hati, PK06 sentiasa berdoa agar diberi kekuatan untuk terus mengharungi ujian dengan tabah.

PK06 turut meluahkan tentang tindakan untuk melakukan sebarang aktiviti dengan anak apabila suami pulang kerumah untuk merapatkan hubungan yang dilihat agak renggang. Ini kerana aktiviti rekreasi yang dilakukan bukan sahaja mencerminkan komitmen PK06 dan suami untuk menutup kelompangan kasih sayang semasa mereka berjauhan, sekaligus menjadi pencetus kepada sebuah ikatan kekeluargaan yang bahagia.

University of Malaya

Pada masa yang sama, PK04 tidak dapat menyangkal kepentingan teknologi sebagai mekanisma kelangsungan hidup yang penting dalam menjana hubungan bahagia PK04 akan membuat panggilan video mengikut kesesuaian masa dan lebih banyak membuat panggilan biasa pada setiap hari. PK06 menganggap perkahwinan jarak jauh yang dialaminya kini sebagai satu proses yang menenangkan walaupun tinggal berasingan memandangkan PK06 masing-masing akan menyalurkan rasa ketenangan di kala sunyi melalui kiriman mesej, panggilan telefon dan lain-lain pendekatan yang romantik. PK06:45:4 [09:09].

h) Perkembangan resiliens diri

Deskripsi tekstural

Menyorot kembali pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK06, cabaran demi cabaran yang singgah dalam lembaran hidup PK06 telah mencetuskan satu perkembangan resiliens khsususnya aspek seperti (a) kuat, (b) optimis, (c) berdikari, dan (d) personaliti positif. Terma-terma diterjemahkan melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh PK06 seperti yang tertera dalam Jadual 4.48 berikut:

Jadual 4.48: Pembentukan Resiliens PK06

Terma	**Kenyataan**
Kuat	*Sekarang dah jadi lebih kuat, sebab anak-anak kita jadi kuat*
Optimis	*Lebih tengok kesan positif dari negatif*
Berdikari	*Saya akan buat selagi mampu* *Saya boleh berdikari, benda kecil-kecil tu tiada masalah*
Personaliti positif	*Dia dah kurang marah,cool je sekarang*

Deskripsi Struktural

Percaturan hidup PK06 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh menjadikan PK06 seorang wanita yang lebih kuat dari sebelumnya. Jika sebelum ini, PK06 sering mengenang nasib menguruskan anak sendirian, namun kini PK06 lebih kuat kerana mengenangkan situasi anak-anak yang amat memerlukan PK06 untuk sentiasa bersedia dari segi fizikal dan mental.

Selain itu, PK06 mengakui kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh tidak selalunya indah turut menjadikan PK06 seorang yang berusaha menyelesaikan isu yang timbul selagi mampu. Sikap berdikari yang di tonjolkan oleh PK06 turut diakui oleh suaminya yang ternyata berbangga kerana memiliki isteri yang boleh berdikari tanpa terlalu mengharapkan bantuan lelaki.

Tidak ketinggalan, sikap optimis turut muncul tindakan PK06 yang sering melihat ujian yang berlaku dalam perkahwinan jarak jauh dari sudut yang positif. Bagi PK06, beliau tidak pernah menafikan pengalaman berjauhan dengan suami menajdi satu percaturan yang telah ditetapkan oleh Allah untuk mengelakkan dirinya dari terus melakukan dosa tanpa disedari terhadap suaminya seandainya mereka tinggal sebumbung. Lantaran itu, segala yang berlaku akan dinilai secara positif oleh PK06. Pengalaman memilih jalan hidup yang berbeza dari pasangan yang lain, PK06 menyedari dan yakin bahawa setiap dugaan yang didatangkan kepadanya adalah bukti bahawa Allah mengetahui akan kekuatan setiap hambaNya mengharungi ujian yang menimpa dengan sabar. Pada masa yang sama, PK06 mengakui bahawa kesabaran dapat melatih diri untuk menerima sebarang kemungkinan dalam runagtangga yang kian mencabar. PK06:45:2 [05:05], 45:14 [05:05].

University of Malaya

Secara tidak langsung, sikap berdikari yang dimiliki oleh PK06 dalam menguruskan rumahtangga mewujudkan satu personaliti yang positif yang dimiliki oleh PK06 dalam menguruskan rumahtangga mewujudkan satu personaliti yang positif dalam diri suami PK06. PK06 kini lebih berpuas hati dengan sikap suaminya yang tidak lagi panas baran memandangkan suaminya mengakui telah menyedari akan pengorbanan yang telah PK06 curahkan demi memastikan kehidupan yang bahagia dapat direalisasikan meskipun dipisahkan oleh jarak.

4.9.1 Struktur Pengalaman Siri 1 Peserta Kajian 07 (PK07)

PK07 merupakan seorang wanita yang bekerjaya berusia 36 tahun dan telah 11 tahun mendirikan rumahtangga bersama suami yang kini berusia 39 tahun. Memulakan kerjaya sebagai guru lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Matematik), PK07 terus mengorak langkah dalam mencapai kerjayanya sehingga mendapat kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di sekolahnya. Sepanjang tempoh 11 tahun usia perkahwinan, PK07 dan pasangannya telah dikurniakan tiga orang cahaya mata yang turut bersekolah di sekolah yang sama di mana PK07 mengajar.

Meskipun PK07 dilahirkan di Batu Pahat, namun disebabkan ibu bapanya telah pun berhijrah keluar, maka PK07 telahpun menetap di Segamat sehingga ibu bapa bersara dan telah bertemu jodoh dengan suaminya yang merupakan anak kelahiran Segamat. Namun, kehidupan PK07 yang tidak dapat menjalani kehidupan berumahtangga seperti orang atau pasangan lain disebabkan kerjaya suaminya yang tidak boleh bertugas secara tetap di satu-satu tempat. Kekangan kerjaya suami PK07 dikongsikan dalam kenyataan:

University of Malaya

> Suami akak dia kerja TNB, walaupun dia ada kat Segamat ni, tapi sebab dia ni bahagian technition, bahagian pencawang, jadi dia memang tiada dekat sini..dan sebab itulah memang sampai pencen kot pjj ni. dia benarkan kakak duduk dekat sini, sebabnya kalau akak ikut pun, dia kerja outstation tau..malam siang..pagi petang..dia kena stanby. (PK07/T1/[031:031])

Menyedari akan skop tugas yang harus dipikul oleh suaminya, PK07 tetap akur memandangkan PK07 yang mencadangkan suaminya menjawat jawatan tersebut untuk meyakinkan ibu bapa PK07 supaya menerima suaminya memandangkan perkahwinan mereka pada peringkat awal tidak dipersetujui sepenuhnya oleh keluarga PK07 kerana fator latar belakang pendidikan. Keluhan ini telah disuarakan oleh PK07 dalam kenyataan:

> Kahwin ni bukan sebab bercinta..kawan biasa macam tu..tiba-tiba dah lama-lama, decide nak kahwin,lepas itu dia ni dekat TNB kerja baca meter, hantar bil-bil tu kan.., jadi kan,parent..kalau anak perempuan seorang, tiba-tiba kawan dengan lelaki yang SPM pun pangkat 3, boleh ke? (PK07/T1 (085:085)

> Dalam masa yang sama, suami akak cakap dia dapat kursus..kerja sambil kursus..untuk jadi juruteknik..wah! ni bagus juga kan, nak tunjukkan kepada orang tua yang selalu kata macam-macam kan pada dia.kak pun suruh la dia pergi.. daripada dia pergi tebar bil kat rumah orang tu, ada la juga satu kemajuan, insiatif. (PK07/T1 (165:165)

Proses peningkatan hidup yang ditunjukkan oleh PK07 dan suami akhirnya dapat memberi keyakinan kepada PK07 dan pada masa yang sama dapat membuktikan kepada PK07 bahawa suaminya boleh berjaya walaupun dengan latar belakang pendidikan yang lebih rendah daripada PK07. Menyedari akan situasi yang dihadapi sekarang, PK07 akur dengan pilihan untuk terus tinggal berjauhan dengan suami demi menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh syarikat kepada suaminya. Tambahan pula, ibu bapa PK07 yang telah bersara kini menetap di Segamat. Situasi ini

menyebabkan PK07 mengambil keputusan untuk menjaga ibubapanya memndangkan adik beradik yang lain tinggal di luar kawasan. Pada masa yang sama keluarga suami PK07 juga turut berada berdekatan dengan kawasan rumah keluarga PK07. Ibarat 'serampang dua mata', PK07 mengambil keputusan untuk menetap di Segamat buat masa ini memandangkan PK07 boleh menjaga dan melawat kedua-dua ibu bapa dan mertuanya Tanggungjawab menjaga ibubapa ini diutarakan dalam kenyataannya:

> Banyak faktor sebab akak tak ikut dia, pertamanya orang tua akak di sini, mertua akak pun kat sini..tapi duduk lain-lain lah..Cuma keluarga duduk dekat-dekat.dan dia pun anak bongsu..dia pun mengharapkan akak ni, sambil tengokkan orang tua dia,,dan akak tu secara tak langsung, untung sikitlah, advantage lah boleh tengok orang tua akak sebab akak 4 beradik, sorang prempuan. (PK07/T1 (033:035)

Memandangkan ibubapa PK07 tinggal berdekatan dengan PK07, maka peluang ini diambil oleh PK07 untuk menghantar anak-anaknya untuk dijaga oleh ibubapa PK07 semasa mereka kecil. Rasa syukur dengan kesenangan dan peluang yang hadir ini dikongsikan oleh PK07 dalam kenyataannya:

> Memang kena stanby, maknanya kalau akak ikut sana pun, kena tinggal..kalau dekat sini pun mungkin kalau akak pergi kursus, orang tua akak boleh tengok anak-anak...jadi, mungkin akak ni ada advantages banyak kot..ditinggal-tinggalkan. (PK07/T1/[039:039])

Walaupun PK07 merasakan tindakan untuk menghantar anak-anak untuk diasuh oleh ibubapanya di rumah semasa PK07 keluar bekerja, ini tidak bermakna PK07 mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu. Justeru, suami PK07 memang telah memberi kebebasan mutlak kepada PK07 untuk terus menetap di Segamat untuk menguruskan ibubapa ke hospital, sementara suami PK07 lebih rela dirinya yang berulang-alik. Tambahan pula, jawatan yang disandang oleh PK07 di

University of Malaya

sekolah menambahkan lagi tanggungjawab dan tugas yang harus dipikul memaksa dirinya berjauhan dengan suami. Perkongsian ini disuarakan dalam kenyataannya:

> Kalau kita pindah, siapa nak hantar mak pergi klinik? setakat ini dia kata biar saya yang duduk sini, pantau anak-anak dan ibu bapa, dia sorang sahaja yang terkejar-kejar, dia pun boleh balik bila-bila masa kalau kecemasan, dia senang balik. (PK01/T1 (079:079)

Selain daripada kekangan kerjaya suami dan kerjaya PK07 ditambah pula dengan tanggungjawab untuk menjaga kedua ibubapa kedua belah pihak, keputusan untuk tinggal berjauhan dengan pasangan turut dikuatkan lagi dengan keadaan persekitaran yang banyak mempengaruhi kehidupan PK07 dan keluarga. PK07 ternyata selesa dengan persekitaran yang dilaluinya kini kerana dirinya telah membesar dan matang dengan arus perkembangan di kawasan kediamannya, tempat kerja malah turut merasakan Segamat sangat 'sebati' dengan jiwanya. Pengakuan ini disuarakan dalam kenyataannya:

> Dah selesa kerja kat sini..lepas itu Hometown dah dekat sini..persekitaran dah macam ni..dan dia pun, dah selesa dengan segamat Kluang tu punca cari rezeki sahaja, lepas tu, dia kalau ada kelapangan, memang dia akan balik..kami pun memang ada rancang nak cari rumah dekat sana pastu dia kata, "entahlah, balik segamat ni kena dengan jiwa dia.." ,akak pun rasa selesa duduk di segamat. (PK07/T1 (077:077)

Disebabkan kebebasan mutlak yang diberikan oleh suami PK07 diserahkan kepada PK07, maka PK07 banyak bergantung kepada kedua ibubapa pada awal perkahwinan mereka memandangkan PK07 bunting pelamin dan terpaksa berjauhan dengan suami lantaran kerja suami yang tidak tetap di satu tempat. Lama-kelamaan, PK07 menyedari bahawa kebergantungan terhadap ibubapa dan keupayaan PK07 menguruskan anak tanpa bantuan secara langsung dari suami menyebabkan suaminya tidak pandai menguruskan anak-anak terutama semasa menghadapi masa-masa

University of Malaya

kecemasan. Menyedari akan hakikat itu, PK07 dan suami mempertimbangkan keputusan untuk tinggal sebumbung setelah mengambil kira beberapa perkara untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah keputusan yang tepat untuk mereka dan keluarga. Keputusan ini disuarakan dalam kenyataan beliau:

> Tiba-tiba dalam beberapa tahun tu, akak mengandung anak yang ketiga tu pun, akak cakap nak beli rumah yang kat segamat ni...sebab kalau cikgu kan banyak kursus..kalau kami duduk Kluang pun kita tiada family..yang kita nak tumpangkan anak, nak hantar anak..tapi rasa macam.nak settle kat sini dulu kot..suami kata "takpalah..rasa lega nanti, kita duduk kluang..dia pun ada cakap macam tu. (PK07/T1 (057:057)

Sememangnya kehidupan berjauhan yang dialami antara PK07 dan suaminya dilihat sebagai satu cabaran yang mematangkan diri PK07 dan pasangannya khususnya apabila anak menginjak usia dan meniti peringkat perkembangan masing-masing. Walaupun PK07 menyedari bahawa kemungkinan dirinya akan tinggal berjauhan dengan suami dalam tempoh yang lama sehingga suaminya dan dirinya bersara, namun jauh disudut hatinya, dirinya berharap agar dipermudahkan segala urusan rumahtangga dan kehidupan yang sedang dan bakal dilaluinya kelak.

> Dia memang tiada kat sini..dan sebab itulah memang sampai pencen kot pjj ni..tapi saya tetap berharap dia akan duduk sekali dengan saya. (PK07/T1 (031:031)

Natijahnnya, pengalaman siri 1 yang membawa PK06 kepada keadaan beliau sekarang boleh diselusuri melalui peta pengalaman dalam Rajah 4.27 seperti berikut:

University of Malaya



Rajah 4.27: Peta Pengalaman Siri 1 PK07

University of Malaya

4.9.2 Deskripsi Tekstural dan Struktural PK07

Rentetan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK07 telah mencetuskan beberapa elemen utama sebagai tema perkongsian. Elemen yang telah dikenalpasti adalah (a) reaksi afektif, (b) reaksi tingkahlaku, (c) reaksi kognitif, (d) dinamik perhubungan, (e) sistem keluarga, (f) sokongan yang diperlukan, (g) mekanisma kelangsungan hidup ,dan (h) pembentukan resiliens diri. Perincian deskripsi tesktural dan struktural PK07 diterangkan melalui Rajah 4.28 seperti berikut:



Rajah 4.28: Deksripsi Tekstural dan Struktural PK07

University of Malaya

a) Reaksi afektif

Deskripsi tekstural

Sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku dalam kehidupan PK07 dan suami, PK07 telah mempamerkan beberapa reaksi afektif termasuklah (a) rindu, (b) teruja, dan (c) sedih. Setiap elemen yang diutarakan telah disokong melalui kenyataan PK07 dalam Jadual 4.49 seperti berikut:

Jadual 4.49: Reaksi Emosi PK07

Terma	**Kenyataan**
Rindu	Memang rindukan suami saya, simpan sahaja dalam hati
Teruja	Setiap kali dia nak balik, jiwa saya bergelora,berdebar-debar
Sedih	Sedih nak tinggalkan..macam jauh sangat rasanya

Deskripsi struktural

PK07 membuat pendedahan mengenai rasa rindu akan suami yang terpaksa dipendam dalam lubuk jiwa PK07. Ada kalanya rindu yang tidak dapat dibendung menyebabkan PK07 menangis mengenangkan suami yang jauh dimata. Peluahan ini dizahirkan melalui pilihan Rajah 4.29. PK07 melebarluaskan perkongsian pengalaman dengan mengaitkan kehidupannya dengan memilih gambar seperti Rajah 4.29 yang menunjukkan gambar kartun yang berpegangan tangan dan frasa bertulis ‘I miss U’. Gambar tersebut seakan akan menjadi cerminan tentang perasaan rindu yang sedang di alami oleh PK07 ketika itu tatkala mengimbas kenangan romantik sewaktu suami PK07 berada di sisinya.

University of Malaya



Rajah 4.29: Dokumen visual pilihan PK07

Meskipun PK07 telah terbiasa dengan kehidupan jarak jauh kerana jarang berjumpa sewaktu bercinta dahulu, PK07 mengakui rasa rindu itu tetap ada walaupun selalu berhubung melalui telefon. PK07: 03 : 02 [07:07], PK07 : 03 :05 [09:09] . PK07 turut mengakui kerinduan itu semakin boleh d atasi selepas kehadiran anak-anaknya yang sedikit sebanyak mengalih perhatian PK01 untuk melayan perasaan. PK07: 03:06 [09:09].

Rentetan dari rasa rindu itu, PK07 dan anak-anak akan berasa teruja setiap kali suami PK07 ingin pulang kerumah. Sehingga PK07 menzahirkan debaran dan jiwanya yang bergelora setiap kali suaminya sudah mahu tiba ke rumah.PK07 turut meluahkan bahawa nikmat perkahwinan jarak jauh adalah apabila suasana pengantin baru itu dapat dikekalkan kerana gelora seperti baru pertama kali mahu berjumpa si jantung hati.

University of Malaya

Tidak ketinggalan, PK07 turut mengakui tempoh pertemuan-perpisahan menjadi tempoh yang menyedihkan setiap kali ingin berpisah kerana kembali ke tempat masing-masing untuk meneruskan rutin harian sebagai individu bekerjaya.Meskipun, jarak itu tidaklah terlalu jauh, PK07 tidak mampu menipu diri untuk menidakkan kesedihan yang melanda dirinya dan suami.

b) Reaksi tingkahlaku

Deskripsi tekstural

Sepanjang tempoh PK07 bertemu dan kembali berpisah dengan suami, PK07 telah mempamerkan respon tingkahlaku seperti (a) berkorban (b) penantian. Terma yang telah diutarakan telah disokong oleh kenyataan PK07 seperti dalam Jadual 4.50 berikut :

Jadual 4.50: Reaksi Tingkahlaku PK07

Terma	**Kenyataan**
Pengorbanan	Pengorbanan dia dan saya untuk sama-sama bina keluarga ini
Penantian	Anak-anak tunggu tak sampai-sampai, rupanya tertidur kat RnR Setiap jejak langkahmu akan ku tunggu
Perancangan	Mesti kena rancang

Deskripsi struktural

PK07 melebarluaskan konsep pengorbanan yang menjurus kepada pengorbanan masa dan tenaga dalam mahu membina keluarga mereka. Keputusan untuk tinggal berjauhan bukanlah satu perkara yang diputuskan secara sukarela pada peringkat awal perkahwinan meskipun PK07 dan suami sedia maklum akan kekangan yang timbul yang menjadi faktor penghalang mereka untuk menjalani

University of Malaya

kehidupan seperti pasangan normal yang lain. Justeru, keputusan yang dipilih mendorong PK07 dan suami membuat pengorbanan yang besar agar dapat memastikan kebahagiaan yang diimpikan dapat direalisasikan.

Tidak ketinggalan, tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku melibatkan proses penantian oleh PK07 dimana anak-anak akan sentiasa bercakap-cakap dan bertanya bila bapa mereka akan sampai ke rumah. Menyingkap pengalaman lucu yang tidak boleh dilupakan oleh PK07, beliau mendedahkan pernah suatu ketika anak-anaknya telah jemu menanti suaminya yang tidak kunjung tiba. Rupa-rupanya suaminya tertidur di RnR akibat keletihan yang melampau sepanjang perjalanan pulang.

PK07 turut meluahkan bahawa setiap kali anaknya menanti suaminya pulang ke rumah, anaknya sering mengungkapkan persoalan "bila ayah nak datang ibu?".Pertanyaan sedemikian mengundang geli hati dalam diri PK07 kerana anaknya yang masih kecil kadangkala menganggap ayahnya sebagai tetamu yang ingin bertandang ke rumah mereka.

Tidak dinafikan, perkongsian hidup berasingan yang dialami oleh PK07 dan suaminya menuntut perancangan yang baik. Bagi PK07, perancangan dari sudut jadual, aktiviti, pertemuan, kos dan aktiviti yang melibatkan persekolahan anak-anak amat penting memandangkan mereka dibatas waktu yang terhad. PK07:3:32 [37:37].

b) Reaksi kognitif

Deskripsi tekstural

PK07 tidak terkecuali dari mempamer reaksi kognitif termasuklah (a) syakwasangka, (b) persepsi, (c) memahami, (d) percaya, dan (e) impian.

Seterusnya, terma yang diketengahkan disokong oleh kenyataan PK07 seperti dalam Jadual 4.51 berikut:

Jadual 4.51: Reaksi Kognitif PK07

Terma	**Kenyataan**
Impian	Seronoknya kalau dapat duduk sekali Impian nak seperti dalam gambar ini
Persepsi	Ianya satu pengalaman pahit Jarak ujian kasih sayang
Memahami	Persefahaman memang pentinglah
Syakwasangka	Kadangkala timbul syak juga, dia kan selebriti, main bola
Kepercayaan	Kami dah berjanji untuk beri kepercayaan sepenuhnya Saya percaya dia, dia percaya saya

Deskripsi Struktural

Rajah 4.30: Dokumen visual pilihan PK07

Impian untuk menjalani kehidupan ideal seperti dalam gambarajah 4.30 telah diluahkan oleh PK07 kerana tempoh membenarkan anak-anak tanpa bantuan

University of Malaya

suami adalah sau tempoh yang mencabar meskipun PK07 dibantu oleh ibubapanya. Peluang yang diberikan untuk memudahkan kehidupan PK07 tidak diambil ringan kerana PK07 mengakui bahawa suaminya terlalu mengharapkan dirinya untuk menguruskan anak-anak menyebabkan PK07 benar-benar mengharap agar suaminya dapat tinggal sekali dengannya untuk merasa pengalaman sebenarnya membesarkan anak-anak walaupun PK07 sedar bahawa peluang untuk tinggal bersama di bawah satu bumbung bersama suami adalah tipis buat masa terdekat dan terpaksa menunggu hingga suaminya bersara. PK07:03:10 [15:15], 3:11 [15:15], 3:12 [17:17].

Berikutan daripada pengalaman perkahwinannya tidak direstui dan dihujani ujian perkahwinan jarak jauh menjadikan PK07 beranggapan dan menterjemahkan pengalaman perkahwinan jarak jauh sebagai satu pengalaman yang pahit. Ini kerana PK07 hanya dapat mendengar suara suami tidak dapat menyentuhnya secara maujud. Sedangkan pasangan lain dapat menghabiskan masa dengan yang tersayang setiap hari. Walaubagaimanapun, pengalaman pahit yang dilalui tidak semestinya sentiasa membunuh persepsi positif PK07 terhadap perkahwinan jarak jauh, ini kerana PK07 selalu beranggapan jarak yang memisahkan PK07 dan suaminya sebagai satu ujian untuk melihat sejauh mana kasih sayang dapat disemai dalam sanubari mereka.

Tidak ketinggalan, pengalaman pahit PK07 itu merupakan tempoh permulaan perkahwinan setelah dirinya mendapat tahu bahawa dia sememangnya tidak mempunyai peluang untuk tinggal sebumbung dengan suaminya ditambah pula dengan keadaannya yang bunting pelamin dan mengalami alahan teruk yang memerlukan jagaan dan perhatian yang khusus oleh insan tersayang seperti suami dan keluarga. PK07:3:22 [27:27].

Perkongsian pengalaman kelangsungan hidup sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, PK07 menjadikan jarak sebagai pengikat kasih sayang di mana PK07 melihat jarak sebagai ujian yang menduga sejauhmana PK07 dan suaminya mampu membawa keluarga ia ke jalan Allah. PK07: 3:43 [51:51], 3:45 [53:53].

Selain itu, PK07 tidak boleh menyangkal kadangkala dirinya disapa rasa syakwasangka sewaktu berjauhan dengan suaminya. Ini disebabkan oleh kehidupan suaminya yang merupakan seorang selebriti iaitu pemain bola sepak mewakili negerinya yang terdedah dengan risiko-risiko dunia selebriti. Menyingkap kembali pengalaman PK07 yang pernah melihat gambar suaminya bersama seorang wanita yang telah dimuat naik ke dalam facebook, gambar tersebut yang telah menerima pelbagai respon dan komen telah mencetuskan sedikit syakwasangka di hati PK07.

Menyedari akan risiko tinggal berjauhan sebagai senjata yang boleh menggugat kestabilan rumahtangga, PK07 menganggap persefahaman sebagai satu elemen yang sangat penting. Ini kerana pengorbanan dan jerit perih yang terpaksa dipikul untuk mencari rezeki, memantapkan ekonomi, di samping melunaskan tanggungjawab terhadap keluarga PK07 dan suami sangat memerlukan persefahaman. Malah, tugas suami PK07 sebagai selebriti turut menuntut persefahaman yang tinggi dairpada PK07 untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham dalam tempoh pertemuan-perpisahan yang dialami oleh mereka.

Bermodalkan persefahaman dan dikuatkan lagi dengan kepercayaan, PK07 dan suami telah berjanji untuk saling mempercayai dan akan mendengar penjelasan dari empunya diri sebelum menerima apa-apa ‘khabar angin’ dari

University of Malaya

masyarakat luar yang boleh menggugat kepercayaan yang disemat di hati PK07 dan suaminya. Bagi PK07, soal kepercayaan bukan hanya khusus untuk individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh tetapi kadangkala boleh menjadi racun kepada pasangan ang tinggal serumah jika tidak diberi perhatian sewajarnya.

d) Dinamik perhubungan

Deskripsi tekstural

Menyorot kembali pengalaman kelangsungan hidup individu dalam pekahwinan jarak jauh, kepelbagaian dalam dinamik perhubungan telah dikenalpasti. Antaranya adalah (a) dinamik hubungan suami isteri, (b) hubungan anak-ibu, (c) hubungan anak-ayah, dan (d) hubungan nenek/datuk-anak. Seterusnya, terma yang dikemukakan diperincikan melalui peluahan kenyataan oleh PK07 seperti dalam Jadual 4.52 berikut:

Jadual 4.52: Dinamik perhubungan PK07

Terma	Kenyataan
Hubungan suami-isteri	Semakin hari rasa semakin membara Duduk jauh boleh kurangkan kami bergaduh
Hubungan anak-ibu	Memang anak tu kekuatan akak Anak memang akan rujuk dan lebih percaya akak
Hubungan anak-ayah	Nampak juga hubungan itu agak jarak sikit,dah besar ni baru rapat Bila ayah balik, menangis taknak orang lain jemput dia dari sekolah, nak ayah dia juga jemput
Hubungan nenek-anak	Bila suami nak ambil anak, diorang pula yang kecil hati, juga dari kecil kan?

University of Malaya

Deskripsi Struktural

Selama 15 tahun berjauhan dengan pasangan hidup akibat perkahwinan jarak jauh, PK07 merasakan perhubungan yang terjalin antara mereka semakin membara. Ini kerana tindakan berjauhan yang dilalui oleh PK07 dan suami mendorong mereka daripada bergaduh. Ibarat pepatah 'jauh bau bunga, dekat bau tahi', PK07 lebih selesa dengan keadaannya kini supaya rasa membara itu akan terus kekal hingga ke Jannah. PK07 turut meluahkan, rasa kasihan yang wujud dalam diri PK07 terhadap suaminya mendorong dirinya lebih menyayangi suami. Bagi PK07 cinta akan hilang, tetapi sayang akan kekal abadi dalam diri.

PK07 turut berkongsi mengenai personaliti pasangan yang penyayang yang menyebabkan PK07 berasa selamat dan selesa setiap kali berada di samping suaminya malah hubungan mereka semakin membara meskipun jarang dapat menghabiskan masa bersama-sama akibat kekangan masa dan faktor jarak. PK07: 3:31 [35:35].

Selain daripada dinamik perhubungan antara suami-isteri, tempoh perkahwinan jauh yang dialami oleh PK07 dan keluarga telah mencetuskan perhubungan yang sangat rapat antara PK07 dengan anak-anaknya. PK07 menjadikan anak-anak sebagai sumber kekuatan untuk terus mempertahankan rumahtangga sekaligus membuktikan bahawa dirinya tidak mudah diperlekehkan memandangkan PK07 banyak berinteraksi dengan anak-anak di rumah dan di sekolah kerana PK07 mengajar disekolah anaknya, anak-anak akan sentiasa merujuk PK07 dan lebih mempercayai PK07 untuk mengajar mereka di rumah berbanding guru sebenar di sekolahnya. Kredibiliti PK07 sebagai ibu yang hebat dan orang kuat sekolah menjadikan anak-anak lebih hormat dengannya.

University of Malaya

Rentetan daripada hubungan yang rapat antara anak PK07 dengan dirinya, ketiadaan suami dirumah dan tempoh pertemuan yang agak singkat menyebabkan hubungan antara anak PK07 dan suaminya agak renggang. Namun, lama-kelamaan situasi tersebut bertukar sebaliknya apabila anak-anak mula membesar. PK07 berkongsi kisah situasi sekarang setiap kali suami PK07 pulang ke rumah, anak-anaknya tidak akan melepaskan peluang untuk menghabiskan masa semaksimum mungkin dan pernah menangis beberapa kali kerana tidak mahu orang lain menjemputnya selain daripada suami PK07. PK07 melahirkan rasa syukur kerana anak-anak masih boleh bermanja dan rapat dengan anak-anak kerana suami PK07 pandai mengambil hati anak-anaknya.

Meskipun, PK07 agak lega dengan hubungan yang terjalin antara suami dan anaknya, PK07 turut meluahkan kerisauan mengenai hubungan ibubapa PK07 yang terlalu rapat dengan anaknya sehingga menimbulkan kecil hati dan sedikit konflik. Antara suami PK07 dan ibubapanya setiap kali suaminya ingin membawa anak-anaknya pulang kerumah mereka. Bagi PK07, kesan yang timbul adalah respon yang perlu dikendalikan dengan bijak kerana PK07 akur bahawa anak-anaknya telah dijaga oleh ibubapa PK07 sejak kecil.

e) Sistem keluarga

Deskripsi tekstural

Pengalaman memilih jalan hidup yang berbeza dan pasangan berkahwin yang lain telah mewujudkan isu yang pelbagai dalam sistem keluarga PK07. PK07 banyak mengutarakan isu mengenai sistem keluarga yang terkesan akibat perkahwinan jarak jauh yang sedang dilaluinya kini. Isu yang menjadikan perbincangan tersebut termasuklah (a) pengurusan anak, (b) peranan dan

University of Malaya

tanggungjawab, (c) peraturan, dan (d) pandangan kolektif. Setiap terma yang telah dikenalpasti disokong oleh kenyataan PK07 seperti dalam Jadual 4.53.

Jadual 4.53: Sistem Kekeluargaan PK07

Terma	**Kenyataan**
Pengurusan anak	Bersendirian uruskan anak Pening dan kelam kabut bila anak-anak buat kerenah nakkan ayahnya
Peranan	Kena bahagi-bahagikan juga,bila ayah ada dengan anak-anak saya biarkan dengan mereka, biar dia ambil alih, main peranan pula
Peraturan	Kami dah tetapkan peraturan dalam keluarga
Pandangan kolektif	Orang selalu tanya kenapa pilih duduk jauh Eh!kamu tak takut ke? Suami kamu tu player, mesti ada peminat

Deskripsi struktural

Menyelusuri pengalaman kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK07, pengurusan anak-anak sememangnya dipikul sepenuhnya oleh PK07 sepanjang ketiadaan suami di sisi. Meskipun PK07 dibantu oleh ibubapanya, PK07 tidak melepaskan semua urusan penjagaan anak ke atas bahu mereka sebaliknya PK07 akan memantau pendidikan anak menyemak kerja rumah menjalankan kelas tambahan kepada anak-anak. Keupayaan PK07 untuk menguruskan anak-anak secara bersendirian kadangkala digugat oleh kerenah anak-anak yang mahu suaminya pulang ke rumah hingga memeningkan kepala PK07. Tidak ketinggalan ketiadaan suami di sisi pada saat-saat genting semasa menguruskan anak pastinya akan membuat PK07 pening kerana tidak ‘menang tangan’ melayan karenah anak-anak yang pastinya menimbulkan suasana yang agak kelam-kabut. Namun, PK07 mengakui ujian ini adalah bukti Allah maha

University of Malaya

mengetahui tahap kemampuan yang boleh ditanggung oleh PK07 sebagai hambaNya. PK07: 3:30 [33:33].

Selain itu, kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh memberi situasi yang berbeza dalam peranan dan tanggunjawab yang dimainkan oleh PK07 dan suaminya. Keadaan suami PK07 yang tidak pernah menguruskan anak-anak menyebabkan suaminya lebih cepat kelihatan cemas dan buntu apabila berlaku kecemasan dalam keluarganya. Menyorot kembali pengalaman anaknya yang diserang sawan secara tiba-tiba di rumah, suami PK07 kelihatan tidak mampu berbuat apa-apa tanpa arahan PK07.

Begitu juga dengan saat-saat genting yang terpaksa dilalui oleh suami PK07 untuk menjaga anak-anak ketika PK07 dimasukkan ke hospital selama beberapa hari.Meskipun PK07 sedar bahawa peranan dalam keluarga banyak didominasi oleh PK07, namun PK07 dan suami tidak berdiam diri untuk menjalankan tanggungjawab yang telah dipersetujui bersama.

Contohnya, PK07 akan menguruskan bahagian pendidikan anak-anak manakala suami PK07 lebih terarah kepada pemberian nafkah dan urusan pembayaran bil-bil dan kos-kos yang lain sambil dibantu oleh PK07 kerana PK07 sedar pendapatan suaminya agak kecil berbanding dirinya. Memandangkan suaminya jarang berada dirumah, PK07 turut membiarkan peranan sebgaai ketua keluarga ditonjolkan oleh suaminya dengan membiarkan anak-anak dimandikan oleh suami PK07.

Tidak ketinggalan, PK07 turut menetapkan beberapa peraturan dalam keluarga supaya kehidupan keluarga dapat dilalui dengan rasa bahagia walaupun dibatasi jarak. Merujuk kepada peraturan, PK07 telah mengingatkan bahawa pasangan tidak boleh menjatuhkan maruah pasangannya di hadapan anak-anak.

Ini kerana anak-anak akan memandang rendah kepada suami PK07 yang tidak sehebat PK07.

Akhirnya, nilai kolektif tentang sistem kekeluargaan yang terkandung dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK07 turut menjadi isu perbincangan. PK07 telah lali dengan pertanyaan sinis mengenai risiko kecurangan yang bakal timbul memandnagkan suami PK07 merupakan seorang pemain bola yang agak terkenal di negerinya di tambah pula dengan situasi tinggal berjauhan, PK07 lebih gemar menjawab pertanyaan dengan cara yang lebih bersifat islamik seperti "tiada rezeki untuk tinggal bersama buat masa sekarang".

f) Sumber sokongan

Deskripsi tekstural

PK07 menggunakan beberapa sumber sokongan seperti ibu bapa, organisasi dan kejiranan dalam membantu proses kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK07. PK07 meluahkan mengenai bantuan yang diterima melalui kenyataan seperti dalam Jadual 4.54.

Jadual 4.54: Sumber Sokongan PK07

Terma	Kenyataan
Ibubapa	Kalau akak pergi kursus, orang tua boleh tengok anak-anak
Kejiranan	Environment kat sini bagus, jiran ok
Organisasi	Kawan-kawan memang dah biasa dan faham dengan situasi akak

Deskripsi struktural

Sepanjang mengharungi liku-liku kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh, PK07 tidak mempersoalkan kepentingan ibubapa sebagai sumber kekuatan paling dominan yang mencetuskan semangat PK07 mengandung anaknya yang pertama, PK07 mendapat bantuan dari ibubapa sehingga PK07 tidak perlu risau untuk mencari pengasuh kerana ibubapa yang menjaga anak-anak apabila PK07 sibuk berkursus di luar kawasan.

Pada masa yang sama, situasi rakan sekerja yang memahami kehidupan PK07 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh membolehkan PK07 mengagihkan tugas kepada pekerja bawahan seandainya terdapat kecemasan di rumah PK07 sepanjang ketiadaan suami.

Malah, semangat kejiranan yang baik memudahkan PK07 untuk meninggalkan anaknya dirumah tanpa bantuan ibubapa kerana jiran-jiran kadangkala dapat memantau tindakan dan keadaan rumah PK07 dari anasir yang mencurigakan.

f) Mekanisma kelangsungan hidup

Deskripsi tekstural

Bagi meneruskan kehidupan yang sempurna seperti insan dan pasangan suami isteri yang lain PK07 tidak terkecuali dari berkongsi kisah yang menyentuh aspek kepelbagai lungkah mengatasi isu yang terlibat sepanjang proses kehidupannya sebagai individu yang terlibat dalam perkahawinan jarak jauh. Sorotan pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh PK07 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mengetengahkan beberapa langkah yang diambil oleh PK07 sebagai mekanisma kelangsungan hidupnya. Ini termasuklah (a) teknologi, (b) rekreasi,(c) aspek spiritual, dan (d) hobi.

University of Malaya

Terma yang ditonjolkan disokong oleh kenyataan PK07 melalui Jadual 4.55 seperti berikut:

Jadual 4.55: Mekanisma Kelangsungan hidup PK07

Terma	**Kenyataan**
Teknologi	Bila dah duduk jauh ini, telefon sahaja la kan, ada 3g, boleh whatsapp
Rekreasi	Memang masa itu diluangkan untuk buat apa-apa aktiviti sama-sama Suka sangat bila holiday, boleh bawa anak-anak jalan”
Spiritual	Cari duit cari juga, keredhaan Allah lagi penting Percaya itu jodoh kita
Hobi	Kena satukan minat dan hobi

Deskripsi struktural

Seperti pasangan-pasangan yang lain, kelangsungan hubungan yang terjalin dalam keluarga PK07 dapat direalisasikan melalui penggunaan teknologi sebagai satu mekanisma kelangsungan hidup yang paling dominan. Kewujudan sistem jaringan dalam talian membolehkan PK07 berhubung melalui sms, whatsapp untuk memaklumkan sebarang perkembangan dan aktiviti harian masing-masing.

Selain itu, PK07 menjadikan aktiviti rekreasi seperti beriadah bersama anak, bercuti ditempat-tempat menarik, membawa anak berjalan-jalan sebagai satu alternatif yang sangat berkesan untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan mereka.Kekangan waktu yang agak terhad menyebabkan PK07 dan suami membawa anak-anak bercuti di tempat-tempat yang PK07 dan suami membawa anak-anak bercuti ditempat-tempat yang berhampiran.

Malah, PK07 turut meluahkan bahawa kadangkala timbul kebosanan kerana terlalu kerap pergi ke tempat yang sama lantaran melayan kerenah anak-

University of Malaya

anak yang gemar berjalan-jalan dan bercuti di tempat yang sama. Namun begitu, PK07 berpuas hati kerana dapat menyatukan kembali keluarga mereka sebelum masing-masing melalui saat-saat perpisahan sementara.

Selain melakukan aktiviti rekreasi, PK07 turut menjalankan hobi dan menyatukan minat yang sama dengan suami dan anak-anak. Jika dahulu, PK07 jarang mengikut suaminya pergi ke stadium untuk perlawanan bola sepak, kini PK07 telah mula meminati dunia sukan tersebut dan mengajak anak-anak turut serta menyokong ayahnya di padang atau stadium. Bagi PK07, meskipun pada mulanya dia agak bosan dengan kehidupan suaminya yang menjadi selebriti bola sepak di negerinya kerana perlu menemani suami beliau untuk bermain bola sepak, lama-kelamaan PK06 menyedari bahawa beliau dan suami semakin rapat apabila sering berkongsi cerita mengenai perlawanan yang ditonton bersama-sama.

Akhirnya, kesemua pendekatan yang digunakan untuk memastikan perhubungan kekeluargaan tetap utuh perlu di bajai dengan elemen spiritual yang menjadi senjata paling ampuh dalam hidup PK07.PK07 sangat percaya bahawa keredhaan dan berkat dari Allah yang membimbing keluarga mereka ke jalan yang benar. PK07 tetap terus berdoa agar suatu hari nanti impian untuk tinggal sebumbung dengan suami dan anak-anak akan dimakbulkan. Malah, sebagai seorang yang berpegang teguh kepada agama, PK07 yakin akan jodoh yang diberikan untuknya adalah sesuatu yang sempurna seadanya.

Maka, keyakinan terhadap jodoh terbaik yang dianugerahkan oleh Ilahi kepadanya menyebabkan masing-masing tidak bimbang untuk memberi kebebasan untuk menjalankan kehidupan dalam kerjaya masing-masing selagi

University of Malaya

mereka menjaga batas-batas sebagai seseorang yang telah berumahtangga. PK07 : 3:38 [45:45] , 3 :39 [49:4]

h) Pembangunan resiliens diri

Deskripsi tekstural

Perkembangan resiliens menjadi hasil daripada rentetan pengalaman kelangsungan hidup PK07 mengharungi pelbagai situasi suka-duka dalam perkahwinan jarak jauh. Antaranya ialah (a) kuat, (b) berdikari, dan (c) autonomi. Terma yang diketengahkan akan disokong oleh kenyataan PK07 melalui Jadual 4.56 seperti berikut:

Jadual 4.56: Pembentukan resiliens PK07

Terma	Kenyataan
Kuat	Alhamdulillah saya diberi kekuatan untuk jaga anak-anak
Berdikari	Duduk berjauhan ini membentuk sikap berdikari saya Bila kita boleh berdikari, lelaki takkan perlekehkan kita
Autonomi	Masing-masing ada kehidupan sendiri, so bagi lah kebebasan, jangan kongkong

Deskripsi struktural

Saat diterjah ujian sepanjang menjalani kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, PK07 amat bersyukur diberi kekuatan khususnya untuk mengurus anak-anak.

Selain itu, PK07 turut meluahkan bahawa keadaan dirinya yang tinggal berjauhan dari suami telah membentuk sikap berdikari dalam diri PK07 di mana PK07 akan cepat bertindak dalam proses pembuatan keputusan tanpa terlalu

University of Malaya

mengharapkan suaminya. Sikap berdikari yang ditonjolkan oleh PK07 yang turut diakui oleh suaminya secara tidak langsung mampu meningkatkan martabat dirinya sekaligus mengelak dari suaminya memperlekehkan PK07.

Tidak ketinggalan, autonomi yang diberikan terhadap pasangan masing-masing membolehkan PK07 dan suami tidak terlalu dikongkong. Pemberian autonomi yang mendasari perhubungan antara pasangan dan keluarga membolehkan setiap ahli dalam keluarga menjalankan peranan masing-masing secara bebas dan terbuka tanpa rasa terkongkong.

Secara keseluruhannya, deskripsi tekstural dan struktural peserta kajian 01 sehingga peserta kajian 07 yang menjadi platform kepada pembentukan komposit tekstural dan struktural (tema) telah merungkai 'apa' dan 'bagaimana' pengalaman kelangsungan hidup berlaku dalam kehidupan peserta kajian dalam menterjemahkan makna kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang dilalui oleh mereka. Justeru, analisis yang diperkenalkan oleh Moustakas (1994) yang menyenaraikan lapan peringkat analisis data memberi peluang kepada pembentukan tema secara sistematik. Konsensusnya, deskripsi tekstural dan struktural akan digabungkan menjadi satu komposit tekstural dan struktural yang akan dibincangkan selepas ini.

4.10 Komposit tekstural dan struktural peserta kajian (Tema-tema dan subtema)

Tema-tema dan subtema yang dihasilkan dalam penyelidikan adalah selaras dengan objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan pada awal penyelidikan. Memandangkan tujuan utama kajian ini adalah untuk memahami pengalaman kelangsungan hidup hidup peserta kajian yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, maka tema-tema dan subtema yang muncul merupakan hasil daripada analisis sumber data utama penyelidikan iaitu melalui tiga siri temubual yang dilakukan secara

University of Malaya

mendalam dan disokong oleh sokongan sumber data yang lain termasuklah analisis dokumen visual untuk mengukuhkan dapatan dan analisis kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

Secara keseluruhannya, komposit tekstural dan struktural menyaksikan kemunculan tujuh tema utama yang mendasari inti pati makna pengalaman kelangsungan hidup bagi tujuh orang peserta kajian yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Tema-tema yang dimaksudkan adalah (a) faktor penyumbang, (b) kitaran pertemuan-perpisahan, (c) dinamik perhubungan, (d) sistem kekeluargaan, (e) sistem sokongan, (f) mekanisma kelangsungan hidup, dan (g) pembentukan resiliens. Perincian bagi setiap tema akan dibentangkan berdasarkan Rajah 4.31.

Rajah 4.31: Komposit Tekstural Dan Struktural Pengalaman Kelangsungan Hidup Wanita Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

4.10.1 Tema 1- Faktor Penyumbang

Lembaran pengalaman hidup berasingan yang dilalui antara ahli dalam keluarga dikekang oleh beberapa faktor penyumbang yang menjadi tema awal dalam intipati makna pengalaman kelangsungan hidup individu secara keseluruhan. Perincian mengenai faktor penyumbang dimanifestasikan berdasarkan Rajah 4.32 seperti berikut:



Rajah 4.32: Tema 1- Faktor Penyumbang

a) Faktor Kerjaya

Peserta kajian secara keseluruhannya telah berkongsi dan membuat pendedahan secara terbuka mengenai pengalaman kelangsungan hidup hidup berjauhan dengan pasangan masing-masing. Faktor penyumbang yang sering dikongsi oleh kesemua peserta kajian

University of Malaya

ialah perkara yang melibatkan fakta-fakta ekstrinsik termasuklah kerjaya, keluarga, ekonomi, faktor persekitaran sebagai salah satu pendorong dalam kehidupan mereka sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Penerokaan pengalaman mendedahkan kebanyakan peserta kajian memilih jalan untuk tinggal berjauhan dengan pasangan disebabkan tekanan kerja yang menjadi faktor penyumbang paling dominan. Buktinya, PK01 beberapa kali menyatakan keadaannya yang perlu akur dengan ikatan kontrak selama lima tahun sejak tahun 2010 di sekolahnya tempat beliau bekerja menyekat hasratnya untuk mengikut suaminya berhijrah ke tempat suaminya dan pada masa yang sama kerjaya suaminya sebagai seorang pemandu teksi dan operator pengeluaran sangat menyukarkan PK01 bertemu secara bersemuka setiap hari. PK01:P22:4 [27:27], PK01:P22:6 [27:27], PK01:P14:4 [10:10].

PK02 pula menyatakan dia turut dikekang oleh kontrak perjanjian dan tidak boleh berpindah memandangkan PK02 belum sah jawatan sebagai guru di sekolahnya. Pada masa yang sama, PK02 perlu melupakan hasrat untuk tinggal serumah dengan suami lantaran skop tugas suami sebagai juruteknik di Petronas Cawangan Terenganu yang perlu tinggal di dalam kawasan apabila waktu *'on call'*. Keadaan diburukkan lagi apabila suami PK02 tidak dapat bertukar ke tempat PK02 memandangkan tiada kekosongan jawatan di Petronas Cawangan Segamat. PK02:P5:5 [19:19], PK02:5:6 [19:19], PK02:P8:27 [27:27]. Justeru, PK02 perlu memikirkan strategi dan membuat perancangan untuk tinggal serumah apabila PK02 memiliki cahaya mata kedua. PK02:P8:12 [28:28].

Bagi PK03 pula, kerjaya suaminya sebagai pegawai polis perhutanan di Kem Bakri menyebabkan suaminya perlu berpindah-randah dan tidak menetap di sesuatu tempat dalam tempoh yang lama. Sepanjang perkahwinan PK02 selama 22 tahun

University of Malaya

berjauhan dengan suami, suami PK03 akan beroperasi selama sebulan di dalam hutan dan sudah empat kali berpindah-randah menyebabkan PK03 berasa bosan dan mengambil keputusan untuk bekerja di Kuala Lumpur pada awal perkahwinan mereka sehingga PK03 melahirkan anak kedua. PK03 berhijrah pulang ke Johor supaya lebih dekat dengan ibubapanya. PK03:P15:7[36:36], PK03:P15:11[40:40]. Proses perpindahan ini menjadikan PK03 kasihan akan suami yang perlu mencari rumah sewa dan menguruskan perkara rumah yang lain dan mengambil keputusan untuk menetap sahaja di Johor membesarkan anak-anaknya. PK03:P16:20 [65:65].

Begitu juga dengan PK04 yang meluahkan bahawa keputusan PK04 dan suaminya untuk melupakan impian untuk tinggal bersama buat masa terdekat adalah kerana tugas PK04 sebagai seorang pegawai polis sejak 18 tahun lalu manakala suaminya juga merupakan pegawai narkotik yang mengalami nasib yang sama seperti PK 03 yang perlu bertukar-tukar tempat. Kini, suaminya bertugas di Pahang dan hanya berpeluang pulang ke rumah untuk bertemu PK04 dan anak tunggal mereka yang berusia 8 tahun pada hujung minggu dan terpaksa bertahan untuk bertemu sehingga hujung bulan akibat operasi polis yang sibuk dan tidak menentu. PK04:P19:19 [64:64], PK04:P19:02 [018:018].

Tuntutan kerjaya yang kuat turut dirasai oleh PK05 yang kini terpaksa mengharungi kehidupan selama 15 tahun sebagai wanita berkerjaya yang membesarkan lima orang anak seorang diri kerana suaminya mencari nafkah sebagai juruelektrik di luar negara. PK05 mengakui bahawa kegawatan ekonomi yang berlaku di Malaysia pada tahun 1998 yang lalu memberi impak besar dalam kehidupannya di mana suaminya perlu akur dengan tuntutan kerja yang ada pada masa itu yang memerlukan kepakaran suaminya untuk membuat penjanaan elektrik di kawasan yang jauh dan akhirnya terpaksa berhijrah ke luar negara semenjak anak ketiga PK05 berusia enam tahun. PK05:P9:4 [034:034], P9:5 [37:37].

University of Malaya

Kekangan kerjaya juga turut menghambat PK06 untuk merasai pengalaman hidup secara normal seperti orang-orang lain yang berkahwin apabila PK06 yang merupakan seorang pensyarah terpaksa akur dengan polisi organisasinya yang telah memberi biasiswa penuh untuk beliau melanjutkan pelajaran dan diarah berkhidmat di UiTM Pahang selama lima tahun setelah tamat pengajian. Justeru, PK06 tidak berhasrat untuk membuat permohonan untuk berpindah memandangkan dirinya sedia maklum mengenai polisi pertukaran yang agak leceh dan boleh menggugat proses pengesahan jawatannya kelak.

Pada masa yang sama, PK06 sedang mempertimbangkan hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan tidak memohon untuk mendapatkan tajaan daripada UiTM kerana polisi untuk berkhidmat selama tujuh tahun pastinya akan menyukarkan dirinya untuk membuat perancangan untuk tinggal bersama suami dan anaknya. PK06:P2:7 [15:15], PK06:2:34 [55:55], PK07:2:20 [29:29]. Tambahan pula, memandangkan suaminya kini bekerja di organisasi swasta dalam bidang sains komputer di Kuala Lumpur selesa dengan kerjaya yang dijawatnya, PK06 mengambil keputusan untuk menjalani kehidupan sebagai wanita bekerjaya yang membesarkan anak seorang diri kerana berjauhan dengan suami. PK06:2:51 [85:85].

Tidak ketinggalan, PK07 turut menjadikan kekangan kerjaya sebagai faktor dominan dalam kehidupannya.Ini kerana kerjaya suaminya sebagai pegawai TNB bahagian teknikal pencawang elektrik tidak memberi peluang kepada suaminya untuk berada tetap di kawasan berdekatan dengan tempat tinggal. PK07:P4:5[31:31], PK07:P4:10 [57:57], PK07:P4:64 [181:181]. Malah, PK07 yang merupakan seorang guru penolong kanan HEP perlu akur dengan tanggungjawab besar yang harus dipikul olehnya di mana anaknya turut bersekolah di sekolah yang sama dengan tempat PK07 mengajar. PK07:4:46 [137:137].

b) Faktor Ekonomi

Sepanjang perkongsian pengalaman, kebanyakan peserta kajian mempertimbangkan aspek ekonomi dalam pembuatan keputusan dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi PK01, hasrat suami dan dirinya untuk melangsaikan hutang yang ditanggung seperti hutang PTPTN, hutang kenderaan dan beberapa hutang yang lain. Hasrat untuk mengukuhkan ekonomi keluarga mendorong PK01 membenarkan suaminya melakukan dua pekerjaan dalam satu-satu masa. Pada masa yang sama, suasana kerja suami sebagai pemandu teksi yang dilihat sudah mempunyai pelanggan tetap mampu menjana pendapatan yang agak lumayan dalam usaha untuk merealisasikan impian PK01 dan suami yang ingin memiliki aset seperti tanah dan rumah milik mereka sendiri. PK01:22:58 [175:175], PK01:22:60 [195:195], PK01:14:4 [10:10]. Seandainya ekonomi keluarganya telah kukuh, suami PK01 akan mempertimbangkan untuk memberi fokus kepada satu pekerjaan sahaja memandangkan risiko yang mungkin berlaku akibat terlalu mengejar kerjaya dan kekayaan semata-mata.

Seperti peserta kajian lain, PK02 juga melihat usaha meningkatkan ekonomi keluarga sebagai matlamat yang perlu dicapai memandangkan kos sara hidup kini kian meningkat. Menyedari akan hakihat itu, suami PK02 tidak menggalakkan PK02 untuk mengikutnya ke Terengganu memandangkan ekonomi di tempat kediaman PK02 jauh lebih rendah berbanding di Terengganu.

Pada masa yang sama, proses berjauhan yang dialami oleh PK02 dan pasangannya kini mampu dikendalikan dengan baik kerana PK02 tidak perlu berfikir untuk membayar sewa rumah sekaligus mampu mengawal ekonomi secara optimum lantaran PK02 tinggal bersama ibubapanya. PK02:5:67 [95:95], PK02:5:68 [95:95]. PK02 juga berhasrat untuk membantu menyara keluarga dan membayar hutang PTPTN yang ditanggungnya. PK02:8:29 [72:72].

PK03 pula berkongsi sejak anaknya yang kelima menghidap penyakit masalah usus, dirinya berhenti kerja sebagai pembantu akaun untuk memberi fokus kepada anaknya. Maka, PK03 amat mengharapkan suaminya sepenuhnya untuk meningkatkan ekonomi keluarga bagi tujuan penjagaan anak dan menanggung kos rawatan dan pengurusan anaknya yang mengalami masalah usus. PK03:P15:22 [89:89].

Begitu juga dengan PK05 yang turut mengakui bahawa ekonomi di Kuala Lumpur yang sangat tinggi seakan-akan tidak memberi peluang untuk dirinya membiarkan suaminya mencari nafkah bersendirian meskipun dijanjikan gaji yang agak lumayan di luar negara memandangkan PK05 sedar akan tuntutan kewangan untuk membiayai kos kelas tambahan anak-anak, pakaian anak-anak di samping kos untuk bersalin untuk bakal anaknya yang akan lahir nanti. Sehinggakan PK05 turut mengambil tempahan membuat kek meskipun beliau sibuk menjalankan tugasnya sebagai pegawai di plaza tol. PK05:P9:37 [101:101], PK05:P9:39 [101:102], PK05:P9:40 [103:013], PK05:P9:48 [121:121].

Manakala PK04 pula mendedahkan bahawa keputusan untuk menjalani kehidupan yang dirasakan tidak normal baginya adalah disebabkan oleh ekonomi yang perlu dikukuhkan memandangkan PK04 dan suaminya terpaksa menanggung kos pengasuh anaknya disamping bantuan kewangan pembiayaan pendidikan adik suami PK04 yang masih bersekolah.

Pada masa yang sama, PK04 dan suaminya merupakan satu-satunya anak yang bekerja di sektor kerajaan. Maka dengan keadaan ini, PK04 dan suami perlu memastikan ekonomi keluarga betul-betul mantap untuk memastikan urusan rumah tangga berjalan lancar meskipun terpaksa berjauhan menjalani kehidupan sebagai suami isteri dan ibubapa kepada anaknya. PK04:19:52 [85:85], PK04:P20:32 [177:177], PK04:P20:33 [179:179].

Bagi PK06 dan PK07, aspek ekonomi dilihat dari sudut bantuan menampung kelompangan ekonomi suami yang dilihat memperoleh gaji yang agak rendah berbanding PK06 dan PK07.Justeru, bagi PK06 yang ingin membantu suaminya yang baru bekerja di syarikat swasta selepas menamatkan pengajian di peringkat sarjana. PK06:P2:51[77:77], P2:52 [80:80]. Begitu juga dengan PK07 yang ternyata mengakui kerjaya suaminya yang hanya sebagai juruelektrik yang memperolehi gaji untuk lepasan Diploma. Menyedari akan tuntutan ekonomi yang semakin meningkat saban tahun, PK07 dengan rela hati membantu suami mengukuhkan ekonomi meskipun terpaksa menjalani kehidupan tidak normal di mata masyarakat. PK07:P4:77 [205:205], P4:103 [248:248].

c) Faktor Keluarga

Keputusan untuk tinggal berjauhan juga disebabkan oleh faktor keluarga turut menjadi aspek perkongsian kebanyakan peserta kajian.PK01 berkongsi pengalaman dirinya dan pasangan yang terpaksa akur dengan tanggungjawab suaminya sebagai anak lelaki tunggal yang perlu menguruskan tanah di kampung ibunya sekaligus menjaga ibunya memandangkan ayahnya telah meninggal dunia. PK01:22:7 [33:33], PK01:22:9 [35:35]. Menyedari akan hakikat itu, suami PK01 membenarkan PK01 menetap di tempatnya kini sekaligus boleh menjaga ibubapa PK01 yang turut mahu PK01 untuk tinggal sekali-sekala dengan mereka. PK01:P22:28 [39:39].

Bagi PK02, dirinya yang merupakan anak bongsu dalam keluarga dan merupakan anak perempuan, maka ibubapanya agak risau akan keselamatan diri PK02 dan anaknya sewaktu suami PK02 tiada di sisi kerana bekerja di luar kawasan. Maka, PK02 mengambil keputusan untuk tinggal bersama ibubapanya di samping dapat menjaga mereka yang sudah tua. Pada masa yang sama, ianya boleh mengurangkan

kesukaran PK02 mencari pengasuh kerana ibubapanya dengan rela hati menjaga anaknya. PK02:5:7 [24:24], PK02:5:38 [67:67].

Begitu juga dengan kehidupan PK07. Kemahuan ibubapa yang mengharapkan PK07 yang merupakan anak tunggal perempuan untuk tinggal bersamanya sewaktu awal perkahwinan mereka. Pada masa yang sama, mertua PK07 turut berada dekat dengan tempat tinggal PK07 yang menyebabkan suami PK07 meminta pertolongan PK07 untuk memantau kesihatan dan menjenguk ibubapa mertuanya. Menyedari akan tanggungjawab kepada keluarganya dan mertuanya, PK07 akur untuk menjalani kehidupan berjauhan dengan suaminya demi membesarkan anak-anak dan kedua ibubapanya. PK07:P4:6 [33:33], PK07:P4:7 [35:35].

Begitu juga dengan PK04 yang mencapai persetujuan untuk berjauhan dengan suami semata-mata untuk menjaga ibubapa yang telah tua.Tambahan pula bapanya kini menghidap angin ahmar. Justeru, sebagai anak yang tinggal agak berdekatan dengan rumah orang tua, PK04 bergilir-gilir menjaga bapanya dengan bantuan kakaknya meskipun ibubapanya agak kurang bersetuju dengan keputusan PK04 untuk tinggal jauh dengan suaminya. PK04:19:3 [20:20], PK04:19:1 [22:22].

d) Faktor Persekitaran

Pengalaman perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh peserta kajian berkisar tentang aspek persekitaran sebagai faktor ekstrinsik. Seperti PK01, tempat tinggal yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur di sekelilingnya, kos sara hidup yang rendah, ditambah pula dengan keadaan persekitaran sekolah anak PK01 yang kondusif dan lokasi perumahan yang selamat menyebabkan PK01 mengambil keputusan untuk terus menetap di situ tanpa memikirkan secara serius mengenai cabaran berjauhan dengan suami. PK01:14:7 [54:54], PK01:12:21 [75:75]. Tambahan pula, PK01 mungkin mengalami kesukaran untuk mencari pengasuh seandainya beliau berpindah mengikut

University of Malaya

suaminya. Menyedari akan kekangan tersebut, suaminya turut mencadangkan agar PK01 untuk membesarkan anaknya di tempat tinggalnya kini. PK01:12:17 [65:65], PK01:14:10 [60:60].

Isu yang sama telah diutarakan oleh PK02 yang bersepakat dengan suaminya untuk terus tinggal berjauhan buat sementara waktu memandangkan keadaan PK02 yang telah selesa dengan persekitaran dan kehidupan sekarang. Tambahan pula, suaminya tidak berhasrat untuk menetap di Terengganu akibat perkembangan yang tidak baik untuk anaknya. PK02:P8:13 [32:32], P8:14 [34:34].

Bagi PK03 pula, memandangkan PK03 dan suaminya telahpun memiliki rumah di Johor, maka PK03 merasakan dirinya tidak perlu mengikut suaminya yang terpaksa berpindah-randah kerana mengambil kira aspek persekolahan anak yang akan terganggu akibat selalu berpindah sekolah. Pada masa yang sama, suasana kampung di kawasan perumahan PK03 sangat membantu perkembangan anak-anak secara sihat dan tidak terdedah kepada risiko gejala sosial jika anak-anaknya bergaul dengan rakan -rakan yang belum dikenali rapat oleh PK03. PK03:P15:23 [101:101], PK03:P15:15 [44:44].

Selain itu, keputusan PK04 untuk berjauhan dengan suami turut didorong oleh kesukaran mencari pengasuh yang betul-betul boleh diharapkan sebagaimana pengasuh yang sedang mengasuh anak tunggalnya kini. PK04:P20:28 [85:85], PK04:P20:21 [73:73]. Pada masa yang sama, PK04 risau akan persekitaran persekolahan anak yang mungkin kurang kondusif seperti jarak antara rumah dengan sekolah dan jarak antara sekolah kebangsaan dan sekolah agama yang jauh. PK04:20:9 [85:85].

Begitu juga dengan PK05 yang bertegas untuk tinggal di Kuala Lumpur meskipun sedar akan kos hidup yang tinggi, namun bagi PK05, dirinya telah terbiasa dengan kehidupan tersebut dan sedar dunia anak-anaknya sedang mengalami

perkembangan di situ. Tambahan pula, pelanggan-pelanggan yang menempah kek daripadanya dapat dijadikan sumber pendapatan sampingan.

Tidak ketinggalan, PK06 turut berkongsi pengalaman di mana keadaan di Pahang yang dilihat agak terhad dari sudut pasaran kerja yang bersesuaian dengan pendidikan dan bidang kepakaran yang dimiliki suaminya berbanding dengan peluang kerjaya yang lebih terbuka di Kuala Lumpur. PK06:2:96 [85:85].

Malah PK07 mengakui bahawa dirinya telah selesa dengan persekitaran kerja, kediaman yang dekat dengan ibubapa yang menyenangkan PK07 memantau ibubapanya dan suaminya mengakui sudah sebati dengan keadaan di Segamat dan menganggap tempat-tempat lain adalah lubuk mencari rezeki sahaja dan akan kembali menetap di kediaman mereka di Segamat kelak. PK07:4:11 [57:57], PK07:4:14 [77:77].

Secara keseluruhannya, tema mengenai faktor penyumbang yang menjadi perkongsian peserta kajian dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh dapat dirumuskan secara menyeluruh menerusi Jadual 4.57 seperti di bawah.

Jadual 4.57: Tema 1- faktor penyumbang

SUBTEMA/KATEGORI	PESERTA KAJIAN						
	PK01	**PK02**	**PK03**	**PK04**	**PK05**	**PK06**	**PK07**
• Kerjaya	/	/	/	/	/	/	/
• Ekonomi	/	/	/	/	/	/	/
• Keluarga	/	/	/	/	/	/	/
• Persekitaran	/	/	/	/	/	/	/

University of Malaya

4.10.2 Tema 2: Kitaran Pertemuan-Perpisahan

Secara keseluruhan, perkongsian pengalaman kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh banyak mengutarakan aspek-aspek yang melibatkan reaksi afektif, reaksi tingkahlaku dan reaksi kognitif sepanjang tempoh kitaran pertemuan-perpisahan antara pasangan dan anak yang tinggal berjauhan. Justeru, perbincangan yang menjurus kepada reaksi tersebut dapat dijana berpandukan Rajah 4.33.



Rajah 4.33: Tema 2- kitaran pertemuan-perpisahan

4.10.2.1 Reaksi Afektif

Secara keseluruhan, perkongsian pengalaman kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh banyak mengutarakan aspek-aspek yang melibatkan reaksi afektif sepanjang tempoh kitaran pertemuan-perpisahan antara pasangan dan anak yang

University of Malaya

tinggal berjauhan. Reaksi afektif yang sering dikaitkan oleh peserta kajian adalah melibatkan perasaan sedih, rindu, stress, sunyi, teruja, dan merajuk.

a) Sedih

Kebanyakan peserta kajian memberi respondan reaksi sedih sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan yang berlaku. Bagi PK01, pengalaman dirinya membesarkan anak tanpa bantuan suami mahupun keluarga kadangkala menjentik perasaan sedih di hatinya khususnya apabila anaknya kurang sihat dan pengasuh kurang sihat. PK01:22:62 [135:135]. Malah PK01 mengakui usahanya untuk menjaga hati kedua-dua belah pihak keluarganya kadangkala mengundang rasa sedih kerana ibunya selalu mempertikaikan tindakan PK01 dan pasangannya yang tidak melawat adik-beradik apabila pulang ke kampung akibat kekangan masa. PK01:22:63 [177:177]. Pada masa yang sama, kekangan masa bersama menimbulkan kesedihan apabila terpaksa berpisah dengan suaminya khususnya anak yang akan merengek apabila ayahnya hendak pulang.

PK02 turut melahirkan rasa sedih setiap kali ingin berpisah dengan suami masing-masing kerana ingin pulang ke tempat kerja mereka. Bagi PK02, impian yang tidak kesampaian untuk menikmati kehidupan di bawah satu bumbung bersama suami dalam membesarkan anak-anak meruntun kesedihan di hati PK02. PK02: 7:55 [042:042], PK02:7:56 [044:044].

Tidak dinafikan, PK04 turut menyatakan bahawa ada waktu-waktu yang tertentu dirinya akan berasa sedih semasa berlakunya kitaran pertemuan-perpisahan antara pasangan dan anaknya. Hal ini berlaku apabila PK04 dan pasangan bercuti beberapa ketika dalam tempoh yang agak lama dan terpaksa berpisah buat sementara waktu. Suaminya menangis apabila bersalaman dengan PK04 yang menyedihkan PK04 dan anaknya meskipun mereka sedar bahawa

University of Malaya

perpisahan yang berlaku adalah bersifat sementara. PK04:18:1 [4:4], PK04:18:21 [36:36]. Bagi anak PK04 pula, reaksi sedih ditonjolkan apabila suami PK04 terpaksa membatalkan rancangan di saat-saat akhir akibat tugasan mengejut yang perlu dilaksanakan yang menyebabkan PK04 terpaksa memujuk dan berpesan kepada suami PK04 untuk tidak menabur sebarang janji kepada anaknya. PK04:19:68 [119:119], PK04:19:70 [121:121], PK04:19:69[121:121]) Pada masa yang sama, PK04 terpaksa menahan rasa sedih apabila suaminya tiada di sisi ketika PK04 sakit dan ingin suami menjaganya di rumah. PK04:19:31 [70:70].

Kesedihan yang melanda turut dikongsi oleh PK06 apabila dirinya terpaksa berjauhan dengan suami dan bersendirian mengurus anaknya yang masih berusia tiga bulan.Pengalaman pertama sebagai ibu ditambah baru pertama kali berada di Pahang amat menyedihkan dirinya. (PK06:2:9[19:19], PK06:2 [89:89]).

Tidak ketinggalan, PK07 mengakui dirinya sedih setiap kali ingin berpisah dengan pasangannya walaupun dirinya tidak menonjolkan perasaan itu di hadapan suaminya. PK07:3:37 [45:45].

b)Rindu

Reaksi afektif seperti perasaan rindu menjadi perkongsian oleh kesemua peserta kajian yang ditemubual. Ekspresi rindu diluahkan oleh PK01 di mana dirinya merindui suami dan sentiasa menginginkan suaminya di sisi. Untuk mengatasi kerinduan tersebut, masing-masing akan menyibukkan diri tanpa perlu terlalu melayan perasaan rindu itu. Kadangkala, perasaan rindu itu dikiaskan kepada anak PK01 kerana kadangkala PK01 malu untuk meluahkan perasaan kerana

PK01 menyedari bahawa pasangannya bukan seorang yang romantik. PK01:P22:26 [84:84], PK01:22:25 [84:84], PK01:22:31[86:86].

PK02 turut berkongsi perasaan yang sama setiap kali menatap wajah anaknya yang mirip wajah suaminya yang menjadikan dirinya rindu sepanjang tempoh perpisahan dengan pasangannya. PK02:5:57 [81:81], PK02:8:14 [38:38]). Apabila PK02 meluahkan perasaan rindu sehingga menangis kepada suaminya, ternyata suaminya agak risau dan menyarankan agar PK02 cuba bertahan kerana apabila PK02 tidak dapat mengendalikan rindu itu, ianya turut memberi kesan kepada suaminya yang tinggal seorang diri di rumah sewa berbanding diri PK02 yang tinggal dengan ibubapa yang pastinya tidak sunyi. PK02:8:20 [48:48], PK02:8:30 [46:46].

Begitu juga dengan PK03, meskipun sibuk menguruskan anak-anak, PK03 mengakui merindui suaminya yang jauh di mata apabila anak-anak tiada di rumah kerana terlibat dengan sesi persekolahan PK03:16:6 [41:41] dan PK03 turut mengakui apabila sesekali berjauhan dengan pasangan, perasaan rindu dapat dilepaskan apabila bertemu. PK03:16:6 [41:41].

Bagi PK04 pula, beliau masih mampu melalui liku-liku kehidupan berjauhan demi pengorbanan terhadap ibubapanya walaupun akur kadangkala dirinya gembira, terlalu rindu pada pasangan, ada masanya bila rindu dirinya menangis. PK04:19:122 [86:86]. Seperti peserta kajian yang lain, PK05 dan PK07 mengakui dapat menahan rasa rindu kerana kesibukan menguruskan anak-anaknya yang sememangnya mempunyai ragam yang pelbagai. PK07:3:6 [9:9] .Namun jauh di sudut hati, PK07 merindui bayang-bayangnya setiap saat dan menatap gambar di telefon bimbit. PK07:3:9 [11:11].

University of Malaya

c) Stress

Kitaran pertemuan-perpisahan sememangnya boleh menimbulkan reaksi stress sebagaimana yang dikongsi oleh peserta kajian. Perasaan sedemikian timbul dalam diri PK02 yang kadangkala mengalami stress apabila terpaksa berada dalam keadaan kelam-kabut menguruskan kerja di sekolah dan anak di rumah tanpa bantuan dari suami meskipun sedar bahawa pilihan berjauhan dari suami adalah pilihan mereka sendiri. PK02:5:34 [67:67], PK02:5:35 [67:67].

Begitu juga dengan PK03 yang mengakui mampu mengendalikan tekanan yang dialami termasuklah kerenah anak-anak yang kadangkala tidak mendengar kata PK03. PK03:17:54 [164:164] .

Bagi PK04, meskipun beliau mempunyai seorang anak tunggal yang dijaga oleh pengasuhnya, PK04 mengakui kerjayanya sebagai polis yang tidak menentu terpaksa menguruskan anaknya tanpa bantuan suami dari aspek persekolahan, seperti mengambil dan menjemput anak dari sekolah, yang menyebabkan dirinya terkejar-kejar dan akhirnya menimbulkan stress dalam dirinya. PK04:19:21 [213:213], PK04:19:129 [87:87]. Baginya reaksi stress mula timbul sejak anaknya memasuki alam persekolahan. PK04:19:17 [64:64], PK04:19:18 [64:64].

Demikian juga kehdupan PK05 yang terpaksa membesarkan empat orang anak seorang diri tanpa bantuan sesiapa di kota besar sepanjang ketiadaan suami dalam tempoh yang lama turut merasa agak stress tambahan pula, seawal kelahiran anaknya yang ketiadan pembantu rumahnya lari. PK05:9:17 [67:67], PK05:9:14 [65:65].

PK06 pula mendedahkan bahawa kehidupan berjauhan dan berpisah dengan pasangannya mengundang stress apabila PK06 memikirkan

University of Malaya

kehidupannya yang tidak sama dengan kehidupan orang lain di samping memikirkan suaminya berseorangan di rumah. Tambahan pula, emosinya diuji apabila dirinya seorang diri menjalani kehidupan ketika mengandung anaknya yang kedua tanpa bantuan sesiapa bersamanya. PK06:2:49 [77:77], PK06:2:87 [181:181].

Begitu juga dengan PK07 yang menyatakan bahawa dirinya agak stress apabila ibunya berkecil hati dengan mereka setiap kali suaminya pulang untuk bertemu PK07 dan ingin mengambil cucunya ke rumah mereka ditambah dengan tabiat suaminya yang terlalu boros berbelanja untuk anak-anaknya setiap kali pulang ke rumah.

Ternyata, reaksi stress yang dialami oleh peserta kajian disebabkan oleh keadaan yang pelbagai sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan antara peserta kajian dengan pasangan masing-masing mahupun dengan anak.

d) Sunyi

Kebanyakan peserta kajian mengadu bahawa mereka berasa sunyi dalam tempoh perpisahan yang berlaku. Seperti PK01, meskipun dirinya tinggal bersama rakan di rumah sewanya dan sekali-sekala menjenguk ibu di kampung, namun dirinya akan dihambat rasa sunyi tatkala selesai menidurkan anak di waktu malam. Apabila perasaan sunyi itu datang, PK01 segera melawan sunyi itu dengan menelefon suaminya dan begitulah sebaliknya. Namun begitu, kekangan kerja suami yang tidak menentu menghambat PK01 untuk menghubungi suaminya setiap masa dan kadangkala suaminya juga perlu mencari masa sesuai untuk menghubungi kembali PK01 memandangkan suaminya akan lapang pada waktu lewat malam. PK01:22:26 [108:108].

University of Malaya

Begitu juga dengan PK02 yang mengakui bahawa dirinya berasa sunyi sebelum kehadiran anak dalam hidup PK02 dan suaminya.Namun, sejak kehadiran puteri kesayangannya dirinya tidak lagi berasa sunyi dan menganggap anaknya sebagai penguat dan peneman PK02 di kala dirinya kesunyian. PK02:8:19 [44:44], PK02:5:44 [77:77]. Begitu juga dengan keadaan suaminya yang bersendirian di Kerteh yang memaksa suaminya membela seekor kucing untuk menghilangkan rasa sunyi tatkala suaminya berjauhan dengan PK02 dan anak. PK02:8:31 [48:48].

Seperti PK02 dan PK01, PK04 yang mempunyai hanya seorang anak turut merasai pengalaman sunyi apabila menjelang waktu malam setelah anaknya tidur. PK04:18:22 [36:36]. Rasa sunyi yang menerjah ruang hati PK04 kadangkala menyebabkan dirinya rasa hanya berseorangan menjalani kehidupan yang penuh ujian ini.

Bagi PK03 yang mempunyai anak yang agak ramai, rasa kesunyian itu tidak berapa ketara.Ini kerana, kesunyian yang dirasai oleh PK03 disalurkan dengan kesibukan menguruskan anak-anak di rumah. Pada masa yang sama, PK03 yang gemar membuat kraftangan akan menjalankan hobinya untuk mengurangkan rasa sunyi bersendirian semasa ketiadaan anak-anak dan suami di rumah di samping menghabiskan masa dengan membaca buku-buku ilmiah dan majalah yang boleh memberi inspirasi kepada kehidupan PK03. PK03:47:9 [15:15], PK03:15:71[184:184].

e) Teruja

Tindakbalas emosi seperti keterujaan menjadi aspek pendedahan oleh beberapa orang peserta kajian dalam menterjemahkan makna pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dilalui oeleh mereka. Buktinya, PK02

University of Malaya

mengakui suaminya seringkali menyuarakan keterujaan untuk pulang ke rumah untuk melihat keletah bayi mereka yang sedang mengalami proses perkembangan secara langsung di depan mata berbanding menyaksikan aksi-aksi lucu bayinya menerusi rakaman video yang dihantar oleh PK02 melalui kemudahan whatsapp.PK02 : 08:10 [22:22].

Tidak ketinggalan, PK05 turut berkongsi pengalaman anak-anak yang kelihatan teruja menanti kepulangan suami PK05 dari luar Negara kerana menanti hadiah-hadiah atau cenderamata dari Luar Negara yang dibelikan oleh suami PK05. Pada masa yang sama, hubungan yang rapat antara anak-anak dengan suami PK05 turut mengundang rasa teruja di hati anak-anak setiap kali mengetahui suami PK05 akan pulang memandangkan suaminya telah meninggalkan mereka dalam tempoh yang agak lama. PK05: 09:22 [082:082].

Tidak terkecuali, PK07 turut mengekspresikan rasa teruja di hati anak-anak dan dirinya setiap kali menanti kepulangan suami tersayang ke rumah mereka. Keterujaan yang hadir di hati PK07 membuatkan jiwanya sentiada berdebar-debar dan bergelora umpama baru pertama kali bertemu di saat mereka bergelar kekasih. PK07 : 03:33 [39:39], PK07: 03: 34 [39:39].

University of Malaya

4.10.2.2. Reaksi tingkahlaku

Sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan antara pasangan dan anak-anak, beberapa reaksi tingkahlaku yang telah dipamerkan oleh peserta kajian. Aspek yang menjelaskan reaksi tingkahlaku dapat di huraikan melalui (a) penyesuaian,(b) *travelling*, (c) kesetiaan,(d) penantian, (f) kejujuran, (g) keintiman, (h) pengorbanan, (i) perancangan, dan (j) komunikasi.

a) Penyesuaian

Kronologi pertemuan dan perpisahan yang berlaku menyebabkan peserta membuat penyesuaian yang sesuai. Sebagai contoh, PK01 dan PK02 mengakui perlu membuat penyesuaian khusus dalam jadual memandangkan anak yang masih bayi. Bagi PK02 yang baru bergelar ibu, tempoh pertemuan dan perpisahan antara suami merupakan tempoh PK02 membuat adaptasi khususnya memilih waktu yang sesuai untuk membawa anaknya keluar dan menyesuaikan diri dengan karenah dan perangai suami. PK01:05:69 [095:095].

Bagi PK03 yang mengahwini suami atas dasar pilihan keluarga, tempoh awal perkahwinan ditambah pula dengan kesukaran berjauhan dengan suami menyebabkan PK03 perlu menyesuaikan diri dalam proses mengendalikan pasangannya dengan lebih mendalam. Pada masa yang sama, PK03 turut mengakui bahawa perpisahan yang berlaku menyebabkan PK03 selesa bersendirian dan kadangkala terlupa untuk membuat penyesuaian lantaran terleka dengan keselesaan itu semasa suami berada di rumah. PK03:15:45 [138:138], 15:25 [107:107] 16:8 [43:43].

PK04 turut berkongsi pengalaman untuk menyesuaikan diri agar dapat memastikan hubungan suami isteri, keluarga mertua, ipar duai dan persekitaran dapat dijalinkan dengan baik memandangkan PK04 mungkin akan memerlukan bantuan daripada pihak-pihak tertentu semasa tempoh ketiadaan suami di sisi. PK04:20:48 [215:215] , 21:10 [16:16].

Tidak ketinggalan, PK06 menyatakan tempoh pertemuan dan perpisahan di peringkat awal perkahwinan menuntut PK06 membuat penyesuaian yang sangat sukar bagi PK06. PK06: 2:15 [23:2].

University of Malaya

c) Perjalanan ulang-alik *(traveling)*

Aktiviti ulang-alik *(traveling)* menjadi isu perkongsian oleh beberapa peserta kajian sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan. PK01 menyuarakan bahawa proses ulang-alik yang dilalui oleh dirinya sebelum memiliki anak dan suaminya menyebabkan suaminya mengadu kepenatan kerana terpaksa bergerak seawal 4 pagi setiap kali ingin kembali berpisah dengan PK01 dan anaknya. PK01:22:35 [117:117], 22:9 [57:57], 22:11 [57:57].

PK02 pula meluahkan bahawa perpisahan yang berlaku menyebabkan suaminya akan pulang setiap minggu semenjak mereka memiliki anak samada menaiki bas, memandu kenderaan sendiri mahupun menumpang rakan. PK02 :5:8 [27:27], 5:9 [27:27]. Proses ulang-alik sepanjang tempoh pertemuan-perpisahan ternyata mengundang kebimbangan di hati PK02.

Tidak ketinggalan, istilah 'perjalanan' yang telah diterjemahkan oleh PK03 dalam pemberian makna perkataan PJJ mengungkap aspek proses ulang-alik yang terpaksa dilalui oleh PK03 khususnya suaminya yang akan berulang alik selama 2 kali seminggu PK03 :16:17 [55:55], 15:76 [196:196], 17:36 [140:140].

Seperti peserta kajian lain, PK04 yang menganggap tindakan berulang-alik pada hujung minggu menjadi satu tindakan yang perlu dilaksanakan untuk menjana kesinambungan perhubungan antara ahli keluarga PK04. PK04:17:1 [70:70].

Sementara itu, PK06 turut membuat pendedahan bahawa keadaan mereka yang dibatasi jarak mendorong mereka untuk bergilir-gilir berulang-alik untuk menemui pasangan masing-masing pada hujung minggu meskipun ia melibatkan

kos yang sangat tinggi sepanjang proses ulang-alik iaitu sebanyak RM500 untuk kos perjalanan selama sebulan. PK06:2:64 [117:117].

Tidak ketinggalan, PK07 yang mengakui bahawa dirinya dan anak telah sedia maklum mengenai waktu ulang alik suami PK07 yang berlaku seminggu sekali iaitu pada hujung minggu. PK07: 03:40 [121:121].

c) Kesetiaan

Aspek kesetiaan yang menjadi respon tingkah laku telah menjadi topik perkongsian bagi sesetengah peserta kajian. Bagi PK01 yang sentiasa memastikan bahawa dirinya dan suami setia terhadap pasangan masing-masing walaupun mereka tidak dapat mengakses pasangan secara langsung setiap hari. PK01:22:29 [84:84].

Begitu juga dengan PK05 yang menganggap tindakan untuk setia sebagai satu aspek yang sangat penting memandangkan suaminya PK05 meninggalkan dirinya di luar negara. Lantaran itu, PK05 telah menterjemahkan frasa "jangan main kayu tiga" mewakili huruf "PJJ" secara keseluruhannya. PK05:12:21 [80:80].

Tidak ketinggalan, PK06 menjadikan tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara diri PK06 dan suaminya sebagai satu ujian untuk menguji kesetiaan sepanjang suami PK06 jauh di mata. Bagi PK06, jika dirinya setia, suaminya tidak tergamak untuk mencalar kesetiaan yang ditunjukkan oleh PK06. PK06: 47:1 [07:07].

d) Penantian

Tingkahlaku yang merujuk kepada penantian menjadi topik perkongsian kebanyakan peserta kajian. Buktinya, PK03 telah meluahkan bahawa saat

University of Malaya

menanti suami pulang ke rumah menjadi satu penyeksaan melihat jam berdetik. PK03:17:46 [154:154].

Tidak ketinggalan, PK04 berkongsi pengalaman anaknya yang kerap kali bertanya bila ayahnya akan sampai ke rumah kerana telah berjanji untuk pergi bercuti seisi keluarga. PK04:17:29 [182:182], PK04: 17:30 [185:185].

Selain itu, PK06 dan PK07 akan menanti setiap hari Jumaat untuk memastikan suami tersayang dapat ditemui dengan selamat. Kadangkala terdetik di hati PK06 dan PK07, sampai bila kehidupan mereka akan berubah. PK06: 3:35 [43:43], PK07: 3: 41 [49:49].

e) Kejujuran

Rentetan pengalaman kelangsungan hidup peserta kajian dalam perkahwinan jarak jauh menyaksikan elemen kejujuran sebagai topik yang muncul dalam perkongsian kisah hidup peserta kajian. Bagi PK01 tindakan suami dan diri PK01 yang sentiasa berterus terang dan bersikap jujur mengenai setiap perkara yang berlaku dalam aktiviti harian masing-masing. PK01: 22:28 [084:084] PK02: 22:30 [084:084].

Aspek yang sama turut dikongsi oleh PK04 yang menjadikan kejujuran sebagai elemen yang sangat penting memandangkan PK04 tidak dapat mengakses secara langsung setiap kegiatan suaminya dan begitulah sebaliknya. PK04:19:9[062:062], PK04:19:15 [062:062], PK04: 19:89 [145:145].

Begitu juga dengan PK06 yang merasakan bahawa tindakan untuk berlaku jujur sebagai sesuatu yang bukan mudah untuk direalisasikan kerana kejujuran kepada diri sendiri, Allah dan pasangan mampu membawa hubungan ke jalan yang diberkati. PK06 : 45:13 [25:25].

University of Malaya

f) Keintiman

Penerokaan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh peserta kajian telah mengetengahkan elemen keintiman sebagai topik perbincangan yang tidak kurang pentingnya. Bagi PK01, isu keintiman yang menjurus kepada aspek seksual tidaklah menjadi isu yang besar kerana PK01 mengakui suaminya memahami situasi PK01 yang mengalami haid yang lama dan tidak mendesak sekiranya niat untuk menjalankan aktiviti seksual tidak dapat dipenuhi oleh PK01 akibat kekangan yang tidak dapat dielakkan malah bersedia untuk mencari peluang yang sesuai jika suaminya tidak dibelenggu kesibukan kerja yang tidak tentu masa. PK01: 12:01[15:15], PK01 :12:03 [18:18], PK01:12:04[21:21].

Selain itu, PK02 turut mendedahkan bahawa isu keintiman ini menjadi perkara asas yang perlu dibawa berbincang dengan berhemah. Ini kerana, keadaan PK02 yang baru mengalami pengalaman bersalin yang menyebabkan keinginan seksual agak terbatas. Menyedari akan kekangan tersebut ditambah pula dengan situasi PK02 yang sedang menyusukan bayi memerlukan PK02 untuk berbincang secara telus untuk mengelakkan salah faham di hati suami PK02. PK02 mengakui tindakan nya itu menyebabkan dirinya kasihan dengan suaminya, namun tetap bersyukur kerana suami PK02 ternyata dapat menerima dengan hati terbuka keadaan dan kesukaran yang dialami oleh PK02. PK02: 07:53[122:122], PK02: 07:54[154:154].

Pada masa yang sama, isu keintiman seksual turut menjadi topik perkongsian PK03 di mana PK03 mengakui bahawa beliau tidak selalu membincangkan isu ini dengan suami memandangkan aktiviti tersebut tidak menjadi isu besar dalam rumahtangga mereka. Menyedari akan faktor usia yang

University of Malaya

semakin meningkat, PK03 mengakui nafsu tidak begitu tinggi disebabkan perubahan hormon dan ia dapat diatasi dengan baik selepas membuat perbincangan bersama pasangannya. PK03: 15:35 [122:122], PK03: 15:36 [124:124], PK03: 17:30 [124:124].

PK05 tidak terkecuali untuk mengulas mengenai isu seksualiti yang tidak menjadi satu masalah besar meskipun suaminya jauh meninggalkan dirinya dalam tempoh yang lama. Ini kerana, PK05 mengakui sikap suaminya yang menerima secara terbuka kekangan yang menghalang aktiviti seksual secara kerap kerana dibatasi jarak. Tambahan pula, fokus kehidupan PK05 dan suami lebih terarah kepada menjaga anak-anak yang ramai menyebabkan beliau tiada masa untuk memikirkan isu yang dianggap tidaklah begitu penting dan masih boleh dikendalikan dengan baik. PK05: 10:06 [16:16].

Tidak ketinggalan, PK06 turut mendedahkan mengenai isu keintiman seksual yang perlu ditangani dengan bijak pada peringkat permulaan memandangkan suami PK06 kurang arif mengenai isu yang melanda wanita yang telah bersalin atau dikekang masalah wanita yang lain. Perbincangan secara berterusan dilihat berjaya untuk memberi pemahaman yang jelas kepada suami dan perancangan untuk menjalankan aktiviti seksual turut diaplikasikan oleh PK06 memandangkan situasi mereka yang dibatasi waktu bersama yang sangat terhad. Maka, PK06 akan memohon cuti selama seminggu untuk pergi berbulan madu sepanjang tempoh dirinya subur bagi memastikan aktiviti seksual yang berkualiti. PK06: 02:79 [151:151], PK06: 02:80 [153:153].

g) Pengorbanan

Kitaran pertemuan dan perpisahan yang dilalui oleh peserta kajian mendorong mereka untuk melakukan pengorbanan. Buktinya, PK01 membuat pengorbanan

University of Malaya

untuk berjauhan dengan suami semata-mata untuk memenuhi kehendak kerjaya yang menghalang mereka untuk tinggal sebumbung. Walaupun mengakui agak sukar melalui kehidupan sedemikian, PK01 terpaksa berkorban perasaan dan masa untuk membenarkan suaminya bekerja di tempat yang membolehkan suaminya mudah mendapatkan pelanggan untuk teksi dan pada masa yang sama menjalankan tanggungjawab sebagai anak terhadap ibu bapa untuk menjaga mereka yang telah tua memandangkan suami PK01 merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarganya. PK01: 12:32 [133:13].

Pada masa yang sama, PK02 turut menyuarakan pengorbanan suaminya yang akan cuba menukar jadual kerja dengan rakan sekerja semata-mata untuk memperoleh nikmat masa yang tidak selalu diperoleh dengan mudah bagi keluarga PK02 meskipun suami PK02 ditawarkan gaji yang tinggi kerana bekerja pada waktu kemuncak atau cuti perayaan. Bagi PK02, pengorbanan untuk mendapatkan kualiti keluarga bahagia adalah lebih berbaloi berbanding jumlah wang yang mungkin boleh bertindak mengaburi mata dan bersifat sementara. PK02: 07:08 [16:16].

Tidak ketinggalan, PK03 turut menterjemahkan aspek pengorbanan yang merangkumi pengorbanan masa, kasih sayang dan tenaga semata-mata untuk kepentingan anak-anak tanpa perlu menghiraukan kepentingan diri sendiri. PK03:16:16 [55:55].

Selain itu, pengorbanan untuk menjalani kehidupan sebagai isteri yang berjauhan dengan suami demi menjaga ayah yang sedang uzur menjadi topik perbincangan PK04. Seakan nekad dengan keputusan tinggal berjauhan, pengorbanan yang dilakukan oleh PK04 dilihat sesuatu yang berbaloi memandangkan pengorbanan dari sudut tenaga, masa dan perasaan yang

University of Malaya

dilakukan oleh PK04 telah membuahkan nikmat yang lebih besar khususnya kemudahan untuk memperoleh pengasuh yang baik, rakan sekerja dan organisasi yang sangat memahami kehidupan PK04 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. PK04: 19:04 [22:22], PK04: 19:29 [68:68].

Tidak ketinggalan, PK05 turut mengutarakan mengenai pengorbanan beliau dan suami untuk tinggal berjauhan demi menjana ekonomi keluarga yang lebih kukuh sehingga menyebabkan PK05 terpaksa berkorban sepenuh masa dan tenaganya untuk membesarkan semua anaknya secara bersendirian selepas ketiadaan pembantu rumah. Bagi PK05, pengorbanan yang telah dilakukan oleh kedua-dua belah pihak perlu dihargai oleh pasangan masing-masing. PK05: 11:02 [12:12], PK05: 11:32 [200:200].

PK07 tidak terkecuali untuk berkongsi pengalaman mengenai pengorbanan PK07 untuk turut membantu hampir kesemua perbelanjaan rumahtangga memandangkan gaji PK07 yang jauh lebih tinggi berbanding suami PK07. PK07: 03:23 [26:26], PK07: 03:42 [49:49].

h) Perancangan

Menyingkap kembali pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, kebanyakan perserta kajian telah mengetengahkan aspek perancangan sebagai isu perbincangan. Buktinya, PK01 akan berbincang mengenai perancangan aktiviti seperti membeli belah pakaian untuk hari perayaan, barangan keperluan dapur dan sebagainya. Justeru, PK01 terlebih dahulu akan memastikan jadual suaminya tidak padat untuk merealisasikan segala perancangan yang telah diatur rapi. PK01:12:15 [61:61].

University of Malaya

Di samping itu, PK02 turut berkongsi pengalaman suaminya yang akan membuat perancangan dari sudut pembahagian waktu kerja dengan rakan sekerjanya sekiranya PK02 mengalami kesukaran yang memerlukan suaminya untuk segera pulang ke rumah. Konsep perancangan tidak hanya terhad setakat itu tetapi turut melibatkan perancangan dari sudut simpanan pendidikan anak dan insurans anak. PK02: 05:54 [87:87], PK02: 05:73 [107:107], PK02: 05:74 [109:109], PK02: 7:59 [50:50].

Selain itu, PK03 membuat pendedahan mengenai aspek perancangan aktiviti yang sangat penting memandangkan limitasi masa yang mengekang kehidupan mereka. PK03 akan bersiap sedia dengan pelbagai pelan aktiviti termasuk percutian, penggiliran pulang ke kampung yang boleh dilaksanakan secara fleksibel seandainya berlaku sesuatu di luar kawalan yang memerlukan ahli keluarga menukar pelan secara mendadak. Limitasi hidup berjuhan yang meningkatkan kos pengurusan dua isi rumah ditambah dengan kos perjalanan mendorong PK03 dan suami membuat perancangan kewangan yang sistematik kerana PK03 tidak lagi mampu untuk menampung perbelanjaan kerana tidak lagi bekerja. PK03: 16:26 [73:73], PK03: 16:27 [79:9], PK03: 16:28 [81:81].

Tidak dinafikan, aspek perancangan turut menjadi asas peluahan PK04. Bagi PK04, perancangan dari sudut kewangan menjadi isu yang perlu diberi perhatian yang agak serius memandangkan perhubungan jarak jauh yang dilalui oleh PK04 dan pasangannya melibatkan peningkatan kos panggilan yang sangat tinggi, kos perjalanan dan kos pengurusan dua isi rumah. Tidak cukup dengan itu, kos penjagaan dan rawatan bapa PK04 ditambah dengan pembiayaan pendidikan adik ipar PK04 amat mengekang mereka daripada berbelanja secara boros. Justeru, kesesakan kewangan yang kadangkala menghantui kehidupan PK04 dan keluarganya menyebabkan PK04 perlu membuat perancangan rapi

University of Malaya

dari aspek kewangan. PK04: 19:86 [143:143], PK04: 20:27 [169:169], PK04: 20:28 [171:171].

Selain itu, PK05 yang amat menitikberatkan perancangan sistematik khusus dalam rutin harian beliau mengakui jadual yang sistematik sangat membantu dirinya menguruskan rumahtangga secara bersendirian meskipun sibuk dengan kerjaya sebagai jurutol. PK05 mengakui tindakannya melaksanakan aktiviti mengikut tahap kepentingan sesuatu perkara memudahkan beliau mengurus jadual hariannya tanpa bantuan suami di sisi. PK05:09:20 [78:78], PK05: 9:44 [115:115], PK05: 09:57 [143:143].

Tidak ketinggalan, PK06 turut meluahkan bahawa kekangan masa mendorong dirinya untuk membuat perancangan yang rapi khusunya masa untuk membuat kertas kerja penyelididikan PhDnya memandangkan dirinya tidak boleh membuat kerja di rumah kerana memberi tumpuan sepenuhnya kepada kedua orang anaknya. PK06: 2:8 [167:167].

Akhirnya, PK07 berkongsi pengalaman membuat perancangan khusus dari segi percutian seisi keluarga, tempoh pertemuan, perancangan kos memandangkan ia melibatkan waktu cuti PK07 dan suami yang tidak sama, pengurusan dua isi rumah, kos percutian, dan kos panggilan. PK07: 03:32 [37:37].

i) Komunikasi

Aspek komunikasi menjadi elemen yang penting dalam perkongsian pengalaman setiap peserta kajian yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi PK01 ,PK02 dan PK03 yang sering menggunakan komunikasi berlapik untuk menyampaikan sesuatu perkara dan bertindak mendiamkan diri buat sementara waktu seandainya timbul konflik dalam komunikasi mereka, tindakan

University of Malaya

sedemikian dilihat berkesan untuk menjaga hati pasangan masing- masing sementara menunggu emosi pasangan stabil untuk sesi perbincangan seterusnya. PK01: 22:50 [15:157], PK02: 12:6 [031:031], PK01: 12:09 [39:39], PK02:07:31 [78:78], PK02: 08:15 [40:40], PK03: 15:37 [126:126], PK03: 17:29 [124:124].

Berbeza dengan PK04 dan PK05 yang lebih bersikap terbuka dan berterus terang dalam komunikasi bersama pasangan, tindakan tersebut dilihat wajar untuk mengelakkan berlakunya salah faham antara pasangan. Meskipun pahit kebenarannya, namun ia perlu disampaikan secara terbuka tanpa berselindung. PK04:10:08 [22:22], PK04:19:34 [70:70], PK04:20:23 [159:159], PK05:10:8 [22:22], PK05: 10:07 [20:20].

Tidak ketinggalan, PK06 dan PK07 turut mendedahkan bahawa konlik yang timbul akibat komunikasi yang tidak berkesan melalui pesanan ringkas kadangkala mengundang situasi yang tidak selesa. Justeru, PK06 dan PK07 tidak mahu membiarkan masa yang terhad dibazirkan dengan konflik yang tidak berkesudahan sebaliknya mencari titik penyelesaian secepat mungkin. PK06: 47:7 [13:13], PK06: 26:8 [131:131], PK07: 4:101 [250:250].

j) Soal selidik

Tindakan untuk menjalankan soal selidik ke atas pasangan menjadi elemen perkongsian dua orang peserta kajian sepanjang tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara peserta kajian dengan pasangan masing-masing. Buktinya, PK02 kadangkala bertindak menyoal dan bertanyakan beberapa soalan perangkap untuk menguji suaminya. Ternyata, PK02 masih berpuas hati kerana suaminya menjawab semua pertanyaan yang diajukan tanpa sebarang persoalan dan riak yang mencurigakan. Tindakan yang dilakukan bukanlah untuk

University of Malaya

mengongkong suami tetapi lebih kepada langkah pencegahan bagi sebarang kemungkinan. PK02: 08:23 [60:60].

Tidak ketinggalan, PK04 yang tidak mudah percaya dengan khabar angin yang sampai mengenai suaminya bertindak untuk menyelidik sendiri sehingga terbukti khabar angina tersebut adalah benar. PK04: 21:29 [48:48].

Begitu juga dengan tindakan PK05 yang menyemak panggilan, email dan pesanan ringkas (sms) dalam telefon bimbit suami dan akan mengajukan soalan sekiranya timbul kemusykilan di hati PK05. PK05 turut meminta pertolongan rakan-rakan suami untuk melaporkan gerak geri yang tidak baik kepada PK05. PK05: 11:38 [184:184], PK05: 11:40 [176:176].

4.10.2.3 Reaksi kognitif

a) Kepercayaan

Lembaran kisah hidup peserta kajian dalam mengharungi kehidupan berjauhan dengan pasangan menuntut kepercayaan sebagai asas yang mengikat perhubungan khusus bagi mereka yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh. Bagi PK01, PK02 dan PK03, mereka menganggap hubungan yang terdedah dengan risiko kecurangan perlu dicantas dengan pemupukan sikap mempercayai pasangan. Meskipun, tindakan untuk mengakses pasangan setiap masa adalah mustahil, maka mereka tetap percaya kepada pasangan masing-masing dan berharap agak kepercayaan yang diberikan tidak disalahgunakan. PK03: 15:28 [111:111], PK03:17:42 [150:150].

Tidak ketinggalan, kebebasan dan kepercayaan yang diberi oleh suami PK04 kepada dirinya tidak menjadi satu tiket untuk PK04 terus hanyut untuk

University of Malaya

melakukan sebarang tindakan yang tidak sewajarnya semasa ketiadaan suami di sisi. PK04: 21:38 [72:72], PK04: 19:33 [70:70].

Begitu juga dengan PK05 yang merasakan kepercayaan yang berpada-pada boleh menyelamatkan sesebuah perhubungan daripada dibelenggu masalah yang akhirnya membawa kepada penceraian rumahtangga. PK05:11:11 [44:44], PK05: 11:15 [54:5], PK05: 11:20 [80:80].

Di samping itu, PK06 berkongsi pengalaman mengenai kepercayaan kepada Allah, anak-anak dan pasangan yang disemai dalam rumahtangga PK06 membolehkan PK06 bebas membuat keputusan dan berinteraksi dengan dunia luar sepanjang tempoh kerjayanya sebagai pensyarah. PK06 turut menganggap bahawa pengalaman rakannya yang hampir bercerai kerana tidak mempercayai pasangan menjadi pedoman hidup untuk terus meletakkan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi terhadap pasangan masing-masing. PK06: 2:55 [93:93], PK06: 2:56 [95:95], PK06:45:1 [5:5], PK06: 47:13 [23:23].

Akhirnya, kepercayaan yang dipegang oleh PK07 terhadap suaminya mendorong PK07 tidak mengambil endah usikan sinis masyarakat sekeliling tentang populariti suaminya sebagai pemain bola sepak yang agak terkenal di negerinya. Ini kerana, sepanjang berumahtangga dengan suaminya, PK07 sedia maklum akan setiap perkembangan aktiviti suaminya dan suaminya memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada PK07 untuk mentadbir rumahtangga. PK07:43:1 [113:113], PK07: 3:39 [47:47].

b) Persefahaman

Sorotan pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mencetus persefahaman sebagai elemen perkongsian kebanyakan peserta kajian. Buktinya, PK01 menterjemahkan frasa persefahaman

University of Malaya

yang merangkumi tindakbalas untuk memupuk persefahaman dan menghormati masa peribadi masing-masing di mana PK01 dan suami tidak akan menghubungi PK01 semasa waktu persekolahan dan membiarkan PK01 selesai menjalankan tugas di sekolah atau menguruskan anak yang masih kecil sebelum kembali menghubungi beliau untuk mendapatkan perkembangan terkini mengenai aktiviti dan keadaan anaknya. PK01:12:5 [27:27], PK01: 12:25[101:101]. PK01:13:1 [08:08].

Disamping itu, PK02 turut berkongsi mengenai aspek persefahaman yang menjadi tulang belakang kepada kelangsungan perhubungan yang terjalin. Buktinya, suami PK02 dilihat memahami keadaan yang dilalui oleh PK02 dalam membesarkan anaknya yang masih bayi. Maka, suaminya tidak pernah culas untuk pulang pada setiap hujung minggu untuk membantu meringankan tugas yang terpaksa dipikul oleh PK02 sepanjang ketiadaan suaminya di rumah. PK02: 5:59 [87:87].

PK03 tidak terkecuali dari membuat pendedahan mengenai pemahaman mengenai kekangan yang timbul dari perhubungan jarak jauh yang sedang dialami oleh PK03. Maka, beliau tidak pernah mendesak dan memahami situasi suaminya. PK03:17:45 [89:89].

c) Cemburu

Ruang lingkup pengalaman kelangsungan hidup peserta kajian yang mengetengahkan reaksi cemburu banyak dikupas oleh peserta kajian. Buktinya, PK01 mengakui perpisahan yang berlaku antara dirinya dan suami mendorong suaminya menzahirkan rasa cemburu apabila PK01 menghantar gambar yang menunjukkan dirinya bersolek dan perpakaian agak menonjol dari hari yang biasa. Tindakan suaminya yang tidak membenarkan PK01 terlalu bersolek

University of Malaya

kadangkala mengundang rasa geli hati di hati PK01 memandangkan keadaan PK01 sebagai guru pendidikan khas yang perlu mematuhi etika supaya kelihatan kemas dan cantik untuk menarik minat pelajar-pelajar istimewa untuk hadir ke sekolah. PK01:12:34 [147:147], PK01: 12:35 [147:147].

Reaksi cemburu turut diterjemahkan oleh PK02 dan PK04 yang mengakui cemburu dengan kehidupan sempurna yang dilalui oleh pasangan normal yang boleh melakukan kehidupan rumahtangga secara bersama-sama dengan pasangan dan anak-anak setiap hari tanpa merlu memikirkan tentang gangguan masa yang sangat terhad. PK02:5:73[79:79], PK04:19:75 [125:125].

Begitu juga dengan peluahan PK03 yang mengaitkan tindakan untuk mempercayai dan cemburu sebagai elemen yang saling bersangkut-paut. Ini kerana cemburu buta yang singgah di hati pasangan akan menghapuskan kepercayaan dan menyebabkan minda sentiasa terdorong untuk mencurigai pasangan. PK03: 17:44 [150:150]).

Di samping itu, PK06 turut mendedahkan mengenai reaksi cemburu apabila anasir-anasir jahat yang datang menerjah ruang fikiran mengenai kegiatan yang sedang dilakukan oleh pasangan masing-masing ketika ketiadaan mereka. Keadaan mungkin bertambah buruk apabila suami PK06 pernah menyuarakan rasa cemburu apabila melihat komen yang dihantar melalui akaun facebook berkenaan sekeping gambar yang telah dimuatnaik yang menunjukkan gambar PK 06 bergambar dengan rakan sekerja lelaki. PK06:47:7 [15:15], PK06: 47:15 [27:27].

Tidak ketinggalan, sikap PK07 yang tidak suka menceritakan mengenai kisah lampau mengenai perhubungan lalu sama ada di pihak PK07 ataupun suami kerana mengakui dirinya lebih cenderung bersikap cemburu walaupun

University of Malaya

kadangkala terpaksa menafikan rasa itu memandangkan untuk mempertahankan egonya. PK07: 45:9 [171:171].

d) Bimbang

Menyorot kembali pengalaman hidup dalam perkahwinan jarak jauh, peserta kajian banyak mempamerkan kebimbangan sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan yang dilalui oleh mereka. PK01 meluahkan rasa bimbang berkenaan keselamatan anaknya yang semakin membesar dan lasak. Justeru, PK01 amat berharap agar suaminya dapat pulang segera untuk memantau perkembangan anaknya dan menangguhkan hasrat untuk berpindah memandangkan bimbang dengan suasana yang tidak menjamin keselamatan keluarga mereka kelak. PK01: 12:21 [75:75], PK01:12:22 [75:75].

Bagi PK02, kebimbangan yang hadir di benak fikiran beliau adalah berkisarkan mengenai tindakan membiarkan anak dijaga oleh ibu bapa yang telah uzur sepanjang ketiadaan PK02 kerana keluar bekerja ataupun pergi membeli belah barangan keperluan rumah bersama suami. Lantaran itu, PK02 akan sedaya upaya untuk pulang awal dari sekolah agar dapat memastikan anaknya tidak membebankan ibu bapanya dan lebih rela untuk menunggu suaminya membeli barang-barang yang diperlukan sebelum suaminya sampai ke rumah. Kebimbangan turut dizahirkan mengenai keselamatan suami sepanjang perjalanan pulang ke rumah PK02 dan balik ke tempat kerja suami PK02. PK02: 7:52 [117:117].

Isu kebimbangan sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan turut dizahirkan oleh PK03 apabila bersoarangan membesarkan anak-anak tanpa pantauan pihak lelaki iaitu suaminya. Maka, PK03 selalu akan membawa anak-

anak pulang ke kampung setiap kali cuti sekolah dan sekiranya suami tidak dapat pulang ke rumah. PK03:5:7 [56:56].

Tidak ketinggalan, kebimbangan turut menjadi respon kognitif bagi PK05 dan PK06. Bagi PK05, hatinya bimbang untuk membiarkan suaminya bertugas di negara Islam kerana sedar akan risiko suaminya memiliki skandal dengan wanita di sana. PK05:11:25 [121-121].

PK06 turut melahirkan kebimbangan lantaran situasi suaminya yang menghidapi penyakit asma yang sering membuatkan PK06 memikirkan keselamatan suami sepanjang suaminya bersendirian dir umah sewa. Tambahan pula, situasi PK06 yng bersendirian menguruskan anak di rumah kadangkala mengundang kebimbangan akan keselamatan sepanjang ketiadaan suami menenami PK06 dan anak-anak. PK06: 47:29 [135:135], PK06:47:8 [189:189].

e) Imaginasi Kognitif

Konteks pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh peserta kajian mencetuskan satu rangkuman persepsi yang dikongsi oleh semua peserta kajian. Menjurus kepada persepsi mengenai kehidupan perkahinan jarak jauh ini, PK01 merasakan jarak yang tidak terlalu jauh membolehkan dirinya masih meneruskan kehidupan sebegini sehingga sekarang. PK01 akan membuat pertimbangan seandainya jarak lokasi suami dan dirinya jauh seperti terpaksa berhijrah ke utara tanahair ataupun ke Sabah Sarawak. PK01: 2:33 [137:137], PK01: 1:4 [14:14], PK01: 14:5 [1:14].

Selain itu, PK 02 merasakan jarak yang memisahkan dirinya dan suami merupakan satu pengalaman yang tidak semua mampu miliki meskipun akur bahawa kehidupan yang diluinya kini tidaklah begitu sempurna. PK02:7:14 [34:34]. Menyifatkan diri sebagai insan terpilih, PK02 merasakan jarak ibarat

University of Malaya

satu ujian walaupun sedar akan limitasi jarak yang agak mengganggu perhubungan untuk melihat sejauhmana cinta yang dipupuk mampu untuk terus mekar sebagaimana yang diilustrasikan melalui gambarajah yang telah dipilih oleh PK02. PK02:8:01 [10:10], PK02: 9:52 [129:129], PK03:08:04 [16:16].

Tidak ketinggalan, PK03 dan PK04 merasakan jarak jauh cuma fizikal, tetapi persepsi mengenai jarak emosi lebih membuatkan mereka merasakan pasangan sentiasa dekat di hati. PK03:16:42 [77:77], PK04:19:28 [68:68].

PK05 turut menterjemahkan kehidupan berumahtangga yang sedang dialuinya kini adalah sebagai ujian untuk melihat sejauh mana mereka setia kepada pasangan masing-masing apabila dikekang oleh jarak beribu batu. PK05 yang memilih gambar yang menunjukkan *frasa 'long distance is not for everyone* dan '*distance is juat a test to see hoe far love can travel'* menjadikan frasa pilihannya itu sebagai satu keputusan yang sangat signifikan dengan hidupnya memandangkan PK05 merasakan tidak semua mampu menjalani kehidupan berjauhan yang penuh ranjau. PK05:9:50 [127:127], PK05: 9:52 [129:129].

Persepsi mengenai pengalaman berjauhan dengan pasangan turut menjadi topik perpincangan PK06 di mana jarak yang mewakili huruf 'j' dalam penterjamahan makna "P.J.J" oleh PK06 bukanlah menjadi kekurangan yang terlalu besar sebaliknya menjadi satu cara untuk memupuk cinta dan kasih sayang antara pasangan dan anak-anak. PK06:45:6 [11:11].

Akhirnya, PK07 sering menjadikan isu jarak yang terpisah sebagai latihan kepada dirinya dan semua ahli keluarga untuk menanam sikap kasih sayang. PK07:3:43 [51:51].

f) Berubah hati

University of Malaya

Ruang lingkup peluahan pengalaman kelangsungan hidup dalam perkahwinan jarak jauh menyaksikan peserta kajian membangkitkan isu risiko berubah hati. Bagi PK03 yang telah lama mendirikan rumahtangga bersama suammi, beliau tidak menolak risiko perkahwinan jarak jauh yang sedang dilaluinya kini memberi peluang kepada risiko untuk pasangan berubah hati. Ini kerana suami PK03 menghabiskan lebih banyak masa dengan dunia luar berbanding bersama keluarga. PK03: 16:02 [27:27], PK03:16:12 [21:21].

Selain itu, PK04 turut meluahkan bahawa perpisahan sementara yang mengekang PK04 untuk melihat segala kelakuan pasangannya menyebabkan beliau tidak sewenang-wenangnya menafikan bahawa hubungan yang dilaluinya kini terdedah dengan risiko pasangan akan berubah hati. PK04: 20:21 [121:121].

PK 05 turut melahirkan kebimbangan mengenai situasi suaminya yang perlu berpindah ke beberapa buah negara luar khususnya negara Islam memandangkan keadaan sedemikian membuatkan PK05 sering berfikiran mengenai risiko kecurangan. PK05: 45:10 [21:21].

Tidak ketinggalan, PK06 menzahirkan pesanan supaya ‘jangan nakal’ dan ‘jangan curang’ dalam terjemahan makna pengalaman melalui frasa PJJ yang dipersepsikan sendiri oleh PK06 memandangkan kesedaran beliau mengenai risiko untuk pasangan berubah hati adalah tinggi khususnya bagi mereka yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh ini. PK06: 45:10 [21:21].

g) Impian

Penerokaan pengalaman kelangsungan hidup individu menyaksikan kesemua peserta kajian berkongsi impian yang sama dalam kehidupan perkahwinan jarak jauh yang sedang dilalui oleh mereka. Buktinya PK01, PK02, PK03 dan PK07 memilih gambar yang menunjukkan ilustrasi mengenai keceriaan seorang bapa

University of Malaya

dan ibu dalam membesarkan anak di bawah satu bumbung sebagai satu cerminan kehidupan yang sangat diimpikan oleh peserta kajian. PK0:3:12 [3:3]: 13:13 [38:38], PK02:8:11 [26:26], PK02:8:3 [34:34], PK03:17:16 [78:78], PK07:03:03 [07:07], PK07:0:10 [15:15], PK07: 03:1 [19:19].

Secara keseluruhannya, reaksi yang dipamerkan oleh semua perserta kajian sepanjang tempoh pertemuan dan perpisahan yang berlaku antara pasangan masing-masing dapat dirumuskan melalui Jadual 4.58 seperti berikut:

Jadual 4.58: Tema 2- kitaran pertemuan-perpisahan

Kategori	**Peserta Kajian**						
	PK 01	PK 02	PK 03	PK 04	PK 05	PK 06	PK 07
Reaksi Psikologi							
Reaksi Afektif							
• Sedih	✓	✓		✓		✓	✓
• Rindu	✓	✓	✓	✓	✓		✓
• Stress		✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Sunyi	✓	✓	✓	✓			
• Teruja		✓			✓		✓
Reaksi Tingkahlaku							
• Penyesuaian	✓	✓	✓	✓		✓	
• Travelling	✓	✓	✓	✓		✓	✓
• Setia	✓				✓	✓	
• Penantian	✓		✓	✓	✓	✓	✓
• Soal Selidik		✓		✓	✓		
• Jujur	✓	✓	✓	✓	✓		✓
• Keintiman	✓	✓	✓	✓	✓		✓
• Pengorbanan	✓	✓	✓	✓	✓		
• Perancangan	✓	✓	✓	✓	✓		✓
• Komunikasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Reaksi Kognitif							
• Kepercayaan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Bimbang	✓	✓	✓		✓	✓	✓
• Impian	✓	✓	✓		✓	✓	
• Imaginasi Kognitif	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Berubah Hati		✓	✓	✓	✓	✓	

University of Malaya

4.10.3 Tema 3: Dinamik perhubungan

Pengalaman kelangsungan hidup tujuh orang peserta kajian sememangnya melibatkan dinamik perhubungan tidak kira dinamik perhubungan tersebut melibatkan keluarga nuklear mahupun multigenerasi. Perkongsian mengenai dinamik perhubungan yang diluahkan oleh perserta kajian banyak berkisar mengenai hubungan anak-ayah, hubungan anak-ibu, hubungan suami-isteri, manakala dinamik perhubungan multigenerasi melibatkan hubungan nenek/datuk-anak, hubungan pengasuh-anak, hubungan nenek/datuk-anak,hubungan pengasuh–anak. Tema yang menjurus kepada dinamik perhubungan samada hubungan nuklear atau multigenerasi dapat dihuraikan berpandukan Rajah 4. 34 seperti berikut:



Rajah 4.34: Tema 3- Dinamik perhubungan

University of Malaya

a) Hubungan anak-ayah

Sepanjang kitaran pertemuan dan perpisahan yang dilalui oleh semua peserta kajian, masing-masing menyuarakan pengalaman dinamik perhubungan anak-ayah. PK01 bekongsi pengalaman anak kecilnya setiap kali suaminya pulang dari berpisah buat sementara waktu. Anak PK01 akan sentiasa ingin bersama dengan suaminya sepanjang suaminya berada dirumah dan situasi ini di gunakan oleh PK01 dengan sebaik mungkin untuk merapatkan hubungan anak dengan suaminya di samping dapat menampung kerja-kerja yang terbengkalai akibat semasa jadual yang padat suaminya tiada di sisi PK01 12:13 [57:57] , situasi yang sama turut dikongsi oleh PK02 yang mendedahkan bahawa anaknya kelihatan bermanja dengan dirinya apabila suaminya berada di rumah seolah-olah melepaskan rindu yang sekian lama terpendam. PK02: 8:9 [20:20] walaupun anaknya mengambil masa untuk untuk mengenali suaminya kerana jarang berjumpa secara bersemuka setiap hari. PK02: 7:9 [24:24].

Berbeza dengan PK03 ketiadaan suami untuk bersama-sama membesarkan anak-anak dalam tempoh yang lama menyebabkan anak-anak kurang rapat dengan suaminya sehingga anak-anaknya dilihat kurang berbual dengan suaminya apabila suami PK03 berada dirumah. Keadaan ini menyebabkan wujudnya perbezaan dari sudut penerimaan anak-anak PK03 apabila mereka dinasihati oleh PK03 dan suami. Ternyata, jurang yang wujud antara anak dan suami PK03 menyebabkan mereka lebih segan dan takut apabila suami PK03 berbanding dirinya. PK03: 15:50 [144:144], PK03: 15:57 [154:154], PK03: 16:14 [51:51], PK03: 16:21 [69:69].

Seperti peserta kajian yang lain, PK04 turut berkongsi situasi ketiadaan suami melihat anak tunggalnya membesar di depan mata tidak menghalang

University of Malaya

wujudnya kemesraan dalam perhubungan dua beranak ini. Anaknya amat manja dengan suaminya sehingga anaknya akan sentiasa mengingatkan suaminya untuk mendirikan solat dan akan berjemaah bersama sekiranya suaminya berada di rumah. Malah, anak PK01 yang sememangnya mirip wajah suaminya akan sentiasa melaporkan perkembangan harian kepada ayahnya memandangkan suami PK04 tidak dapat memantau kegiatan harian anaknya secara langsung. PK04 (19:41 [74:74] 19:72 [123:123].

Begitu juga dengan PK05 dan PK07 yang turut mengakui hubungan anak dan suaminya yang agak rapat kerana suaminya pandai melayan dan mengambil hati anak-anak PK05 dan PK07. Kadangkala, suami PK05 dan PK07 sanggup menghabiskan wang ringgit yang banyak semata-mata untuk memenangi hati anak-anak meskipun suami PK05 dan PK07 menyedari bahawa wang dan material yang di limpahkan kepada mereka tidak mampu membeli masa yang tidak dapat diluangkan bersama anak-anak di rumah. PK07 juga selalu melihat suaminya memandikan anak-anak untuk merasai kerapatan hubungan kerana anaknya yang sulung agak renggang pada permulaannya kerana suaminya jarang berada di rumah. PK05:10:9 [22:22], PK07: 4:40 [125:125] 4:41 [127:127], 4:90 [232:232].

Berlainan pula dengan pengalaman PK06 yang menyedari kekangan jarak yang terpisah antara suami dan anak-anaknya menyebabkan hubungan mereka menjadi renggang sehingga anaknya dilihat kurang percaya kepada suami PK06. PK06: 2:23 [35:35] PK06: 2:29 [45:45], 2:30 [47:47]. Sehinggakan anaknya akan cepat terasa hati apabila ditegur oleh suami PK06 kerana anaknya berfikir bahawa ayahnya tidak menyayangi dirinya sepenuh hati.

b) Hubungan anak-ibu

Penerokaaan pengalaman khususnya dalam hubungan anak-ibu telah didedahkan oleh kesemua peserta kajian. PK01 dan PK02 merasakan kehadiran cahaya mata dalam kehidupan rumahtangga yang dilalui bukanlah satu bebanan tetapi adalah satu anugerah dan sumber kekuatan kepada mereka khususnya apabila berdepan dengan emosi-emosi negatif sepanjang ketiadaan suami di sisi PK01: 7:44 [104:124], 16:44 [099:099].

Bagi PK02, meskipun sibuk dengan kerjaya, namun aspek hubungan anak dan ibu tidak perlu dipandang ringan. Maka, PK02 menetapkan tempoh menyusu anaknya selama 2 tahun dalam usaha mendapatkan kualiti hubungan antara mereka melalui proses penyusuan yang berlaku. PK02:5:4 [79:79], PK02:5:44 [77:77].

Bagi PK03 dan PK06, jurang yang wujud antara mereka menyebabkan anak-anak lebih rapat dengan PK03 dan PK06 sehingga dilihat terlalu bergantung dengan mereka. Natijahnya, PK03 dan PK06 akan bertindak menjadi orang tengah dan pemujuk jika terjadi konflik antara anak dan suami masing-masing. PK03: 16:17 [131:131], PK06:2:24 [3:37].

Sementara itu, PK04 yang memiliki anak tunggal menganggap bahawa ketiadaan suami di sisi sebagai satu platform untuk mencurahkan sepenuh kasih sayang supaya anaknya tidak berasa diabaikan. PK04:19:17 {142:142].

Tidak ketinggalan PK05 dan PK07 kehadiran anak yang ramai adalah satu senjata yang ampuh untuk mereka terus berjuang demi memastikan rumahtangga terus bertahan dengan jayanya. PK05:9:61 [150:150], PK07: 4:20 [91:91], PK07:4:79 [22:212], PK07: 4:99 [248:248].

University of Malaya

d) Hubungan suami-isteri

Proses pertemuan-perpisahan yang berlaku telah mewujudkan dinamik perhubungan antara suami isteri. Seperti PK01, perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh PK01 dan pasangan dilihat dapat menjadikan hubungan tersebut kurang konflik kerana terdapat perbezaan karakter yang boleh mencetuskan salah sangka antara mereka PK01:12:28 [111:111].

Kenyataan ini turut disokong oleh PK03 dan PK05 yang merasakan hubungan yang negatif dapat dikurangkan apabila PK03 dan suami berjauhan. PK03 :15:61 [160:160], PK05: 9:26 [8:8].

Tidak ketinggalan, PK04 yang mentafsirkan perhubungan yang terjalin antara dirinya dengan suaminya tidak pernah terputus bahkan menjadi semakin erat memandangkan masing-masing mengamalkan konsep persahabatan dalam dinamik perhubungan mereka di mana PK04 mendambakan seorang pasangan yang boleh bertindak seperti sahabat yang telus, menyenangkan dan boleh menjadi tempat meluahkan segala masalah.PK04: 21:21 [28:28], PK04: 21: 5 [10:10], PK04: 21: [12:12]

e) Hubungan nenek/datuk-anak

Terdapat beberapa peserta kajian yang telah mengetengahkan isu dinamik perhubungan nenek/datuk-anak. Bagi PK02 yang tinggal bersama ibubapa untuk membesarkan anak-anak, bantuan yang dihulurkan oleh PK02 telah mencetuskan ikatan yang rapat antara ibubapa PK02 dengan anaknya. Ikatan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan kesan dari sudut positif mahupun negatif. PK02 :5:65 [093:093].

University of Malaya

Tidak ketinggalan, PK07 turut berkongsi pengalaman di mana proses perkembangan anak-anak yang dilalui bersama ibubapa PK07 menjadikan ibubapanya agak tidak selesa apabila anak-anaknya jauh dari penglihatan dan setiap kali suaminya pulang untuk mengambil anak-anaknya. PK07:4:42 [127:127], PK07:4:43 [129:129], PK07:4:45 [137:137], PK07:4:44 [137:137].

f) Hubungan pengasuh-anak

Perkongsian mengenai dinamik hubungan pengasuh-anak telah didedahkan oeleh beberapa peserta kajian yang menghantar anak ke rumah pengasuh. Mislalnya, PK01 yang memang mengharapkan bantuan dari pengasuh untuk menjaga anaknya memandangkan PK01 bersendirian tanpa keluarga dan saudara mara di sekelilingnya menyebabkan anaknya rapat dengan pengasuh. PK01:22:17 [33:33].

Seperti PK01, PK04 turut meluahkan situasi yang sama dimana kepercayaan yang diberikan selama 12 tahun kepada pengasuh dilihat sangat berbaloi memandangkan pengasuh hanya menjaga anak PK04 sahaja menjadikan anaknya sangat rapat dengan pengasuh. Selain mengasuh, pengasuh turut mengajar beberapa matapelajaran dan Fardu Ain kepada anak PK04 menjadikan hubungan yang terjalin lebih daripada sekadar pengasuh. PK04:20:6 [51:51].

Begitu juga dengan kehidupan PK05 dan PK06 yang mengakui bahawa hubungan pengasuh dan anaknya ibarat “isi dengan kuku” memandangkan PK05 dan PK06 sememangnya memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada pengasuh untuk menjaga anak mereka. Anak-anak kelihatan manja dengan pengasuh dan keluarganya. Secara keseluruhannya, dinamik perhubungan yang menjadi tapak perkongsian bagi semua perserta kajian sepanjang proses

University of Malaya

kelangsungan hidup yang berlaku antara pasangan masing-masing dalam mengharungi kehidupan dalam perkahwinan jarak jauh dapat dirumuskan melalui Jadual 4.59 seperti berikut:

Jadual 4.59: Tema 3- Dinamik perhubungan

Subtema/Kategori	**Peserta Kajian**						
	PK 01	PK 02	PK 03	PK 04	PK 05	PK 06	PK 07
Hubungan anak-ayah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Hubungan anak-ibu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Hubungan suami-isteri	✓	✓	✓	✓	✓		
Hubungan nenek/datuk-anak		✓	✓	✓			
Hubungan pengasuh-anak	✓			✓	✓	✓	

4.10.4 Tema 4: Sistem Kekeluargaan

Sistem kekeluargaan merupakan tema yang muncul sepanjang perkongsian pengalaman dalam kalangan peserta kajian yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Perincian mengenai system kekeluargaan boleh diklasifikasikan kepada beberapa subtema iaitu (a) Pengurusan anak, (b) Psikologi anak, (c) Peranan, (d) Peraturan, (e) Rutin harian dan (f) Nilai kolektif. Perincian setiap kategori ini akan dibincangkan berlandaskan Rajah 4. 35.

University of Malaya

Rajah 4.35: Tema 4- Sistem Kekeluargaan

a) Pengurusan Anak

Kesemua peserta kajian mendedahkan aspek pengurusan anak sebagai elemen paling utama dalam topik perbincangan yang berfokuskan kepada cabaran menguruskan anak tanpa bantuan suami sebagai ketua keluarga. Bagi PK01, pengurusan anak dapat dilihat satu tempoh yang mencabar khususnya apabila anak PK01 ditimpa masalah kesihatan yang memaksa PK01 dan suami mempertimbangkan untuk bercuti bagi menjaga anak secara bergilir-gilir. Lebih menyulitkan keadaan cabaran bersendirian menguruskan anak tanpa bantuan keluarga terdekat menyebabkan PK01 perlu membawa anak ke tempat kerja jika pengasuh tidak dapat menjaga akibat masalah yang tidak dapat dielakkan. PK01 : 22:43 [135.135] 22:20 [075:075], 22:23 [080:080].

Berbeza dengan PK02 yang tinggal dengan ibubapa di rumah, peluang tersebut kadangkala tidak memihak secara total dalam aspek pemantauan

keselamatan anak yang masih kecil. Ini kerana ketiadaan suami kadangkala menyukarkan PK02 untuk membiarkan anaknya bersendirian kerana mimbang keselamatannya terancam ketika PK02 sedang sibuk menguruskan kerja yang lain. PK0 02:5:24 [045:045], 5:25 [047:047], 5:32 [064:064].

Bagi PK03 yang pernah menjadi wanita bekerjaya, keputusannya untuk berhenti dari dunia kerjaya dan menjadi suri rumah sepenuh masa memandangkan keadaan anaknya yang menghidap masalah usus menyebabkan PK03 perlu memberi perhatian yang khusus terhadap pengurusan dan penjagaan anaknya itu ditambah dengan karenah enam orang anaknya yang semakin membesar menyebabkan PK03 terpaksa memberi fokus yang lebih serius terhadap anak-anaknya dan menyerahkan tugas kepada suami PK03 untuk mencari nafkah untuk keluarga biarpun terpaksa berjauhan dengan suami. PK03:15:20[077:077], 15:21[085:085], 15:38[128:128], 15:39[130:130].

Begitu juga dengan kehidupan PK04 yang membesarkan anak tunggalnya berseorangan tanpa bantuan suami, sesi persekolahan anaknya menuntut PK04 untuk memberi perhatian yang lebih khususnya mengemas,menguruskan kerja rumah dan memantau sesi ulangkaji anak sebelum tidur. PK04:18:10 [24:24], 19:116 [207:207],20:2 [009:009].

Cabaran menguruskan anak-anak berseorangan tanpa bantuan suami yang jauh di luar Negara turut menjadi perkongsian PK05 yang mengakui proses penjagaan anak khususnya ketika mereka masih bayi dan mengalami masalah kesihatan menguji ketahanan mental dan fizikal kerana PK05 telah terbiasa berseorangan membawa keluar dan menguruskan semua anaknya untuk membeli barangan keperluan rumah mahupun keperluan untuk anak-anaknya. PK05 :10:15 [067:067], 9:29 [088:088], 9:35 [098:098].

Tidak ketinggalan, kerisauan PK06 menguruskan anak kecil yang sedang mengalami proses pertumbuhan khususnya anak PK06 semuanya lelaki yang agak lasak menjadikan detik-detik penjagaan anak dilihat satu tempoh yang begitu menguji kesabaran khususnya pada waktu berpantang selepas melahirkan anak yang pertama kerana baru merasai pengalaman menjadi ibu buat pertama kali. PK06: 2:14 [021:021], 2:8 [017:017]. Isu penjagaan anak kadangkala mengekang PK06 untuk mengikuti sebarang seminar dalam tempoh yang lama kerana risau meninggalkan anak bersama pengasuh atau ibubapa kerana takut menyusahkan banyak pihak. PK06 :2:37 [063:063].

Akhirnya, peluahan PK07 yang mengakui bahawa meskipun suami menyerahkan hampir seluruh kuasa untuk menguruskan anak, namun PK07 akan mengalami situasi panik apabila anak-anak ditimpa kecemasan. Walaupun PK07 dibantu oleh ibubapa, PK07 tidak bergantung seratus peratus kepada mereka dan keupayaan PK07 membenarkan anaknya menyebabkan suaminya mudah panik dan sangat terkesan apabila PK07 ditimpa sakit. PK07:3:12 [17:17].

b) Perkembangan Psikologi Anak

Dunia perkongsian pengalaman yang memberi fokus kepada perkembangan psikologi anak telah dilebarluaskan oleh peserta kajian PK02 meluahkan bahawa tempoh perpisahan sementara yang berlaku antara suaminya dan anaknya sedikit sebanyak memberi kesan kertas perkembangan psikologi anak kerana anaknya cukup manja sepanjang dua hari bersama suami seakan-akan mengerti ayahnya akan meninggalkan semula. PK02 :8:8 [20:20]. Oleh yang demikian, PK02 mengakui perkembangan anak sebagai satu tempoh yang kritikal meskipun setakat ini anaknya mula menjejakkan kaki ke tadika yang

University of Malaya

akan bercampur dengan rakan-rakan yang lain. PK02:7:40 [100:100], 7:39 [100:100].

Bagi PK03 pula, ketiadaan suami di rumah adalah saat yang agak merugikan kurang suaminya tidak dapat merasai secara terus perkembangan anaknya kerana anaknya sering bertanya di mana ayahnya dan akan menangis jika tidak nampak akan kelibat suaminya. Lama-kelamaan anak-anaknya telahpun melalui peringkat perkembangan yang memerlukan pelbagai pendekatan yang sesuai memandangkan tiada kuasa mutlak dari suami pada tempoh yang tertentu. PK03:15:52 [152:152], 15:77 [196:196], 17:37 [140:140].

Seterusnya bagi PK04 dan PK05, peluang anak-anak untuk merasai saat-saat bersama suaminya sangat terhad menyebabkan anak-anak PK04 dan PK05 sangat berharap dan menanti dengan penuh harapan agar ada sesuatu yang dapat diberikan oleh suami mereka setiap kali suami PK04 dan PK05 pulang. Kehidupan yang dilalui oleh anak PK04 dan PK05 yang tidak sama dengan kanak-kanak lain menyebabkan mereka kelihatan lebih matang dan memahami situasi yang sedang berlaku. PK04 :20:15[093:093].PK05:9:21 [125:125].

Tidak ketinggalan, PK06 tidak menafikan bahawa kurangnya *'father figure'* di rumah sepanjang proses pembesaran anak-anak telah meninggalkan kesan psikologi terhadap anak nak sulungnya kerana anaknya kurang percaya kepada suami PK06 sering beranggapan bahawa ayahnya kurang sayang padanya apabila ditegar oleh suami PK06 atas kesalahan yang dilakukan anaknya itu. PK06:2:21 [031:031], 2:22 [033:033].

Malah, PK07, merasakan kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh PK07 dan suami sedikit sebanyak menyebabkan anak-anak

University of Malaya

kadangkala sedikit beremosi kerana PK07 seorang sahaja yang selalu membebel kepada mereka berbanding suami PK07 yang sememangnya tiada di rumah. PK07:4:47 [137:137]. 4:48 [139:139].

c) Peranan Jantina

Kronologi perkongsian peserta kajian secara keseluruhan mengutarakan elemen tanggungjawab dan peranan jantina sebagai fokus perbincangan oleh kesemua peserta kajian. Buktinya, PK01 dan suami lebih peka akan peranan masing-masing yang perlu dimainkan sepanjang tempoh berjauhan dan bersama suami. Sebagai wanita bekerjaya yang sibuk menyeimbangkan tanggungjawab di tempat kerja dan rumahtangga, PK01 bersyukur kerana dapat mengumpul banyak pahala apabila dapat melayan suami walaupun suaminya tidak banyak merungut apabila PK01 tidak menang tangan untuk menguruskan rumahtangga. PK01:12:29 [115:115].

Bagi PK02, kekangan kerjaya dan kekalutan menguruskan anak menyebabkan dirinya terlintas untuk berhenti dari dunia pekerjaan kerana selalu memikirkan isi pengurusan anak, dan tanggungjawab ke atas suami. PK02:8:26 [72:72].

Berbeza dengan PK03 yang tidak lagi bekerja sejak anaknya sakit, tanggungjawab dan peranan menguruskan rumahtangga telah menjadi tugas hakiki kerana suaminya tiada di rumah. Bagi PK03 dialah ibu dan bapa kepada anak-anak dalam usaha menterjemah perjalanan hidup sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. PK03 :16:18 [056:056]. 17:48 [156:156]. Namun begitu, suaminya tetap sedar tanggungjawab sebagai suami. PK03:15:30 [111:111].

Menurut PK04 pula, dirinya amat bersyukur kerana suaminya yang bersifat '*Family Minded'* akan sentiasa mengambil berat tentang keluarga secara tidak langsung memudahkan urusan PK04 yang ternyata terdedah dengan konflik peranan sebagai pegawai polis yang tidak menentu waktu kerjanya. PK04 :18:6 [23:23], 19:48 [079:079]. PK04 turut menyuarakan kesyukuran kerana dikurniakan suami yang pandai menguruskan diri sekaligus dapat mengurangkan kekalutan PK04 menguruskan rumah tangga terutamanya menguruskan anaknya. PK04:19:95 [153:153].

Bagi PK05 pula, peranan menguruskan rumah secara bersendirian selepas ketiadaan pembantu rumah ditambah dengan kesibukan kerjaya dan kerja sampingan mengambil upah membuat kek dan biskut dilihat satu tanggungjawab yang perlu dipikul tanpa ada rasa berkira kerana PK05 sedar sikap suami yang tidak cekap menguruskan rumahtangga pastinya akan mengeruhkan lagi keadaan seandainya PK05 memaksa suaminya melakukan tugas yang sama dengan PK05. PK05 : 9:28 [088:088], 9:39 [101:101].

PK06 turut menyuarakan konflik peranan antara ibu dan wanita bekerjaya kadangkala membataskan aktiviti sampingan PK06 untuk menjawat jawatan di universiti memandangkan sibuk menguruskan anak yang semakin membesar. PK06 : 2:85[169:169].

Akhirnya, PK07 turut menyuarakan bahawa tanggungjawab dan peranan banyak diambil alih oleh PK07 memandangkan PK07 memiliki pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada suami sekaligus meringankan beban suami khususnya dari sudut kewangan. PK07 :4:77 [205:205].

University of Malaya

d) Peraturan

Sistem kekeluargaan yang merangkumi set peraturan yang telah ditetapkan dalam keluarga turut menjadi kupasan dalam topik perbincangan peserta kajian. Bagi PK01 dan PK02 masing-masing telah menetapkan waktu untuk membeli barang-barang keperluan rumah dengan jadual giliran pulang memandangkan anak yang masih kecil mengekang PK01 dan PK02 untuk selalu keluar rumah. PK01:12:14 [059:059], 22:27 [004:004]. PK02 :5:53 [085:085] malah PK02 telah sebulat suara bersama suami menetapkan paraturan keluarga dari sudut masa untuk tinggal di rumah apabila akan telah memasuki sesi persekolahan PK02 : 8:12 [028:028].

Begitu juga dengan hidup PK03 yang lebih bersifat fleksibel dalam peraturan keluarga khususnya dalam angka giliran pulang ke kampung halaman memandangkan akur dengan tugar suami yang selalu berada di luar kawasan meskipun pada cuti-cuti umum. PK03:17:13[070:070].

Tidak ketinggalan, perkongsian PK04 mengenai peraturan keluarga supaya tidak meletakkan sebarang bentuk perjanjian kepada anaknya menjadi satu alternatif yang boleh mengurangkan konflik yang boleh menjejaskan emosi anak tunggalnya. Pada masa yang sama, PK04 dan suaminya telah menetapkan peraturan tentang giliran pulang ke kampung untuk mengeratkan lagi silaturrahim dengan keluarga . PK04:19:68[119:119].

Menurut PK05 pula, dirinya yang bersifat tangkas telah menetapkan peraturan di mana semua ahli keluarga perlu mematuhi masa supaya tidak terlepas aktiviti yang dirancang. Malah, PK05 dan suami berpakat untuk berbincang terlebih dahulu sesama sendiri sebelum mengambil keputusan

khususnya soal kewangan memandangkan PK05 bertindak selaku pengurus kewangan di rumah. PK05:10:27 [125:125], 11:17 [066:066], 11:18 [066:066].

Bagi PK06 pula, kesan psikologi yang melanda anaknya menyebabkan PK06 mengimplimentasi peraturan khusus dalam teknik menegur kesalahan anak supaya tidak berlaku jurang yang ketara antara anaknya dan suaminya. PK06 :2:32 [049:049].

Seterusnya pendedahan PK07 yang dilihat lebih banyak memonopoli urusan rumahtangga telah menetapkan peraturan di mana dirinya dan suami tidak akan merendah-rendahkan kelemahan pasangan masing-masing memandangkan ianya akan memeberi respon yang negatif terhadap kredibiliti suaminya sebagai ketua keluarga. PK07:4:28 [109:109].

e) Prosedur dan rutin harian

Kesemua peserta kajian membuat pendedahan mengenai aktiviti harian yang menjadi elemen penting dalam sesebuah sistem kekeluargaan khusus bagi individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi PK01 dan PK02 rutin harian telah berubah sejak memiliki anak kerana terpaksa mengadaptasi jadual dengan keadaan anak. PK01:22:14 [064:064], PK02 :5:17 [037:037] 7:26 [064:064].

Bagi PK03 pula, aktiviti harian sebagai suri rumah yang sememangnya padat dapat dikurangkan dengan adanya suami di rumah untuk membantu PK03 menghantar dan menjemput anak-anaknya dari sekolah. PK03 turut mengakui ketiadaan suami di rumah adakalanya memberi ruang rehat kepada PK03 daripada menguruskan suami dengan keadaan ini akan menyebabkan PK03 sedikit kelam-kabut apabila terpaksa menguruskan suami dan anak-anak pada masa yang sama. PK03 :16:66 [168:168].

University of Malaya

Seperti peserta kajian yang lain, PK04 dan PK05 yang berdepan dengan kekangan kerjaya akan memastikan urusan rumahtangga seperti mengemas, membasuh, memantau kerja sekolah anak dapat dilengkapkan sebelum PK04 dan PK05 tidur agar tidak menjejaskan prestasi kerja masing-masing. PK04:19:20 [064:064] ,19:22 [066:064],:9:4 [105:105].

Selain itu, PK06 dan PK07 mengakui masing-masing terpaksa mencuri masa untuk menguruskan anak apabila waktu rehat dan yang terlibat dalam dunia akademik, kerja-kerja di pejabat terpaksa dibawa pulang ke rumah. PK06:2:84 [167:167], 2:43 [071:071].

f) Perspektif Kolektif

Kebanyakan peserta kajian mengutarakan satu aspek menarik iaitu pandangan kolektif mengenai perkahwinan tradisional. Buktinya, PK01 mengakui bahawa ibubapanya dan saudara-mara kadangkala memperbezakan tindakan PK01 yang tinggal berjauhan dengan suaminya dan bersendirian membesarkan anak. PK01 :22:53 [171:171], 22:59 [191:191].

Bagaikan sudah lali dengan pandangan sekeliling mengenai kehidupan PK02 yang makin dilihat sebagai tidak sempurna. PK02 lebih gemar menjawab soalan orang ramai dengan jawapan yang subjektif kerana tidak semua orang berada di dalam dunia PK02. PK02 :7:15[034:034].

Bagi PK03 pula, usikan orang sekeliling mengenai risiko perkahwinan jarak jauh tidak menggugat kepercayaan PK03 kerana lebih mengenali pasangannya itu. PK03:15:40 [132:132].

Manakala pandangan ibubapa dan orang sekeliling yang sangat menentang keputusan PK04 berjauhan dengan suami lantaran terdedah dengan

University of Malaya

risiko kecurangan kehidupan yang tak sempurna terjawab isteri di sisi suami disambut secara positif oleh PK04 memandangkan keputusan tinggal berasingan telah diambil secara sebulat suara oleh PK04 dan suaminya. PK04 :18:04 [22:22], 19:61 [100:100], 19:63 [101:101].

Tidak ketinggalan, pengalaman dianggap sebagai janda yang mempunyai ramai anak susah melalikan PK05 kerana PK05 mengakui sukar untuk memuaskan hati semua pihak yang sering mempersoalkan tindakan suami yang sanggup meninggalkan PK05 jauh di luar negara dan membicarakan PK05 bersendirian menguruskan anak-anak. PK05:9:47 [121:121], 9:36 [098:098], 9:54 [141:141].

Malah, PK07 sudah bijak menepis usikan nakal tentang risiko berjauhan dengan suami yang dialami oleh PK07 setiap kali suami PK07 pulang ke rumah. PK07:4:29[111:111]. Secara keseluruhannya, pemahaman mengenai sistem kekeluargaan yang telah diutarakan oleh semua peserta kajian dapat dirumuskan melalui Jadual 4.60 seperti berikut:

Jadual 4.60: Tema 4- Sistem kekeluargaan

Subtema/Kategori	**Peserta Kajian**						
	PK01	PK02	PK03	PK04	PK05	PK06	PK07
• Pengurusan anak							
• Perkembangan anak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Peranan /tanggungjawab	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Peraturan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Prosedur/rutin harian	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Perspektif kolektif	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

University of Malaya

44.10.5 Tema 5- Sistem sokongan

Proses kelangsungan hidup yang dilalui oleh kesemua peserta kajian memerlukan sistem sokongan yang dianggap satu tema penting yang muncul sepanjang tempoh perkongsian pengalaman. Sistem sokongan yang menjadi topik peluahan merangkumi (a) sokongan ahli keluarga dan, (b) sokongan bukan ahli keluarga. Perincian mengenai sistem sokongan dibentangkan berdasarkan Rajah 4.36 seperti berikut:



Rajah 4.36: Tema 5 - sistem sokongan

a) Sokongan ahli keluarga /nuklear

Sepanjang tempoh berjauhan dengan pasangan dalam mengharungi perkahwinan jarak jauh, kesemua peserta kajian menjadikan sumber ahli keluarga sebagai sokongan yang menjana jati diri untuk terus berjuang. PK01 sepanjang tempoh kelangsungan hidupnya, namun PK01 selalu menghubungi ahli keluarga dan

University of Malaya

suami untuk meminta sokongan dan nasihat membina dari mereka. PK01 :12:27 [103:103].

Tidak terkecuali, PK02 yang menjadikan ahli keluarga khususnya ibubapa sebagai satu sumber bantuan yang paling utama memandangkan PK02 tinggal bersama ibubapanya. PK02 tidak yakin untuk menghantar anaknya ke rumah pengasuh kerana bimbang akan keselamatan dan keikhlasan orang luar menjaga anaknya yang masih bayi. PK02:5:7 [2:24], 5:15 [37:37], 5:38 [67:67].

Seperti PK01 dan PK02, PK03 turut menggunakan pertolongan dari ibubapanya sebagai satu sumber sokongan yang sangat penting di samping sokongan suami yang membantu dari sudut sokongan moral, kewangan, nasihat mahupun bantuan fizikal sepanjang ketiadaan suami di sisi dan sewaktu PK03 keluar bekerja. PK03:15:16 [56:56], 15:18 [59:59], 15:68 [178:178].

Di samping itu, PK05 turut menggunakan sokongan adik-beradik untuk menjaga anak beliau sekiranya PK05 terpaksa bergegas ke hospital sewaktu ditimpa kecemasan. PK05: 9:30 [88:88].

Tidak ketinggalan, PK06 dan PK07 turut berkongsi mengenai sokongan ibu-bapa dalam mengharungi liku-liku kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. PK06 misalnya sangat bersyukur kerana dikurniakan ibu-bapa, mertua dan adik beradik yang banyak membantu khususnya dari sudut penjagaan bayi semasa tempoh berpantang malah turut mendapat sokongan sosial dari sudut emosi dari suami tercinta. PK06 :2:11 [19:19], 2:13[19:19], 2:38 [5:65].

Bagi PK07 pula, meskipun tugasnya sebagai guru penolong kanan Hal Ehwal Murid sangat mencabar tekanan kerjaya yang dialami boleh di atasi kerana tugas menjaga anak-anak dibantu oleh ibu-bapa PK07 yang menjadi tulang belakang dalam membantu proses kelangsungan hidup PK07 dan

disokong oleh suami dalam bentuk kepercayaan yang tinggi terhadap kredibiliti PK07 menguruskan anak-anak. PK07: 4:9 [39:39], 4:63 [177:177], 4:67 [185:185].

b) Sokongan bukan ahli keluarga

Bantuan dan sokongan sosial daripada insan luar dan lingkungan keluarga memang tidak dinafikan kepentingannya. Seperti PK01 dan PK02 rakan sekerja dan pihak pengurusan sekolah yang memahami situasi PK01 sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh memudahkan PK01 merancang jadual khususnya pada hujung minggu untuk bersama anak dan suami. PK01:22: 17 [73:73], 22:22 [78:78], 22:24 [80:80], PK02: 8:22 [60:60], 8:24 [64:64].

Begitu juga dengan PK04 yang turut berkongsi kelegaan kerana dikurniakan pengasuh dan organisasi yang amat memahami kesukaran yang dilalui oleh PK04 sebagai individu yang berjauhan dengan pasangan dan bersendirian mengurus anak. Tidak ketinggalan, nasihat dan sokongan membina yang diberikan oleh rakan sekerja turut menjadi penguat PK04 untuk menjadi ibu, isteri, anak dan pekerja yang baik. PK04: 19:57 [89:89], 19:66 [177:177], 19:100 [165:165], 19:101 [165:165].

Bagi PK05, ketiadaan ahli keluarga yang tinggal berdekatan dengannya tidak mematahkan semangat PK05 untuk terus berjuang memandangkan PK05 mendapat sokongan sosial yang tinggi daripada kejiranan yang menyebabkan PK05 tidak terlalu bimbang dan malu untuk meminta bantuan daripada jiran tetangga semasa ketiadaan PK05 di rumah kerana keluar bekerja. PK05:2:41 [67:67], 2:42 [69:69].

University of Malaya

Bagi PK06 pula, sokongan dari majikan suami yang boleh berkrompromi dengan suaminya dari sudut permohonan cuti menyebabkan PK06 berasa lega kerana suaminya boleh pulang segera ketika waktu-waktu kecemasan. Kemudahan dan sokongan begini sedikit sebanyak membantu melicinkan proses kelangsungan hidup PK06 dalam perkahwinan jarak jauh. PK06:2:46 [75:75], 2:72 [179:179], 2:73 [179:179], 2:74 [171:171].

Secara kesimpulannya, pendedahan tema bagi sistem sokongan yang telah diutarakan oleh semua peserta kajian telah dirangkumkan melalui Jadual 4.61 seperti berikut:

Jadual 4.61: Tema 5 - sistem sokongan

Subtema/Kategori	**Peserta Kajian**						
	PK 01	PK 02	PK 03	PK 04	PK 05	PK 06	PK 07
Hubungan anak-ayah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Hubungan anak-ibu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Hubungan suami-isteri	✓	✓	✓	✓	✓		
Hubungan nenek/datuk-anak		✓	✓	✓			
Hubungan pengasuh-anak	✓			✓	✓	✓	

4.10.6 Tema 6- Mekanisma kelangsungan hidup

Perkongsian pengalaman mendedahkan bahawa kesemua peserta kajian telah mengutarakan elemen mekanisma kelangsungan hidup sebagai tema yang menarik untuk dibicarakan. Rangkuman mekanisma kelangsungan hidup yang diutarakan termasuklah mekanisma ekstrinsik dan mekanisma intrinsik. Perincian mengenai mekanisma ekstrinsik merangkumi (a) penggunaan teknologi (b) rekreasi, (c)

University of Malaya

komitmen, dan (d) hobi. Manakala mekanisma intrinsik menjurus aspek (a) pendekatan spiritual dan (b) jurnal ilmu. Rangkuman mekanisma kelangsungan hidup oleh peserta kajian dapat difahami melalui Rajah 4.37 Seperti berikut:



Rajah 4.37: Tema 6- Mekanisma Kelangsungan Hidup

a) Penggunaan Teknologi

Peluahan mengenai pengalaman kelangsungan hidup oleh kesemua peserta kajian menjurus kepada penggunaan teknologi sebagai sumber kelangsungan hidup yang dominan. PK01 misalnya menggunakan telefon sebagai saluran komunikasi yang menghubungkan dirinya dengan suami yang jauh di mata meskipun PK01 mengakui perbualan di telefon amat terhad memandangkan masing-masing sibuk dengan kerjaya. PK01 :12:7 [33:33].

Bagi PK02 yang lebih pakar dalam dunia teknologi, penggunaan teknologi sangat membantu dirinya merapatkan hubungan yang terpisah oleh

jarak. PK02 menyampaikan perkembangan anak dan aktiviti harian melalui pesanan ringkas (sms), panggilan video, skype, instagram, facebook supaya suaminya dapat memerhatikan anak setiap hari meskipun tidak dapat menyentuh secara langsung. PK02:5:19 [39:39], 5:21 [39:39], 5:3 [65:65], 7:10 [24:24], 7:11 [26:26].

Tidak ketinggalan, PK03 yang memilih gambarajah yang kartun yang melambangkan wanita yang sebagai memegang telefon sebagai cerminan bagi mekanisma kelangsungan hidup yang digunakan oleh PK03 dan PK04 dalam usaha mendekatkan jarak yang terpisah antara dirinya, anak-anak dan suaminya. Malah, mesej-mesej juga digunakan untuk meluah perasaan, berbincang dan mendapatkan kata putus dalam proses pembuatan keputusan .PK03:15:63[164:164], 15:65 [64:64], PK04:19:40 [74:74], 19:27 [68:68], 19:85 [143:143].

Seperti peserta kajian lain PK05 amat memerlukan teknologi untuk mengatasi isu jarak suaminya berada di luar Negara dan hanya pulang setelah beberapa bulan berada di sana. Justeru, PK05 akan menggunakan media sosial seperti email, skype, wechat, instagram, facebook untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada suami. Namun, adakalanya maklumat-maklumat yang disampaikan melalui facebook boleh menimbulkan rasa cemburu dan salah sangka dalam hati suami PK05:9:23 [82:82], 9:24 [82:82], 11:8 [23:23].

PK06 dan PK07 turut berkongsi pengalaman mengenai penggunaan teknologi khususnya penggunaan sms, whatsapp dan wechat untuk sesi perbincangan dan pembuatan keputusan secara serta merta. PK06:47:8 [13:13], 2:85 [175:175].

University of Malaya

b) Hobi

Kelangsungan perhubungan dalam rumahtangga khususnya melibatkan individu yang mengalami pengalaman dalam perkahwinan jarak jauh amat memerlukan pelaksanaan hobi sebagai salah satu langkah kelangsungan hidup yang penting. PK02 melaksanakan hobi iaitu mengumpul gambar-gambar dan video anaknya sebagai satu langkah untuk menyimpan kenangan sebagai pengikat kasih sayang antara PK02, suami dan anaknya. PK02:5:30 [035:035].

Bagi suri rumah seperti PK03, aktiviti membuat kraftangan merupakan satu hobi yang boleh menghilangkan rasa sunyi di samping dapat meningkatkan seni halus yang dimiliki oleh PK03 sekaligus dapat menjana pendapatan keluarga. PK03:15:72 [186:186].

Tidak ketinggalan, PK05 dan keluarga yang gemar menonton wayang akan menjadikan ia sebagai salah satu hobi bersama setiap kali suami pulang dari luar Negara. PK05: 10:22 [097:097].

Malah, PK07 yang dahulunya tidak menggemari sukan bola sepak telah menjadikan sukan ini sebagai satu hobi untuk merapatkan hubungan kekeluargaan memandangkan suaminya merupakan salah seorang pemain bola sepak Johor. PK07: 4:49 [139:139].

c) Rekreasi

Aktiviti rekreasi turut menjadi sumber kelangsungan hidup secara ekstrinsik bagi hampir semua peserta kajian dalam menjana kehidupan perkahwinan jarak jauh yang bahagia. Buktinya, PK01 dan PK02 menjadikan kegiatan membeli barang-barang keperluan pada hujung minggu sebagai salah satu wadah untuk merapatkan hubungan antara mereka. PK01:4:85 [228:228].

University of Malaya

Berbeza dengan PK03 yang memiliki anak-anak yang telah meningkat dewasa, aktiviti seperti percutian memberi pengalaman berharga buat PK03 dan anak-anak yang baru merasai keterujaan menaiki kapal terbang. PK03:17:8 [044:044], 17:9 [048:048] 17:51 [160:160]. Selain itu, keraian hari-hari tertentu dan aktiviti seperti makan di luar menjadi salah satu senjata untuk mengikat kasih sayang antara ahli keluarga khususnya mereka yang jarang bersama sebagai satu keluarga besar. PK03:16:30 [085:085], 17:20 [102:102], 15:67 [170:170].

Tidak ketinggalan, PK04 turut menjadikan percutian sebagai aktiviti wajib memandangkan tindakan seperti ini dapat menguatkan lagi hubungan keluarga PK04. PK04:19:56 [087:087]. Tidak cukup dengan itu, aktiviti kekeluargaan seperti mengemas rumah secara beramai-ramai, solat berjemaah dan membeli barang keperluan bersama-sama mampu melahirkan perhubungan keluarga yang utuh meskipun dibatasi oleh jarak yang terpisah. PK04:19:77 [127:127], 20:16 [097:097], 20:24 [163:163].

Malah, PK04 tidak pernah terlepas untuk mengingati dan meraikan hari-hari istimewa sebagai salah satu penghargaan dan tanda terima kasih atas pengorbanan PK04 mengharungi kehidupan berumahtangga dengan suaminya. PK04:19:98 [161:161], 21:48 [108:108].

PK05 turut berkongsi pengalaman beraktiviti seperti makan di luar, membeli belah dan bercuti bersama suami dan anak-anak sebagai tanda mengasihani PK05 yang kepenatan mengurus rumahtangga sepanjang ketiadaan suami. PK05:10:13 [047:047], 10:14 [049:049], seperti pasangan lain, PK05 turut meraikan hari-hari penting sebagai tanda ingatan dan menyemarakkan kasih sayang antara ahli keluarga. PK05: 11:17 [030:030].

University of Malaya

Seterusnya, PK06 dan PK07 menjadikan kegiatan kekeluargaan seperti memandikan anak-anak sebagai satu langkah merapatkan hubungan yang terjalin, di samping membawa anak-anak bersiar-siar, bercuti untuk menzahirkan kasih sayang dan komitmen terhadap keluarga khusus dari segi meluangkan masa bersama keluarga selain daripada meraikan hari-hari penting seperti hari lahir, hari ibu dan sebagainya. PK07:4:80 [212:212], 4:18 [214:214].

d) Jurnal ilmu

Kebanyakan peserta kajian menjadikan jurnal ilmu sebagai satu platform dalam kelangsungan hidup mereka ke arah perkahwinan yang berkesinambungan. Sebagai contoh, PK02 menimba ilmu-ilmu keibubapaan melalui blog dan mendalami isu-isu melibatkan pengurusan anak khusus untuk ibu bekerjaya sebagai satu langkah menyiapkan diri sendiri dengan keadaan di luar jangkaan. PK02: 5:26 [051:051].

Bagi PK03 dan PK04, mereka sering menjadikan buku-buku dan rancangan motivasi di televisyen atau radio untuk menguatkan diri mengharungi liku dan cabaran dalam perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh mereka. PK04:15:71 [184:184], PK05: 19:58 [089:089], 18:3 [14:14], 18:18 [32:32].

e) Pendekatan Spiritual

Elemen spiritual yang menjadi topik perkongsian semua peserta kajian merupakan satu elemen yang sangat signifikan dalam proses kelangsungan hidup. Buktinya, PK01 yang menganggap keredhaan suami membenarkan dirnya bekerja menjadi satu kekuatan dan pemudahcara untuk dirinya dalm mengharungi kesukaran dalam perkahwinan jarak jauh. PK01:13:11 [32:32].

University of Malaya

Pada masa yang sama, redha kepada qada dan qadar yang telah ditentukan kepada PK02 menjadikan dirinya sebagai seorang insan redha dengan setiap apa yang ditetapkan kepadanya. PK02 yakin doa yang dipanjatkan menyebabkan dirinya yakin akan hikmah yang tersembunyi di sebalik ujian yang menimpa dirinya. PK02: 7:21 [056:056], 8:2 [14:14], 7:22 [056:056] , 7:23 [056:056].

Bagi PK03 pula, keyakinan terhadap jodoh yang telah ditentukan Allah kepadanya menjadikan dirinya sentiasa berusaha mencari titik persamaan di sebalik perbezaan yang wujud antara PK03 dan suaminya. PK03:17:22 [104:104], 17:23 [110:110].

Aspek spiritual turut menjadi topik perkongsian PK04 yang meletakkan agama sebagai asas penting untuk kebahagiaan rumahtangga yang memandu PK04 dan suami daripada melakukan sesuatu di luar batasan di samping menjadikan doa sebagai senjata untuk meraih kekuatan dari Ilahi. PK04: 19:39 [74:74] , 19:73 [74:74] , 21:30 [50:50] , 18:23 [38:38] yang membolehkan dirinya redha dengan jalan yang dipilih. PK04: 19:39 [74:74], 19:73 [125:125] , 20:12 [89:89].

Begitu juga dengan PK05 yang menjadikan doa dan solat sebagai benteng ampuh dalam mengharungi cabaran dan tekanan yang wujud sepanjang bergelar individu dalam perkahwinan jarak jauh. PK05: 9:16 [07:67] 9:16 [067:067].

Seterusnya, PK06 percaya dan redha dengan ujian berjauhan dengan suami sebagai salah satu cara untuk mengurangkan dosa tanpa di sedari apabila bersama suami menjadikan dirinya menerima jalan yang dipilih ini dengan terbuka dan bersyukur di samping sentiasa berdoa agar segala urusan

University of Malaya

rumahtangga dipermudahkan. PK06: 47:18 [31:31], 47:5 [11:11], 47:10 [15:15], 47:11 [17:17].

Tidak ketinggalan, kekuatan solat dan doa sebagai benteng yang mengikat PK07 dan suami sebagai jodoh yang sempurna hingga ke Jannah. PK07:3:26 [29:29], 4:57 [165:165] telah menjadikan PK07 terus bersangka baik dengan segala ujian dan percaya akan hikmah di sebalik ujian yang mendatang. Konsensusnya, rangkuman tema yang menjurus kepada mekanisma kelangsungan hidup yang diaplikasikan oleh peserta kajian dapat diselusuri melalui Jadual 4.62 seperti berikut:

Jadual 4.62: Tema 6-mekanisma kelangsungan hidup

Subtema/Kategori	**Peserta Kajian**						
	PK01	PK02	PK03	PK04	PK05	PK06	PK07
Ekstrinsik							
• Teknologi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Hobi		✓	✓				
• Rekreasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Jurnal ilmu		✓	✓	✓			
Instrinsik							
• Spiritual	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

4.10.7 Tema 7- Pembangunan Resiliens

Cabaran dan ujian yang silih berganti sepanjang proses kehidupan berumah tangga secara berasingan dengan pasangan yang dialami oleh kesemua peserta kajian telah menimbulkan satu tema yang sangat relevan untuk diteroka iaitu aspek pembangunan dan perkembangan resiliens. Rangkuman tema yang menjurus kepada pembangunan resiliens individu diperincikan berdasarkan Rajah 4.38 seperti berikut:

University of Malaya

Rajah 4.38: Tema 7 - Pembentukan Resiliens

a) Autonomi

Sememangnya, tempoh kelangsungan hidup yang dilalui oleh peserta kajian membolehkan kebanyakan daripada mereka memperolehi autonomi dalam memandu bahtera kehidupan rumahtangga. Ternyata, perhubungan jarak jauh yang dilalui oleh PK01 menyebabkan suami PK01 menyerahkan autonomi kepadanya untuk merancang aktiviti dan proses pembuatan keputusan sekaligus mencetuskan rasa yakin diri dalam diri PK01. PK01: 12:16 [65:65].

Begitu juga pengalaman ang dilalui oleh PK02, PK03 dan PK04 yang memperolehi autonomi khususnya dalam pengurusan kewangan keluarga kerana pasangan masing-masing tidak mengongkong kehidupan mereka termasuklah jaringan sosial yang dibina oleh PK02, PK03 dan PK04 dan begitulah sebaliknya. PK03:16:11 [51:51], PK04:19:53 [85:85], 20:22 [159:159].

University of Malaya

Seperti peserta kajian lain, PK05 turut memperoleh autonomi daripada suaminya secara mutlak sehingga suami menyerahkan kad atm bank kepada PK05 untuk pengurusan rumahtangga. Kelebihan itu tidak disalah guna oleh PK05 yang ternyata bijak dalam pengurusan kewangan keluarga PK05:10:11 [32:32], 10:10 [26:26].

Akhirnya, tindakan suami yang memberi autonomi sepenuhnya kepada PK07 dalam proses pembuatan keputusan mendorong PK07 menjadi seorang yang mampu berfikir pantas dan bertindak cergas dan selalunya suami PK06 akan menyokong segala keputusan PK06 memandangkan dirinya yang banyak berdepan dengan masalah dalam keluarga. PK07: 3:48 [53:53].

b) Optimis

Perjalanan hidup yang dilalui oleh peserta kajian sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh menjadikan mereka sebagai individu yang optimis. Buktinya PK03 yang menyatakan hal remeh-temeh yang berlaku dalam kehidupan berumahtangga tidak perlu difikirkan dari sudut negatif sebaliknya dinilai dari sudut yang positif kerana ia merupakan satu proses latihan memantapkan diri dan kemahiran yang ada dalam diri. PK03: 17:49 [156:156] 17:53 [164:164], 17:24 [112:112] , 17:25 [112:112].

Konteks perkongsian yang sama turut diutarakan oleh PK04 yang sentiasa berfikiran positif dalam usaha mengurangkan rasa curiga terhadap suami kerana setiap pemikiran yang positif mendorong segala tindakan yang psoitif yang akhirnya mampu menjana hubungan yang baik dan bahagia. PK04: 19:39 [76:76], 19:107 [177:177], 20:40 [211:211].

Tidak kurang juga dengan PK05 yang telah meletakkan set minda yang positif dan menganggap isu yang timbul dalam perkahwinan jarak jauh bukanlah

University of Malaya

satu beban sebaliknya satu cabaran yang pasti hadir dengan jalan penyelesaian yang boleh dilaksanakan secara realistik. PK05: 9:31 [092:092] , 9:43 [115:115], 9:55 [141:141]. Pemikiran optimistik ini membolehkan PK05 mempertimbangkan segala cadangan dan pandangan sekeliling secara rasional. PK05:11:34 [195:195], tanpa terlalu memikirkan sesuatu perkara itu secara berlebih-lebihan PK05:11:36 [194:194].

Selain itu, PK06 turut mengakui perkahwinan jarak jauh yang dilaluinya mencetuskan pemikiran optimis apabila PK06 cuba mencari sesuatu yang indah dalam perkahwinan jarak jauh untuk menutup kekurangan yang bersifat sementara. PK06: 47:6 [12:12], 47:47 [31:31].

c) Berdikari

Pepatah melayu seperti "alah biasa, tegal biasa" sangat sinonim untuk mengaitkan tindakan berdikari yang wujud akibat tempoh pasang surut dalam rumah tangga yang dilalui oleh peserta kajian yang telah ditemubual. Seperti PK01, sifatnya yang kurang bergantung kepada orang lain membolehkan dirinya tegar membesarkan anaknya bersendirian dan tidak terlalu memanjakan diri. PK01 :13:9 [26:26] , 13:10 [28:28].

Manakala bagi PK02 yang menerima bantuan dari ibubapa untuk menjaga anaknya, situasi ini tidak menghalang dirinya berdikari kerana PK02 tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada ibu bapanya yang telah uzur. PK02:5:16 [37:37].

Pada masa yang sama, autonomi yang diberikan oleh suami kepada PK03 menyebabkan dirinya tidak terlalu bergantung dan menyusahkan suaminya kerana mampu membuat keputusan yang baik dalam urusan rumahtangganya. PK03:16:10 [49:49].

University of Malaya

Tidak kurang juga dengan PK04 yang mengakui pengalaman membesarkan anak bersendirian menuntut diri untuk belajar berdikari sehingga terpaksa merawat diri yang sakit bersendirian tanpa bantuan suami. Sikap berdikari ini membolehkan PK04 sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan atau kecemasan yang mungkin berlaku. PK04:19:16 [62:62], 19:31 [70:70], 19:81 [137:137].

Pengalaman PK05 mengurus ke lima-lima orang anaknya bersendirian sehingga terpaksa melahirkan anak secara bersendirian tanpa suami yang jauh di luar Negara menjadikan dirinya lebih berdikari dan membolehkan PK05 lebih bersedia seandainya terjadi apa-apa terhadap suaminya. Pada masa yang sama, PK05 tidak terlalu mengharapkan suami mengurus rumah memandangkan suaminya agak kekok memandangkan suaminya tidak didedahkan tentang pengurusan rumah sejak dari kecil. PK05:9:34 [98:98], 10:23 [113:113], 10:31 [151:151], 11:27 [156:156].

Tidak ketinggalan, PK06 melahirkan rasa terharu kerana suaminya menyuarakan kebanggaan kerana memiliki isteri yang boleh berdikari seperti PK06. Ternyata, cabaran yang dilalui dapat meningkatkan lagi yakin diri PK06 untuk terus berjuang meskipun tanpa bantuan suami. PK06: 2:54 [93:93].

Akhirnya, PK07 turut mengakui bahawa pengalaman berjauhan yang dialami oleh PK07 dan keluarga telah menjadikan dirinya sebagai seorang yang sangat berdikari sekaligus meningkatkan reputasi dirinya di mata suaminya. PK07:3:47 [53:53], 4:21 [91:91] , 4:35 [117:117].

d) Jati diri

Kebanyakan peserta kajian telah mengupas mengenai aspek jati diri sepanjang perkongsian pengalaman kelangsungan hidup masing-masing. Contohnya PK02

University of Malaya

menyatakan pengalaman yang dilaluinya menjadikan dirinya seorang yang berdaya tahan dan tabah. PK02 : 7:22 [56:56] , 7:30 [76:76].

Tidak ketinggalan, PK04 turut meluahkan bahawa keputusan menjaga keluarga sehingga terpaksa tinggal berjauhan dengan suami menuntut kekuatan hati dan pengurusan emosi yang tinggi agar dapat menangkis anasir negatif yang mampu menggugat keharmonian keluarga. PK04 :19:14 [62:62], 18: 9 [34:34], 21:27 [44:44]. Pemantapan jati diri dalam diri PK06 turut dapat dirasai khususnya apabila anak-anak semakin berkembang meningkat usia yang mendorong PK05 menjadi lebih kuat dari sebelumnya. PK06:2:26 [25:25].

Selain itu, PK07 turut mengakui proses membesarkan anak-anak menyuntik kekuatan diri untuk terus menjalankan tanggungjawab untuk membuktikan bahawa dirinya tidak boleh diperkotak-katikkan oleh suami. PK07:3:15 [19:19].

e) Personaliti

Hasil penerokaan pengalaman kelangsungan hidup peserta kajian menunjukkan bahawa personaliti dan perbezaan karakter pasangan memberi sumbangan dalam perlambangan resilinsi peserta kajian. Sebagai perinciannya, personaliti pasangan PK01 yang tidak mendesak membolehkan PK01 menjalankan tanggungjawab sebagai wanita bekerjaya dan ibu yang baik. PK01: 12:23 [81:81].

Selain itu, personaliti pasangan PK02 yang tidak pandai mempamerkan kasih sayang melalui lisan menyebabkan PK02 amat prihatin terhadap bahasa bukan lisan dan isyarat tubuh khususnya dalam menyuarakan sebarang bentuk peluahan ketika proses menangani konflik dalam rumahtangga. PK02:5:55 [87:87], 8:18 [42:42].

University of Malaya

Bagi PK03, sifat pendiam yang dimiliki oleh dirinya dan suami menyebabkan mereka berbincang perkara-perkara yang penting khususnya melibatkan masalah yang melibatkan anak-anak tanpa perlu membincangkan hal-hal yang tidak berkaitan secara meleret-leret. Selain itu, perwatakan suami PK04 yang tidak romantik tidak menghalang mereka untuk mempamerkan kasih sayang. Malah personaliti suaminya yang boleh berdikari menguruskan diri sendiri banyak memudahkan dan meringankan beban PK04 dalam mengurus rumahtangga. PK04:21:45 [110:110], 21:49 [106:106], 47:12 [19:19], 19:95 [153:153].

Tidak ketinggalan, personaliti suami PK05 yang tidak pandai menguruskan kerja rumah disebabkan latar belakang keluarga menyebabkan PK05 lebih gemar melakukan kerja secara sendiri tanpa terlalu mengharap bantuan dari suaminya. Secara tidak langsung dapat membantu PK05 menjadi insan yang berhati tabah. PK05:10:29 [139:139], 9:27 [86:86], 10:26 [121:121].

Selain itu, PK06 turut meluahkan bahawa personaliti suaminya yang begitu penyabar dan tenang sedikit sebanyak mempengaruhi corak pemikiran PK06 yang lama kelamaan menyerap dalam diri PK06. PK06:47:12 [19:19].

Di samping itu, PK07 menjadikan sifat penyayang yang dimiliki oleh suaminya mendorong PK07 merasa selamat dan selesa ketika bersama suami mengharungi liku-liku rumahtangga secara berjauhan PK07: 3:31 [35:35] meskipun suaminya kurang berkeyakinan diri berbanding PK07, namun itu tidak membolehkan PK07 untuk merendah-rendahkan suaminya kerana suaminya masih merupakan kuasa dominan dalam keluarga. PK07:4:55 [156:156]. Secara keseluruhannya, pembentukan resiliens sebagai tema baru yang muncul dalam pengalaman kelangsungan hidup oleh semua peserta kajian dapat dirumuskan melalui Jadual 4.63 seperti berikut

Jadual 4.63: Tema 7-Pembentukan Resiliens

Subtema/Kategori	Peserta Kajian						
	PK 01	PK 02	PK 03	PK 04	PK 05	PK 06	PK 07
• Autonomi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Optimis			✓	✓	✓	✓	
• Berdikari	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Jati diri		✓		✓		✓	✓
• Personaliti	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

4.11 Intipati makna pengalaman kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh

Rangkuman pengalaman kelangsungan hidup tujuh orang wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh telah mencetuskan tujuh tema utama. Setelah penelitian dilakukan terhadap tema-tema yang muncul, penyelidik akhirnya menterjemahkan kesemua elemen ke dalam satu intipati makna pengalaman kelangsungan hidup individu yang menjurus kepada peringkat dan kitaran perkahwinan jarak jauh.

Daripada tujuh tema tersebut, satu tema iaitu faktor penyumbang telah dirangkumkan di peringkat pengumpulan, dua tema iaitu kitaran pertemuan-perpisahan, dinamik perhubungan dan sistem kekeluargaan dikaitkan dengan peringkat penerokaan dan persediaan, manakala tema bagi mekanisma kelangsungan hidup, sistem sokongan dan pembentukan resiliens menjadi intipati pada peringkat pelaksanaan dan pengembangan. Tidak terkecuali, peringkat penyempurnaan memperlihatkan keputusan bagi perkahwinan jarak jauh sebagai output secara keseluruhannya seperti dalam Rajah 4.39.

University of Malaya



Rajah 4.39: Model Intipati Pengalaman Kelangsungan Hidup Wanita Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

University of Malaya

4.12 Peringkat /Kitaran Perkahwinan Jarak Jauh

Setelah meneliti kesemua tema yang muncul, penyelidik akhirnya mengkoordinasi tema-tema tersebut mengikut peringkat atau kitaran yang dirasakan releven bagi menjana satu intipati pengalaman kelangsungan hidup individu dalam perkahwinan jarak jauh secara holistik. Merujuk kepada Rajah 4.46, tema-tema yang terangkum dalam peringkat transmisi perkahwinan jarak jauh akan dibincangkan seperti huraian di bawah:

4.12.1 Peringkat Pengumpulan

Merujuk kepada fenomena perkahwinan jarak jauh yang diteroka oleh penyelidik, peringkat pengumpulan yang menjadi peringkat yang paling awal dalam kitaran pengalaman melibatkan proses mengumpul segala jangkaan mengenai keadaan atau situasi masa lalu yang membuka ruang kepada fenomena yang sedang dilalui oleh peserta kajian ketika ini.

Merujuk kepada peringkat pengumpulan ini, keputusan untuk menjalani kehidupan berjauhan dengan pasangan yang dikasihi bukanlah satu hakikat yang mudah untuk ditelan oleh peserta kajian. Namun, tindakan peserta kajian membuat pilihan sedemikian rupa didorong oleh faktor-faktor penyumbang. Faktor penyumbang yang dimaksudkan adalah kekangan kerjaya yang menjadi faktor paling dominan. Kesemua peserta kajian memilih untuk tinggal berasingan dengan pasangan masing-masing kerana tuntutan kerjaya yang mempunyai skop kerja yang tidak statik di sesuatu tempat, terikat dengan polisi penajaan yang memaksa peserta kajian untuk berkhidmat di sesebuah organisasi untuk tempoh tertentu.

Tidak ketinggalan, peserta kajian terpaksa akur dengan peluang kerjaya yang lebih terbuka luas di tempat yang berbeza-beza yang memungkinkan pasangan untuk berpisah untuk memenuhi kehendak kerjaya yang dihajati. Percaturan ekonomi yang kian mendesak memaksa peserta kajian untuk memilih jalan hidup yang berbeza dengan

University of Malaya

pasangan tradisional yang lain memandangkan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup keluarga ke peringkat yang lebih kukuh lantaran kos sara hidup yang lebih tinggi saban waktu.

Di samping itu, kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap keluarga khususnya menjaga ibubapa yang uzur turut menjadi pertimbangan peserta kajian dalam membuat jangkaan mengenai pengorbanan yang perlu dilepaskan dan keistimewaan yang bakal diperolehi sepanjang tempoh perpisahan yang berlaku dalam perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh peserta kajian.

Tidak terkecuali, sorotan kehidupan perkahwinan jarak jauh yang menjadi asam garam peserta kajian yang dikekang oleh faktor persekitaran turut mendorong peserta kajian membuat percaturan mengenai sejauhmana faktor persekitaran seperti faktor kemudahan di kawasan kediaman, persekolahan anak-anak, dan faktor persekitaran yang lain mampu memberi kesan dalam pembuatan keputusan untuk tinggal berjauhan dengan pasangan masing-masing.

4.12.2 Peringkat penerokaan dan persediaan

Secara keseluruhannya, peringkat penerokaan yang diketengahkan oleh penyelidik menyaksikan tindakan peserta kajian untuk memperoleh fakta atau isu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh yang sedang dilalui oleh mereka kini. Menjurus kepada peringkat penerokaan ini, kesemua peserta kajian mendedahkan menghadapi pelbagai cabaran yang telah membawa kepada kemunculan tema-tema utama seperti reaksi psikologi sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan, pembentukan dinamik perhubungan dan pembentukan sistem kekeluargaan yang dilihat saling berkait antara satu sama lain sekaligus menjawab soalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik pada awal penyelidikan. Manakala, peringkat persediaan pula mendedahkan kesediaan peserta

University of Malaya

kajian untuk melihat segala isu yang sedang dihadapi dalam perkahwinan jarak jauh dari sudut yang lebih memudahkan peserta kajian.

Menyingkap isu mengenai reaksi psikologi yang menjadi tema perkongsian peserta kajian dalam kitaran pertemuan-perpisahan, peserta kajian berkongsi rasa dan persepsi yang pelbagai termasuklah rasa sedih, teruja, sunyi, rindu, malah ada peserta kajian yang meluahkan rasa stress di hati. Peserta kajian turut mempamerkan reaksi tingkahlaku seperti kejujuran, komunikasi, keintiman, perancangan, pengorbanan dan proses ulang-alik sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan yang berlaku. Tidak terkecuali, reaksi kognitif seperti cemburu, persefahaman, persepsi minda, dan impian yang terkandung dalam pemikiran peserta kajian turut menjadi input pendedahan oleh peserta kajian. Reaksi psikologi yang menerjah secara silih berganti dalam kitaran pertemuan-perpisahan yang dilalui oleh individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mendorong peserta kajian untuk memberi tafsiran dan persepsi mengenai perhubungan jarak jauh yang sedang dialaminya kini dalam konteks yang lebih mudah melalui ruang lingkup kehidupan masing-masing.

Selain daripada reaksi psikologi yang tercetus sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, dinamik perhubungan yang melibatkan perhubungan bapa-anak, hubungan suami-isteri, hubungan ibu-anak, malah turut mendedahkan dinamik hubungan dalam multi generasi seperti datuk/nenek dan pengasuh-anak. Kepelbagaian dalam pola perhubungan yang timbul hasil daripada perpisahan jarak menyebabkan peserta kajian terpaksa akur dengan kesan dan cabaran yang timbul samada dinamik perhubungan tersebut dijalinkan dalam bentuk yang positif seperti kejelekitan hubungan atau sebaliknya dalam setiap subsistem pasangan, ibubapa, anak yang membentuk sempadan tersendiri dalam dinamik perhubungan masing-masing.

University of Malaya

Memandangkan penerokaan mengenai pengalaman perkahwinan jarak jauh memberi fokus kepada lensa kehidupan pasangan yang memiliki anak, isu perpisahan jarak fizikal ternyata mengundang kepelbagaian sistem kekeluargaan yang mendedahkan pelbagai cabaran khususnya dalam aspek pengurusan dan perkembangan psikologi anak, peranan dan tanggungjawab subsistem dalam keluarga, perubahan dalam rutin harian yang akhirnya menjerumuskan ahli dalam keluarga untuk membentuk peraturan tertentu dalam pola interaksi keluarga secara keseluruhan.

Natijahnya, isu reaksi psikologi dalam kitaran pertemuan-perpisahan, pembentukan dinamik perhubungan dan keunikan sistem kekeluargaan yang saling berkait dilihat berupaya memberi ruang kepada individu untuk membuat persedian untuk berkembang ke peringkat seterusnya dalam kitaran perkahwinan jarak jauh.

4.12.3 Peringkat Pelaksanaan dan pengembangan

Kesedaran mengenai fakta atau isu-isu yang mendepani peserta kajian sepanjang bergelar individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh membawa kepada perkembangan ke peringkat pelaksanaan dan pengembangan. Teoritikalnya, peringkat pelaksanaan memberi peluang kepada peserta kajian untuk menerima pengalaman baru dan merealisasikan komitmen dengan pelan tindakan yang telah dirancang. Manakala, peringkat pengembangan pula memperlihatkan tindakan peserta kajian untuk mengharungi situasi, belajar dan berkembang daripada pengalaman yang dilalui seterusnya memperbaiki dan meningkatkan pelan tindakan yang telah dirancang.

Menyingkap lembaran pengalaman dalam konteks dunia peserta kajian, pengalaman baru yang bersifat berbelah bahagi samada mendatangkan kesan positif atau risiko negatif ke atas kehidupan individu menyediakan satu platform kepada peserta kajian untuk menjana homeostasis perhubungan yang sihat dalam keluarga

University of Malaya

menerusi mekanisma kelangsungan hidup yang telah dirangka dan diimplimentasikan. Mekanisma kelangsungan hidup samada secara ekstriksik mahupun intrinsik yang merangkumi penggunaan teknologi, pelaksanaan hobi dan aktiviti rekreasi, pendekatan spiritual dan jurnal ilmu menjadi pegangan peserta kajian dalam usaha merealisasikan perhubungan yang sihat antara pasangan dan keluarga.

Tidak dinafikan, isu dan cabaran dalam perkahwinan jarak jauh yang telah mencetuskan pengalaman dan pelan tindakan telah mendorong kepada tindakan peserta kajian mendapatkan sistem sokongan termasuk daripada ahli keluarga seperti pasangan, ibu bapa ataupun adik-beradik dan sistem sokongan di luar ruang lingkup keluarga seperti jiran, pengasuh, rakan dan organisasi kerja yang mampu menjana kehidupan yang berkualiti dan mambawa kepada pembentukan resiliens. Penerokaan mendalam mengenai kehidupan perkahwinan jarak jauh yang dialui oleh peserta kajian telah mencetuskan autonomi, sikap berdikari, optimistik di samping perkembangan jati diri dan personaliti yang postif dalam kalangan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Konsensusnya, pengubahsuaian dalam pengaplikasian mekanisma kelangsungan hidup dibantu oleh sumber sokongan dan perkembangan resiliens yang dilihat saling berinteraksi antara satu sama lain berupaya memberi kebebasan kepada individu untuk membuat persedian untuk berkembang ke peringkat penyempurnaan dalam kitaran perkahwinan jarak jauh yang seterusnya.

4.12.4 Peringkat penyempurnaan

Pada peringkat penyempurnaan, peserta kajian dilihat telah sedia maklum mengenai segala risiko dan bersiap sedia dengan segala pengalaman baru, membuat penyesuaian melalui pelan tindakan yang telah dimantapkan bagi memudahkan proses kelangsungan

University of Malaya

hidup yang membolehkan perhubungan mereka terus membara biarpun terpisah oleh jarak.

Menyedari akan semua perkara tersebut, peserta dilihat bebas untuk menentukan samada ingin meneruskan mengekalkan keputusan untuk terus menjalani kehidupan berjauhan dengan psangan masing-masing atau tinggal bersama dan melalui peringkat-peringkat dalam kitaran perkahwinan jarak jauh secara berpatah balik.

Menjurus kepada penerokaan yang telah dilakukan terhadap peserta kajian, mereka masih lagi menanti saat yang sesuai untuk tinggal serumah walaupun menyedari bahawa tempoh untuk mereka bersatu di bawah satu bumbung memakan masa yang agak lama kerana terpaksa menunggu pasangan masing-masing tamat tempoh perkhidmatan, bersara, ditukarkan ke tempat yang lebih berdekatan, menanti anak-anak memasuki sesi persekolahan.

4.13 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kemunculan tujuh tema iaitu faktor penyumbang, kitaran pertemuan-perpisahan, dinamik perhubungan, sistem keluarga, sistem sokongan, mekanisma kelangsungan hidup dan pembentukan resiliens yang mendasari pengalaman peserta kajian telah mencetuskan satu intipati pengalaman yang bermakna dalam kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Sistematik.

University of Malaya

BAB 5:

PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini memaparkan perbincangan mendalam mengenai dapatan kajian. Dapatan yang diperoleh turut dihuraikan berpandu kepada perspektif dapatan kajian lalu dan kaitan dengan teori yang menjadi landasan kepada penyelidikan yang dijalankan. Perbincangan mengenai implikasi kajian terhadap sumbangannya dalam lapangan tertentu turut dijelaskan. Beberapa cadangan dikemukakan bagi penambahbaikan terhadap kajian-kajian yang berkaitan fenomena kajian terutama isu-isu dalam bidang kaunseling. Cabaran dan saranan bagi penyelidikan akan datang turut dikemukakan. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan sebagai penutup kajian.

5.2 Perbincangan mengenai dapatan kajian

Intipati pengalaman kelangsungan hidup yang dilalui oleh wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dapat memberi gambaran dan pemahaman secara mendalam terhadap fenomena yang sedang dikaji oleh penyelidik. Interaksi terhadap pengalaman-pengalaman melalui sumber utama dan sumber sokongan telah memberi gambaran keseluruhan mengenai kelangsungan hidup wanita yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pendekatan fenomenologikal transendental merupakan satu pendekatan yang mampu menampung limitasi yang diketengahkan dalam kajian-kajian lampau. Pada masa yang sama, pemahaman mendalam melalui penggunaan penyelidikan kualitatif dapat meneroka pengalaman kelangsungan hidup secara komprehensif dan holistik.

Merujuk kepada dapatan kajian yang diperolehi, terdapat tujuh tema yang menjadi isu perkongsian terhadap pengalaman hidup tujuh individu yang terlibat dalam

University of Malaya

kajian ini iaitu faktor penyumbang, kitaran pertemuan-perpisahan, dinamik perhubungan, sistem kekeluargaan, sistem sokongan, mekanisma kelangsungan hidup dan pembentukan resiliens.

5.2.1 Faktor-faktor penyumbang

Isu mengenai faktor-faktor penyumbang yang mendorong individu mengambil keputusan untuk tinggal berasingan dengan pasangan menjadi satu pengalaman yang telah dikongsi oleh kesemua peserta kajian. Pendedahan mengenai kekangan kerjaya, faktor ekonomi, tanggungjawab terhadap keluarga dan faktor persekitaran menjadi punca yang mengekang peserta kajian daripada tinggal serumah dengan pasangan masing-masing. Merujuk kepada faktor-faktor penyumbang yang telah dikenalpasti, dapatan kajian dilihat selaras dengan kajian Marris (1995) yang mengatakan bahawa perkahwinan jarak jauh mampu mewujudkan konflik disebabkan oleh tawaran kerja, lokasi korporat dan perubahan kerja yang mendadak dalam pasaran. Menjurus kepada konflik tersebut, perkahwinan jarak jauh yang melibatkan pasangan berkerjaya mungkin boleh mencapai kepuasan dalam perhubungan atau perkahwinannya dan dapat memenuhi keperluan kedua-dua belah pihak apabila seseorang pasangan itu berkehendak untuk bertukar kepada pekerjaan yang lain atau ditukarkan oleh majikan sedangkan pasangannya statik dengan kerjayanya.

Dapatan kajian yang memberi tumpuan kepada kekangan kerjaya sebagai faktor dominan turut disokong oleh penemuan Knox (2002) yang mendedahkan bahawa perkembangan kajian mengenai perkahwinan jarak jauh yang menjadi satu fenomena sekarang adalah disebabkan oleh desakan kerjaya. Darsawarsa ini, keadaan yang mengundang kepada perpisahan adalah disebabkan oleh kerjaya. (Rindfuss & Stephen, 1990; Scott, 2002). Jika dahulu, kerjaya suami yang mendorongnya keluar dari

University of Malaya

kediaman, namun kini perkahwinan jarak jauh yang dialami oleh pasangan seringkali dikaitkan dengan tindakan isteri yang turut mengejar kerjaya sendiri. (Rindfuss & Stephen, 1990).

Tidak ketinggalan, pendedahan peserta kajian mengenai faktor ekonomi, taraf pendidkan dan tanggungjawab terhadap keluarga dilihat selaras dengan kajian oleh Knox (2002) yang tidak menafikan bahawa peningkatan taraf pendidikan ketahap maksimum ditambah dengan faktor keluarga seperti tanggungjawab menjaga orang tua di rumah turut menyumbang ke arah fenomena perkahwinan jarak jauh yang kian popular dan mampu menggantikan bentuk kekeluargaan konvensional atau tradisional yang dahulu.

Malah, Ferk (2005) turut bersetuju bahawa faktor atau penyebab yang biasa dalam peningkatan pasangan berkerjaya termasuklah desakan kewangan, desakan sosial dan persekitaran di samping keperluan untuk mengekalkan dan meningkatkan kerjaya.

Ternyata, faktor-faktor yang cuba diketengahkan sebagai pertimbangan untuk menjalani kehidupan sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dilihat memberi kesan sosialisasi di mana wanita khususnya yang dilihat memikul tanggungjawab dominan dalam pengurusan rumahtangga untuk membuat pengolahan dan agihan semula antara penjagaan rumahtangga dan keseimbangan kerjaya.

5.2.2 Kitaran pertemuan-perpisahan

Sememangnya perkongsian peserta kajian mengenai kitaran pertemuan-perpisahan yang dilalui oleh mereka telah mencetuskan reaksi psikologikal termasuk iaitu reaksi emosi, tingkahlaku mahupun kognitif.

University of Malaya

(i) Reaksi tingkahlaku

Menjurus kepada reaksi tingkahlaku seperti komunikasi, tindakan mempamerkan pelbagai bentuk komunikasi samada secara berlapik atau pun komunikasi secara terbuka sepanjang kitaran pertemuan-perpisahan antara pasangan mampu menyokong kaijan lampau. Memandangkan komunikasi yang efektif mampu memperbaiki hubungan antara pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, banyak kajian telah mendedahkan mengenai kepentingan komunikasi untuk memupuk kepuasan mengenai keintiman, komitmen dan kepercayaan. (Edwards, 2001; Guldner, 2003; Guldner & Sorensen, 1995; Holt & Stone, 1988; Knox, 2002). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Guldner (2002), stail komunikasi memainkan peranan penting dalam perkahwinan jarak jauh berbanding perhubungan yang lain.

Tidak dinafikan bahawa pendedahan dapatan data mengenai keintiman khususnya mengenai seksualiti melalui komunikasi secara berlapik yang dilakukan oleh peserta kajian dilihat memiliki persamaan dengan hasil kajian penyelidik terdahulu. Buktinya, Afif dan Guerrero (2000) dalam kajiannya mendapati pasangan turut mencipta halangan komunikasi dengan membangunkan atau mengembangkan limitasi tentang apa yang boleh dibincangkan dalam komunikasi mereka atau apa yang tidak boleh dibincangkan. Sebagai contoh, isu-isu yang dianggap taboo seperti norma-norma yang tidak disukai pasangan,seksualiti, topik yang mencetuskan konflik seperti perhubungan lepas yang wujud dalam kehidupan pasangan.

Selain daripada isu komunikasi, dapatan data daripada sorotan pengalaman menyaksikan peserta kajian tidak banyak membicarakan mengenai keintiman seksual secara serius memandangkan perkara ini tidak menjadi isu yang besar dalam kehidupan yang sedang dialui oleh mereka. Maka, keadaan

University of Malaya

ini dilihat selaras dengan kajian Vornbrock (1993) dan Guldner (2003) yang menunjukkan bahawa keintiman seksual adalah lebih penting bagi kaum lelaki berbanding golongan wanita di mana golongan lelaki memiliki keinginan menggunakan seksualitinya untuk merasai keintiman sedangkan wanita lebih mengutamakan keintiman secara emosi bagi mencapai kepuasan dalam setiap perhubungan yang dijalinkan.

Tidak ketinggalan, Jiang dan Hancock (2013) turut mendedahkan bukti mengenai isu keintiman sebagai satu perkara yang sangat bersifat peribadi bagi pasangan. Kajian yang dijalankan tidak hanya tertumpu kepada tindakan pasangan untuk mengendalikan tahap-tahap tekanan yang hadir tetapi lebih memberi fokus kepada pemahaman bagaimana pasangan mencapai dan mengekalkan keintiman dan sudut peribadi dalam perhubungan jarak jauh yang dilalui oleh mereka khususnya dalam komunikasi yang melibatkan tahap-tahap keintiman yang terjalin antara pasangan.

Konsensusnya, komunikasi dalam apa jua bentuk perhubungan merupakan kunci atau platform yang penting bagi suatu perhubungan itu berkembang dengan baik atau sebaliknya. Setiap perhubungan mungkin menghadapi jenis atau cara komunikasi yang berbagai-bagai dan setiap jenis komunikasi yang dihadapi merupakan satu yang unik bagi setiap perhubungan yang dijalankan khususnya dalam perhubungan jarak jauh yang dialami oleh pasangan yang berkahwin. Tidak dinafikan bahawa perkahwinan jarak jauh menghadapi cabaran dan masalah melalui proses formulasi, penyelenggaraan dan penamatan disebabkan oleh jarak yang terpisah tidak kira dalam diri individu itu atau perhubungan itu dan salah satu kekangan itu adalah dari sudut komunikasi. (Sahlstein, 2006). Meskipun banyak kajian yang dijalankan ke atas peserta kajian yang terdiri daripada pasangan yang tinggal berjauhan, manual

University of Malaya

dan kerangka konsep yang digunakan jelas diterjemahkan dari acuan budaya barat. (Fuerbringer, 2007; Knapp, 1984) dan semestinya tidak boleh diaplikasikan kepada semua setting budaya.

Tidak ketinggalan, proses ulang alik yang menjadi reaksi tingkahlaku dalam kitraran pertemuan dan perpisahan yang menjadi bahagian penting dalam pengalaman kelangsungan hidup individu yang tinggal berasingan dengan pasangan mengundang beberapa limitasi. Halangan luaran seperti risiko dalam proses ulang-alik dan kewangan mampu mengekang dan membataskan kekerapan pasangan untuk bertemu dalam tempoh kitaran pertemuan dan perpisahan antara pasangan dan ahli keluarga yang berjauhan dalam satu tempoh tertentu. Bagi mereka yang tinggal di luar negara, kekangan perjalanan seperti urusan visa, passport dan kos kapal terbang yang kadangkala menjadi pertimbangan dalam diri individu yang ingin bertemu pasangan yang telah ditinggalkan dalam tempoh yang lama. Pendedahan peserta kajian mengenai limitasi perkahwinan jarak jauh ternyata selaras dengan kajian Farell (2009) yang mendapati bahawa susunan kehidupan seperti perkongsian dengan rakan serumah di rumah sewa turut mengekang peluang untuk pulang melawat pasangan, tempoh lawatan malah boleh menggugat kualiti pertemuan antara pasangan dan anak-anak.

(i) Reaksi kognitif

Selain dari reaksi emosi dan tingkahlaku, kitaran pertemuan- perpisahan yang dilalui oleh peserta kajian menjadikan mereka tidak terkecuali dari mempamerkan reaksi kognitif seperti kepercayaan, cemburu, persefahaman, persepsi minda, impian dan risiko berubah hati sepanjang kitaran pertemuan - perpisahan yang berlaku. Tidak dinafikan bahawa salah satu faktor utama

University of Malaya

kegagalan dalam suatu perhubungan adalah disebabkan oleh jarak. Perhubungan yang menghadapi halangan jarak jauh semakin mendapat perhatian untuk diteroka dan dikaji. Menjurus kepada isu ini, dapatan kajian yang mendedahkan persepsi yang dipegang oleh peserta kajian mengenai jarak fizikal yang terpisah dilihat selaras dengan kajian Baxter dan Montgomery (1996) di mana perpisahan geografi tidak dilihat sebagai satu keadaan yang negatif, tetapi boleh menjadi satu halangan bagi perhubungan. Arditti & Kauffman (2004) juga dalam kajiannya mendapati bahawa peserta kajian yang merasa tidak ketentuan akibat ditinggallkan oleh pasangan melihat bahawa jarak sebagai satu halangan dalam perhubungan mereka. Malah, dapatan mengenai persepsi peserta kajian mengenai isu jarak dilihat dilihat menyokong dapatan Kelmer (2013) yang menjalankan kajian mengenai kesan jarak ke atas perhubungan jarak jauh dan komunikasi dalam perhubungan ini. Kelmer mendapati pasangan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh terdorong untuk menemui kegagalan lebih awal berbanding pasangan yang tidak bergelut dengan isu jarak dalam perhubungan mereka.

Sememangnya, tindakan mempamerkan kepercayaan sebagai reaksi kognitif menjadi salah satu aspek yang menyumbang peranan penting dalan kejayaan sesebuah perhubungan. Kepercayaan memainkan peranan besar dalam menjana perhubungan yang sihat dan berkualiti. Secara teoritikalnya, dapatan kajian ini menyokong kajian Merolla (2012) yang mendedahkan bahawa perpisahan yang lama, tidak terduga, kadangkala mengundang stress akan mengaktifkan pertimbangan individu untuk mencari dan mendapatkan kedekatan yang mencukupi dan selamat daripada pasangan. Maka, perhubungan yang selamat akibat wujudnya kepercayaan antara pasangan mampu memupuk keselarasan seperti dalam dapatan kajian oleh Lee dan Pistole (2012) yang

University of Malaya

menunjukkan bahawa ketiadaan perhubungan yang selamat termasuklah kepercayaan terhadap pasangan boleh memberi ruang kepada penipuan dan perselingkuhan dalam perhubungan.

Secara keseluruhannya, pendedahan kajian lampau membuktikan bahawa golongan wanita lebih bijak mengendalikan reaksi dalam proses pertemuan-perpisahan berbanding golongan lelaki (Hill, Rubin & Peplau, 1976: Rubin, Peplau & Hill, 1981; Wood, 1986). Namun, kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian daripada Guldner (1991) dan Helgeson (1994) dimana dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua golongan lelaki dan perempuan mempamerkan tahap kesukaran yang sama dalam memberi reaksi psikologikal. Meskipun terdapat persamaan bagi tahap kesukaran, terdapat perbezaan dari sudut jenis-jenis reaksi yang dipamerkan dan mekanisma penyelesaian (Meitzner, 2005). Sebagai contoh, kajian oleh Guldrer (2003) menunjukkan bahawa golongan wanita lebih cenderung mendapat sokongan dari rakan dan keluarga untuk mengurangkan stress, sementara golongan lelaki cenderung untuk memendamkan perasaan dan bergantung kepada diri mereka sendiri.

Natijahnya, reaksi yang dipamerkan sepanjang tempoh kitaran perpisahan pertemuan mencetuskan beberapa isu yang perlu diberi perhatian. Ini kerana, jarak yang terpisah mengundang kesukaran termasuklah isu ulang-alik untuk bertemu pasangan dan anak-anak, peningkatan kos ulang-alik malah kekangan tempoh bersama dir umah. Keadaan ini pastinya menjadi satu tempoh yang begitu mencabar dalam usaha untuk mengikat ikatan emosi, rutin harian dan keintiman bersama dalam institusi keluarga yang akhirnya membawa kesan ke atas emosi pasangan anak-anak sekaligus menjadikan ibubapa kelihatan bergelut dengan proses membesarkan anak secara realistic.

University of Malaya

5.1.3 Dinamik perhubungan

Pembentukan dinamik perhubungan samada dalam keluarga nuklear atau multigenerasi menjadi tema perkongsian oleh peserta kajian. Interaksi antara anak-ibu dan anak-ayah merupakan satu bentuk perhubungan yang berbeza dilihat selaras dengan dapatan Klaus, Kenenell dan Klaus (1995) di mana dalam kajiannya mendedahkan bahawa kekuatan dinamik perhubungan antara ayah dan anak dicerminkan melalui ikatan secara fizikal berbanding ikatan emosi yang dizahirkan oleh ibu terhadap anak. Ini bermakna bapa yang memiliki perhubungan secara fizikal pada peringkat awal akan mempunyai pertautan yang kuat dengan anak-anak pada peringkat perkembangan bayi. Pendedahan ini turut selaras dengan dapatan Geiger (1996) yang menyatakan bahawa bapa lebih mempamerkan perhubungan secara fizikal seperti bermain secara aktif dan memberangsangkan sedangkan perhubungan ibu-anak lebih menjurus kepada tindakan secara verbal dalam usaha untuk mengikat emosi anak-ibu.

Secara teoritikalnya, walaupun terdapat kepentingan dalam memahami bagaimana perhubungan yang spesifik dalam struktur keluarga mempengaruhi perkembangan anak dan individu dewasa, proses keluarga yang berlaku secara bersepadu dan tidak terasing yang mendasari teori struktur keluarga turut menjadi pertimbangan dalam usaha untuk memperoleh gambaran yang lengkap dalam kepelbagaian perhubungan yang boleh mempengaruhi perkembangan individu melalui pemeriksaan terhadap kepelbagaian proses keluarga dan pola interaksi yang wujud secara serentak. Menyedari akan kepentingan ini, kajian mengenai keunikan dinamik perhubungan yang disumbangkan oleh ibu, bapa atau adik- beradik dalam menentukan hasil terhadap perkembangan psikologi individu. (Fosco & Grych, 2013; Fosco, Stormshak, Dishion, & Winter, 2012; Grych, Raynor, & Fosco, 2004).

University of Malaya

Tidak ketinggalan, andaian utama yang diutarakan oleh Bowlby dalam teori pertautan menyatakan bahawa dinamik perhubungan antara ibu sebagai pemberi kasih sayang utama dalam pembentukan personaliti anak boleh membawa kepada beberapa perdebatan akibat kemunculan data-data baru. Ini kerana limitasi pertama yang boleh dikenalpasti adalah model pertautan yang dikemukan adalah berdasarkan kepada tingkahlaku yang muncul semasa perpisahan sementara yang merangkumi situasi yang memberi tekanan berbanding situasi yang tidak memberi tekanan. Justeru, pemahaman yang lebih luas mengenai pertautan yang terjalin memerlukan pemerhatian secara khusus bagaimana ibu dan anak berinteraksi dan apakah yang mereka sediakan sepanjang tempoh situasi yang bersifat neutral dan tidak terdapat tekanan (Field,1996). Interaksi anak dan ibu dalam keadaan tidak tertekan menunjukkan model pertautan dilihat lebih berkesan berbanding tingkahlaku anak semasa ibunya pergi meninggalkan anak dan kemudian kembali ke sisi anak. Respon Tingkahlaku secara terus terhadap individu yang signifikan sepanjang tempoh pertemuan dan perpisahan tidak boleh menjadi faktor tunggal yang digunakan untuk membuat pendifinisian mengenai pertautan..

Selain itu, persoalan yang boleh diperdebatkan melaui teori pertautan adalah memberi penekanan terhadap ibu sebagai figura yang mencetuskan kasih sayang secara mutlak sedangkan terdapat individu lain yang boleh menjadi insan yang signifikan termasuk ayah, ibu bapa, adik-beradik mahupun pengasuh yang boleh menyalurkan ikatan pertautan yang sama dalam satu-satu masa.

Malah dari perspektif teori pertautan, Pistole dan Roberts (2010) dalam kajian beliau mengenai punca pasangan mencari individu yang signifikan untuk membentuk dinamik pertautan dan perhubungan mendedahkan bahawa ikatan

University of Malaya

pertautan bukanlah menjadi halangan dominan kerana individu turut menghadapi isu yang lebih mencabar iaitu usaha untuk mengekalkan perhubungan yang sihat. Dengan erti kata lain, kajian yang dijalankan memberi pemahaman mengenai tindakan pasangan untuk bergelut dalam mengekalkan perhubungan samada tinggal berdekatan mahupun terpisah dengan perhubungan jarak jauh.

5.2.4 Sistem kekeluargaan

Lembaran pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh menzahirkan perkongsian mengenai peranan gender dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam sebuah sistem keluarga. Merujuk kepada isu ini, peserta kajian mendedahkan mengenai cabaran dalam konflik peranan jantina dan tanggungjawab dalam pengurusan anak dan rumahtangga. Dapatan kajian membuktikan wujud keselarasan dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Daniel (2012) yang melihat peranan bapa dalam kehidupan anak memberi pengaruh yang signifikan ke atas imej kendiri, keupayaan mewujudkan perhubungan yang positif dan perkembangan moral yang baik dalam kalangan anak-anak. Bagi sesetengah situasi, peranan bapa yang ditonjolkan secara kurang aktif sepanjang tempoh perpisahan tersebut menyebabkan ibu terbeban dengan kehendak sebagai penjaga tunggal dan tidak berupaya untuk menyediakan semua keperluan psikologikal atau keperluan emosi yang diperlukan oleh anak mereka.

Jika dilihat dari perspektif struktural keluarga, tema yang menjurus kepada konflik peranan yang melibatkan pasangan bekerja yang melalui proses perpisahan dalam perkahwinan jarak jauh perlu dibincangkan secara kritis. Ini kerana, Ashforth et al. (2000) dan Edwards dan Rothbard (1999) mendedahkan bahawa bahawa seseorang individu akan mengalami tahap integrasi dan segmentasi

University of Malaya

yang berbeza dalam aspek kerjaya dan rumahtangga. Pendedahan ini sekaligus membawa maksud bahawa ramai pasangan kini terdorong untuk membuat pertimbangan mengenai tanggungjawab untuk penjagaan anak dan hambatan kerjaya tanpa merujuk peranan gender dan norma tradisional. Walau bagaimanapun, kesan sama ada memilih untuk segmentasi atau integrasi tidak jelas dalam kalangan pasangan yang bekerja (Kreiner, 2006). Oleh yang demikian, integrasi dalam tugasan rumahtangga perlu dibincangkan dengan lebih mendalam untuk mewujudkan semangat bekerja dan belajar bersama-sama dengan ahli keluarga di mana tahap segmentasi dan integrasi bergantung kepada kesesuaian dan penerimaan seseorang individu dalam mengimbangi kerja dan keluarga.

Meskipun banyak kajian yang telah membuktikan bahawa pertindihan antara peranan kerja dengan famili menyumbang kepada kemunculan konflik (Aminah, 2005; Voydanoff, 2004a), namun terdapat juga bukti yang menunjukkan faedah atau kebaikan yang didapati hasil antara hubungan kerjaya dan famili (Bakker & Schaufeli, 2008; Carlson et al. 2006; Greenhaus& Powell, 2006; Rohany & Fatimah, 2006). Yang melihat bahawa penggabungan kerja dan famili dapat menghasilkan sesuatu kesan positif terhadap kerja dan famili dikenali sebagai pengayaan diri.

Jika dilihat dari sudut budaya masyarakat Malaysia dan secara umumnya, aspek pengurusan dan ekonomi keluarga secara tradisi diterajui oleh suami, sementara isteri berperanan untuk berkongsi tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga (Huzili et al., 2007; Wan Abdul Fatah et al., 2005). Namun, nilai-nilai yang konservatif ini kemungkinan sangat sesuai untuk dipraktikkan pada masa dahulu.memandangkan Namun, kesan proses modenisasi dan peluang kerjaya dibuka tanpa sempadan dan perbezaan jantina, maka berlaku transformasi terhadap peranan dan tanggungjawab untuk mengendalikan

University of Malaya

rumahtangga terutamanya untuk pasangan suami isteri yang bekerja. Perubahan peranan dalam bentuk kekeluargaan kontemporari kini menyaksikan suami banyak menyimbang peranan dalam membantu membuat kerja rumah. Namun, peralihan ini menyebabkan pembahagian untuk membuat kerja rumah telah melalui satu perubahan yang menunjukkan peningkatan penglibatan suami membantu urusan kerja rumah

Merujuk kepada subtema seterusnya mengenai perkembangan psikologi anak pula, kesan yang dipamerkan oleh anak-anak peserta kajian dilihat menyokong kenyataan Daniel (2012) yang mendedahkan bahawa kanak-kanak lelaki yang kurang menerima pertautan yang rapat dengan bapa selalunya akan mengalami kecenderungan untuk mempamerkan pencapaian akademik yang rendah, memiliki kesukaran untuk mengembangkan imej kendiri maskulin yang sihat, gemar bertindak memberontak dan agresif. Manakala kanak-kanak perempuan yang kurang rapat dengan bapanya dilihat berpotensi untuk mengalami kesukaran untuk mengembangkan dan mempertahankan perhubungan dengan lelaki. Lebih buruk lagi jika terdapat kanak-kanak perempuan cenderung untuk memiliki ramai pasangan seksual.

Seterusnya, menjurus kepada kemunculan tema berkenaan dengan peraturan yang ditetapkan dalam keluarga, perkembangan peraturan atau panduan secara eksplisit yang telah ditetapkan dalam perhubungan jarak jauh memainkan peranan yang penting bagi menentukan semua ahli memperoleh pemahaman yang baik dan mendalam untuk mengelakkan pasangan atau ahli keluarga melanggar peraturan akibat penekanan peraturan yang tidak diterjemahkan dengan nyata dan jelas. Justeru, set peraturan yang telah ditetapkan oleh peserta kajian dilihat selaras dengan kajian Metts dan Cupach (2011) yang menyatakan bahawa penetapan peraturan secara eksplisit termasuk isu–isu perhubungan dapat mengelakkan

University of Malaya

pasangan daripada terjebak dengan isu-isu pelanggaran peraturan keluarga dan masalah perhubungan dalam rumahtangga.

Selain itu, pengalaman dalam memacu kehidupan berjauhan sepanjang tempoh perkahwinan jarak jauh yang dilalui oleh pasangan mengundang pelbagai penilaian kolektif yang turut mempengaruhi sistem kekeluargaan bagi individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Andaian sinis dan negatif dari masyakarat dilihat menyokong kajian Guldner (2003) yang menjelaskan bahawa kekangan, mitos dan risiko yang dihadapi oleh pasangan berkahwin yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh menyebabkan kurangnya *'role model'* yang boleh dicontohi untuk dijadikan panduan oleh pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Merujuk kepada skop ini, ia dilihat sebagai satu peringkat yang agak sukar apabila kepelbagaian tanggapan yang dikongsi bersama dalam penilaian individu mengenai kepentingan memperolehi keintiman–autonomi dalam perhubungan. Menyedari akan hal ini, proses kelangsungan hidup yang dialami oleh peserta kajian mampu menyediakan platform dan kerangka untuk menyokong mereka yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dan mengubah norma sosial akan kepentingan intimasi dan autonomi yang menjadi kekangan dalam perkahwinan jarak jauh.

Konsensusnya, dapatan data mengenai tema sistem keluarga yang memberi penekanan terhadap kefungsian keluarga, peranan, peraturan dan nilai yang mempengaruhi perkembangan anak dalam keluarga dapat diterjemahkan melalui pendekatan struktur keluarga yang telah diketengahkan oleh penyelidik dalam bab sebelum ini. Ini kerana teori struktural keluarga mendedahkan bahawa keluarga sebagai satu entiti yang menyeluruh di mana kefungsian keluarga secara holistik mampu mempengaruhi kesan ke atas subsistem yang saling berinteraksi. Pendedahan ini dilihat selaras dengan kajian Fosco dan Grych (2007) yang

University of Malaya

menekankan mengenai kepentingan kefungsian keluarga secara keseluruhan termasuk suasana emosi, kejelekitan dan konflik (Fosco, Caruthers, & Dishion, 2012) apabila melibatkan perhubungan dalam subsistem seperti ibu bapa dan anak-anak (Fosco & Grych, 2013).

5.2.5 Sistem sokongan

Dalam proses kelangsungan hidup untuk memastikan perhubungan yang dibina sentiasa berada dalam kontinum yang seimbang, individu terdorong mencari sumber sokongan samada dari keluarga atau di luar sempadan keluarga khususnya dalam proses pelaksanaan peranan sebagai ibu bapa. Dapatan data yang menyaksikan beberapa sumber sokongan dilihat sebagai cerminan yang menonjolkan kepelbagaian bentuk keibupaaan di mana tanggungjawab sebagai ibu bapa sering dikongsi oleh nenek, datuk, makcik, adik beradik, pembantu rumah mahupun pengasuh (Billingsley, 1992; Boyd – Frankin, 2003; Hill, 1999, Hines & Boyd – Franklin, 2005; Lugan, 2001; Mc Adoo, 2002).

Jika dilihat dalam amalan budaya kolektif yang masih kuat dalam kalangan masyarakat Malaysia, kebergantungan terhadapkeluarga terutamanya keluarga luas masih utuh (Hoftsede, 1994). Oleh yang demikian, bantuan daripada keluarga luas masih relevan dalam meringankan beban pasangan nuklear terutamanya jika melibatkan urusan kerja di luar waktu pejabat. Malah, sokongan daripada suami dan hubungan sosial sering diperkatakan sebagai tema yang popular dalam kajian untuk menguruskan konflik dan strategi daya tindak (Carlson & Perrewe, 1999; Eby et al., 2005; Lapaierre & Allen, 2006). Natijahnya, sokongan keluarga turut berperanan sebagai motivasi luaran yang mampu menyediakan nasihat dan sumber afektif bagi membantu individu yang bekerjaya yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mencapai matlamat kerja secara optimum. Sokongan

University of Malaya

ini juga dianggap sebagai satu penimbal yang sangat bererti dan dapat memotivasikan individu terutamanya dalam kalangan budaya yang kolektif yang sememangnya mengamalkan amalan bantu-membantu sesama keluarga

Sokongan sebegini sering kali menjadi sumber bantuan dalam mengurangkan bebanan ibu bapa namun begitu kerjasama dan perhubungan sebegini boleh menjadi satu perhubungan yang bersifat kompleks dan corak asuhan yang tidak konsisten mungkin timbul kerana ramai individu yang terlibat dalam memikul tanggungjawab menjaga anak-anak.

Merujuk kepada perspektif teori pertautan yang menjadi asas kepada pemahaman fenomena perkahwinan jarak jauh, kemunculan tema dari dapatan data yang menjurus kepada penggunaan sistem sokongan sebagai satu platform yang memperkemaskan lagi proses kelangsungan hidup dilihat bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Collins dan Feeney (2000). Ini kerana Collins dan Feeney mendedahkan bahawa individu yang memiliki jenis pertautan selamat akan bertindak untuk menjadi pemberi sokongan dan pencari sokongan yang efektif dalam memstikan pola interaksi yang terus berkesinambungan.

Selain daripada sokongan ahli keluarga, penerokaan mengenai sokongan sosial yang bertindak sebagai elemen utama dalam memastikan kelangsungan dan kualiti perhubungan khusus bagi pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dilihat menyokong kajian Knoblock dan Solomon (1999) yang memberi fokus tentang kepuasan perhubungan menggunakan tiga pembolehubah termasuklah rangkaian komunikasi dan sokongan sosial meskipun kajian yang memberi fokus kepada elemen sokongan tidak diberi perhatian mendalam oleh pengkaji terdahulu (Yin, 2009).

University of Malaya

Kepentingan sokongan luar seperti organisasi dilihat selaras dengan beberapa kajian terdahulu. Buktinya, seseorang individu yang menerima sokongan yang tinggi daripada tempat kerjanya akan berupaya untuk mengurus kepelbagaian peranan dengan lebih mudah dan berkesan maka menyumbang kepada tekanan yang rendah dan mengurangkan konflik peranan (Clark, 2001; Frone et al., 1997), meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan (Anderson et al., 2002; Thompson & Prottas,2005).

5.2.6 Mekanisma kelangsungan hidup

Lembaran pengalaman kelangsungan hidup individu menyaksikan peserta kajian mengimplimentasikan pelbagai lungkah mengatasi untuk mencapai kesinambungan perhubungan yang berkualiti meskipun dibatasi jarak. Mekanisma kelangsungan hidup samada secara ektrinsik seperti penggunaan teknologi, hobi, aktiviti rekreasi dan mekanisma intrinsik seperti spriritual dan jurnal ilmu menjadi topik perkongsian individu.

Dapatan mengenai aplikasi teknologi sebagai platform utama dalam proses kelangsungan hidup individu dilihat menyokong beberapa kajian terdahulu. Buktinya, penggunaan teknologi seperti telefon bimbit memberi impak yang sangat berkesan dalam kesinambungan perkahwinan jarak jauh. (Arditti& Kauffman, 2004). Tambahan pula, penggunaan jaringan sosial seperti Facebook, Email, Instagram, Whattsapp, Wechat dan Twitter mencipta peluang perhubungan secara cepat dan berterusan antara individu yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh. Penggunaan teknologi dilihat bukan sahaja memberi peluang kepada pasangan berhubung setiap hari, malah mereka boleh berkongsi secara terbuka mengenai jadual, gambar-gambar peribadi, cerita, emosi, rutin harian dan lokasi dengan pasangan dan rakan-rakan.

University of Malaya

Kajian demi kajian dijalankan untuk menambahbaik teknologi komunikasi dan aplikasi telefon mudah alih khusus untuk pasangan yang sedang melalui perhubungan jarak jauh (Merolla, 2012). Selaras dengan kenyataan Lee dan Pistole (2012) dalam kajiannya yang mendapati bahawa teknologi dalam komunikasi melalui elektronik menjadi penyumbang dominan untuk menjana kepuasan pasangan yang dikekang oleh jarak, output positif yang diperoleh dari kemudahan teknologi sebenarnya mampu mengundang kesan negatif. Pendedahan itu turut disokong oleh Wang dan Anderson (2007) yang turut mendedahkan limitasi di sebalik kemudahan teknologi termasuk risiko berlakunya kecurangan yang tidak disengajakan seperti tindakan menggoda individu lain di laman sosial, fantasi seksual akibat ketidakupayaan membuat pendedahan kendiri dan kegagalan mengakses pasangan secara langsung.

Meskipun teknologi menjadi pemudahcara untuk memudahkan komunikasi khusus untuk golongan yang terlibat dalam perhubungan jarak jauh, peserta kajian mengakui kepuasannya tidak akan sama dengan interaksi secara langsung. Dapatan ini dilihat menyokong kajian Baym, Zhang dan Lin (2004) di mana komunikasi secara bersemuka menjadi modus operandi yang dominan dan cara terbaik untuk menjalin hubungan dengan sesiapa sahaja.

Menjurus kepada aspek pelaksanaan aktiviti rekreasi sebagai satu alternatif untuk merapatkan dan mengukuhkan perhubungan, peserta kajian tidak menyangkal .wujudnya kekalutan dalam melaksanakan semua aktiviti yang telah dirancang akibat masa yang terhad. Pendedahan ini sekaligus menyokong kajian Sahlstein (2004) yang menegaskan bahawa masa berpisah antara pasangan menjadi penghalang masa bersama antara pasangan. Sebagai contoh, niat untuk menyempurnakan tugasan atau aktiviti ketika bersama pasangan kemungkinan akan mendorong untuk mendapatkan kualiti masa secara terpaksa dan menyiapkan senarai aktiviti secara tergesa-gesa. Masa-masa

University of Malaya

bersama yang jarang-jarang dapat ditemui turut menyebabkan pasangan boleh mengelakkan konflik dan meletakkan atau menghindarkan sebarang bentuk perbincangan yang menyebabkan suasana tegang dalam diri atau pergaduhan. (Sahlstein, 2006).

Konsensusnya, penglibatan antara suami-isteri dalam membuat aktiviti secara kolektif bukan sahaja membantu para isteri mengurus rumah dan keluarga, malah dapat memberi peluang untuk pembangunan kerjaya membuat kerja-kerja kemasyakatan melalui penglibatan sosial dengan dunia sekeliling. Penglibatan dengan komuniti di luar sekurang-kurangnya memberi satu persepsi bahawa walaupun bekerja, sumbangan terhadap komuniti masih boleh dilakukan dan manfaatnya bukan sahaja untuk keluarga malah pembangunan komuniti secara keseluruhannya (Farida et al., 2010). Justeru, pengaplikasian strategi daya tindak tertentu adalah penting dalam usaha menjana dengan kesihatan psikologikal dan kesejahteraan keluarga bagi seseorang individu yang berhadapan dengan banyak kehendak dan tekanan khusus bagi mereka yang terlibat dalam cabaran perkahwinan jarak jauh.

5.3 Implikasi Dapatan Kajian

Penerokaan mengenai pengalaman kelangsungan hidup yang dialami oleh individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh mewujudkan implikasi yang tersendiri khususnya dalam ilmu pengetahuan, bidang amalan kaunseling keluarga, implikasi melibatkan proses sosiolisasi dan ekuiti, implikasi terhadap metodologi kajian seterusnya impak secara keseluruhan terhadap fenomena perkahwinan jarak jauh dalam negara secara keseluruhan.

University of Malaya

5.3 1 Implikasi Ke Atas Ilmu Pengetahuan

Secara konsensusnya, pendedahan tema-tema hasil dari dapatan temubual dan analisis dokumen visual dari kesemua peserta kajian, penyelidik mendapati terdapat beberapa perkara yang menarik untuk dikupas menjadi satu sumbangan yang boleh diaplikasikan secara holisitik untuk lebih mendalami dan membawa pembaharuan terhadap intipati pengetahuan dalam fenomena perkahwinan jarak jauh. Salah satu elemen yang menarik adalah mengenai konsep keintiman yang boleh dikategorikan mengikut beberapa aspek dan tidak tertumpu kepada keintiman fizikal semata-mata. Penerangan mengenai aspek keintiman adalah seperti berikut:

a) Keintiman Emosi

Keintiman emosi menjadikan seseorang individu secara sukarela berkongsi impian, rasa tidak yakin, ketakutan yang dialami, kekuatan, kelemahan yang dimiliki dan harapan yang disandar terhadap sesuatu perkara atau individu. Dalam perhubungan jarak jauh bagi pasangan yang telah berkahwin, keintiman emosi menjadi satu tuntutan yang sangat penting di mana elemen ini mendorong rasa yakin dan rasa selamat bahawa orang lain tidak akan mengambil kesempatan atau bertindak untuk memanipulasi pihak yang berlawanan.

Keintiman emosi dilihat dapat dipenuhi dengan sempurna apabila individu berasa selamat hasil daripada janji dan komitmen yang ditunjukkan secara konsisten oleh pasangann yang signifikan dalam hidupnya.

b) Keintiman Spiritual

Keintiman spiritual melibatkan satu elemen yang tidak kurang penting dalam menterjemahkan pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Ini kerana keintiman spiritual melibatkan tindakan

University of Malaya

pasangan untuk berbicara mengenai kepentingan keimanan dan mentafsirkan konsep redha dalam kehidupan seharian.

Dengan memberi fokus terhadap kehidupan perkahwinan jarak jauh, keintiman spiritual terbina apabila pasangan berkongsi usaha untuk mengetahui dan mengamalkan aspek rohani secara terbuka, sukarela di samping membincangkan sejauhmana kekuatan dan kelemahan spiritual pasangan masing-masing dalam mendepani cabaran khususnya apabila terpaksa berjauhan dengan pasangan dalam perkahwinan jarak jauh.

c) Keintiman Sosial

Sebagai individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, keintiman sosial dilihat sebagai elemen yang tidak kurang penting untuk memastikan kelangsungan perhubungan. Keintiman sosial berlaku apabila pasangan bertindak untuk merancang atau mengambil bahagian secara sukarela dalam aktiviti atau secara sosial secara bersama-sama. Pasangan mampu mewujudkan keintiman melalui aktiviti sosial yang dijalankan secara bersama-sama.

d) Keintiman Rekreasi

Kekurangan jarak yang membataskan perhubungan bersemuka anti pasangan sememangnya memerlukan keintiman rekreasi sahaja atau elemen yang mencetus kesinambungan perhubungan yang terjalin. Keintiman rekreasi boleh dijana apabila pasangan merancang dan melaksanakan sebarang aktiviti riadah, percutian, permainan, menikmati saat-saat beraktiviti secara bersama-sama seisi keluarga.

University of Malaya

e) Keintiman Intelektual

Keintiman intelektual turut menyumbang peranan yang signifikan khususnya dalam perkahwinan jarak jauh.Ini kerana keintiman intelektual melibatkan keupayaan pasangan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam menyampaikan idea dan berbincang secara terbuka mengenai sesuatu isu selaras dengan tahap intelektual. Di samping bertindakbalas secara bijak dan munasabah dalam menangani perhubungan kemanusiaan dan hal ehwal sosial.

Konklusinya, penerokaan dan pemahaman mengenai fenomena perkahwinan jarak jauh menekankan bahawa kejayaan dan kelangsungan hidup perkahwinan jarak jauh menjadi fenomena unik di mana perhubungan jarak jauh seperti ini memiliki peluang dan fungsi yang lebih luas dari sudut keintiman dan proses komunikasi jika dibandingkan dengan kekangan fizikal seperti jarak yang terpisah antara pasangan dan ahli keluarga.

Secara tidak langsung, kemunculan tema-tema baru seperti aspek spiritual dan resiliens melalui penerokaan secara mendalam tentang pengalaman kelangsungan hidup yang telah dibincangkan membawa kepada pemahaman dan kesedaran baru mengenai jenis perhubungan yang kian mendominasi sistem kekeluargaan di Malaysia sekaligus ianya menyangkal dakwaan bahawa perhubungan dalam perkahwinan jarak jauh adalah tidak normal, kecenderungan ke arah kecurangan pasangan yang tinggi dan boleh membawa kepada perceraian.

5.3.2 Implikasi Ke Atas Amalan Kaunseling

Sememangnya, dinamik kekeluargaan memerlukan gambaran yang menyeluruh dan mendalam memandangkan sistem kekeluargaan merupakan hubungan yang kompleks

University of Malaya

dan integratif. Menyedari akan hakikat tersebut, pelaksanaan kajian yang cuba mendedahkan fenomena perkahwinan jarak jauh yang semakin menjadi alternatif masyarakat di Malaysia kini menjadi satu bentuk kekeluargaan alaf baru biarpun perkahwinan jarak jauh sudahpun menjadi 'trend' di negara-negara maju di Barat dan sudah mula menjadi bentuk kekeluargaan alaf baru yang kian popular dalam kehidupan masyarakat kini di Malaysia. Sistem kekeluargaan alaf baru yang menggantikan kehidupan kekeluargaan konvensional dilihat suatu ilmu yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya khusus kepada pengamal-pengamal kaunseling perkahwinan dan keluarga.Ini kerana dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada penerokaan mendalam terhadap individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dapat dijadikan panduan kepada pengamal kaunseling untuk merencana intervensi yang sesuai terhadap isu-isu yang bakal timbul hasil daripada jarak fizikal perhubungan yang terpisah antara pasangan yang berkahwin.

Secara tidak langsung, dapatan data yang diketengahkan dalam penulisan ini merupakan satu sumbangan dan menjadi tambah nilai dalam ilmu kaunseling khususnya dalam kaunseling keluarga.Intervensi termasuk pengurusan konflik yang berlaku di setiap perkembangan dan kitaran perkahwinan jarak jauh, strategi keibupaan, dan modul untuk anak-anak yang terlibat dalam perpisahan jarak antara ibu dan ayah boleh diaplikasikan dengan berkesan oleh pengamal kaunseling pasangan dan keluarga.

Selain itu, pemahaman yang jelas dan menyeluruh menerusi intipati makna pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh dilihat membantu proses kaunseling khususnya hubungan teraputik kaunselor-klien samada melibatkan pasangan suami isteri mahupun anak-anak yang mungkin terkesan dengan kesukaran melalui pengalaman perkahwinan jarak jauh. Hal ini kerana pengamal kaunseling khususnya kaunselor perkahwinan dan keluarga harus memberi perhatian yang sewajarnya terhadap isu-isu yang dikemukakan dalam setiap peringkat

University of Malaya

perkembangan dan kitaran perkahwinan jarak jauh yang telah dijelmakan dari dapatan data. Berdasarkan teori-teori yang boleh mendesak fenomena perkahwinan jarak jauh yang dikaji seperti teori pertautan mahupun teori struktural keluarga dapat dikendalikan dengan sewajarnya apabila berhadapan dengan pasangan atau individu yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan untuk mengurangkan konflik perhubungan seperti kesukaran dalam komunikasi (Holte and Stone, 1988).

Sememangnya banyak kajian telah dilaksanakan untuk memahami pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Kajian yang berbentuk kuantitatif menggunakan teori pertautan dan teori struktural keluarga dilihat mampu memahami konflik masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Meskipun begitu, kajian yang dilaksanakan kebanyakannya menjurus kepada budaya Barat. Maka, implikasi seterusnya dalam bidang kaunseling dapat membantu klien untuk mendapatkan intervensi yang sesuai mengikut acuan masyarakat Malaysia. Maka, imput yang diperoleh membolehkan pengamal kaunseling untuk merancang dan berfikir secara kritikal sejauh mana isu-isu kepelbagaian budaya mempengaruhi pengalaman kelangsungan hidup individu khususnya meraka yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Tanpa pemahaman yang mendalam mengenai proses kelangsungan hidup dan isu-isu yang terlibat dalam proses kelangsungan hidup, kaunselor berkemungkinan menjalankan proses kaunseling secara mengancam dan mungkin memberi intervensi yang tidak sesuai lantaran kurang pemahaman mengenai dinamik kehidupan kekeluargaan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Dengan kata lain, klien perlu memperoleh manfaat dari bantuan yang dapat mendedahkan mereka akan kefungsian yang sihat semasa kitaran pertemuan- perpisahan dalam perkahwinan jarak jauh. Secara tidak langsung, masalah yang dihadapi akan diterjemahkan semula dengan pendekatan yang lebih sesuai dan kaunselor boleh membantu pasangan untuk melihat kesukaran

University of Malaya

mereka sebagai satu cabaran yang mampu diselesaikan melalui penyediaan strategi penyelesaian yang lebih praktikal.

Tidak ketinggalan, perbincangan teraputik antara pengamal kaunseling dan klien, kaunselor yang boleh mengesahkan dan memulihkan sebarang pengalaman negatif yang timbul lantaran perpisahan yang berlaku sekaligus memantapkan pemahaman sepanjang proses intervensi kaunseling berupaya membantu klien menerima kekuatan emosi dalam perpisahan yang berlaku.

5.3.3 Implikasi ke atas Metodologi Kajian

Dalam konteks kajian ini, penggunaan kajian kualitatif melalui pendekatan kajian berbentuk fenomenologi transendental sebagai asas utama sangat memberi impak besar dalam penyelidikan khususnya dalam aspek metodologi kajian. Hal ini kerana melalui pendekatan fenomenologi sebagai asas utama membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman yang mendalam secara holistik mengenai pengalaman individu yang terlibat dalam pekahwinan jarak jauh. Dapatan data yang diperoleh melalui temubual sebagai kaedah pengumpulan data utama dan disokong dengan sumber-sumber lain telah memaparkan kronologi yang menterjemahkan kisah kehidupan kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Pemilihan kajian kualitatif sebagai reka bentuk kajian utama ternyata mampu merapatkan jurang dapatan yang diperoleh berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang lebih melibatkan kajian yang berskala besar melalui kajian berbentuk kuantitatif. Ternyata, penggunaan pendekatan ini dilihat menyumbang impak yang besar dalam usaha untuk menghuraikan beberapa persoalan yang kurang berjaya diteroka melalui pendekatan kuantitatif memandangkan perkahwinan jarak jauh memiliki keunikan dan isu- isu dalam dinamik perhubungan itu sendiri.

University of Malaya

Selain itu juga, melalui pendekatan kualitatif seperti kajian fenomenologi transendental dapat memberikan satu pengetahuan baru yang memberi ruang kepada penyelidikan akan datang untuk membuat penelitian semula dan menjadikan penulisan ini sebagai satu rujukan untuk mengendalikan penyelidikan dan berminat untuk mengimplimentasikan metodologi seperti yang telah dilaksanakan melalui penulisan ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa, kajian berbentuk fenomenologi juga dapat menjana sumbangan yang signifikan terhadap kajian dalam bidang kemanusiaan khususnya dalam bidang kaunseling.Hal ini kerana penyelidikan berbentuk kualitatif seperti pendekatan fenomenologikal transendental sangat mengutamakan pemahaman yang mendalam sesuatu pengalaman, emosi dan tingkah laku itu ditafsirkan oleh seseorang menurut konteks dunianya sendiri.Pemahaman ini sangat penting dalam merangka jalan penyelesaian terhadap satu- satu isu secara berkesan.Keunikan pendekatan fenomenologi membolehkan setiap perspektif dalam pengalaman individu diteroka secara mendalam yang membolehkan satu paparan sebenar dan terperinci dapat diterjemahkan dengan lebih jelas.

Justeru, untuk memenuhi tuntutan dalam memperoleh kefahaman yang jelas mengenai fenomena yang dikaji, kaedah pengumpulan data termasuk penggunaan dokumen visual dan penggunaan semiotik sebagai peransang (stimulus) dilihat sebagai satu alternatif yang sangat menarik yang boleh diimplimentasi secara berkesan untuk mencapai matlamat kajian untuk meneroka pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh yang kurang berjaya dilaksanakan melalui kaedah kuantitatif.

Menyedari akan hakikat bahawa setiap tingkahlaku manusia dimanifestasi melalui interaksi antara niat dan pengaruh persekitaran, maka segala niat dan harapan

University of Malaya

manusia perlu diteroka dan difahami dalam usaha mengelak daripada bersikap prejudis dan tuduhan melulu terhadap setiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang.

3.5.4 Implikasi ke atas Sosiolisasi dan Ekuiti

Dalam usaha untuk menjana sosiolisasi dan ekuiti secara menyeluruh, dapatan atau input hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan mampu menjadi satu platform untuk mengatur strategi dalam pelan rancangan atau pelaksanaan modul yang ingin diketengahkan melalui penganjuran kursus pra-perkahwinan atau kursus keibubapaan. Pelan rancangan atau pelan rawatan dalam cadangan modul melalui model intipati pengalaman yang mendedahkan isu-isu di setiap peringkat perkembangan dalam perkahwinan jarak jauh boleh direalisasikan berdasarkan proses kelangsungan hidup yang dilalui oleh individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh yang mungkin berbeza daripada kehidupan individu yang menjalani kehidupan rumahtangga secara bersama dalam satu rumah. Tema-tema yang muncul boleh digunakan untuk merangka modul kepada pemahaman perkahwinan jarak jauh yang lebih sihat berbanding momokan akan risiko negatif dalam perkahwinan jarak jauh. Secara tidak langsung, kesan positif yang sering diabaikan dalam perkahwinan jarak jauh mampu dijana dalam memberi sosialisasi yang sihat termasuk perkembangan anak-anak yang positif sekaligus dapat mengekalkan kehidupan sosial yang lebih baik.Meskipun menjalani kehidupan berkeluarga yang tidak lagi bersifat konvensional.

Seperti yang didedahkan dalam dapatan data, fenomena perkahwinan jarak jauh banyak melibatkan isu-isu yang memerlukan saluran untuk meluahkan emosi individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Seandainya pengalaman kelangsungan hidup ini mengandungi proses atau kitaran yang memerlukan penerokaan emosi secara tidak langsung dan tidak mengancam, maka modul yang ingin dihasilkan perlu

University of Malaya

diintegrasikan agar nilai- nilai budaya ketimuran dapat diimplimentasi sesuai dengan modul yang dirancang. Justeru, input atau dapatan data dapat membantu pelatih kursus untuk mengintegrasikan strategi yang boleh merangkumi terapi lukisan, muzik, terapi pergerakan, psikodrama dan lain-lain. Melalui proses pengimplimentasian teknik ini, pelatih akan terdorong untuk mengenal pasti sumber-sumber yang dilihat menjadi faktor dalam kehidupan peserta kursus seperti sokongan keluarga. Secara tidak langsung, pelatih boleh menjana sosialisasi melalui kerjasama dan meningkatkan daya tahan dalam diri individu untuk menjalani kehidupan sebagai individu atau pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Tidak ketinggalan,bantuan kauseling dan program bantuan pekerja (Employee Assistance Program) boleh diperhebat pelaksanaannya kepada setiap organisasi atau jabatan. khusus kepada individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh. Inisiatif sebegini perlu diteruskan dalam usaha membantu pekerja mengimbangi kerja dan keluarga. Walaubagaimanapun, program sebegini akan menjadi lebih berkesan sekiranya dikendalikan oleh para kaunselor dan bahagian sumber manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan Bantuan ini sekaligus dapat dijadikan sebagai sokongan dalam membantu pekerja mengharungikeperluan dalam keseimbangan kerjaya dan keluarga.

5.4 Cadangan untuk Penyelidikan Akan Datang

Gambaran terhadap pengalaman-pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh merupakan satu perintis kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk meneruskan penyelidikan yang akan datang dengan mengambil kira mengenai tema- tema yang muncul daripada perkongsian cerita daripada peserta kajian. Memandangkan dapatan kualitatif memberi pemahaman makna pengalaman menurut

University of Malaya

konteks individu itu sendiri yang mampu membawa impak ke atas pengalaman kaunseling dan aspek- aspek lain, penyelidik merasakan bahawa terdapat beberapa elemen yang masih dan perlu diteroka berdasarkan perspektif yang pelbagai bagi melebarluaskan lagi kajian seumpama ini pada masa akan datang. Antara cadangan penyelidikan yang boleh diutarakan untuk kajian akan datang termasuklah:

a) Pemilihan peserta kajian dalam penyelidikan

Memandangkan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik menggunakan peserta kajian dalam kalangan golongan wanita, perspektif pengalaman yang dihasilkan adalah berfokus kepada budaya kaum wanita. Maka, penyelidik mencadangkan agar pemilihan peserta kajian turut melibatkan golongan lelaki malah lebih baik jika peserta kajian adalah berpasangan yang boleh menjana dapatan yang lebih menyeluruh dan bersifat silang budaya.

b) Kajian mendalam berdasarkan tema yang muncul

Sepanjang proses pungutan data, tema- tema yang muncul dapat dinilai semula oleh penyelidik yang akandatang dalam usaha membina instrument bagi menjalankan kajian akan datang ke atas populasi yang lebih besar.Memandangkan tema yang wujud melibatkan pengurusan anak- anak dalam kehidupan kekeluargaan, penerokaan terhadap persepsi anak- anak yang terlibat dalam keluarga yang tinggal berjauhan perlu diteroka dengan mendalam memandangkan penyelidikan ini berfokus kepada pengalaman yang diluahkan oleh peserta kajian yang merupakan ibu dan isteri yang sedang mengalami pengalaman perkahwinan jarak jauh. Perspektif anak juga merupakan elemen yang penting memandangkan anak turut menjadi elemen utama terhadap sebuah keluarga yang berhadapan dengan perkahwinan jarak jauh.

University of Malaya

c) Etnisiti

Kajian yang dilaksanakan mempunyai limitasi memandangkan ianya melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada individu beragama Islam. Justeru, penyelidik mencadangkan agar pemilihan peserta kajian daripada pelbagai etnik untuk menjana data yang membina modul yang lebih bersifat universal.

5.5 Refleksi Penyelidik

Sepanjang proses penyelidikan yang dijalankan, penyelidik merasakan bahawa pendekatan fenomenologi khususnya menerusi pendekatan kajian fenomenologikal transendental memberi makna yang amat besar dalam usaha memahami pengalaman yang melibatkan perkahwinan jarak jauh yang semakin meluas di negara Malaysia. Menerusi kajian fenomenologi ini, penyelidik menyedari bahawa pentingnya mengelakkan diri dari bias dan prejudis dan kepentingan *bracketing* untuk memahami individu itu dari sudut konteks kehidupannya.Memandangkan penyelidik turut merupakan individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh, maka adalah penting untuk tidak membuat generalisasi terhadap pengalaman yang dilalui memandangkan setiap individu itu memberikan respon terhadap pengalaman hidupnya berdasarkan konteks kehidupannya. Meskipun fenomena perkahwinan jarak jauh ini telah pun menular di negara Barat, namun ia masih belum dikupas secara serius di Malaysia memandangkan isu- isu sensitif tidak dapat dibincangkan secara terbuka lantaran perbezaan budaya antara keduanya. Menyedari akan kekangan itu, penyelidik merasakan adalah penting untuk memberi perhubungan pemahaman bahawa perkahwinan jarak jauh bukanlah sebuah hubungan yang tidak berkualiti malah ia boleh menjadi satu perhubungan yang mengujakan.

University of Malaya

Berdepan dengan pelbagai jenis peserta kajian berupaya menyediakan pemahaman kepada penyelidik tentang kejadian luar jangkaan yang membolehkan penyelidik akur dengan risiko- risiko penyelidikan secara kualitatif yang mengiktiraf peserta kajian sebagai pakar dalam fenomena yang dikaji.Meskipun penyelidik memperoleh peserta kajian yang tidak ramai, kerjasama yang diberikan oleh tujuh peserta kajian yang benar- benar komited amat dihargai oleh penyelidik.

Tidak ketinggalan, dokumen visual yang digunakan oleh penyelidik termasuklah penggunaan gambar- gambar, semiotik dan lain- lain dokumen sokongan menjadikan penerokaan pengalaman lebih menarik. Ternyata, pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh penyelidik baru seperti penulis dilihat satu usaha yang berbaloi dan sangat membantu menutup kekurangan dalam memperoleh maklumat melalui temubual separa berstruktur yang dilaksanakan oleh penyelidik.

Secara peribadi, penyelidik merasakan label-label yang tidak sesuai dan hukuman yang diberikan kepada individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh adalah tidak wajar memandangkan tidak semua mampu berada di dalam ‘kasut’ mereka. Meskipun penyelidikan sangat memerlukan komitmen yang tinggi untuk mendapatkan jawapan, namun pengakhirannya memberii kepuasan kepada penyelidik kerana secara tidak langung input dan pengalaman yang dikongsi dalam diaplikasikan oleh penyelidik sendiri.

Secara keseluruhannya, penyelidik masih merasakan banyak aspek yang perlu diberikan penekanan yang lebih terperinci memandangkan fenomena perkahwinan jarak jauh merupakan suatu perhubungan yang interaktif, kompleks dan bersifat berbelah bahagi. Menyedari akan hakikat tersebut, penyelidik mengharapkan agar cadangan yang telah diutarakan dalam penulisan dapat dipertimbangkan untuk

University of Malaya

melaksanakan dalam penyelidikan akan datang bagi mempromosikan perkahwinan jarak jauh yang sihat.

5.6 Kesimpulan

Pengalaman kelangsungan hidup individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh yang telah diterjemahkan melalui tema-tema dan subtema yang muncul menggambarkan perkahwinan jarak jauh tidak hanya berisiko malah boleh menjadi perhubungan yang sihat dan yang berkualiti. Secara keseluruhan, penulisan telah membincangkan tema-tema hasil pungutan data dan perbandingan dengan kajian terdahulu.Tidak ketinggalan penerangan mengenai implikasi dalam pelbagai aspek turut diutarakan untuk mengetengahkan sumbangan kajian yang telah dijalankan khususnya dalam ilmu kaunseling. Malah, cadangan kajian akan datang disenaraikan sebagai satu panduan untuk meningkatkan penyelidikan akan datang. Penulisan turut disertakan dengan refleksi keseluruhan penyelidikan untuk panduan kepada penyelidikan yang seterusnya pada masa akan datang.

University of Malaya

RUJUKAN

Abrahamsson, K.V. (ed.) (1993): *National Atlas of Sweden: Work and Leisure*. Almqvist &Wiksell International, Stockholm.

Afifi, W. A., & Guerrero, L. K. (2000). Motivations underlying topic avoidance in close relationships. In S. S. Petronino (Eds.), *Balancing the secrets of private disclosures* (pp. 165-179). Mahwah, N.J.: Lawrence Erlbaum Associates.

Ainsworth, M. D. S. (1973). The development of infant-mother attachment. In B. Cardwell & H. Ricciuti (Eds.), *Review of child development research* (Vol. 3, pp. 1-94) Chicago: University of Chicago Press.

Ainsworth, M.; Blehar, M.; Waters, E.; and Wall, S. (1978). *Patterns of Attachment.* Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Aminah, A. (2005). *The interface of work and family roles: A quest for balanced lives*. Penerbit UPM, Serdang.

Arditti, J. A., & Kauffman, M. (2001). Staying close when apart: Intimacy and meaning in long-distance dating relationships. In M. Coleman & L. Ganong (Eds.), Points and counterpoints*: Controversial relationships and family issues in the 21st century* (pp. 51-55). Los Angeles: Roxbury.

Anderson, E. A. & Gueroro, B.W (1998). Decision-making style: Impact on satisfaction of the Commuter couples. lifestyle. *Journal of Family and Economic Issues, 13*(1),1-21.

Anderson, E. A. & Sabatelli, R. (1999). *Family interaction: a multigenerational development perspective.* Boston: Allyn and Bacon.

Anderson, E. A., & Spruill, J. W. (1993). The dual-career commuter family: A lifestyleon the move. In B. H. Settles, D. E. Hanks, & M. B. Sussman (Eds.).

University of Malaya

Families on the move: Migration, immigration, emigration, and mobility. Portland, OR: Haworth.

Aponte, H.J (1976). A family-school interview. *Family process*, 15, 303-310.

Armour, S. (1998, November 23). Married.with separation: More couples live apart as careers put miles between them. USA Today, pp. B1-B2.

Aylor, B. A. (2003). Maintaining long-distance relationships. In D. J. Canary & M. Dainton (Eds.), *Maintaining relationships through communication: Relational, contextual, and cultural variations* (pp. 127-139). Mahway, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Bailey, C.A. (1996). *A guide to field research*. Thousand Oaks, CA: Pine Forge.

Bakker, A.B., & Schaufeli, W.B. (2008). Positive organizational behavior: Engaged employees in flourishing organizations. *Journal of Organizational Behavior, 29*, 147-154.

Baldassar, L., Baldock, C., & Wilding, R. (2007). *Families caring across borders: Migration, ageing and transnational caregiving*. Basingstoke, UK: Palgrave Macmillan.

Bartholomew, K., and Horowitz, L. M. (1991). "Attachment Styles Among Young Adults: A Test of a Four-Category Model". *Journal of Personality and Social Psychology*61:226–244.

Bassey, M. (1981) Pedagogic research: on the relative merits of search for generalisation and study of single events, *Oxford Review of Education* **7**, 7393.

Baym, N. K., Zhang, Y. B., & Lin, M-C. (2004). Social interaction across media: Interpersonal communication on the Internet, telephone, and face-to-face. *New Media & Society*, 6(3).

University of Malaya

Bergen, D.(2008) .*Human Development*: *Traditional and Contemporary Themes New Jersey:* Pearson Prentice Hall Inc.

Bergen, K. M., Kirby, E., & McBride, M. C. (2007). How do you get two houses cleaned?Accomplishing family caregiving in commuter marriages. *Journal of Family Communication,* 7, 287-307.

Bernard-Paolucci, T. S., & Rushing, B. (1994). Does distance make the heart grow fonder? A comparison of college students in long-distance and geographically close dating relationships. *College Student Journal, 28*, 212-219.

Bertalanffy, L. (1968). *General System Theory*. New York: George Braziller.

Bertalanffy, L. (1975). *Perspectives on General Systems Theory: Scientific-Philosophical Studies.* New York: George Braziller.

Billingsley, A. (1992). Climbing Jacob's ladder: *The enduring legacy of African-American families.* New York: Simon & Schuster

Borrell, K., & Ghazanfareeon Karlsson, S. (2003). Reconceptualizing intimacy and ageing: Living apart together. In S. Arber, K. Davidson, & J. Ginn (Eds.), *Gender and ageing: Changing roles and relationships* (pp. 47-62). Maidenhead, UK: Open University Press.

Bowlby, J. (1969). *Attachment and Loss,* Vol. 1: *Attachment.* New York: Basic Books.

Bowlby, J. (1973). *Attachment and Loss,* Vol. 2: *Separation.* New York: Basic Books.

Bowlby, J. (1979). *The making and breaking of affectional bonds*. London: Tavistock.

Bowlby, J. (1980). *Attachment and Loss,* Vol. 3. *Loss.* New York: Basic Books.

Bowlby, J. (1988). *A secure base: Parent-child attachment and healthy human development.*New York: Basic Books.

University of Malaya

Boyd- Franklin, N. (2003). *Black families in therapy; understanding the African American experience (2nd.ed.).* New York: Guilford Press.

Brennan, K. A.; Clark, C. L.; and Shaver, P. R. (1998). "Self-Report Measurement of Adult Attachment: An Integrative Overview." In *Attachment Theory and Close Relationships,* ed. J. A. Simpson and W. S. Rholes. New York: Guilford Press.

Bretherton, I. (1987). "New Perspectives on Attachment Relations: Security, Communication, and Internal Working Models." In *Handbook of Infant Development,* 2nd edition, ed. J. Osofsky. New York: Wiley.

Budgeon, S., & Roseneil, S. (2004). Editors' introduction: Beyond the conventional family. *Current Sociology, 52,* 127-134.

Byng-Hall, J. (1995). Creating a secure family base: Some implications of attachment theory for family therapy. *Family Process, 34,* 45-58.

Byng-Hall, J. (1999). Family and couple therapy: Toward greater security. In J. Cassidy & P. R. Shaver (Eds.), *Handbook of attachment: Theory, research, and clinical applications* (pp. 625-645). New York: Guilford.

Byng-Hall, J. (2001). Attachment as a base for family and couple therapy. *Psychology &Psychiatry Review, 6,* 31-36.

Carlson, D.S., & Perrewe, P.L. (1999). The role of social support in the stressors- strain relationship: an examination of work-family conflict. *Journal of Management, 25(4*), 513-540.

Carlson, D.S., Kacmar, K.M., Wayne, J.H., & Grzywacz, J.G. (2006). Work-family conflict in the organization *Journal of Vocational Behavior, 68,*131-164.

Cameron, J. J., & M. Ross. (2007). In times of uncertainty: Predicting the survival of long-distance relationships. *The Journal of Social Psychology* 147:581–604.

University of Malaya

Canary, D. J., & Stafford, L. (1994). Maintaining relationships through strategic and routine interaction. In D. J. Canary, & L. Stafford (Eds.), *Communication and relational maintenance* (pp. 3-22). San Diego, CA: Academic Press.

Cate, R. M., Levin, L. A., & Richmond, L. S. (2002). Premarital relationship stability: A review of recent research. *Journal of Social and Personal Relationships, 19,* 261-284.

Carole, P (2010). Predictors of Satisfaction in Geographically Close and Long-Distance. Relationships Journal of Counseling Psychology, 5*9(2*), 303–31.

Chang, C. Y., & Wood, A. B. (1996). *Dual-career commuter marriages: Balancing commitments to self, spouse, family, and work.* Paper presented at the World Conference of the American Counseling Association, Pittsburgh, PA.

Clark, S.C. (2001). Work cultures and work/family balance. *Journal of Vocational Behaviour*, 58(3), 348-365.

Collins, N. L. (2001). "Working Models of Attachment: Implications for Explanation, Emotion, and Behavior." *Journal of Personality and Social Psycholog,* 71:810–832.

Collins, N. L., & Allard, L. M. (2001). "*Cognitive Representations of Attachment: The Content and Function of Working Models." In Blackwell Handbook of S ocial Psychology,* Vol. 2: *Interpersonal Processes,* ed. G. J.O. Fletcher and M. S. Clark. Oxford, UK: Blackwell Publishers.

Collins, N. L., & Feeney, B. C. (2000)."A Safe Haven:An Attachment Theory Perspective on Support Seeking and Caregiving in Intimate Relationships."*Journal of Personality and Social Psychology* 78: 1053–1073.

Collins, N. L., & Feeney, B. C. (2004). Working models of attachment shape perceptions of social support: Evidence from experimental and observational studies. *Journal of Personality and Social Psychology, 87,* 363–383.

Collins, N. L., & Read, S. J. (1990). Adult attachment, working models, and relationship quality in dating couples. *Journal of Personality andSocial Psychology, 58,* 644-663.

University of Malaya

Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches.* Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merill Prentice Hall.

Crowell, J. A.; Fraley, R. C.; and Shaver, P. R. (1999). "Measurement of Individual Differences in Adolescent and Adult Attachment." In *Handbook of Attachment: Theory, Research, and Clinical Applications*, ed. J. Cassidy and P. R. Shaver. New York: Guilford Press.

Dainton, M. (2003). Framing the maintenance of relationships through communication: An epilogue. In D. J. Canary & M. Dainton (Eds.), *Maintaining relationships through communication: Relational, contextual and cultural variations* (pp. 299-318). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.

Dainton, M., & Aylor, B. (2001). A relational uncertainty analysis of jealousy, trust, and maintenance in long distance versus geographically close relationships. *Communication Quarterly, 49*, 172-188.

Dainton, M. & Aylor, B. (2002). Patterns of communication channel use in the maintenance of long-distance relationships. *Communication Research Reports, 19*, 118-129.

Dainton, M., & Kilmer, H. (1999, November). Satisfaction, commitment, trust, and expectations in the maintenance of long-distance versus geographically-close relationships. Paper presented at the annual meeting of the National Communication Association, Chicago, IL.

Davila, J., & Bradbury, T. N. (2001). "Attachment Insecurity and the Distinction between Unhappy Spouses Who Do and Do Not Divorce." *Journal of Family Psychology, 15:*371–393.

University of Malaya

Dellmann-Jenkins, M., Bernard-Paolucci, T. S., & Rushing, B. (1994). Does distance make the heart grow fonder? A comparison of college students in long distance and geographically close dating relationships. *College Student Journal*, 28, 212-219.

Denzin, N. K. (1989*). Interpretive interactionism*. Newbury Park, CA: Sage.

Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2000). *Handbook of qualitative research* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S., (2005). The discipline and practice of qualitative research. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *The Sage handbook of qualitative research* (3rd edition) (pp. 1-32). Thousand Oaks, CA: Sage.

Douvan, E.A., & Pleck, J.H. (1978). Separation as support in dual-career couples. In R. Rapoport, & R. Rapoport (Eds.), *Working couples* (pp. 138-146). New York: Harper and Row.

Dindia, K., & Emmers-Sommer, T. M. (2006). What partners do to maintain their close relationships. In P. Noller & J. A. Feeney (Eds.), *Close relationships: Functions, forms and processes (*pp. 305–324). New York: Psychology Press.

Dresscher (2000). *Meditation for the Newly Married.* Lagos: Company Ltd.

Drever, E (1995) *Using Semi-Structured Interviews in Small-Scale Research: A Teacher's Guide*, Edinburgh, Scottish Council for Research in Education,University of Glasgow.

Duck, S. (1994). *Meaningful Relationships: Talking, sense, and relating.* Thousand Oaks, CA: Sage.

Dukes, S. (1984). Phenomenological methodology in human sciences. *Journal of Religion and Health, 23*(3), 197-203.

Edwards, R. (2001, February 19). Perils of long-distance relationships can be overcome. *Knight Ridder/Tribune News Service*, p. K5132. Erlandson, D. A, et al. (1993). *Doing naturalistic inquiry: a guide to methods*, London: Sage.

University of Malaya

Ehrich, L. C. (2003). Phenomenology: The quest for meaning. In T. A. O'Donoghue & K. Punch (Eds.), *Qualitative educational research in action: Doing and reflecting* (pp. 42-69). New York, NY: Routledge Falmer.

Farell, J. M (2009). *Notion of Distance: Communication constraints in Long Distance Dating Relationships*. Unpublished Dissertation, University of Nevada, Las Vegas.

Farida, A.H., Zabidah, P., Aisyah, E., Norjanah, R, & Marilyn Ong, S.A. (2010). Women's roles in and contributions to family and social development. In *Sarawak Women: Treading the path of post-independent years.* Sarawak Women and Family Council, Kuching.

Farris, A. (1978). Commuting. In R. Rapoport & R. Rapoport (Eds.), *Working couples* (pp. 100-107). London: Routledge and Kegan Paul.

Feeney, J. A. (1996). "Attachment, Caregiving, and Marital Satisfaction."*Personal Relationships* 3:401–416.

Feeney, J. A., Noller, P., &Callan, V. J. (1994)."Attachment Style, Communication and Satisfaction in the Early Years of Marriage." In *Attachment processes in adulthood: Vol. 5. Advances in personal relationships,* ed. K. Bartholomew, and D. Perlman. London: Jessica Kingsley.

Feeney, B. C., & Collins, N. L. (2004). Interpersonal safe haven and secure base caregiving processes in adulthood. In W. S. Rholes & J. A. Simpson (Eds.), Adult attachment: Theory, research, and clinical implications (pp. 300-338.). New York: Guilford.

Ferk, D. (2005). Organizational commitment among married dual-career employee versus single residence. *SAM Advanced Management Journal*, 21-27.

Fidel, R (1993). Qualitative methods in information retrieval research, *Library and Information Science Research, 15***,** 219–247.

University of Malaya

Firestone, W. A (1993). Alternative arguments for generalizing from data as applied to qualitative research, *Educational Researcher, 22*,16–23.

Fosco, G. M., Caruthers, A. S., & Dishion, T. J. (2012). A six-year predictive text of adolescent family relationship quality and effortful control pathways to emerging adult social and emotional health. *Journal of Family Psychology, 26*,565-575.

Fosco, G. M., DeBoard, R. L., & Grych, J. H. (2007). Making sense of family violence: Implications of children's appraisals of interparental aggression for their shortand long-term functioning. *The European Psychologist, 12*, 6–16.

Fosco, G. M., & Grych, J. H. (2008). Emotional, cognitive, and family systems mediators of children's adjustment to interparental conflict. *Journal of Family Psychology, 22*, 843-854.

Fosco, G. M. & Grych, J. H. (2010). Adolescent triangulation into parental conflicts: Longitudinal implications for appraisals and adolescent-parent relations. *Journal of Marriage and Family, 72*, 254-266.

Fosco, G. M., & Grych, J. H. (2013). Capturing the family context of emotion regulation: A family systems model comparison approach. *Journal of Family Issues, 34*, 557-578.

Fosco, G. M., Frank, J. L., Stormshak, E. A., & Dishion, T. J. (2013). Opening the "Black Box": Explaining Family Check-Up Intervention Effects for Adolescent Effortful Control, Problem Behavior, and Substance Use. *Journal of School Psychology, 51*, 455-468.

Fraley, R. C., Garner, J. P., & Shaver, P. R. (2000). "Adult Attachment and the Defensive Regulation of Attention and Memory: Examining the Role of Pre-emptive and Post-emptive Defensive Processes." *Journal of Personality and Social Psychology,79:*1–11.

University of Malaya

Fraley, R. C, & Shaver, P. R. (1997). Airport separations: A naturalistic study of adult attachment dynamics in separating couples. *Journal of Personality and Social Psychology, 75*, 1 198-1212.

Frone, M.R., Russell, M., & Cooper, C.L. (1997). Relation of work-family conflict to health outcomes: A four-year longitudinal study of employed parents. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 70, 325-335.

Gall, M., Gall, J. P., & Borg, W. (2003). Educational Research: An introduction. Boston: Allyn and Bacon.

Gerstel, N., & Gross, H. (1982). Commuter marriages: *A review : Marriage and Family Review, 5*, 71-93.

Gerstel, N. & Gross, H. (1984): *Commuter Marriage*. Guilford Press, New York.

Gerstel, N., & Gross, H. (1987). Commuter marriage: A microcosm of career and family conflict. In N. Gerstel & H. E. Gross (Eds.), *Families and work* (pp. 422-433). Philadelphia: Temple University Press.

Geiger, B. (1996). *Fathers as primary caregivers.* Westport, CT: Greenwood.

Govaerts, K., and Dixon, D. N. (1988). until careers do us part: Vocational and marital satisfaction in the dual-career commuter marriage. *International Journal for the Advancement of Counseling, 11*, 265-281.

Green, A.E. (1993): The Geography of Dual Career Households: A Research Agenda and Selected Evidence from Secondary Data Sources for Britain. *International Journal of Population Geography, 1*, 29-50.

Green, A.E. (1997): A Question of Compromise? Case Study Evidence on the Locatiion and Mobility Strategies of Dual Career Households. *Regional Studies, 31*, 641-657.

University of Malaya

Green, A.E., Hogarth, T. & Shackleton, R. (1999): *Long Distance Living. Dual Location Households*. The Policy Press. Bristol.

Greenhaus, J.H., & Powell, G.N. (2006). When work and family are allies: A theory of work-family enrichment. *Academy of Management Review, 31(1),* 72-92.

Groves, M. M., & Horm-Wingerd, D. M. (1991). Commuter marriages: Personal, family and career issues. *Sociology and Social Research, 75(4*), 212-217.

Gudykunst, W. B.,& Matsumoto, Y., (1996). The influence of cultural individualism-collectivism, self construals, and individual values on communication styles across cultures. *Human Communication Research,* 22, 510-43.

Guion, L. A. (2002). *Triangulation: Establishing the validity of qualitative studies*. Thousand Oaks, California: Sage Publishing.

Guldner, G. T. (1996). Long-distance romantic relationships: Prevalence and separation-related symptoms in college students. *Journal of College Student Development, 37*, 289-296.

Guldner, G. T. (2003). *Long Distance Relationships: The Complete Guide.* Corona, CA: JFMilne Publications.

Guldner, G. T., & Swenson, C. H. (1995). Time spent together and relationship quality: Long distance relationships as a test case. *Journal of Social and Personal Relationships, 12,* 313–320.

Hartman, A. (1979). *Finding families: An ecological approach to family assessment in adoption.* Beverly Hills, CA: Sage.

Hazan, C., & Shaver, P. R. (1987). "Romantic Love Conceptualized as an Attachment Process." *Journal of Personality and Social Psychology 52*:511–524.

Helgeson, V. (1994). Long-distance romantic relationships: Sex differences in adjustment and breakup. *Personality and Social Psychology Bulletin, 20*, 254-265.

University of Malaya

Hendrick, S. S. (1988). A generic measure of relationship satisfaction. *Journal of Marriage &The Family, 50,* 93-98.

Hendrick, S. S., Hendrick, C., & Adler, N. L. (1988). Romantic relationships: Love, satisfaction, and staying together. *Journal of Personality and Social Psychology, 54,* 980-988.

Hines, P.M, & Boyd- Franklin, N (1996). African Maerican families. In M. McGoldrick, J. Giordano, & J.K, Peace Eds.). *Ethnicity & family therapy* (2nd; pp66-84).New York: Guilford Press.

Hill, R. (1999). *The strengths of African-American Families*: New York: Amerson Hall.

Hill, C. T., Rubin, Z., & Peplau, L. A. (1976). Breakups before marriage: The end of 103affairs.*Journal of Social Issues, 32,* 147-168.

Holland, S. (Ed.). (2008). *Remote relationships in a small world*. New York: Peter Lang.

Holmes, M. (2004). An equal distance? Individualisation, gender and intimacy in distance relationships. *The Sociological Review, 52,* 180-200.

Holmes, M. (2006). Love lives at a distance: Distance relationships over the life course. *Sociological Research Online, 11*(3). Retrieved on 13 June 2011 from http://www.socresonline.org.uk/11/3/holmes.html.

Holstein, J.A, & Gubrium, J. F. (1994). Phenomenology, ethno methodology, and interpretive practice. In N. K. Denzin & Y.S. Lincoln (Eds.0, *Handbook of qualitative research* (pp. 262-272). Thousand Oaks, CA: Sage.

Holt, P. A., & Stone, G. L. (1988). Needs, coping strategies, and coping outcomes associated with long-distance relationships. *Journal of College Student Development, 29,*136-141.

University of Malaya

Hofstede, G. (1994). *Cultures and organizations: Intercultural cooperation and its importance for survival. Software of the mind.* London, Harper Collins.

Hoyle, B. & Smith, J. (2000): Transport and Development: Conceptual Frameworks. In:Hoyle, B. & Knowles, R. (eds.): *Modern Transport Geography*. 2nd edition.Wiley, Chichester.

Husserl, E. (1970). *The crisis of European sciences and transcendental phenomenology*. Evanston: Northwestern University Press.

Huzili, H., Shuhairimi, A., & Noor Salwati, H. (2007). Polemik antara hasrat dan realiti wanita bekerjaya terhadap keberkesanan pengurusan keluarga. Dalam Rosnah, I., Mahmood, N.M., & Noor, N.M. (Eds). *Women at Wok: Perspectives on Workplace and Family* (pp. 217-242). Penerbit UMS.

Jackson, A. P., Brown, R. P., & Patterson-Stewart, K. E. (2000). African American families in dual-career commuter marriages: An investigation of their experiences. *The Family Journal, 8,* 22-37.

Jiang, C. L., & Hancock, J.T. (2013).Absence makes the communication grow fonder: geographic separation, interpersonal media, and intimacy in dating relationships. *Journal of communication, 63, 556-577.*

Johnson, S. E. (1987). "weaving the threads: equalizing professional and personal demands faced by commuting career couples." *Journal Of The National Association Of Women Deans And Counselors* 50, 3–10.

Johnson, S. M. (2004). A guide for healing couple relationships. In W. S. Rholes & J. A. Simpson (Eds.), *Adult attachment: Theory, research, and clinical implications* (pp. 367-387). New York: Guilford.

Justice, G. (1999, October). We're happily married and living apart. *Newsweek,* 134(16), 12.

Kauffman, M. H (2000). Relational Maintenance In Long-Distance Dating Relationships: Staying Close. Unpublished thesis. Blacksburg University, Virginia.

University of Malaya

Kantor, D., & Lehr, W. (1975). *Inside the Family: Toward a Therapy of Family Process.* San Fransisco: Jossey-Bass.

Katz, E. (1987). Communication research since Lazars field. *Public Opinion Quarterly, 51,* 525–545.

Kiger, G., and P. Riley (2000). *Helping dual-earner couples balance work and family responsibilities.* CYFERnet. Logan, UT: Utah State University. On-line: http://www.cyfernet.org/parent/workandfamily/utah_findings.html.

Kirkpatrick, L. E., and Hazan, C. (1994). "Attachment Styles and Close Relationships: A Four–Year Prospective Study." *Personal Relationships 1*:123–142.

Kelmer, G. (2013). Relationship quality, commitment, and stability in long-distance relationship. *Family Process, 52,* 257-20.

Kenworthy, J.R. & Laube, F.B. (1999): Patterns of automobile dependence in cities: an international overview of key physical and economic dimensions with some implications for urban policy. *Transportation Research A, 33,* 691-723.

Kiefer, F. (2000). "Commuter Marriages Test More Americans." *Christian Science Monitor,* 92:1.

Kirschner, B., & Walum, L. (1978). "Two-Location Families: Married Singles." *Alternative Lifestyles 1:*513–525.

Klaus, M. H., Kennell, J. H., & Klaus, P. H. (1995). *Bonding.* Boston: Addison-Wesley.

Knapp, M. L. (1984).*Interpersonal communication and human relationships.* Newton, MA:Allyn and Bacon.

University of Malaya

Knobloch, L. K., & Solomon, D. H. (2003). Responses to changes in relational uncertainty within dating relationships: Emotions and communication strategies. *Communication Studies, 54*, 282-305.

Kobak, R. (1999). The emotional dynamics of disruptions in attachment relationships: Implications for theory, research, and clinical intervention. In J. Cassidy & P. R. Shaver (Eds.*), Handbook of attachment: Theory, research, and clinical application*s (pp. 21-43). New York: Guilford.

Kobak, R. R., & Sceery, A. (1988). "Attachment in Late Adolescence: Working Models, Affect Regulation, and Representations of Self and Other." *Child Development 59:*135–146.

Knox, D. (2002). Absence makes the heart grow fonder?: Long distance dating relationships among college students.*College Student Journal, 36*, 364-36.

Knox, D., M. Zusman, V. Daniels, & A. Brantley. (2002). Absence makes the heart grow fonder? Long-distance dating relationships among college students. *College Student Journal 36*:365–67.

KPWKM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2003), A national study of family transformation in the context of changing trends in women's work and lifestyle in Malaysia. The 2003 Report, Putrajaya.

KPWKM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2010).

.

Kvale, S. (2007). *Doing interviews*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Kunce, L. J., & Shaver, P. R. (1994). An attachment-theoretical approach to caregiving in romantic relationships. In K. Bartholomew & D. Perlman (Eds.), *Advances in personal relationships* (Vol. 5, pp. 205-237). London: Jessica Kingsley.

Lee, J., Pistole, M. (2012). Predictiors of satisfaction in geographically close and long-distance relationships. *Journal of Counseling psychology, 59(2*), 303- 313.

University of Malaya

Levin, I. (2004). Living apart together: A new family form. *Current Sociology, 52*, 223-240. Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Newbury Park, CA: Sage.

Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry.* Beverly Hills, CA: Sage.

Lingren, H.G. (1998). *Work and family: Today's juggling act* (NebGuide G92-1078-A). Lincoln, NE: University of Nebraska-Lincoln Institute of Agriculture and Natural Resources.

Lydon, J., T. Pierce, & S. O'Regan. (1997). Coping with moral commitment to long-distance dating relationships. *Journal of Personality and Social Psychology 73:*104–13.

Logan, S. L (2001). *The Black family strengths, self-help and positive change* (2nd. Ed). Boulder, Co: West view Press.

Maguire, K. C. (2007). "Will It Ever End?": A (re)examination of uncertainty in college student long-distance dating relationships. *Communication Quarterly ,55:*415–27.

Magnuson, S., & Norem, K. (1999). Challenges of higher-education couples in commuter marriages: Insights for couples and counselors who work with them. *The Family Journal*, 7, 125-133.

Main, M., Kaplan, N., and Cassidy, J. (1985). "Security in Infancy, Childhood, and Adulthood: A Move to the Level of Representation." In *Growing Points in Attachment Theory and Research, Monographs of the Society for Research in Child Development 50:*66–106.

Maines, J. (1993). "Long-Distance Romances." *AmericanDemographics* 15:47.

Marris, M. (1995). Till careers do us part.*Executive Female*, *18*,35-40.

University of Malaya

Marshall, C & Rossman, G. B (1993). *Designing qualitative research*, 3rd ed. Newbury Park: Sage.

Marvin, R.S., & Britner, P.A. (1999) Normative development: The ontogeny of attachment. In J. Cassidy & P.R. Shaver (Eds), *Handbook of Attachment: Theory, Research and Clinical Applications* (pp. 44-67). NewYork: Guilford.

Mathers, N. and Huang, Y.C. (1998) Evaluating qualitative research. In: Crookes, P. and Davies, S. (eds.) *Research into Practice.* Balliere, Tindall, 85-93.

Maxwell, J. A. (1996). *Qualitative research design: An interactive approach.* Thousand Oaks, CA: Sage.

May, K. A. (1991). Interview techniques in qualitative research: Concerns and challenges. In J. M. Morse (Ed.), *Qualitative nursing research: A contemporary dialogue* (Rev. ed) (pp.188-201). Thousand Oaks, CA: Sage.

Mc Adoo, H. P (2002). *Black children: Social, educational, and parental environment* (2nd.ed). Thousand Oak. CA: Sage.

McKeown, K. & Sweeny, J. (2001), *Family Wellbeing and Family Policy: A Review of Research on Benefits and Costs*, Kiren McKewon Limited, Social and Economic Research Consultants, Dublin.

Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merriam, S. B (2002). *Qualitative research in practice.* San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merolla, A. J. (2012). Connecting here and there: A model of long-distance relationship maintenance. *Personal Relationship, 19,*775-795.

University of Malaya

Metts, S., & Cupach, W.R. (2011). Responses to relational transgressions: Hurt, anger, and sometimes forgiveness. In Spitzberg, B.H. & Cupach, W.R. (2nd Edition), *The Dark Side of Interpersonal Communication* (p. 245). Routledge.

Mietzner, S. (2005). Would you do it again?*College Student Journal, 39,192-200.*

Mietzner, S., & Lin, L.-W. (2005). Would you do it again? Relationship skills gained in a long-distance relationship. *College Student Journal*, 39, 192-200.

Mikulincer, M., Arad, D. (1999). "Attachment Working Models and Cognitive Openness in Close Relationships: A Test of Chronic and Temporary Accessibility Effects." *Journal of Personality and Social Psychology* 77:710–725.

Mikulincer, M., Florian, V., Cowan, P. A., & Cowan, C. P. (2002). Attachment security in couple relationships: A systemic model and its implications for family dynamics. *Family Process*, *41*, 405-434.

Mikulincer, M., and Nachshon, O. (1991). "AttachmentStyles and Patterns of Self-Disclosure." *Journal of Personality and Social Psychology* 61:321–331.

Mikulincer, M., & Shaver, P. R. (2003). The attachment behavioral system in adulthood: Activation, psychodynamics, and interpersonal processes. In M. P. Zanna (Ed.),*Advances in experimental social psychology* (Vol. 35, pp. 53-152). New York: Academic Press.

Mikulincer, M., & Shaver, P. R. (2007). Attachment in adulthood: Structure, dynamics, and change. New York: Guilford.

Miles, M. B., & Huberman, A. M., (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook.* Thousand Oaks, CA: Sage.

Minuchin, S. (1974). *Families and family therapy*. Cambridge, ma: Harvard University Press.

University of Malaya

Moen, P., & Sweet (2005*). The career mystique.* Lanham, MD: Rowman and Littlefield.

Montgomery, B. M. (1993). Relationship maintenance versus relationship change: A dialectical dilemma. *Journal of Social and Personal Relationships, 10,* 205-223.

Moustakas, C (1994) *Phenomenological research methods* London, Sage.

Murray, S. L., (1996). The benefits of positive illusions: Idealization and the construction of satisfaction in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology, 70,* 79-98.

Murray, S. L., Holmes, J. G., & Collins, N. L. (2006). Optimizing assurance: The risk regulating system. *Psychological Bulletin*, 132, 641-666.

Murray, S. L., Holmes, J. G., Griffin, D. W., Bellavia, G., & Rose, P. (2001). *The mismea-sure of love: How self-doubts contaminate relationship beliefs*.

Noor, N.M. (2006). *Work, family and women's well-being in Malaysia: Striving for a balance*. Kuala Lumpur: IIUM Press

Orton, J., and Crossman, S. M. (1983). "Long Distance Marriage: Cause of Marital Disruption or a Solution to Unequal Dual-Career Development?" In *Family, Self, and Society,* ed. D. B. Gutknecht. Lanham, MD: University Press of America.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. (2nd ed). Newbury Park, CA: Sage.

Patterson-Stewart, K. E., Jackson, A. P.; and Brown, R. P. (2000). "African Americans in Dual-Career Commuter Marriages: An Investigation of their Experiences." *Family Journal Counseling Therapy for Couples and Families, 8:*22–47.

University of Malaya

Pazy, A., Salomon, I. & Pintzov, T. (1996): The Impact of Women's Careers on their Commuting Behaviour: A Case Study of Israeli Computer Professionals. *Transportation Research A, 30,* 269-286.

Peshkin, A. (1985). Virtuous subjectivity: In the participant-observer's l's. In D. Berg & K. Smith (Eds.), Exploring clinical methods for social research (pp. 267-282). Beverly Hills,CA: Sage.

Pistol, C. M., & Roberts, A. (2010). Attachment, relationship maintenance, and stress in long distance and geographically close romantic relationship. *Journal of Social & Personal Relationships, 27,* 535-552.

Popenoe, D. (1993), "The national family wars", *Journal of Marriage and the Family, 55,* 553-555.

Punch, M. (1994). Politics and ethics in qualitative research. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (pp. 83-97). Thousand Oaks,CA: Sage.

Punch, K. (2001). *Developing effective research proposals.* London: Sage.

Rabe, M. (2001). Commuter couples: An inside story. *Society in Transition,* 32, 277-291.

Rabby, M. K. (2007, November). *Maintaining relationships via e-mail*. Paper presented at the National Communication Association conference, Chicago, IL.

Rastogi, M. (2007). Coping with transitions in Asian Indian families: Systemic clinical interventions with immigrants. *Journal of Systemic Therapies, 26(2),* 55-67.

Raynor, S. R., & Fosco, G. M. (2004). Family processes that shape the impact of

University of Malaya

interparental conflict on adolescents. *Development and Psychopathology,16*, 649–665.

Riemen, D. J. (1986). The essential structure of a caring interaction: Doing phenomenology. In P. M. Munhall & C. J. Oiler (Eds.), *Nursing research: A qualitative perspective* (pp. 85-105). Norwalk, CT: Appleton-Century-Crofts.

Rindfuss, R. R., & Stephen, E. H. (1990). Marital noncohabitation: Separation does notmake the heart grow fonder. *Journal of Marriage and the Family, 52,* 259-270.

Roberts, A., & Pistole. M. C. (2009). Long distance and proximal romantic relationships: Attachment and closeness. *Journal of College Counseling, 12*, 5-17.

Robertson, J. & Bowlby, J. (1952), Responses of young children to separation from their mothers. *Courrier of the International Children's Centre,* Paris, *II,* 131-140.

Robson, C. (2002) *Real World Research: a resource for social scientists and practitioner researchers,*Blackwell Bublishing, Padstow UK.

Rohany, N. & Fatimah, O. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*, Bangi: Penerbit UKM.

Rohlfing, M. E. (1995). "Doesn't anybody stay in one place anymore?" An exploration of the under-studied phenomenon of long-distance relationships. In J. T. Wood & S. Duck (Eds.), Under-studied relationships: Off the beaten track (pp. 173-196). Thousand Oaks, CA: Sage.

Roseneil, S. (2006). On not living with a partner: Unpicking coupledom and cohabitation. *Sociological Research Online, 11*(3). Retrieved on March, 20, 2012 from http://www.socresonline.org.uk/11/3/roseneil.html.

Rossman, R. B., & Rallis, S. F. (1998*). Learning in the field: An introduction to qualitative research.* Thousand Oaks, CA: Sage.

University of Malaya

Rubin, Z., Peplau, L. A., Hill, C. T. (1981). Loving and leaving: Sex differences in romantic attachments. Sex Roles, 7, 821-835.

Samsilah, R (2012). Commuters' Psychosocial Profile and Their Involvement in Child Rearing at Home.*Procedia-sosial and Behavioral Sciences 82 (2013)* 477- 481.

Sahlstein, E. M. (2004). Relating at a distance: Negotiating being together and being apart in long-distance relationships. *Journal of Social and Personal Relationships, 21*, 689-710.

Sahlstein, E. M. (2006a). Making plans: Praxis strategies for negotiating uncertainty-certainty on long-distance relationships. *Western Journal of Communication, 70*, 147-165.

Sahlstein, E. M. (2006b). The trouble with distance. In D. Kirkpatrick, S. Duck, & M. K. Foley (Eds.), *Relating difficulty: The processes of constructing andmanaging difficult interaction* (pp. 119–140). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.

Schwanen, T. & Dijst, M. (2002): Travel-time ratios for visits to the workplace: the relationship between commuting time and work duration. *A Transportation Research , 36,* 573-592.

Schwebel, A. I., Dunn, R. L., Moss, B. F., & Renner, M. A. (1992). Factors associated with relationship stability in geographically separated couples. *Journal of College Student Development, 33,* 222-230.

Scott, A. T. (2002). Communication characterizing successful long distance marriages. Published Dissertation . Bloomsburg University.

Seidman, E. (1998). *Interviewing as qualitative research*. New York, NY: Columbia University Press.

Shanor, K. (1987). *How to stay together when you have to be apart.* New York: Warner Books.

University of Malaya

Shaver, P. R., & Mikulincer, M. (2005). Attachment theory and research: Resurrection of the psychodynamic approach to personality. *Journal of Research in Personality*, *39*, 22-45.

Schütz, A (1967). *Phenomenology of the Social World. Evanston, Ill*: Northwestern University Press.

Siaw, Y, L. (2015). Commuter Families: Parental Readiness, Family Environment and Adolescent School Performance,. Procedia - *Social and Behavioral Sciences, 172* ,686 – 692.

Silverman (2001). *Interpreting qualitative data: methods for analysing talk, text and interaction*, 2nd ed. London: Sage.

Simpson, J. A.; Rholes, W. S.; and Phillips, D. (1996). "Conflict in Close Relationships: An Attachment Perspective." *Journal of Personality and Social Psychology*, *71*,899–914.

Simpson, J.A. & Tran, S., (2009). Pro-relationship maintenance behaviors: the joint roles of attachment and commitment. *Journal of Personality and Social Psychology*, *97*, 685-698.

Stafford, L. (2004). Romantic and parent-child relationships at a distance. In P. Kalbfleisch (Ed.), *Communication yearbook* vol. 28 (pp. 37_86). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Stafford, L. (2005). *Maintaining long-distance and cross residential relationships*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Stafford, L., & Merolla, A. J. (2006). Idealization, reunions, and stability in long-distance dating relationships. *Journal of Social and Personal Relationships, 24*, 37-54.

University of Malaya

Stafford, L. (2009). Spouses and other intimate partnerships. In W. F. Eadie (Ed.), 21st century communication: A reference handbook (pp. 295_302). Thousand Oaks, CA: Sage.

Stafford, L., Merolla, A. J., & Castle, J. D. (2007). When long-distance dating partners become geographically close. *Journal of Social and Personal Relationships, 23,* 901-919.

Stafford, L., & Reske, J. R. (1990). Idealization and communication in long-distance premarital relationships. *Family Relations, 39,* 274-279.

Steinglass, P. (1978). The Conceptualization of Marriage from a Systems Theory Perspective. InT. J. Paolino, Jr. & B. S. Mc Crady (Eds.), *Marriage and Marital Therapy: Psychoanalytic, Behavioral and Systems Theory Perspective.* New York: Brunner/Mazel.

Stephen, T. (1986). Communication and interdependence in geographically separated relationships. *Human Communication Research, 13,* 191-210.

Sternberg, J. (1988). A triangular theory of love. *Psychological Review, 93,* 119-135.

Taylor, A. S., & Lounsbury, J. W. (1988). Dual-career couples and geographic transfer:Executives' reactions to commuter marriage and attitude toward the move. *Human Relations,* 41,407-424.

The Center for the Study of Long Distance Relationships. (2008). Retrieved October 26,2012, from http://www.longdistancerelationships.net/faqs.htm.

Thompson, C., & Prottas, D. (2005). Relationships among organizational family support, job autonomy, perceived control, and employee well-being. *Journal of Occupational Health Psychology, 10(4),* 100-118.

Turton, B. & Black, W.R. (2000): Inter-Urban Transport. In: Hoyle, B. & Knowles, R.(eds.): *Modern Transport Geography*. 2nd edition. Wiley, Chichester.

University of Malaya

Ullman, E.L. (1973): *Geography as Spatial Interaction: Studies in Regional Development Cities, and Transportation*. University of Washington Press.

Van Ham, M. (2001): Workplace Mobility and Occupational Achievement. *International Journal of Population Geography*, 7, 295-306.

Van Ham, M., Mulder, C.H. & Hooimeijer, P. (2001): Spatial flexibility in job mobility: macrolevel opportunities and microlevel restrictions. *Environment and Planning A, 33,* 921-940.

Van Horn, Roger K. (1997). Physical distance and interpersonal characteristics in college students' romantic relationships. *Personal Relationships, 4,* 25-34.

Van Manen, M. (1990). *Researching lived experience: Human science for an action sensitive pedagogy*. Ontario: Althouse Press.

Vilhelmson, B. (2001). "Is regular work at fixed places fading away? The development of ICT-based and travel-based modes of work in Sweden, *Environment and planning A,33,* p. 1015-1029.

Vormbrock, J. (1993). Attachment theory as applied to wartime and job related maritalseparation. *Psychological Bulletin, 114*, 122-144.

Voydanoff, P. (2004a). Implications of work and community demands and resources for work-to-family conflict and facilitation. *Journal of Occupational Health Psychology, 9(4*), 275-285.

Wan Abdul Fatah, W.I., Adnan, M.Y., & Syed Ahmad Tarmizi, S.O. (2005). Wanita dan kerjaya: Faktor keselamatan dari perspektif Islam. Proceeding International Seminar on Islamic Women. UTM Skudai.

Wang, F. (2001): Explaining intraurban variations of commuting by job proximity and worker's characteristics. *Environment and Planning B, 28*, 169-182.

University of Malaya

Wang ,H., & Anderson, P (2007). Computer-Mediated communication in relationship Maintenance: An Eamination of Self-Disclosure in Long-Distance Friendships. *Conference Papers-International Communication Association.*

Weeks, J., Heaphy, B., & Donovan, C. (2001). *Same sex intimacies: Families of choice and other life experiments*. London: Routledge.

Weinfield, N. S.; Sroufe, L. A., Egeland, B.; and Carlson, E. (1985). "The Nature of Individual Differences in Infant-Caregiver Attachment." In *Handbook of Attachment: Theory, Research, and Clinical Applications,* ed. J. Cassidy and P. Shaver. New York: Guilford Press.

Weisser. C (2006). Two cities, two careers, too much? Money. Retrieved on January 29,2012,fromhttp://money.cnn.eom/magazines/moneymag/moneymag_archive /2006/0 1/01/8365210/index.htm

Westefeld, J. S., & Liddell, D. (1982). Coping with long-distance relationships. *Journal of College Student Development, 23*, 550-551.

Weston, K. (1991). *Families we choose: Lesbians, gays, kinship*. New York: Columbia University Press.

Whitchurch, G., and Constantine, L. (1993). "Systems Theory." In *Sourcebook of Family Theories and Methods: A Contextual Approach,* ed. P. Boss, W. Doherty, R. LaRossa, W. Schumm, and S. Steinmetz. New York: Plenum Press.

Wilding, R. (2006) “Virtual” intimacies? Families communicating across transnational contexts. *Global Networks, 6*, 125-142.

Wood, J. T. (1986). Different voices in relationship crises: An extension of Gilliganís theory. *American Behavioral Scientist, 29*, 273-301.

University of Malaya

Woolley, S. R., & Johnson, S. M. (2005). Creating secure connections: Emotionally focused couples therapy. In J. L. Lebow (Ed.), Handbook of clinical family therapy (pp. 384-405). Hoboken, NJ: Wiley.

Yin, L (2009). *Communication Channels, Social Support and Satisfaction in Long Distance Romantic Relationships*. Unpublished thesis, University of Georgia State.

Zvonkovic, A. (2000). *Patterns of involvement in work and family life among commercial fisherman and long-haul truckers.* CyferNET. Corvallis, OR: Oregon State University.

University of Malaya

Apendiks 1:

Persetujuan Termaklum

PERSETUJUAN TERMAKLUM

Tajuk Penyelidikan:

MEMAHAMI PENGALAMAN KELANGSUNGAN HIDUP WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH

Kepada peserta kajian,

Kajian ini bertujuan untuk memahami memahami pengalaman individu yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.Dapatan kajian ini membantu penyelidik meningkatkan pemahaman terhadap pengalaman tentangfenomena individu dalam perkahwinan jarak jauh.Kajian ini adalah bagimemenuhikeperluandalam penyelidikan bersifat kualitatif di peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran di Universiti Malaya.

Selaras dengan tujuan kajian di atas, peserta kajian akan diperhatikan, ditemubual dan juga berkongsi apa-apa dokumen yang menyokong kajian yang ingin dijalankan oleh penyelidik. Maklumat yang akan dikongsikan adalah sulit. Maklumat hanya akan didedahkan untuk tujuan penulisan laporan penyelidikan. Nama sebenar peserta kajian adalah dirahsiakan. Temubual yang dijalankan akan dirakam dan ditranskripkan untuk tujuan analisis data.

Sebagai jaminan kerahsiaan, setiap maklumat yang diperoleh akan disimpan di tempat yang selamat. Isu sensitif dari pengalaman anda mungkin akan timbul sepanjang proses kajian ini. Berkemungkinan peserta akan berasa tidak selesa dan berisiko. Jika ketidakselesaan ini berlaku, peserta dibenarkan untuk menarik diri tanpa sebarang konsekuensi negatif.

Jika terdapat sebarang pertanyaan dan kemusykilan, peserta terbuka untuk mengajukannya kepada penyelidik.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan peserta kajian : _____

Tandatangan penyelidik : _____

Tarikh : _____

University of Malaya

Apendiks 2:

Protokol temubual

PROTOKOL TEMUBUAL

ARAHAN KEPADA PENYELIDIK:

Temubual mestilah dirakam untuk tujuan transkripsi. Rakaman yang dilakukan oleh penyelidik perlu mendapat persetujuan dari peserta kajian. Bagi setiap temubual, sila bawa bersama pita rakaman atau kaset. Pastikan pita rakaman berfungsi dengan baik sebelum memulakan temuramah bersama peserta kajian. Sepanjang pungutan data dilakukan, penyelidik perlu berpegang kepada panduan seperti berikut:

1. Tujuan temuduga adalah untuk mendapatkan maklumat yang tidak boleh dikumpul dari kajian / soal selidik serta pemerhatian, terutamanya pandangan atau perspektif pengetahuan dan pengalaman tentang makna yang ditanggap oleh peserta penyelidikan mengenai sesuatu fenomena.
2. Temu bual itu mestilah dilakukan berdasarkan pemerhatian di tapak tertentu terlebih dahulu di mana fokus atau tumpuan adalah terarah kepada peserta penyelidikan berdasarkan tentang kepentingan penyelidikan mahupun topik yang dipilih oleh penyelidik.

University of Malaya

3. Soalan yang diutarakan kepada peserta kajian hanyalah sebagai panduan. Penyelidik perlu memberi ruang seluasnya kepada peserta kajian untuk menyatakan isu atau pendapat semasa pemerhatian mahupun temubual.
4. Penyelidik perlu memberi tumpuan kepada respon peserta penyelidikan untuk membimbing penyelidik untuk mengajukan soalan berikutnya semasa temuduga .
5. Elakkan dari soalan-soalan yang boleh mengancam, soalan bertindan, soalan yang tidak jelas peserta kajian untuk mengelakkan mereka dari membuat pendedahan semasa temubual berlangsung.
6. Setiap soalan mesti menyiasat sehingga tepu iaitu peringkat sehingga tidak ada perkara-perkara yang baru muncul.
7. Penyelidik boleh menggunakan [R] untuk penyelidik dan [P] untuk peserta dalam nota temuduga.

University of Malaya

PROTOKOL TEMUBUAL

Nama Organisasi : **SKDWI**

Nama Peserta : **LIN (PK01)**

Tempat : **SKDWI**

Tarikh/Hari :**16 Mac 2014**

Masa : **12.00 tengahari**

Tempoh : **1 jam**

Panduan untuk temuduga	**Nota Penyelidik**	**Komen Penyelidik**
		Isu/Refleksi
<u>Bahagia A: Permulaan</u> • Pembinaan Rapport/siri 1 Mengetahui mengenai peserta kajian ➢ Hak peserta kajian dan kerahsiaan ➢ Makluman mengenai objektif dan tujuan kajian kepada peserta • (Latar belakang peserta, keluarga, skop pekerjaan, peranan, minat, sikap dll) • Dalam siri 1 ini, fokus kepada sejarah hidup peserta kajian	• Penyelidik membina hubungan dengan memulakan perbualan ringan bersama peserta kajian • Ucap terima kasih atas kesudian peserta kajian untuk ditemu bual • Menerangkan dengan terperinci maklumat dalam persetujuan termaklum • Peserta mulakan perbualan dengan ceritakan latar belakang. Pada mulanya agak kekok dan perlu dibantu dengan soalan-soalan pendek mengenai latar belakang, pendidikan, keluarga, dll	• Peserta kajian agak malu dan tidak banyak membuat pendedahan. • Kemungkinan penyelidik terlalu cepat membuat temu bual yang formal ke atas peserta kajian. • Pada hari temu bual, peserta kajian terlibat dengan sekolah ganti. Justeru, waktu temu bual pada pukul 12 tengah hari agak kurang berkesan kerana sesi persekolahan sudah hampir tamat dan kedengaran murid-murid bising untuk pulang ke rumah.

University of Malaya

Soalan : 1) Bagaimana kehidupan anda sebelum terlibat dalam perkahwinan jarak jauh?		• Soalan mengenai latar belakang peserta kajian mungkin terlalu umum bagi peserta kajian. Jadi, penyelidik perlu spesifikkan satu persatu untuk lebih memudahkan peserta kajian untuk memahami soalan yang diajukan. • Soalan mungkin boleh ditukar menjadi : "boleh anda ceritakan latar belakang seperti kehidupan keluarga, pendidikan, peranan anda sebelum terlibat dengan PJJ ini?"
<u>Bahagian B : Probing/ siri 2</u> • Perbualan berdasarkan pemerhatian penyelidik di kajian lapangan. • Beri perhatian kepada respon peserta kajian dalam usaha untuk membimbing penyelidik dalam proses temubual. • Penyelidik cuba untuk mendorong peserta untuk mengkonstruk kembali maklumat yang dinyatakan	• Penyelidik buat dorongan minimum kepada peserta kajian • Bersedia untuk memberi ruang kepada peserta kupas isu yang terlibat dalam PJJ • Peserta kajian sudah mula rancak berkongsi cerita • Isu yang diketengahkan oleh peserta kajian pada temu bual kali ini ✓ Kos ✓ Masa, tenaga ✓ Kepercayaan ✓ Berdikari ✓ Kelebihan dan	• Isu utama yang hadir dalam temu bual ✓ Kejelekitan antara penyelidik dan peserta kajian ✓ Kerjasama secara sukarela memudahkan penyelidikan • Penyelidik kadangkala ajukan soalan yang

University of Malaya

melalui soalan kajian yang ingin dicapai . ➢ Cabaran dalam perkahwinan jarak jauh. ➢ Makna /terjemahan pengalaman individu dalam perkahwinan jarak jauh. **<u>Bahagian C: Konklusikan temubual/ siri 3</u>** • Penambahan maklumat • Penghargaan kepada peserta kajian • Dalam siri ke 3 ini, penyelidik cuba merungkai mengenai refleksi mengenai makna yang diutarakan oleh peserta kajian • Penyelidik turut membuat sedikit rumusan mengenai perjalanan sesi temubual secara keseluruhan.	kekurangan pjj • Minta peserta kajian tambah maklumat yang mungkin tertinggal • Buat rumusan untuk recall balik perjalanan temubul dan isu yang telah diketengahkan dalam sesi • Peserta kajian tiada bantahan untuk meneruskan sesi akan datang	bertindih • Peserta kajian nampak keliru untuk jawab soalan yang diberikan • Peserta malu nak kupas isu sensitif, jadi penyelidik kena bina rapport yang lebih untuk tingkatkan kepercayaan peserta kajian untuk buka isu peribadi mereka • Isu keintiman tidak dikupas dengan mendalam , jadi penyelidik akan probing nanti dalam temu bual akan datang • Penyelidik jangan cuba letakkan nilai ke atas peluahan mengenai isu PJJ, • Cuba tepati tempoh temu bual, sebab akan pengaruhi mood peserta kajian

University of Malaya

Apendiks 3:

Temubual melalui foto Dokumen visual



Apendiks 4:

Dokumen Visual Peserta Kajian 01



P
- Persefahaman.
- Pekerjaan
- Pendapatan.

J
- Jarak tidaklah jauh sangat.
- Jauhari yang mengenal manikam.

J
- Jumpa selalu.
- Jangan cemburu sangat.

L

D

M

University of Malaya

Apendiks 5:

Dokumen Visual Peserta Kajian 02



University of Malaya

Apendiks 6:

Dokumen Visual Peserta Kajian 03



University of Malaya

Apendiks 7:

Dokumen Visual Peserta Kajian 04

University of Malaya

Apendiks 8:

Dokumen Visual Peserta Kajian 05



University of Malaya

Apendiks 9:

Dokumen visual Peserta Kajian 06



Universiti of Malaya

Apendiks 10:

Dokumen Visual Peserta Kajian 07



University of Malaya